Potostat

21/23

- Liyana

Tunku - Idealisme Dalam Kenangan

YUSOF HARUN

TUNKU - IDEALISME DALAM KENANGAN

Cetakan Pertama Jun 1991

© Hakcipta Yusof Harun

ISBN 893-896-000-4

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, gambar-gambar dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk atau dengan apa cara pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada PENULIS.

Diatur huruf oleh Intisari Sekutu (M) Sdn. Bhd.
MukaTaip Teks: Palatino
Saiz Taip Teks: 11/13

Penerbit:
Yayasan Bumiputra Pulau Pinang
31, Tingkat 3, Jalan Selat,
Taman Selat,
Butterworth 12000,
PULAU PINANG

m
923.2595
DRP.4

571771

11 DEC 1991
Perpustakaan Negara

ISTIMEWA UNTUK ISTERIKU, NORIZAN IBRAHIM
DAN ANAK-ANAKKU, ARIF MUZAFFAR DAN FARAH
MAZNAH SERTA
SEMUA GENERASI MALAYSIA
YANG TELAH HIDUP,
YANG SEDANG HIDUP,
DAN YANG AKAN HIDUP
DALAM WARISAN TUNKU

ISI KANDUNGAN

SEKAPUR SIRIH (TUNKU YANG SAYA KENALI)

		MUKA SURAT
1.	SECEBIS KISAH BANGSAWAN	... 9
2.	LAHIRNYA SEORANG LEGENDA	... 14
3.	TUNKU AWANG JAUH DI RANTAU	... 32
4.	BERMULANYA SEBUAH PERJALANAN	... 45
5.	TUNKU DI ZAMAN JEPUN	... 67
6.	KRISIS MALAYAN UNION	... 77
7.	TUNKU BERTEMU TUN RAZAK	... 82
8.	TUNKU MASUK POLITIK	... 95
9.	TUNKU YANG DIPERTUA	...105
10.	TUNKU MELOBI DI LONDON	...124
11.	PILIHANRAYA UMUM PERTAMA	...154
12.	YTM TUNKU KETUA MENTERI	...165
13.	PERTEMUAN DI BALING	...176
14.	MERDEKA	...182
15.	TUNKU DAN AZIZ ISHAK	...196
16.	1957 - 1963	...207
17.	PENUBUHAN MALAYSIA	...218

18. SINGAPURA BERPISAH DARI MALAYSIA ... 230

19. TEKS UCAPAN TUNKU BERHUBUNG DENGAN PERPISAHAN SINGAPURA DARI MALAYSIA ... 243

20. 1969 - PILIHANRAYA TERAKHIR BUAT TUNKU ... 250

21. TRAGEDI 13 MEI ... 264

22. MAHASISWA DAN PERISTIWA 13 MEI ... 275

23. TUNKU BERSARA ... 280

24. ANTARA TUNKU DAN DR. MAHATHIR ... 285

25. MERINTIS JALAN PERDAMAIAN ... 296

26. PERJALANAN TERAKHIR ... 309

27. TAKZIAH UNTUK TUNKU ... 313

KATA-KATA ALUAN



Saya merasa bangga kerana/diberikan peluang untuk menulis sepatah dua kata bagi buku TUNKU - IDEALISME DALAM KENANGAN yang telah ditulis oleh Yusof Harun. Selanjutnya saya merasa lebih bangga lagi kerana penerbitan buku ini dapat dikaitkan dengan UMNO Pulau Pinang khususnya dan kerajaan Negeri ini amnya.

Sungguhpun YTM Almarhum Tunku bukanlah anak watan Pulau Pinang, namun sejarah hidupnya malah sejarah kerabat di Raja Kedah, memang mempunyai kaitan yang rapat dengan Pulau Pinang. Kita tentu masih ingat bagaimana Sultan Kedah pernah menyerahkan Pulau Pinang kepada Francis Light di satu masa yang silam sehingga pulau ini menjadi salah sebuah dari negeri-negeri Selat yang diletakkan secara langsung di bawah pemerintahan Kerajaan Inggeris.

Sewaktu Almarhum YTM Tunku di zaman kanak-kanak, beliau sering berkunjung ke sini sama ada untuk bersiar-siar ataupun kerana menempah baju dari tukang jahit Inggeris yang terkemuka. Di alam dewasanya, ketika mengahwini seorang gadis Inggeris yang menjadi buah hatinya ketika beliau menuntut di England, Almarhum YTM Tunku telah tinggal di Pulau Pinang untuk seketika kerana tidak mahu perkahwinan tersebut diketahui oleh kerabat di Raja Kedah. Kemudian, setelah bersara dari menjadi Perdana Menteri Malaysia yang pertamaTunku boleh dikatakan telah bermastautin di negeri ini walaupun adakalanya beliau berulang-alik ke Kuala Lumpur.

Sungguhpun datuk nenek Almarhum merupakan orang yang bertanggungjawab menyerahkan Pulau Pinang ke tangan British, namun akhirnya seolah-olah seperti menebus satu kesilapan masa silam, Tunku telah berjuang dengan mengorbankan usia dan kerjayanya di dalam perkhidmatan awam dan kemudiannya di dalam perkhidmatan undang-undang hanya semata-mata untuk mengembalikan kedaulatan, bukan sahaja Pulau Pinang malah seluruh Tanah Melayu ke tangan orang Melayu.

Justeru itu, memang sudah sepatutnya kita meletakkan nama beliau sebaris dengan para pejuang kemerdekaan seluruh dunia.

Buku 'Tunku - Idealisme Dalam Kenangan' sesungguhnya adalah sebuah buku biografi yang penting bukan sahaja kepada rakyat Pulau Pinang tetapi kepada rakyat Malaysia keseluruhannya.

Ia mencatitkan riwayat negarawan ulung ini dari awal hidupnya hinggalah beliau meninggal dunia pada 6 Disember 1990.

UMNO Pulau Pinang dan juga Kerajaan Negeri amat berbesar hati dan bangga kerana dapat memberi sumbangan dalam usaha-usaha merakamkan hidup Almarhum YTM Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj.

Sebagai pengakhir kata, adalah menjadi harapan saya agar buku ini menjadi bukan sahaja satu sumbangan, malah sebagai satu cenderamata kepada suluruh rakyat Malaysia. Moga-moga sejarah kehidupan Tunku dan jasa-jasanya menjadi kenangan abadi kepada seluruh generasi Malaysia masa kini dan juga masa-masa akan datang.

Terima kasih.

Dr. Ibrahim Saad
Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang
Merangkap Pengerusi Yayasan Bumiputra Pulau Pinang

GUGURNYA SEBUTIR MUTIARA

Kadang-kadang saya pernah ditanya: "Andaikata awak dikehendaki menjalani seluruh hidup ini semula, apakah awak akan mengubah segala-galanya atau hanya mengubah sebahagian darinya sahaja?"

Saya tidak akan mengubah banyak perkara. Kecuali mungkin saya akan lulus peperiksaan Bar saya dalam jangkawaktu yang lebih awal. Tapi menoleh kembali, sekiranya saya lebih berjaya ketika masih muda, saya sudah tentu tidak akan menimba pengalaman yang telah saya gunakan dalam perjuangan kemerdekaan dan apabila saya menjadi Ketua Menteri (dalam tahun 1955) dan Perdana Menteri (dalam tahun 1957) untuk tempoh selama 15 tahun.

Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj



Penulis sewaktu itu bertugas dengan akhbar Watan, milik Tan Sri Khir Johari, sedanng menemuramah Tunku di kediaman Tunku di Kuala Lumpur pada tahun 1978.

Sekapur Sirih

TUNKU YANG SAYA KENALI

PADA MALAM RABU 5 Disember 1990, bersamaan dengan 18 Jamadil-Awal 1411, saya sedang memandu dari Ipoh ke Kuala Lumpur. Bulan yang beberapa malam terdahulu mengambang penuh kelihatan seakan-akan suram di sebalik banjaran-banjaran bukit.

Di Kuala Lumpur, pada malam itu, Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, yang sejak dua atau tiga tahun kebelakangan itu sering mendapat liputan di akhbar-akhbar tempatan telah dikejarkan ke Unit Rawatan Intensif Hospital Besar Kuala Lumpur.

Oleh kerana kereta saya tidak mempunyai radio, maka sudah tentulah berita tersebut tidak sampai ke pengetahuan saya pada malam tersebut. Meskipun demikian, sekiranya berita kegeringan Tunku itu saya ketahui, ia sudah pasti tidak memberikan apa-apa kejutan kerana sebelum itupun Tunku sering keluar masuk hospital.

Berita tentang Tunku sedang berada dalam keadaan kritikal akibat pendarahan usus yang tidak henti-henti mula saya terima sebaik sahaja saya tiba di Kuala Lumpur pada malam itu. Pada pagi berikutnya, sudah ada khabar-khabar angin yang mengatakan bahawa Tunku telah kembali ke Rahmatullah. Di samping itu, ada pula mereka yang mendakwa bahawa cahaya bulan yang memancarkan warna kekuning-kekuningan sejak beberapa malam terdahulu adalah merupakan satu fenomena yang luar biasa.

Sesungguhnya menurut mereka, keadaan yang luar biasa itu adalah petanda bahawa negara akan ditimpa sesuatu peristiwa yang menyedihkan.

Saya tidak pula cuba mengesahkan hakikat ini ataupun sama ada bulan yang mengambang pada malam sekitar 15 Jamadil Awal itu benar-benar memancarkan cahaya kekuningan yang luar biasa. Begitupun, pada malam 17 Jamadil Awal, berakhirlah riwayat sebuah purnama yang buat sekian lamanya tenggelam timbul di celah-celah langit politik Malaysia.

Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj sesungguhnya telah pergi untuk mengadap Illahi. Mereka yang menyanjung tinggi ketokohan dan sumbangannya terhadap agama, bangsa dan negara akan menjadikan semua itu sebagai satu pedoman di masa-masa akan datang. Mereka yang mengingati beliau sebagai seorang tokoh pejuang nasionalisme Melayu di zaman-zaman negara sedang mencari-cari satu formula untuk melepaskan diri dari belenggu penjajah akan menjadikan Tunku sebagai 'Tugu Bakti' yang akan menjadi kebanggaan negara buat selama-lamanya.

Bila mengenang kembali kisah Tunku, saya teringat sebuah novel klasik Mark Twain, 'The Prince and the Pauper' yang mengisahkan perihal seorang putera raja meninggalkan segala kemewahan istana untuk hidup seperti seorang rakyat kebanyakan

Memang benar Tunku tidak pernah meninggalkan kemewahan istana. Begitupun Tunku pernah meninggalkan istana untuk berjuang bersama-sama rakyat. Perjuangan yang memakan masa hampir setengah abad ini bolehlah dikatakan bermula sejak Tunku berserta dengan (Tan Sri) Khir Johari dan (Tan Sri) Senu Abdul Rahman terlibat dalam memberikan bantuan kepada para buruh paksaan 'Death Railway' yang berjaya melarikan diri mereka dari Thailand. Bermula dari sini, perjuangan serta sumbangan Tunku tidak putus-putus ibarat sebatang sungai yang tidak kunjung dilanda kemarau.

Memang benar, Dato' Onn bin Jaafarlah anak watan Melayu yang telah memikul tanggungjawab mengasaskan UMNO dan menggagalkan usaha kerajaan British untuk menubuhkan Malayan Union. Tapi kita juga harus akur kepada hakikat bahawa Tunkulah orangnya yang telah bersusah-payah dan berusaha membawa negara ini menuju ke arah kemerdekaan yang sepenuhnya. Be-

liaulah yang telah membuat keputusan menukarkan slogan 'Hidup Melayu' kepada 'Merdeka'.

Tunku pernah merakamkan penderitaan yang menyebabkan dia mengambil keputusan untuk keluar berjuang:

> *One night it rained heavily and the roof leaked so badly that I had to shove my bed from one end of the room to another. It was then that I vowed that I would drive the British out.*

Begitulah pengalaman Tunku. Walaupun beliau sanggup menanggung derita perjuangan, namun Tunku tetap juga merupakan seorang putera raja. Bezanya cuma putera raja itu sanggup mengenepikan kedudukannya dan turun sebagai seorang pejuang bangsa. Tunku yang diberi penghormatan oleh sejarah sebagai orang yang telah menjuruterai kemerdekaan negara ini, yang melahirkan idea penubuhan Malaysia dan merupakan Perdana Menteri Malaysia pertama tidak pernah memikirkan tentang pangkat, darjat dan malah juga populariti walaupun beliau memang cukup popular dan terkenal di kalangan masyarakat Malaysia dalam semua generasi. Bagi Tunku, setelah menunaikan semua tanggungjawabnya sebagai seorang yang telah membawa negara dan bangsanya merdeka, biarlah beliau menjadi 'The Happiest Prime Minister in the World'.

Sebagai tokoh yang terus aktif dalam politik walaupun dalam usianya yang sudah begitu lanjut, Tunku sudah tentulah tidak sunyi dari menerima berbagai kritikan dari pelbagai pihak. Antara kritikan-kritikan tersebut termasuklah dakwaan yang mengatakan kononnya Tunku mengamalkan cara kehidupan Barat yang bertentangan dengan budaya Melayu dan mengambil sikap anti-UMNO dan anti-pembangunan terutamanya pembangunan orang Melayu dan sentiasa menitikberatkan hal-ehwal mereka yang berketurunan Cina.

Sama ada tuduhan-tuduhan ini benar atau pun sengaja digembar-gemburkan oleh media massa terutama sejak beberapa tahun kebelakangan ini terpulanglah bagi sesaorang individu menilai dan menentukannya.

Bagi saya pula, sebagai seorang wartawan politik, sudah tentu sahajalah saya mempunyai pendekatan dan penilaian saya yang

tersendiri. Dan pendekatan dan penilaian tersebut tentulah tidak boleh terikat kepada sebarang kepentingan ataupun sikap yang memihak-mihak.

Saya memang mengakui bahawa saya tidak pernah mengenal Tunku secara rapat apatah lagi secara peribadi. Kalau ada pun pengalaman saya bertemu Tunku, itupun kira-kira 15 tahun yang silam ketika saya masih lagi menjadi seorang wartawan junior di Watan. Tapi sekiranya ini menjadi ukuran bagi seseorang menulis biografi seorang tokoh, maka sudah tentulah tidak ada orang yang menulis tentang biografi orang lain kecuali orang yang mereka kenali atau sahabat-sahabat yang rapat sahaja.

Meskipun ketika saya berkhidmat dengan akhbar 'Mingguan Kota' saya tidak lagi menemui Tunku namun, nama Tunku bukanlah sesuatu nama yang sekadar disebut bila ada orang memperkatakan tentang kemerdekaan Tanah Melayu sahaja. Hampir setiap hari ada sahaja surat ataupun rencana yang sampai ke meja saya berkaitan dengan Tunku sama ada dari pihak yang pro-beliau ataupun sebaliknya. Malah rencana yang ditulis sendiri oleh Tunku juga selalu sampai di meja saya.

Saya masih ingat suatu hari ketika saya sedang menulis 'rencana pengarang' apabila pintu bilik pejabat saya diketuk dan Dahlan Maamor, salah seorang dari wartawan Mingguan Kota datang menemui saya.

"Dah siap lead story?" tanya saya kepada Dahlan sebaik sahaja dia masuk dan mengambil tempat duduk di hadapan saya.

Dahlan tidak terus menjawab. Di tangannya, saya perhatikan dia sedang memegang buku 'UMNO Selepas Mahathir' yang saya hadiahkan kepadanya beberapa hari terdahulu.

"Dah baca buku saya?" tanya saya lagi tanpa menunggu jawapan soalan pertama tadi.

"Nampaknya Encik Yusuf ada tulis pasal tiori `RAHMAN' dalam buku ini," jawab Dahlan sambil menudingkan jari telunjuknya ke arah buku tersebut yang sudahpun diletakkannya di atas meja.

"Oh. Tiori itu... Kenapa dengan tiori itu? tanya saya sambil terus menyemak rencana di hadapan saya.

"Sebenarnya ada tiori baru lagi dari tiori `RAHMAN'ni, Encik Yusuf," jelas Dahlan.

"Maksud you?"

"Tunku ada bagi tahu saya. Dia harap tiori RAHMAN akan jadi tiori RAHMAT."

Begitulah cerita Tunku yang sentiasa mengalir di meja saya. Sebenarnya selama saya menjadi Editor akhbar tabloid 'Mingguan Kota', tidak pernah walau sekalipun saya menghadapi masalah untuk mendapat sebarang berita ataupun komen daripada Almarhum Tunku. Walaupun saya jarang sekali menemui Tunku untuk mengadakan interbiu dan sebagainya,namun gambaran yang diberikan oleh wartawan-wartawan saya sudah cukup untuk membuktikan bahawa Tunku sebenarnya seorang tokoh terpenting negara yang sentiasa menganggap dirinya 'approachable'.

Di dalam masa dua tahun sebelum Tunku kembali ke Rahmatullah, hubungan Almarhum dengan Mingguan Kota bolehlah dikatakan sebagai agak cukup erat dan istimewa. Selain dari membuat komen yang disiarkan oleh akhbar ini, Tunku juga turut menyumbangkan rencana-rencana yang menyatakan pandangan beliau terhadap keadaan politik ketika itu. Almarhum Tunku yang ketika itu masih lagi berjuang dalam gagasan politik yang dipercayainya sebagai benar berkesempatan menggunakan akhbar-akhbar kecil untuk merakamkan hasratnya itu. Ini kerana akhbar-akhbar harian yang dulunya menyokong Tunku, tatkala Almarhum masih berada di tampuk kuasa, bukan sahaja enggan menyiarkan rencana-rencana Tunku malah turut menghentam beliau. Ada kalanya, menurut Tunku, akhbar-akhbar tersebut menyelewengkan berita ataupun kenyataan yang dibuat olehnya.

Namun demikian, sungguhpun pihak akhbar-akhbar harian tidak begitu jujur dalam menyiarkan berita mengenainya, menurut Tunku, beliau tetap melayan para wartawan sebagaimana yang beliau lakukan ketika menjadi Perdana Menteri dulu.

Bagaimanakah cara Tunku melawan para wartawan?

Barangkali tidak ada orang yang lebih layak menjawab soalan ini selain dari tokoh wartawan negara sendiri iaitu Dr. A. Samad Ismail yang menulis:

Pemberita-pemberita yang tahu sifat Almarhum jarang menghampakan mereka, segera mengadu kepadanya dan dengan muka sedih serta hampa menceritakan kepada Almarhum betapa mereka akan di'bully' oleh 'news editor 'masing-masing, kalau mereka

tidak mendapat berita yang mereka kehendaki itu.

"Heh... Heh... Heh...," Tunku akan tertawa mendengar cerita sedih mereka. Akhirnya `ghurkha-ghurkha' itu berjaya mendapat maklumat yang *mereka kehendaki dari Almarhum.*

Begitulah rapatnya Almarhum Tunku dengan para wartawan. Sifat setiakawannya yang ditunjukkan oleh Tunku di zamannya terus berkekalan di waktu-waktu akhir hayatnya.

Memang benar bahawa orang-orang yang tidak pernah bercakap dengan Tunku akan mengatakan Tunku sudah nyanyuk dan sebagainya. Pertimbangan seperti ini ataupun kesimpulan yang mendadak ini dibuat kerana usia yang sudah begitu lanjut. Tetapi hakikat yang sebenarnya bagi para wartawan yang sentiasa mendampingi beliau di dalam tempoh dua atau tiga tahun sebelum beliau mangkat, mereka akur bahawa pandangan Almarhum memang cukup bernas dan dibuat bukan atas dasar 'spontaneous reaction' tetapi lebih merupakan kupasan pemikiran beliau.

Siapakah yang dapat menyangkal hakikat bahawa ketika Almarhum masih hidup pengalamannya terutamanya dalam medan politik mengatasi pengalaman mana-mana ahli politik masa kini. Saya yakin ada tarikh-tarikh penting dalam sejarah negara yang dilupai oleh kebanyakan orang tapi bagi Tunku beliau tetap mengingati tarikh-tarikh ini tanpa membuat sebarang rujukan kepada mana-mana buku ataupun diari.

Pengalaman saya sendiri ketika menemuramah Tunku semasa saya masih berkhidmat di Watan dulu dan semasa bertugas di Mingguan Kota menunjukkan bahawa kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh Almarhum tidak pernah menyeleweng dari soalan yang dikemukakan. Setiap soalan yang dikemukakan akan dijawab oleh beliau dengan tepat.

Begitulah Tunku yang saya kenali dari sudut pandangan seorang wartawan. Dan hasil dari sudut pandangan serta pendekatan ini, maka lahirlah buku biografi yang saya beri judul 'Tunku - Idealisme Dalam Kenangan'ini.

Sebenarnya ilham untuk menghasilkan sebuah biografi Tunku ini memang telah saya fikirkan sejak beberapa tahun yang lalu. Bahkan saya telahpun mengumpulkan bahan-bahan dan membuat penyelidikan berkaitan dengan penulisan buku ini. Tapi oleh

kerana ketika itu Tunku masih lagi hidup maka saya kira tidak elok atau sesuai sekiranya saya mengeluarkan biofrafi tersebut. Ini kerana selama hayat Tunku, ramai para penulis sama ada tempatan ataupun luar negeri yang telah menulis biografi beliau menurut rangkamasa-rangkamasa tertentu. Namun Tunku tetap hidup mengatasi kesemua biografi-biografi itu. Hakikat ini sudah tentulah menyebabkan biografi-biografi tersebut kurang lengkap untuk dijadikan sebagai sebuah bahan rujukan yang berwibawa mengenai tokoh negara yang terpenting ini.

Saya mengakui bahawa 'Tunku - Idealisme Dalam Kenangan' juga bukanlah sebuah biografi perjalanan hidup Tunku - sama ada kehidupan peribadinya mahupun kehidupan politiknya yang seratus peratus lengkap. Ini kerana tidak mungkin bagi mana-mana penulis menghasilkan sebuah biografi yang lengkap bagi seorang negarawan yang hidupnya merangkumi hampir satu abad dalam masa yang singkat.

Begitupun karya biografi Tunku yang merangkumi kehidupan beliau, malah sebelum beliau dilahirkan lagi sehinggalah Almarhum menghembuskan nafasnya yang terahir telah siap tercatat dan diabadikan di dalam buku ini.

Saya sengaja memilih judul buku ini sebagai 'Tunku - Idealisme Dalam Kenangan' kerana itulah sebenarnya ciri-ciri hidup Tunku sepanjang hayat beliau. Idealisme-idealisme Tunku memang banyak. Ini termasuklah melihat orang Melayu bersatu, mewujudkan perpaduan antara kaum yang menjadi rakyat negara ini, memerdekakan tanah air dari penjajah, menubuhkan sebuah negara yang lebih besar dari Persekutuan Tanah Melayu dan melihat satu perlaksanaan sistem demokrasi yang sempurna menurut hematnya. Ada di antara idealisme-idealisme Almarhum yang sudah menjadi kenyataan. Dan sebahagian pula darinya masih tinggal sebagai idealisme sehinggalah akhir hayatnya.

Buku biografi yang terhasil kini juga tentulah akan terus menjadi satu idealism seorang wartawan politik sekiranya tidak disertai dengan sokongan dan bantuan rakan-rakan, individu-individu serta pihak-pihak tertentu.

Sehubungan dengan itu, saya mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada beberapa orang tokoh politik veteran yang sezaman dengan Tunku dan yang telah sudi membaca manuskrip

asal biografi ini dan membuat komen-komen dan cadangan-cadangan. Penghargaan yang sama juga turut saya panjangkan kepada Datuk Nik Hassan dan Datuk Abdul Aziz Ahmad yang turut meluangkan masa untuk menjawab beberapa soalan berkaitan dengan pengalaman mereka ketika bersama dengan Tunku.

Saya juga mengucapkan terima kasih yang tak terhingga ke pada Saudara B.H. Amir yang telah mengedit keseluruhan manuskrip ini dan wartawan-wartawan 'Mingguan Kota' yang telah membantu dalam melakukan penyelidikan-penyelidikan awal termasuk menemuramah Almarhum YTM Tunku ketika hayat beliau. Saya juga turut rasa terhutang budi kepada rakan-rakan serta badan-badan yang telah bekerjasama dalam memberikan apa jua bahan-bahan atau sumbangan-sumbangan dalam apa jua bentuk bagi memudahkan saya menyiapkan biografi ini. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Arkib Negara, kerana membantu usaha saya ini.

Bagaimanapun, sekiranya ada apa-apa kesilapan yang terlepas dari perhatian saya, maka itu adalah merupakan tanggungjawab saya semata-mata.

Akhir sekali, izinkanlah saya memetik kata-kata Almarhum Tunku yang tercatat di dalam bukunya 'Something to Remember': *"...it has not been easy to record events for this generation and for the generation to come. It is the future generations that will really benefit.."*

Yusof Harun
2 April 1991

Satu

SECEBIS KISAH BANGSAWAN

Kita pun tua, sahabat-sahabat juga tua. Kita barangkali tak pernah muda.

Garis Hidup
Abu Al-Atahiyah

DALAM TAHUN 1902, kira-kira setahun sebelum Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj dilahirkan, seorang pegawai istana telah tampil mengadap Duli Yang Maha Mulia Sultan Abdul Hamid Shah, Sultan dan Yang DiPertuan bagi negeri Kedah serta jajahan takluknya.

"Ampun Tuanku, patik ada membawa satu perkhabaran yang buruk. Ada pun Penyimpan Mohor DiRaja telah berlaku curang terhadap kerjaan Tuanku. Ampun Tuanku."

"Curang? Tapi bagaimana?" tanya baginda.

"Ampun Tuanku. Ceritanya begini. Adapun memanda Penyimpan Mohor telah menggunakan Mohor DiRaja Tuanku itu untuk menjual tanah-tanah di negeri Kedah ini dan wang hasil dari jualan tanah-tanah itu diambil olehnya. Begitulah Tuanku adanya duduk perkara," jelas pegawai istana itu.

Dengan perasaan yang sungguh murka, baginda Sultan pun bertitah. "Kalau begitu, baiklah. Beta akan menyiasat perkara ini sehingga ke akar umbinya. Dan kalau benar seperti apa yang dikatakan oleh kamu, beta tidak akan teragak-agak untuk menjatuhkan hukuman yang seberat-beratnya."

Setelah satu siasatan yang lengkap dan rapi diadakan, maka terbuktilah bahawa Penyimpan Mohor DiRaja negeri Kedah ketika itu memang benar-benar melakukan pecah amanah seperti yang didakwa oleh pegawai istana itu. Dengan yang demikian sipesalah itu pun ditangkap dan dipenjarakan.

Di hari hukuman dijatuhkan baginda Sultan pun bertitah, "Kesalahan yang kamu lakukan ini bukan sahaja amat berat malah cukup memalukan beta dan juga kerajaan negeri Kedah, oleh itu beta tidak ada jalan lain melainkan menjatuhkan kamu hukuman bunuh. Dan sebagai peringatan kepada semua rakyat negeri Kedah akan kesalahan yang telah kamu lakukan itu, beta menitahkan agar ibu jari tangan kanan isteri kamu dan anak-anak kamu dipotong. Dengan hukuman ini beta harap akan menjadi contoh kepada setiap orang yang diberikan kepercayaan untuk menunaikan sesuatu tanggungjawab."

Sementara menunggu hukuman dilaksanakan, Penyimpan Mohor DiRaja Kedah itu telah dipenjarakan. Dalam pada itu, isteri dan anak-anaknya berasa begitu pilu dan hiba sekali dengan keputusan baginda Sultan itu. Setiap hari isterinya menangis mengenangkan nasib yang bakal menimpa. Akhirnya setelah hari yang ditetapkan semakin tiba, siisteri pesalah itupun memohon untuk bertemu isteri kesayangan baginda Sultan, Makche Manjelara.

Setelah permintaan itu diperkenankan, maka pergilah isteri Penyimpan Mohor DiRaja itu bertemu dengan Makche Manjelara.

"Tolonglah hamba wahai Makche Manjelara, sekiranya suami hamba dihukum bunuh, dimanakah hamba sekeluarga hendak bergantung hidup. Dan kiranya ibu jari hamba dan anak-anak hamba ini dipotong, bukan kepalangnya kami terpaksa menanggung aib seumur hidup," rayu siisteri itu dengan segala ratap tangisnya.

Manjelara bersimpati dengan nasib malang yang menimpa isteri Penyimpan Mohor itu. Tapi apakan daya, titah Sultan adalah titah Sultan. Hukuman mesti dilaksanakan demi menegakkan keadilan.

"Saya tidak berhak untuk campurtangan dalam urusan baginda Tuanku. Lagipun hukuman yang telah dititahkan oleh Tuanku memang setimpal dengan kesalahan yang telah dilakukan oleh

suami kamu itu."

Mendengar jawapan dari Manjelara itu, tahulah siisteri malang itu bahawa tidak ada harapan suaminya terlepas dari hukuman yang telah ditetapkan. Bagaimanapun dia merayu agar anak-anaknya tidak dihukum atas kesalahan yang dilakukan oleh bapa mereka.

Sebagai seorang ibu, Manjelara dapat merasakan apa yang sedang dirasakan oleh siibu. Dia berjanji akan cuba menolong sekadar yang dia terdaya.

Tidak berapa hari kemudian, setelah selesai menunaikan fardu Jumaat di Masjid Negeri yang berdekatan, tibalah giliran Sultan untuk berangkat ke rumah isteri kesayangannya, Manjelara cukup bijak untuk memilih waktu yang sesuai sekiranya dia ada sesuatu hal yang hendak diberitahu kepada baginda Sultan. Selalunya selepas waktu isyaklah masa yang paling tenteram dan tenang. Dan di malam itu setelah memerhatikan 'mood' baginda Sultan agak baik, Manjelarapun membuka bicara.

"Ampun Tuanku, ada sesuatu yang dinda ingin nyatakan pada kanda."

"Katakanlah wahai dinda. Biar kanda mendengarnya," titah baginda Sultan.

"Kekanda Tuanku, tahukah kekanda yang dinda kini..." Manjelara sengaja tidak mahu menghabiskan ayat itu sebagai strategi untuk mempertingkatkan elemen suspen.

Setelah beberapa ketika berlalu, baginda pun bertitah, "Katakanlah sahaja, dinda."

"Kekanda Tuanku, dinda kini sedang berbadan dua," jelas Manjelara.

"Apa benarkah begitu, dinda? tanya baginda Sultan dengan wajah yang berseri-seri.

Manjelara terangguk-angguk manja.

"Syukur Alhamdulillah. Dinda tahu tak betapa gembiranya hati kanda mendengar yang kita bakal dianugerahkan dengan seorang lagi cahaya mata.

"Adinda juga turut bersyukur kerana kekanda gembira. Tapi... Ampun kekanda Tuanku. Dinda bimbang kalau-kalau..."

"Kalau-kalau apa wahai dinda?"

Manjelara tidak terus menjawab. Selepas beberapa ketika berlalu barulah dia memberi penjelasan. "Dinda bimbang kalau-kalau anak yang bakal dinda lahirkan nanti ini tidak memiliki sifat-sifat lahiriah yang sempurna.

"Apa maksud dinda?" tanya baginda Sultan dengan sedikit kehairanan.

Sekali lagi Manjelaramembiarkan seketika berlalu sebelum meneruskan bicaranya.

"Ampun Tuanku. Bukanlah hajat dinda untuk mencampuri urusan Tuanku... Tapi dinda takut kalau-kalau bayi ini nanti akan kodong jari atau tangannya, Ampun kekanda Tuanku."

Penjelasan Manjelara itu memberikan dua kesan spontan yang besar kepada baginda Sultan. Pertama, sementara baginda gembira dengan berita yang baru didengarnya itu, namun baginda tak sanggup melihat bayinya lahir dalam keadaan yang tidak sempurna sifatnya. Dan kedua, beliau tak mahu isterinya memikirkan yang bukan-bukan dalam tempoh beliau hamil.

Dengan wajah yang mempamerkan sedikit kegelisahan, baginda Sultanpun bangkit dari tempat peraduan meninggalkan isterinya yang ayu dan mendebarkan kesaorangan di situ. Dengan langkah yang perlahan dia menapak ke jendela dan melemparkan pandangannya jauh ke dalam kedamaian malam.

Di langit sekumpulan bintang-bintang seakan-akan sedang bergemelapan. Dan purnama pula menumpahkan cahayanya ke seluruh bumi Kedah.

"Dinda," baginda Sultan tiba-tiba memecahkan kesunyian yang berlanjutan buat seketika tanpa menoleh ke arah isterinya yang masih terbaring di peraduan. "Usahlah dinda berasa gundagulana. Esok nanti, kanda akan menitahkan supaya hukuman bunuh yang kanda jatuhkan itu dibatalkan dan digantikan dengan hukuman penjara sahaja. Tentang hukuman kepada keluarganya itu, biarlah dibatalkan tanpa diganti dengan lain-lain hukuman."


Dengan titah baginda pada malam itu maka terselamatlah si Penyimpan Mohor Kerajaan itu dari dihukum mati dan terselamatlah juga isteri dan anak-anaknya dari menerima padah akibat jenayah yang kini kita panggil CBT atau jenayah pecah amanah yang dilakukan olehnya.

Sungguhpun dialog di antara Sultan Abdul Hamid dengan Manjelara ini bukanlah dialog yang sebenarnya kerana tidak mungkin ada sesiapa yang mengetahui akan dialog yang sebenarnya, namun cerita ini adalah merupakan secarik kisah yang benar-benar berlaku dan pernah diceritakan oleh Tunku. Namun apa yang tidak benar ialah hakikat bahawa Manjelara sedang hamil ketika itu.

Begitupun, tidak lama selepas peristiwa itu, Manjelara pun menghamilkan seorang bayi. Bayi inilah kelak yang akan lahir dan bakal menjadi 'Bapa Kemerdekaan' dan legenda kepada sebuah bangsa yang bernama Melayu.








Wajahnya sentiasa tenang, sekalipun hidupnya sejak kecil dilanda dengan berbagai cabaran.



Tunku merupakan orang Melayu dan tokoh negara pertama yang mendapat tempat di kulit majalah antarabangsa 'Times' (Gambar kulit majalah 'Times' edisi 12 April 1963).



Tunku ketika berumur 25 tahun.




Tunku ketika berumur 43 tahun.



Tunku ketika merasmikan pembukaan Stadium Merdeka (1957).




Tunku memegang ijazah yang diperolehinya dari St. Catherine, Cambridge, 1925.



Sedang membaca.

23






Walaupun dalam usianya yang telah sudah begitu lanjut serta keadaan kesihatan yang semakin buruk, Tunku tetap berusaha memberikan pandanngannya terhadap keadaan politik negara.



Tunku di bilik pejabat pertama Ketua Menteri.



Tunku sebagai seorang penulis.



Mengenang kembali zaman yang telah berlalu.

Dua

LAHIRNYA SEORANG LEGENDA

Sepanjang tempoh perkhidmatannya yang begitu panjang dan menarik itu, Tunku kekal menjadi rakan baik Britain dan Komanwel.

John Major
Perdana Menteri British

SUASANA YANG MENYELUBUNGI kelahiran Tunku pada 8 Februari 1903 adalah amat berbeza dengan kemangkatan beliau pada 7 Disember 1990. Kalau kemangkatan beliau mendapat liputan media yang meluas di dalam negeri dan disebut oleh kesemua akhbar harian negara-negara pertubuhan Komanwel, tetapi tidak dengan kelahirannya.

Kepada para petani yang membanting tulang di bendang masing-masing, kelahiran Tunku merupakan tidak lebih dari kelahiran seorang lagi putera lelaki kepada Sultan Abdul Hamid Shah yang kebetulan menjadi Sultan mereka. Dan bagi kebanyakan rakyat Malaya, mereka tidak tahu langsung akan kelahiran tersebut kerana peristiwa itu bukanlah satu peristiwa penting sebagaimana kelahiran Ratu Elizebeth, dan kemudiannya Putera Charles yang bakal mewarisi takhta kerajaan Inggeris ataupun kelahiran Putera Akihito yang akan mengambil alih gelaran 'Maharaja Jepun' di satu masa kelak.

Kelahiran Tunku menjadi semakin tidak penting lagi apabila kita mengambil kira bahawa Sultan Abdul Hamid Shah, Sultan

ke-24 bagi negeri

Kedah yang berusia 39 tahun dan telah menaiki takhta selama 21 tahun sudahpun ketika itu mempunyai sejumlah putera-puteri yang ramai hasil perkahwinannya dengan beberapa orang isteri.

Di awal abad-20 ciri-ciri kehidupan feudalistik memang masih menebal lagi di kalanganRaja-raja Melayu. Justeru itu adalah lumrah bagi seseorang Sultan itu memiliki lebih dari seorang isteri. Malah ada yang mempunyai ramai isteri.

Dan di antara para Sultan yang mengamalkan kehidupan poligami ini, ayahnda Tunku, Sultan Abdul Hamid adalah tidak terkecuali. Menurut catatan sejarah baginda memiliki sejumlah lapan orang isteri di dalam beberapa peringkat hidupnya sehinggalah baginda mangkat dalam tahun 1943 ketika berusia 79 tahun. Dari perkahwinan-perkahwinan ini baginda dikurniakan dengan sejumlah 45 orang putera dan puteri dan 92 orang cucu cicit.

(Tunku sendiri adalah merupakan putera Sultan Abdul Hamid yang kedua puluh.) Ketika Tunku dilahirkan, pasangan ibunya dan Sultan Abdul Hamid sudahpun dikurniakan dengan tiga orang putera yang mana seorang daripadanya meninggal dunia ketika semasa dilahirkan dan juga tiga orang puteri.)Oleh itu Tunku adalah merupakan anak yang ketujuh kepada pasangan DiRaja tersebut yang bakal dianugerahkan dengan enam orang anak lagi sehinggalah beliau meninggal dunia pada bulan April 1941. Begitupun anak terakhir sekali yang dilahirkan oleh Manjelara ialah pada tahun 1912.

Bagi yang berpeluang mendampingi Tunku semasa Almarhum masih hidup, mereka sudah tentulah dapat memerhatikan betapa uniknya warna kulit Tunku. Ini kerana darah yang mengalir ditubuh Almarhum merupakan campuran dari darah India, Melayu, Siam dan Burma.

Ibu Tunku, Makche Manjelara yang juga disebut sebagaiChe Manjelara atau Manjelara sahaja adalah sebenarnya keturunan rakyat biasa Siam. Datuk nenek Luang Nara Boriraks, bapa Manjelara adalah berasal dari Pegu, Burma. Tapi Luang Nara Boriraks adalah merupakan rakyat Siam. Beliau pernah memegang jawatan Governor wilayah Meaung Nontaburi, sebuah wilayah kecil Siam. Pusat pentadbiran wilayah ini yang dikenali dengan

nama Park-Kret terletak kira-kira sejam perjalanan ke utara metropolitan Bangkok.

Menurut catatan sejarah, Manjelara telah datang ke Kedah semasa beliau masih kecil lagi dan menjadi anak angkat kepada Sultan Ahmad Tajuddin. Beliau telah dipelihara dan diasuh oleh Tenku Harimah, iaitu adida kepada Sultan Ahmad. Setelah remaja, Tenku Harimahlah yang bertanggungjawab mengaturkan segala urusan agar Manjelara bernikah dengan pewaris Sultan yang berikutnya, iaitu Tunku Abdul Hamid.

Pernikahan diantara Sultan Abdul Hamid dengan Manjelara berlangsung dalam tahun 1887. Ketika itu Manjelara baru sahaja berusia 19 tahun sementara baginda Sultan pula baru berusia 23 tahun dan sudahpun mempunyai lima orang isteri.

Sebagaimana yang dinyatakan,Tunku adalah merupakan putera yang ketujuh dari hasil perkongsian hidup Sultan Abdul Hamid Shah dengan Che Manjelara. Begitupun hanya lapan sahaja daripada 12 adik beradik Tunku yang hidup hingga dewasa. Empat lagi meninggal dunia sewaktu kecil.

Tunku dilahirkan dari kalangan keluarga DiRaja Kedah yang merupakan bukan sahaja salah sebuah keluarga DiRaja yang terbesar di negara ini malah mungkin tertua jika dibandingkan dengan keluarga-keluarga DiRaja yang lain. Sejarah kesultanan Kedah merupakan satu sejarah kesultanan yang tidak putus-putus untuk tempoh lebih dari satu ribu tahun lamanya. Dan kesultanan ini dapat dikesan melalui empat orang Raja yang berketurunan Hindu dan enam belas Sultan yang beragama Islam.

Sultan ataupun 'Raja' pertama Kedah adalah Merong Mahawangsa. Merong Mahawangsa adalah putera Mongol yang berasal dari India. Ketika di dalam pelayaran menuju ke Cina untuk mengahwini seorang puteri Mongol, kapal yang dinaiki oleh Merong Mahawangsa telah dipukul ribut dam tenggelam di Selat Melaka. Bagaimanapun, di antara mereka yangterselamat dan berjaya mendarat di garisan pantai Kedah termasuklah Merong Mahawangsa yang kemudiannya diterima oleh penduduk di situ sebagai raja mereka.

Sebagai sebuah kesultanan yang mempunyai salah silah yang menjangkau tempoh masa lebih dari seribu tahun, mudah sahaja bagi saya atau sesiapa pun untuk menulis sebuah buku lagi

khusus mengenai sejarah negeri Kedah. Begitupun, saya bukanlah seorang ahli sejarah dan buku ini hanyalah merupakan singkapan sejarah seorang manusia yang berasal dari Kedah. Justeru itu pembicaraan yang panjang lebar mengenai sejarah negeri Kedah dan kesultanannya mungkin agak terkeluar dari konteks pembicaraan kita.

Tapi walau bagaimanapun, oleh kerana Tunku berasal dari Kedah dan merupakan sebahagian dari sejarah negeri tersebut, mungkin ada eloknya kita menyingkap sejarah Kedah dengan seberapa ringkas yang mungkin.

Kira-kira 2,000 tahun yang silam, sekumpulan pedagang-pedagang dari India telah belayar ke arah Timur untuk mencari rempah, kayu gaharu, gading gajah, emas dan juga barang-barang lain. Rancangan asal mereka ialah untuk berlabuh di Segenting Kera dan kemudiannya memunggahkan barang-barang dagangan itu dan mengangkatnya malalui jalan darat sebelum di muatkan semula ke dalam sebuah kapal di Pantai Timur Malaya (ketika itu hanya dikenali oleh mereka sebagai negeri orang-orang Melayu) untuk dibawa ke Cina. Tapi oleh kerana cara ini mereka dapati agak tidak praktikal, maka merekapun mula belayar lebih jauhke selatan untuk mencari jalan laut yang lain untuk ke China.

Akhirnya mereka bertemu juga jalan yang dicari-cari itu dengan membelokkan kapal mereka ke arah Timur dan belayar meyusuri perairan sebuah pulau yang tidak berpenghuni. Pulau inilah kelak di satu masa nanti, akan turut tercatat dalam sejarah hidup seorang anak raja Kedah.

Pendek kata sebaik sahaja jalan laut ke China ini ditemui, berulang-aliklah kapal-kapal dagangan dari India itu. Dan setiap kali mereka belayar memasuki Selat Melaka mereka akan melihat kemuncak sebuah gunung yang tampak jelas walaupun dari jarak kira-kira 50 kilometer. Apa yang mereka lihat itu adalah sebenarnya puncak Gunung Jerai yang kini menjadi sebagai salah satu 'landmark' bagi kapal-kapal yang belayar memasuki perairan Selat Melaka.

Tidak lama kemudian merekapun mula singgah untuk berihat di muara sungai di lereng Gunung Jerai. Lama kelamaan tempat tersebut menjadi satu penempatan Hindu yang dikenali dalam bahasa Sanskrit sebagai 'Kataha'. Ahli-ahli pelayaran dan para

pedagang Cina di zaman itu pula menggelarkan tempat tersebut sebagai 'Kietcha'. Bagi para pedagang Hindu yang singgah di situ mereka mempunyai nama yang tersendiri iaitu 'Kadaram'. Dan orang-orang Melayu kemudiannya menamakan tempat itu sebagai 'Kedah'. Nama Kedah inilah sebagaimana yang kita maklum kekal hingga ke hari ini.

Kedah yang menjadi pusat kepada kerajaan Langkasuka menjadi terkenal di dalam sejarah. Dalam kurun ke-8 apabila kerajaan Langkasuka berpindah kuasa dan menjadi kerajaan baru yang dikenali dengan nama kerajaan Sri Vijaya, Kedah masih lagi mendapat tempat yang istimewa walaupun Raja yang memerintah kerajaan tersebut tinggal dan memerintah dari Palembang (Sumatera). Justeru itu tidak hairanlah sekiranya kerajaan Sri Vijaya itu sendiri kadang-kala disebut sebagai kerajaan Kataha.

Dalam kurun yang ke-11, sekumpulan tentera dari Tanjore telah menyerang Sri Vijaya. Terdahulu dari itu mereka telahpun melancarkan serangan ke atas Ceylon, Bengal dan juga Burma. Dan ketika inilah dinasti pemerintahan Kedah sebelum dinasti kesultanan yang ada kini berakhir iaitu dengan kejatuhan Sangramavijayottungavaman, Raja Kataha. Kejatuhan raja yang namanya agak panjang itu, menandakan bermulanya pula pemerintahan Merong Mahawangsa

Dua ratus tahun kemudian Siam telah menakluki Kedah dan kekal menjajah negeri tersebut sehingga 1909 apabila hak melindungi Kedah diberikan kepada kerajaan British. Ketika ini Tunku sudahpun berusia kira-kira enam tahun.

Banyak catatan-catatan yang telah dibuat oleh ahli pelayaran dan pedagang zaman silam mengenai Kedah. Antara catatan yang agak termasyhur ialah yang ditulis oleh Alexander Hamilton, seorang pedagang Scotland yang berlabuh di Pulau Pinang hampir sekurun sebelum Francis Light. Dalam catatan yang ditulisnya dalam tahun 1700 itu, Hamilton antara lain memberikan gambaran yang negatif terhadap Sultan Kedah yang memerintah ketika itu. Sebahagian dari catatan itu saya petik seperti berikut:

> *poor, proud, and beggarly, he naver fails of visiting stranger Merchants at their coming to his Port, and then, according to Custom, he must have a Present. When the Stranger*

returns the Visit, or has any business with him, he must make him a Present, otherwise he thinks due Respect is not paid to him, and in Return of these Presents, his Majesty will honour the Stranger with a Seat near his sacred Person, and will chew a little Betel, and put it out of his royal mouth on a little gold Saucer, and send it to his Page to the Stranger, who must take it with all the signs of Humility and Satisfaction, and chew it after him, and it is very dangerous to refuse the royal Morsel.

Kita tak tahu apakah yang mendorongkan Hamilton memberikan gambaran yang buruk terhadap Sultan Kedah. Tidak mustahil kalau dikatakan bahawa gambaran tersebut diberikan akibat terpaksa memakan sekapur sirih yang telah dikunyah oleh baginda Sultan. Namun bagaimanapun kita tidak boleh memarahi Hamilton kerana beliau tidak tahu adat dan tidak tahu pula menghormati adat orang lain.

Sebagaimana yang kita maklum keluarga DiRaja Kedah merupakan salah sebuah keluarga Di Raja yang memelihara adat. Gambaran ini kita lihat ketika pertabalan Sultan Abdul Halim Muazam Shah di mana tiupan nobat masih lagi mengiringi istiadat pertabalan. Malah kita juga lihat bagaimana Tunku dimakamkan dengan penuh adat istiadat diraja Kedah.

Namun begitu, sejak dari kecil lagi Tunku telah memperlihatkan dirinya sebagai seorang yang tidak suka dikongkong oleh adat. Walaupun sebagai seorang anak raja kehidupan Tunku sepatutnya mewah, namun kemewahan di awal-awal abad ini mempunyai maksud yang berlainan. Ketika itu negara ini masih belum lagi mempunyai bekalan api dan air. Tambahan pula mutu kawalan kesihatan awam berada ditahap yang paling rendah. Akibat dari gejala-gejala ini, wabak taun dan malaria sering berlaku. Tunku mengaku bahawa ada di antaraadik beradiknya yang telah meninggal akibat diserang penyakit tersebut. Tunku sendiripun pernah diserang demam malaria sekurang-kurangnya dua kali sewaktu kecilnya.

Tunku pernah menceritakan bahawa beliau sering melihat mayat rakan-rakannya diusung kerana mati akibat diserang penyakit-penyakit yang dikatakan itu. Bagaimanapun sebagaimana

yang ditulis oleh Tunku dalam kolumnya di akhbar 'The Star' dalam tahun 1986, zaman itu merupakan zaman yang lebih menggembirakan. Menurut beliau ketika itu, 'tidak ada jenayah yang boleh dijadikan bahan perbualan, tidak ada rampasan kapalterbang, tidak ada kemalangan jalanraya, tidak ada keganasan dan pencolekan, tidak ada penyeludupan dadah kerana ketika itu terdapat banyak dadah.'

Di waktu kecilnya Tunkutinggal bersama-sama keluarganya di Istana Kota Lama. Istana ini yang juga dikenali sebagai 'Istana Tiga Tangga' adalah agak unik kerana ia bukan sahaja tidak memiliki ciri-ciri tradisional rekabentuk istana raja-raja Melayu bahkan ia juga tidak ada kena mengena dengan budaya Hindu yang begitu mempengaruhi tradisi Kedah. Istana ini berbentuk sebuah pagoda tiga tingkat. Lantai-lantainya ditutup dengan jubin berkilat yang bermotifkan naga. Menurut cerita, istana tersebut telah dibina oleh seorang tukang berbangsa Cina yang tak pandai membina bangunan berbentuk lain kecuali bentuk pagoda. Istana yang dibena kira-kira 90 tahun sebelum Tunku dilahirkan itu bagaimanapun telah dirobohkan dalam tahun 1914 kerana tapaknya telah diperuntukkan untuk rumah-rumah ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan dan juga Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah.

Nama timangan Tunku ialah Awang. Semasa kecilnya iaitu dalam usia lima tahun pertama hidupnya, Tunku hanya bermain dalam istana dengan adik beradiknya dan juga anak-anak para pekerja istana. Lagipun ketika itu Tunku tidak mempunyai daya fizikal yang kuat dan justeru tidak dapat menyertai abang-abangnya bermain bola ataupun tennis di luar istana.

Apabila usia Tunku meningkat sedikit dan keadaan fizikalnya menjadi bertambah kuat, Tunku secara tidak sedar mula mewarnai corak hidupnya sebagaimana yang dikehendaki beliau. Ketika ini tidak ada yang lebih menyeronokkan hati Tunku selain daripada meninggalkan istana dan bermain dengan kawan-kawan sebayanya yang tinggal di kampung-kampung berhampiran.

Tunku yang merupakan seorang anak raja sudah tentu mampu memiliki sepuluh pasang capal sekalipun tetapi beliau lebih gemar berkaki ayam sahaja ketika bermain. Walaupun beliau dan kawan-kawannya itu sering bermain di bawah-bawah pokok

buah-buahan dan kelapa yang terletak di pekan Alor Star, namun tempat yang menjadi tumpuan utama Tunku ialah sebatang sungai yang terletak tidak jauh dari istana.

Semasa Tunku bercampur gaul dengan kanak-kanak kampung inilah beliau menimba berbagai pengalaman termasuk pengetahun tentang burung-burung yang terdapat di negeri Kedah. Tunku belajar bagaimana cara hendak memikat Sintar Api dan kemudian menjerat burung tersebut ke dalam sangkar rotan. Bagaimanapun Sintar Api yang ditangkap oleh Tunku itu bukanlah untuk terus dipelihara di dalam sangkar melainkan untuk dimasak dan dimakan. Untuk burung belaan, Tunku pernah menangkap Merbah Bidan dan menyimpannya di dalam sangkar.

Di zaman itu hiburan menerusi media elektronik masih lagi berada di awang-awangan. Tidak ada 'Mickey Mouse' ataupun 'Donald Duck'. Di Chicago, Amerika Syarikat, Walt Disney yang dua tahun lebih tua dari Tunku pun masih baru mula belajar ABC. Oleh yang demikian, sebagai seorang kanak-kanak tentulah Tunku merasa seronok mendengar cerita-cerita yang diceritakan oleh anak-anak orang kampong yang menjadi rakan sepermainan Tunku. Dan oleh kerana burung-burunglah yang menjadi objek yang mendapat 'primary attention' maka tidak hairanlah sekiranya banyak cerita-cerita yang didengar oleh Tunku di zaman kanak-kanaknya berkisar kepada cerita-cerita burung.

Antara kisah burung yang paling diminati oleh Tunku ialah tentang misteri sejenis burung tukang yang juga dikenali sebagai 'Sepah Puteri'. Menurut ceritanya, di zaman dahulu kala apabila seseorang anak gadis yang sedang bercinta itu mahu membuktikan kasih sayangnya kepada jejaka sipilihan hati, maka dia akan mengunyah sekapur sirih dan mengirimkan sepah sirih yang terkunyah itu kepada jejaka tersebut. Alkisah, tersebutlah perihal Tuan Puteri Bulan yang telah memakan sekapur sirih dan membiarkan air sirih itu jatuh dan melimpahi bumi. Air Sirih Tuan Puteri Bulan inilah yang kemudiannya menjelma sebagai burung-burung 'Sepah Puteri.

Tunku memulakan alam persekolahannya sebaik sahaja beliau berumur lapan tahun. Ketika itu beliau dihantar ke sebuah sekolah di Alor Star yang kini dinamakan sebagai Maktab Sultan Abdul Hamid. Bagaimanapun keadaan sekolah tersebut ketika

Tunku menjadi muridnya bukanlah seperti keadaannya yang ada kini. Ketika itu Maktab Sultan Abdul Hamid adalah merupakan sebuah bangunan sementara yang dindingnya diperbuat daripada kayu dan dicat dengan warna hijau. Beberapa anak tangga dibina menghubungkan setiap pintu masuk.

Di zaman Tunku tidak ada sesiapa pun yang pernah mendengar perkataan 'tadika' dan dasar pelajaran kebangsaan serta KBSR pun masih nun jauh dimata. Oleh itu walaupun sudahberusia lapan tahun Tunku terpaksalah mempelajari ABC dan Alif, Ba, Ta. Guru yang mengajar Tunku ABC bagaimanapun seorang yang berketurunan India. Beliau menulis huruf-huruf abjad Inggeris itu di papan hitam sambil menyebut 'Yeh, bee, see, dee, yee, yef, gee, yec.' Di hari-hari Tunku mempunyai mood untuk belajar, beliau akan menuruti guru India tersebut, 'Yeh! Bee! See!' dan seterusnya.

Selain dari 'yeh bee see', tidak ada apa yang lain menarik mengenai sekolah pertama yang Tunku hadiri. Sekolah tersebut terletak di tengah-tengah bandar Alor Star. Namun bandar Alor Star ketika itu bukanlah seperti bandar Alor Star yang kita lihat hari ini. Tidak ada jalanraya yang besar melainkan dua batang jalan berturap aspal- yang satu menghala ke utara dan yang satu lagi menghala ke selatan. Di sebelah bangunan sekolah tersebut berdiri 'Balai Besar' di mana bapa Tunku atau wakil di raja mengadakan pertemuan dengan rakyat. Tidak jauh dari situ ialah Balai Nobat tempat di mana ahli-muzik DiRaja memainkan nobat mereka dan memukul gendang di majlis-majlis tertentu. Masjid Negeri, tempat di mana Sultan menunaikan sembahyang berjemaah bersama-sama rakyat juga tidak jauh dari kawasan sekolah tersebut.

Sebagai sebuah sekolah yang kecil, jumlah gurunya pun tidak ramai. Dua daripada tiga guru yang mula-mula mengajar - Master Hassan dan Master Abdul Manap adalah daripada Pulau Pinang. Sementara Guru Besar yang pertama pula ialah Master Mohamad Iskandar, bapa kepada Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Kumpulan pertama murid-murid yang menghadiri sekolah tersebut terdiri dari pelajar yang dalam lingkungan pelbagai umur. Malah, menurut Tunku ada di antara mereka yangsudah cukup dewasa untuk mendirikan rumahtangga. Antara golongan dewasa yang menuntut sama 'batch' dengan Tunku ini termasuklah

Johari, bapa kepada Tan Sri Mohamad Khir dan Syed Omar bapa kepada Datuk Syed Noh. Dalam kumpulan murid-murid tua ini, Tunku yang berumur hanya lapan tahun sudah tentulah merupakan murid yang termuda sekali ketika itu.

Sementara murid-murid lain pergi ke sekolah dengan berjalan kaki, Tunku ke sekolah dengan berkenderaan. Tetapi kenderaan yang dinaiki oleh Tunku itu bukanlah sebuah Rolls Royce Silver Spirit ataupun sebuah limousine Mercedes Benz 600D yang menjalar besarnya. Tapi kenderaan Tunku adalah merupakan seorang lelaki yang dipanggil dengan gelaran 'Pak Idris'. Di atas bahu orang tua inilah Tunku dibawa dari istana ke sekolah setiap pagi. Namun Tunku tidak berapa gemar didokong dengan cara begitu. Maklumlah ketika itu Tunku sudah boleh berjalan dan tambahan pula dia sering diejek-ejek oleh kawan-kawan.

Di sekolah Tunku terbukti merupakan seorang murid yang nakal. Tunku jarang-jarang menumpukan perhatian di dalam bilik darjah. Sebaliknya fikiran Tunku terus menyelinap keluar sekolah di mana Merbah Bidan, Sepah Puteri dan Sintar Api sedang hinggap dari dahan ke sedahan. Sungai di belakang istana juga turut memberikan nostalgia kepada Tunku sehingga beliau terlupa bahawa beliau ketika itu sedang berada di sekolah.

> *I must admit that as a young boy, I was playful and naughty beyond control according to some and had little liking for school.'*

Begitulah yang dirakamkan oleh Tunku dalam bukunya 'Looking Back.'

Lagipun Tunku mengaku bahawa beliau dihantar ke sekolah bukanlah untuk belajar tetapi lebih merupakan untuk mengelakkan beliau dari terus menjadi nakal ketika berada di istana.

Tunku pernah ke sekolah dengan memakai tengkolok diraja yang bertatahkan emas. Pemakaian tengkolok seperti itu sudah tentulah tidak digemari oleh Master Mohamad Iskandar kerana sekiranya hilang beliau sudah tentu akan bertanggungjawab. Justeru itu Master Mohamad telah bertemu dengan Makche Manjelara dan menasihatkan agar Tunku memakai tengkolok biasa sahaja ketika menghadiri sekolah.

Kenakalan Tunku semasa di sekolah memang terserlah. Pernah di satu masa MasterHassan membuat aduan bahawa Tunku terlalu bising di dalam kelas dan ini mengganggu pelajar-pelajar lain. Perkara ini kemudiannya dimaklumkan oleh Master Hassan kepada Master Mohamad Iskandar yang mengambil tindakan meletakkan kerusi Tunku berhampiran meja Master Hassan.

'While there, I had to behave myself and it spoilt my fun too, kata Tunku. Mungkin itulah yang menyebabkan Tunku kemudiannya meninggalkan sekolah tersebut.

Sebaik sahaja meninggalkan sekolah tersebut Tunku tinggal di istana dan meneruskan kenakalannya sebagai seorang kanak-kanak. Tunku terus bermain dengan kanak-kanak yang sebaya dengan beliau. Sering kali Tunku dan rakan-rakannya mandi di sungai di belakang istana yang menjadi tempat kediaman dan taman permainan berpuluh-puluh ekor buaya. Mujur jugalah Tunku tidak menjadi mangsa buaya-buaya tersebut. Mungkin buaya-buaya yang berkeliaran di belakang sungai itu tahu bahawa Tunku adalah seorang anak raja dan adalah tidak patut bagi buaya-buaya tersebut mengapa-apakan Tunku.

Bagaimanapun, bonda Tunku Che Manjelara tidak mahu mengambil sebarang risko. Buaya tetap buaya. Hari ini mungkin buaya-buaya itu kenal kepada Tunku, esok tak tahu macam mana lagi. Justeru itu Che Manjelara mengambil keputusan untuk menghantar Tunku ke sebuah sekolah Melayu.

Begitupun semasa menghadiri sekolah Melayu ini, Tunku sekali lagi mengulangi kenakalan beliau. Atas kenakalan beliau itu Tunku sekali lagi menerima hukuman yang setimpal. Kali ini Tunku tidak lagi diletakkan di hadapan guru darjahnya, sebaliknya kerusi Tunku diletakkan betul-betul di hadapan meja guru besar. Dengan hukuman tersebut, Tunku sekali lagi mendapati sekolah adalah merupakan sebuah tempat yang membosankan. Justeru itu Tunku meninggalkan sekolah tersebut.

Dalam pada itu, semasa Tunku meninggalkan sekolah Melayu tersebut, pihak berkuasa negeri telahpun memperuntukkan sebuah rumah untuk dijadikan sebuah sekolah Inggeris yang baru di Alor Star. Di sekolah inilah Tunku memulakan kembali persekolahan beliau yang tertinggal.

Namun di sekolah ini Tunku tidak berpeluang melakukan

kenakalan seperti apa yang dilakukan di dua buah sekolah yang dihadirinya sebelum itu. Guru Besar sekolah yang baru ini, Encik Ismail Merican, menurut Tunku adalah merupakan guru besar yang lebih tegas dan garang jika dibandingkan dengan guru-guru besar sekolah-sekolah sebelumnya. Lagipun keadaan sekolah lebih teratur kerana adanya beberapa orang guru yang didatangkan dari Pulau Pinang untuk mengajar di sekolah tersebut.

Tunku telah diletakkan di bawah jagaan seorang guru Cina yang agak garang. Suatu hari Tunku telah menunjukkan kenakalan yang teramat sangat sehinggakan guru Cina tersebut hilang sabar. Beliau telah memanggil Tunku dan merotan tapak tangannya.

Apabila Tunku pulang ke rumah hari itu, beliau mengadu kepada bondanya peristiwa beliau di rotan. Di zaman itu perkara ini adalah merupakan satu perkara yang amat berat. Justeru itu tindakan guru tersebut telah di bawa ke pengetahun pihak berkuasa dan akibatnya guru tersebut dibuang kerja.

Selepas peristiwa tersebut Tunku menjadi bertambah nakal dan guru-guru beliau tidak dapat berbuat apa-apa. Perkara ini diakui sendiri oleh Tunku.

> *'One thing I must admit, I made myself a nuisance in class and exhausted the patience of my teachers. There was nothing else they could do except to put up with me or get the sack.'*

Dalam tahun 1913, ketika Tunku berumur 11 tahun, abangnya Tunku Yussuf telah pulang dari England setelah menamatkan pelajaran beliau. Tunku Yusuff telah diambil sebagai anak angkat oleh Raja Chulalongkorn sejak dari kecil lagi. Beliau ke England untuk melanjutkan pelajarannya di atas biasiswa Di Raja Siam. Semasa di England Tunku Yusuff telah berkahwin dengan wanita Inggeris.

Setelah menghabiskan cuti mereka di Alor Star, Tunku Yusuff dan isterinya mengambil keputusan untuk pulang ke Siam lebih awal dari yang dijangkakan. Tunku Yussuf juga mengambil keputusan untuk membawa Tunku bersama-samanya tinggal di Bangkok.

Setelah diperkenankan oleh Sultan Abdul Hamid dan Manjelara, maka Tunkupun berangkatlah ke Bangkok.

Perjalanan ke Bangkok amat menyeronokkan bagi Tunku, maklumlah ketika itu Tunku masih lagi kanak-kanak dan kali pertama ke luar negeri. Dari Alor Star Tunku dan abangnya telah menaiki kereta untuk ke Singgora di selatan Siam. Oleh kerana jalan yang menghubungi Tanah Melayu dengan Bangkok masih lagi belum ada ketika itu, maka perjalanan kereta terhenti setakat Singgora sahaja. Dari situ Tunku telah menaiki sebuah kapal untuk menyeberangi sebahagian Laut Cina Selatan sebelum berlabuh seketika di muara Sungai Menam Chao Phraya. Selepas itu Tunku meneruskan perjalanannya ke Bangkok dengan kapal yang sama dengan memudek sungai tersebut.

Di Bangkok Tunku telah tinggal di dalam jagaan Tunku Yusuff dan juga kerabat Di-Raja Siam. Beliau telah dihantar ke Sekolah Debsirindir. Sekolah yang dinamakan mengambil sempena nama ibu Raja Chulalongkorn itu terletak di tengah-tengah ibu negeri Siam itu.

Di sekolah ini Tunku meneruskan pelajaran Inggerisnya di samping mempelajari bahasa Siam.

Semasa di Bangkok, Tunku bukan sahaja bergaul dengan anak-anak kerabat Di Raja malah Tunku juga bergaul dengan rapat dengan orang-orang kebanyakan. Antara kawan-kawan Tunku itu termasuklah seorang wanita Siam penjual sirih. Tunku juga telah memasuki pergerakan pengakap di sekolah tersebut dan memulakan persahabatan akrabnya dengan Luang Tavil Guptarak, anak seorang pegawai kerajaan Thailand. Seperti juga bapanya Tavil Guptarak bakal menjadi seorang setiausaha tetap Kerajaan Siam

Bangkok seolah-olah memberikan Tunku satu pengalaman yang baru dan berbeza jika dibandingkan dengan kehidupan beliau semasa di Alor Star. Pengalaman ini sesungguhnya menjadi kenang-kenangan hidup Tunku hingga ke akhir hayat. Beberapa tahun sebelum meninggal dunia, Tunku pernah menulis tentang pengalaman beliau semasa di Bangkok. Antara tulisan Tunku yang saya petik dari rencana beliau dalam akhbar 'The Star' adalah seperti berikut:

> *'Bangkok was a nice place, with many canals, plenty of mosquitoes, plenty of rice, plenty of fruits, particularly*

oranges, and vegetables and plenty of wide open spaces, but the thing I can't remember ever eating were durians in those days. With my bicycles I used to pedal all over town after school hours with my very good friend, Tavil, and a few others.'

Begitupun, segala yang bermula pasti akan berakhir. Keseronokan hidup yang Tunku nikmati bersama-sama dengan abangnya Tunku Yusuff di Bangkok tidak kekal lama. Kira-kira setahun kemudian, iaitu dalam tahun 1915, Tunku Yusuff meninggal dunia akibat diserang radang paru-paru (pneumonia). Sementara jenazah Almarhum Tunku Yusuff disemadikan untuk selama-lamanya di Tanah Perkuburan Orang-orang Islam Mahanag, Bangkok, Tunku tidak ada pilihan lain melainkan mengemaskan barang-barangnya dan menaiki kapal yang sedang menuju ke Singapura sebelum kembali ke Alor Star.

Sekembalinya Tunku ke Alor Star beliau telah sekali lagi dimasukkan ke Sekolah Melayu untuk tempoh masa kira-kira setahun. Selepas itu, dalam tahun 1916, Tunku telah dihantar pula untuk menuntut di Penang Free School. Ketika itu Tunku sudah pun berumur 13 tahun dan boleh dikatakan sudah agak cerdik sedikit.

Di Penang Free School, Tunku telah diletakkan ke dalam Darjah Dua walaupun beliau tidak mempunyai asas yang kuat dalam matapelajaran bahasa Inggeris. Begitupun, dibawah tunjuk ajar Encik Goh, yang menurut Tunku merupakan seorang guru yang garang dan cekap, beliau telah lulus peperiksaan selepas enam bulan menuntut di sekolah tersebut. Dengan kelulusan itu Tunku telah dinaikkan ke tahap dua darjah lagi. Dan dalam masa dua tahun sahaja Tunku sudahpun berada di Darjah Tujuh, iaitu darjah sekolah yang tertinggi di zaman itu

Namun begitu laluan Tunku untuk ke Darjah Tujuh bukanlah semudah itu. Selain dari guru-guru yang berketurunan Cina, ramai juga guru-guru yang berketurunan Eropah. Antaranya ialah Mr. Hamilton, Mr. Davies, Mr. Butler dan Mr. Star.

Mr. Star, menurut Tunku adalah seorang pelatih kuda-lumba dan lebih suka melatih kuda dari mengajar para pelajar. *'I faired badly in his class,'* jelas Tunku.

Oleh itu Tunku telah dipindahkan ke kelas lain. Kali ini guru Tunku ialah seorang yang bernama Cheng Hup. Cheng Hup merupakan guru yang serius dan tidak suka main-main. Bagi Cheng Hup, soal Tunku seorang anak Raja adalah soal kedua. Apa yang lebih penting ialah Tunku diberikan pelajaran akademik yang secukupnya. Justeru itu beliau sering merotan tapak tangan Tunku. Hasil dari usaha gigih dari guru ini, akhirnya Tunku berjaya melepasi peperiksaan demi peperiksaan yang diadakan di sekolah tersebut.

Di samping memberikan perhatian yang secukupnya kepada pelajaran, Tunku juga menaruh minat di dalam bidang sukan. Bolasepak adalah menjadi kegemaran Tunku dan tidak hairanlah sekiranya Tunku dipilih sebagai salah seorang pemain sekolah. Dan sebagaimana yang kita ketahui Tunku terus mengabadikan minat ini dengan mengasaskan 'Pesta Bolasepak Merdeka' yang disatu masa dulu menjadi acara bolasepak terpenting dalam kalendar bolasepak Asia. Selain dari itu, ketika menuntut di Penang Free School Tunku juga pernah dilantik sebagai kapten badminton di sekolahnya walaupun ketika itu beliau tidak pernah langsung memegang reket badminton.

Jika sewaktu di Bangkok dulu Tunku pernah bergiat dalam pergerakan pengakap, begitu jugalah di Penang Free School, di mana juga Tunku bukan sahaja terlibat dalam pergerakan pengakap malah menjadi 'ketua kumpulan' dalam pergerakan 'Cadet Corps.'

Keperibadian Tunku dalam 'human relationship' memang mengkagumkan sejak beliau kecil lagi. Kalau sewaktu zaman prasekolahnya Tunku bercampur gaul dengan budak-budak kampung. Di peringkatsekolah menengah juga Tunku memiliki ramai kawan. Sesiapa sahaja amat senang berkawan dengan Tunku M. Putra, nama yang dipanggil untuk Tunku di waktu itu dan Tunku juga mudah sekali berkawan dengan sesiapa sahaja dari mana-mana golongan masyarakat, sama ada yang ada kena mengena dengan istana ataupun dari kalangan rakyat biasa. Mungkin inilah yang dimaksudkan oleh novelis Inggeris, pemenang Anugerah Nobel Sastera untuk tahun 1907, Rudyard Kipling apabila beliau menulis sajak yang antara lain berbunyi:

If you can talk with crowds and keep your virtue.
Or walk with Kings - nor lose the common touch.

Mungkin penulis novel 'Kim' itu tidak pernah mengenali Tunku, tapi Kipling yang dilahirkan di Bombay sudah tentu mengerti bagaimana rasanya hidup dan bergaul dengan keluarga maharajah-maharajah.

Dari segi ini sifat 'perhubungan awam' ataupun 'PR' Tunku ini, ia bukanlah dipupuk melainkan satu sifat semulajadi yang terdapat pada diri beliau. Misalnya di satu ketika semasa menuntut di Penang Free School, satu perebutan telah berlaku untuk jawatan 'section leader' dalam pergerakan 'Cadet Corps' di mana jawatan tersebut ketika itu masih lagi disandang oleh Tunku. Bagaimanapun, Tunku telah meletakkan jawatan tersebut bagi memberikan peluang kepada rakan-rakan beliau. Alasan Tunku ketika itu ialah kerana beliau kononnya sudah mahu berangkat ke England. Begitulah semangat toleransi yang ditunjukkan oleh Tunku. Dan di atas semangat ini jugalah Tunku meletakkan jawatannya sebagai Perdana Menteri Malaysia walaupun ketika itu tidak ada rebutan kuasa ataupun jawatan di dalam parti tetapi sudah ada tanda-tanda yang menunjukkan kepimpinan beliau sudah tidak diperlukan lagi.

Satu hari dalam tahun 1920, ketika Tunku masih lagi di tahun terakhir di Penang Free School. Guru Besar sekolah tersebut Mr. R.A. Pinhon telah memanggil Tunku datang ke pejabatnya.

Tunku yang tidak tahu mengapakah dia dipanggil agak bimbang juga. Apabila dia mengetok pintu pejabat R.A. Pinhon pada tengahari itu, dia dipersilakan masuk oleh guru besar tersebut. Tapi sebelum Tunku sempat menanyakan apa-apa Pinhon sudahpun berkata.

"How would you like to go to university in England?" tanya R.A. Pinhon.

Mendengar pertanyaan Guru Besarnya itu, Tunku tidak terkata-kata melainkan perasaan gembira yang menyelubungi dirinya ketika itu.

Kemudian setelah Tunku dapat mengawal sedikit dirinya, Tunkupun memberikan jawapan, "Very much, sir."

"I am recommending you for a Kedah Scholarship. Good

luck." jelas R.A. Pinhon.

Dalam tahun yang sama kerajaan negeri Kedah mula menitik beratkan pelajaran diperingkat tinggi dan melancarkan biasiswa negeri. Di atas usaha bonda beliau yang bersungguh-sungguh dan juga Tunku Mohamad Jewa Tunku telah berjaya mendapatkan biasiswa kerajaan Negeri Kedah untuk melanjutkan pelajarannya ke St. Catherine College, Cambridge University, London. Perlu juga dinyatakan di sini bahawa Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj adalah merupakan pelajar pertama yang menerima biasiswa tersebut.

Setelah bersiap-siap dan menempah pakaian dari Pritchard, sebuah firma tukang jahit terkemuka di Pulau Pinang, akhirnya pada bulan Mei tahun tersebut, Tunku telah menaiki sebuah kapal kargo bernama 'Rhesus' dari Singapura untuk belayar menuju ke Southampton.

Walaupun Tunku seorang anak raja, namun disebabkan sukar mendapatkan tempat di dalam kapal, maka Tunku terpaksa berkongsi kabinnya dengan tiga orang lagi pegawai kapal tersebut.

Tunku yang ketika itu sudah berumur 16 tahun melihat ke hadapan untuk tiba di England kerana sebelum ini Almarhum Tunku Yusuff banyak sekali menceritakan kepada Tunku tentang kehidupan di sana.

Bagaimanapun pada peringkat awal pelayaran tersebut Tunku telah mengalami demam malaria yang dahsyat. Keadaan Lautan India ketika itupun tidak begitu baik. Laut yang bergelora menyebabkan Tunku terumbang ambing di dalam kabinnya.

Apabila kapal Rhesus singgah berlabuh di Colombo, Ceylon (kini Sri Lanka), Tunku cuba mendarat tapi tidak dibenarkan kerana beliau tidak mempunyai paspot. Sekeping sijil yang mengesahkan bahawa Tunku adalah seorang putera raja tidak membawa apa-apa kesan kepada para pegawai imigresen Ceylon di Colombo.

Selepas peristiwa tersebut Tunku tidak lagi cuba mendarat di mana-mana walaupun 'Rhesus' singgah di Aden, dan Gibraltar menerusi Terusan Suez.

Tempat pertama yang Tunku singgah ialah ketika kapal tersebut tiba di Tilsbury. Ketika itu Tunku sempat menonton pertandingan kuda.

Akhirnya setelah berada di dalam perjalanan selama tiga minggu, kapal 'Rhesus' yang membawa Tunku ke London pun tiba di Pelabohan Southampton pada bulan Jun 1920.

Mulai dari sinilah Tunku memulakan kehidupannya yang baru.

Tiga

TUNKU AWANG JAUH DI RANTAU

Together we swept onwards from success to success...
Tunku (22 April 1956)

DARI LONDON TUNKU telah ke Huntingdon yang terletak kira-kira 100 kilometer ke utara dengan menaiki keretapi melalui 'English countryside'. Ia begitu berbeza dengan apa yang dilihatnya ketika menaiki kereta dari Alor Star ke Singgora. Sekiranya perjalanan ke Singgora itu diiringi dengan sawah padi dan kerbau yang amembajak sawah di kiri kanan jalan, tapi perjalanan ke Huntingdon di iringi pula dengan ladang-ladang gandum, traktor-traktor berserombong besar dan juga rumah-rumah orang Inggeris yang dikenali sebagai 'cottage.'

Di sepanjang perjalanan ke Huntingdon, Tunku cuba membayangkan bagaimanakah agaknya nanti rupa Huntingdon. Kalau tidak sebesar metropolitan London pun, sudah tentulah lebih besar dari 'kampungnya', Alor Star. Namun sebaik sahaja keretapi yang Tunku naiki berhenti di sebuah stesyen di Huntingdon, sangkaan dan imaginasi Tunku semasa dalam perjalanan itu terus meleset. Alangkah terperanjatnya Tunku melihat Huntingdon. Di dalam fikiran beliau serta merta terfikir jika Alor Star itu diibaratkan sebuah pekan kecil, Huntingdon adalah merupakan sebuah kampong sahaja. Malah sehingga hari ini pun Huntingdonhanya memiliki sebatang jalan kira-kira sepanjang 2 kilometer dengan sebuah pasar menjual pelbagai barangan yang

terletak di tengah-tengahnya.

Dari Huntingdon Tunku telah menaiki kereta kuda untuk ke Little Stuckeley. Namun kereta kuda yang menjadi kenderaan Tunku untuk ke tempat tinggal beliau yang baru ini bukanlah seperti kereta kuda-empat roda yang biasa kita lihat dalam filem-filem 'Count Dracula' ataupun di belakang kotak rokok 'Rothman'. Kereta kuda yang dinaiki Tunku ketika itu adalah sebuah kereta kuda dua-roda sebagaimana yang dinaiki oleh bintang filem Charlton Heston dalam filem klasik 'Ben Hur'. Dalam lain pekataan kereta kuda yang dinaiki oleh Tunku itu adalah sebuah kereta pedati.

Setelah terhenjak-henjak sejauh hampir lima kilometer melalui ladang-ladang gandum, mendaki bukit dan menuruni lurah, akhirnya sampailah saatnya Tunku menerima satu lagi kejutan yang amat tidak menyeronokkan. Little Stuckeley yang diharapkan oleh Tunku lebih 'colourful' dari Huntingdon adalah hanya merupakan sebuah perkampongan kecil yang terdiri daripada beberapa buah rumah. Jangankan pekan, sebuah kedai pun tidak kelihatan di Little Stuckeley.

Hari pertama Tunku di Little Stuckley menyaksikan Tunku menerima kejutan yang selanjutnya. Setelah menghabiskan masa dalam perjalanan yang begitu jauh dari London, lapar Tunku bukan kepalang lagi. Sewaktu dipanggil untuk makam malam, Tunku sudah terbayang nasi, lauk pauk serta juadah-juadah lazat seperti yang dihidangkan oleh tukang masak di Istana Tiga Tangga, Alor Star. Tapi malangnya apa yang dihidangkan di Little Stuckeley di hari pertama Tunku tiba di situ ialah sekadar sosej lembu yang disajikan bersama daun salad yang mana Tunku pernah menceritakan *'the like of which I never tasted before.'*

Di Little Stuckely Tunku diletakkan di bawah jagaan sebuah keluarga dan juga seorang tutor, Edgar A. Vigers yang kebetulan tinggal di kawasan tersebut. Begitupun Vigers bukanlah seorang tutor yang baik. Tunku pernah menyebut bahawa dia tidak berpuashati dengan Vigers. Menurut Tunku:

> *'There was nothing to learn as my tutor, the clergyman, was not a qualified teacher in the real sense of the word.'*

Sungguhpun pada mulanya Tunku mendapati Little Stuckeley begitu membosankan, namun sedikit demi sedikit Tunku berjaya juga menyesuaikan dirinya dengan keadaan di kampung Inggeris tersebut. Justeru itu kehidupan yang pada mulanya tidak menyeronokan bagi Tunku bertukarkan kepada kehidupan yang paling menyeronokkan.

Di sini Tunku telah dipanggil dengan berbagai nama kerana nama 'Abdul Rahman' adalah satu nama yang ganjil dan terlalu asing kepada masyarakat Inggeris yang terpencil itu. Lagipun bagi orang-orang Inggeris itu, nama 'Abdul Rahman' adalah satu nama yang susah hendak disebut. Barangkali lebih susah lagi dari 'tongue twister'yang mereka reka.

Akhirnya apabila mereka berpuashati bahawa adalah lebih sukar bagi lidah mereka membunyikan perkataan 'Tunku Abdul Rahman' daripada '*She sells sea-shells on the sea-shore,* mereka pun memberikan satu nama gelaran baru untuk Tunku. Dan nama baru itu ialah 'Bobbie'. Dengan panggilan tersebut itu hilanglah nama 'Awang' dan muncul pula nama 'Bobbie'.

Ketika tinggal di Little Stuckeley itu Tunku sudahpun berumur kira-kira 16 tahun. Masa lapang Tunku banyak dihabiskan dengan bermain bolasepak untuk pasukan Little Stuckeley. Sungguhpun Tunku tidaklah sehandal ataupun sehebat Stanley Matthew ataupun Dennis Law yang masing-masing menempa nama sebagai legenda bolasepak Inggeris, Tunku tetap memberikan persembahan yang mengatasi belia-belia lain di sekitar Little Stuckeley dan Huntingdon. Nasib baik ketika itu sejarah Piala F.A. dan Piala League baru sahaja berusia kira-kira tiga-puluh tahun dan sungguhpun liga bolasepak profesional Inggeris sudah pun dimulakan sejak tahun 1888 lagi, namun pembelian pemain-pemain dari luar United Kingdom masih lagi belum diamalkan oleh kelab-kelab bolasepak di England. Sekiranya Tunku berada di zaman kini , sudah tentu beliau juga di beli oleh salah sebuah kelab di England. Walau bagaimanapun, apabila pasukan bolasepak dari kedua-dua kampung - Little Stuckeley dan Big Stuckeley - digabungkan untuk dijadikan sebuah pasukan yang lebih kuat, Tunku telah disenaraikan sebagai pemain utama.

Tunku ke England bukan untuk bermain bolasepak tetapi untuk melanjutkan pelajarannya. Namun setelah lebih dari se-

tahun, Tunku tidak juga menunjukkan sebarang usaha yang bersungguh-sungguh ke arah mendapatkan kelulusan asasi ataupun ujian matrikulasi yang ketika itu disebut 'little go' yang mana akan membolehkan beliau memasuki universiti.

Namun demikian, Tunku akhirnya sedar bahawa adalah amat penting bagi beliau memasuki universiti serta mendapatkan kelulusan di peringkat ijazah. Ini mungkin ketika itu abang Tunku, Tunku Badlishah sedang menuntut di Wadham College, Oxford University atas biasiswa Raja Siam. Atau mungkin juga University Cambridge yang merupakan 'menara gading, dan juga gedung ilmu' yang paling terkemuka di dunia terletak hanya kira-kira 20 kilometer sahaja dari Little Stuckeley.

Tunku telah menyatakan hasratnya untuk memasuki universiti kepada 'Crown Agent'. Pihak 'Crown Agent' kemudiannya mendapatkan Tunku keluarga angkat yang baru dan seorang tutor untuk membimbing beliau melepasi 'little go'. Tutor Tunku yang baru, Mr Atkinson adalah jauh lebih baik dari Vigers, tutor Tunku semasa di Little Stuckeley. Beliau (Mr. Atkinson) ini bukan sahaja tahu akan tugas-tugasnya bahkan juga seorang ahli akademik yang bakal menduduki kerusi Dekan di sebuah kolej Universiti Cambridge di satu masa kelak.

Dengan kegigihan Tunku dan juga keberkesanan tunjuk-ajar yang diberikan oleh Mr. Atkinson, Tunku akhirnya berjaya dalam ujian matrikulasi dan diterima masuk ke St. Catherine's College, Cambridge University untuk semester 1922-1923.

Di Cambridge, Tunku telah tinggal disebuah rumah yang terletak di Hardwicke Street. Di samping mempelajari bahasa Inggeris. Tunku juga telah mempelajari bahasa Latin di bawah pengawasan seorang guru muda. Selain dari belajar, Tunku juga terus mengasah bakatnya sebagai sayap kanan pasukan bolasepak kolej tersebut.

Bandar Cambridge di mana tempat Tunku menuntut dan tinggal di awal dekad 20-an adalah sebuah bandar Inggeris yang bersejarah. Pertama kerana ia merupakan tapak University Cambridge yang dibina pada awal abad ke-12. Kedua kerana di kawasan inilah Sir Oliver Cromwell ahli Parlimen Inggeris yang paling terkenal dalam sejarah Inggeris berkeliaran satu ketika dulu. Cromwell yang telah mengepalai Ahli-ahli Parlimen Britain

untuk menentang Raja Charles I dan kemudiannya menandatangani satu waran khas untuk menjatuhkan hukuman bunuh terhadap Raja Inggeris tersebut pernah menjadi Ahli Parlimen Huntingdon dalam tahun 1628 dan kemudiannya Ahli Parlimen Cambridge dalam tahun 1640.

Sementara Oliver Cromwell menjadi tokoh sejarah abad ke-17, Tunku juga menjadi kenang-kenangan rakan-rakannya di awal dekad ke-20. Di kalangan rakan-rakan serta kenalan Tunku di waktu itu, barangkali tidak ramai orang yang dapat melupakan beliau. Tunku sudah tentulah tidak melakukan apa yang dilakukan oleh Oliver Cromwell. Tapi bila sebut sahaja nama Tunku Abdul Rahman, mereka segera terbayang seorang pemuda kacak bernama 'Bobbie', pemain sayap kanan pasukan bolasepak Cambridge yang lincah. Nama 'Bobbie' (Tunku Abdul Rahman) segera mengingatkan mereka kepada seorang anak raja dari negeri Kedah, sebuah negeri di Malaya yang kini di panggil Malaysia. Kepada mereka, putera ini adalah merupakan seorang individu yang periang dan sering menghabiskan masanya dengan rakan-rakan daripada duduk berkhalwat dan mengelamun seorang diri. Putera Melayu ini amat popular dan dikenali oleh hampir setiap mahasiswa di St. Catherine. Bobbie, di mata mereka adalah seorang individu yang *'happy go-lucky'* dan *'taking life easily'*.Bobbie mendapatkan keseronokan dengan menghiburkan dirinya sendiri dan juga menghiburkan rakan-rakan.

Kepada sesetengah rakan yang lain pula 'Bobbie' juga diingati sebagai seorang anak muda yang sering memandu kereta sport jenis 'Riley' berwarna aluminium. Dengan kereta sport yang berkepak inilah Tunku memanjangkan sayapnya dan meronda sekitar bandar Cambridge. Dengan kereta sportnya Tunku sering ke Bedford untuk pergi menari di sebuah kelab yang dikenali dengan nama 'The Swan'. Sungguhpun pihak Universiti tidak membenarkan mahasiswanya pergi menari, Tunku selalu mencari helah dengan mengatakan bahawa dia ke Bedford untuk berbincang tentang pelajaran dengan seorang rakannya yang tinggal di situ.

Pernahdi satu ketika, apabila pasukan rugbi Kolej St. Catherine mengadakan perlawanan di London, 'Bobbie' menawarkan beberapa orang pemain yang kebetulan merupakan rakan-rakannya

menumpang keretanya untuk ke London. Mereka amat berbesar hati dengan tawaran Tunku itu dan bersetuju menerimannya dengan syarat kereta itu dipandu oleh pemandu lain dan Tunku hanya menjadi penumpangnnya. Hakikat ini mudah sahaja untuk difahami kerana selama 10 tahun Tunku di United Kingdom beliau telah disaman sebanyak 28 kali atas kesalahan memandu melebihi had laju dan pelbagai lagi kesalahan lalulintas.

Namun, itu semua adalah merupakan satu sejarah kecil sahaja, sejarah peribadi Tunku Awang yang berada di perantauan dan digelar 'Bobbie' oleh rakan-rakan.

Dalam tahun 1923, Stadium Wembley telah dibuka di London dan pertandingan akhir Piala F.A. di antara BoltonWanderers dengan West Ham United telah diadakan buat pertama kalinya di stadium tersebut. Ketika itu di Hanley, Staffordshire yang terletak kira-kira 135 kilometer ke Barat-daya Greater London, Stanley Matthew baru sahaja berusia 8 tahun dan masih ada 7 tahun lagi sebelum beliau bermain untuk Stoke City. Sementara itu di Cambridge, Tunku masih lagi bermain untuk pasukan Cambridge University. Walaupun sepakan in-swingernya masih berkesan, namun bolasepak bukanlah menjadi tumpuan utama Tunku. Dalam tahun 1923 Tunku sudah mula meletakkan minat awalnya dalam dunia politik.

Dalam tahun 1924, Tunku telah mengambil bahagian yang agak aktif dalam politik. Sungguhpun beliau tidak menganggotai mana-mana parti, namun beliau telah berkempen untuk Lloyd George yang menjadi Perdana Menteri Great Britain ketika itu. Oleh kerana kempen di antara Parti Liberal dengan Parti Buruh agak sengit, maka acapkali terjadi pergaduhan kecil diantara para penyokong dari kedua-dua belah pihak. Walau bagaimanapun Tunku tidak pernah terlibat dalam pergaduhan-pergaduahn ini. Begitupun, pergaduhan-pergaduhan tersebut bukanlah merupakan rusuhan tetapi setakat kejadian membaling- batu sahaja. Di waktu itu, 'British rowdisme' belum dilahirkan lagi.

Di Kolej St. Catherine, Tunku menuntut disiplin undang-undang. Antara rakan karib Tunku ialah H.V. Davies, bakal guru besar sebuah sekolah di Bristol dan juga penyokong parti Liberal yang pernah berucap di atas 'soap-box' dengan diiringi oleh Tunku. Ivor Jenning, seorang penuntut yang kemudiannya menjadi

pakar Perlembagaan dan pernah terlibat dalam penggubalan Perlembagaan Tanah Melayu di peringkat awal juga mengenali Tunku. Di samping itu, Neil Lawson yang juga seorang pelajar undang-undang di Inner Temple dan pernah terlibat dalam perundingan bagi menentukan kemerdekaan Malaya pernah menjadi sahabat karib dan juga tutor Tunku. Kebanyakan rakan-rakannya juga menyifatkan Tunku sebagai seorang yang tidak berminat dengan politik dan juga undang-undang. Oleh itu apabila Tunku mengambil keputusan untuk menukarkan kursus undang-undang yang diikutinya kepada kursus sejarah, maka tidak ada siapapun yang berasa terkejut dengan keputusan Tunku itu.

Sungguhpun di zaman remajanya Tunku berada di tengah-tengah kehidupan budaya Inggeris yang mementingkan ketepatan waktu, namun Tunku tidak pula menjadikan 'punctuality' sebagai satu budaya hidupnya di waktu itu. Tunku sering lalai dan lewat tiba dalam apa jua temu-janji beliau.

Dalam bulan Jun tahun 1925 tibalah masanya untuk Tunku menduduki peperiksaan terakhirnya dalam kursus sejarah. Dan pada suatu hari dalam bulan tersebut Tunku tidak keluar sebagaimana biasa tapi menghabiskan masanya untuk membuat 'last-minute mugging' di dalam biliknya seorang diri.

Sedang Tunku berhempas-pulas dengan tarikh-tarikh dan fakta sejarah, seorang rakannya tiba-tiba muncul.

"Tunku," kata kawan itu, "Kenapa Tunku tidak hadir di dewan peperiksaan pagi ini?"

Pada mulanya Tunku sedikitpun tidak terkejut dengan pertanyaan tersebut. Sangkanya, kawannya itu tentulah bergurau sahaja.

"Don't be silly. Periksa bukan hari ini," ujar Tunku sambil terus cuba mengembalikan fikiran dan kosentrasinya kepada satu zaman silam yang sedang dihayatinya.

Belumpun sempat, Tunku membaca satu ayat, kawannya itu menyambung lagi, "Mana boleh, Tunku. Saya baru saja balek dari dewan peperiksaan."

Dengan jawapan rakannya itu, Tunku tanpa membuang masa lagi terus meninggalkan bilik tersebut dan berkejar ke dewan peperiksaan. Tapi malangnya, setibanya Tunku di dewan

peperiksaan itu, beliau telah tidak dibenarkan masuk kerana lewat tanpa sebab yang munasabah.

Kecuaian yang berpunca dari dirinya sendiri itu telah menyebabkan Tunku terpaksa menunggu selama enam bulan lagi untuk membolehkan beliau menduduki peperiksaan tersebut.

Masa enam bulan itu bolehlah dikatakan satu masa yang panjang dan selesa bagi seseorang mahasiswa terutamanya yang bakal mengambil peperiksaan akhir. Namun bagi Tunku, masa enam bulan itu seakan-akan lebih panjang dari masa enam bulan yang sebenarnya. Oleh kerana memandangkan adanya masa terluang yang begitu banyak sebelum beliau menduduki peperiksaan tersebut, maka Tunkupun berpindah ke London.

Di London Tunku tidak pula mengulangkaji pelajaran sejarahnya. Sebaliknya Tunku mengambil keputusan untuk mengikuti kursus undang-undang.

Namun demikian, dengan keputusan itu, Tunku tidak pula menghabiskan sebahagian besar dari masanya untuk belajar undang-undang. Dalam lain perkataan Tunku tidak mengambil berat langsung terhadap pelajaran.

Sementara Tunku asyik dengan kegiatan di luar bidang akademik dan menggunakan kesempatan untuk berseronok-seronok di London yang lebih hebat dan menawarkan segala kegiatan yang menyeronokkan dari Cambridge, peperiksaan sejarah yang bakal dihadapi oleh beliau dengan sendirinya sudah menjadi tidak lebih dari seakan-akan sebagai satu sejarah semata-mata.

Justeru itu Tunku tidak lagi mengindahkan buku-buku sejrahnya apatah lagi tentang sukatan pelajaran dan jadual waktu peperiksaan.

Kira-kira dua minggu sebelum tarikh peperiksaan, Tunku cuba melakukan sesuatu untuk melepasi halangan terakhir ini. Namun ia tidaklah semudah itu. Apabila Tunku cuba kembali kepada sejarah yang telah ditinggalkannya itu, Tunku dapati sukatan pelajarannya pun sudah dipinda.

Dengan pindaan tersebut, Tunku tidak ada jalan lain melainkan cuba melengkapkan dirinya dengan sukatan yang baru itu yang mana melibatkan pengetahuan salah seorang dari tiga orang tokoh sejarah yang terkemuka - Nabi Muhammad SAW, Napoleon

Bonaparte atau Julius Caesar.

Masalah yang selanjutnya ialah Tunku tidak dapat memperolehi buku-buku teks yang sesuai. Justeru itu Tunku terpaksa ke perpustakaan yang berdekatan dan meminjam beberapa buah buku tentang kehidupan Nabi Muhammad SAW dan membacanya dengan tumpuan yang sepenuhnya.

Apabila tiba hari peperiksaan, Tunku telah datang tepat pada waktunya kerana tidak mahu sejarah silam berulang kembali. Namun kali ini Tunku sekali lagi nyaris-nyaris tersingkir dari dibenarkan mengambil peperiksaan tersebut. Apabila kertas-kertas peperiksaan di bahagi-bahagikan kepada calun, Tunku mendapati kertas yang berada di mejanya penuh dengan soalan-soalan tentang kehidupan Napoleon. Soalan mengenai kehidupan sejarah Nabi Muhammad SAW tidak kelihatan langsung. Tunku sebenarnya telah terlupa memberitahu kepada para pegawai yang menjaga peperiksaan tentang pilihannya itu. Dan setelah dimarahi oleh ketua pegawai peperiksaan, barulah Tunku diberikan dengan kertas soalan yang betul.

Selepas menjawab semua soalan yang diwajibkan Tunku keluar dari dewan peperiksaan. Tunku agak tidak berapa 'confidence' dengan prestasinya. Bagaimanapun pada bulan Disember 1925, apabila keputusan peperiksaan itu diumumkan, Tunku merupakan salah seorang yang yang telah lulus.

Dengan lulusnya kertas yang terakhir itu, maka Tunku akhirnya berjaya juga memperolehi ijazah BA dari St. Catherine's College, Cambridge University.

Dengan ijazah tersebut bererti tercapailah matlamat asal Tunku dihantar ke England. Dan oleh kerana tidak ada sebab lagi mengapa Tunku mesti tinggal di England dengan lebih lama lagi, maka beliau pun mengambil keputusan untuk pulang ke tanah air selepas enam tahun berada di situ.

Di tanahair Tunku kembali tinggal di ist ıa keluarganya di Alor Star. Tapi tak lama, hanya sekadar empat bulan sahaja kerana selepas itu Tunku telah dikerah oleh kekandanya Tunku Ibrahim supaya ke London semula untuk menghabiskan peperiksaan Undang-undangnya.

Tunku ke United Kingdom semula. Tetapi disebabkan beliau lebih menitikkan-berat sukan lumba kuda dan lumba anjing serta

juga kegiatan-kegiatan luar kampus dan memberikan tumpuan yang paling minima terhadap buku-buku teks undang-undang, maka selepas tiga tahun Tunku masih lagi gagal untuk lulus mana-mana kertas peperiksaannya. Akhirnya dalam tahun 1930, Tunku kembali semula ke Alor Star.

Kegagalan Tunku untuk mendapatkan ijazah undang-undang selama berada di United Kingdom menyebabkan beliau dimarahi oleh kekandanya Tunku Mohamad Jewa.

"Mengapa kamu tidak cuba mendapatkan ijazah undang-undang?" tanya Tunku Mohamad Jewa kepada Tunku.

Dengan selamba Tunku menjawab bahawa dia tidak suka kepada jurusan tersebut.

Namun demikian beliau telah sekali lagi dikerah, kali ini oleh Tunku Mohamad Jewa untuk menyambung semula pelajaran dan seterusnya menduduki peperiksaan 'Bar' di London.

Justeru itu, dalam tahun 1930, sekali lagi Tunku meninggalkan tanahair untuk ke United Kingdom.

Walaupun kali ini Tunku tinggal bersama-samakekandanya Tunku Yaakob di sebuah flat di Kesington, namun, Tunku tidak juga mahu menumpukan segenap tenaga dan masanya ke arah mendapatkan ijazah undang-undang. Selain dari acara lumba kuda dan juga lumba anjing yang menjadi kegemaran Tunku, sebuah kereta sport yang baru juga turut memberi sumbangan kepada kegiatan Tunku di London. Dan dengan kereta ini jugalah Tunku sering ke Brighton, Sussex setiap hujung minggu untuk berkelah dan juga berhibur.

Di hari-hari biasa kegiatan-kegiatan Tunku yang tidak ada kena mengena dengan pelajarannya memang banyak. Dan kebanyakan kegiatan-kegiatan ini pula menyebabkan Tunku sering pulang lewat malam dan biasanya awal pagi. Oleh kerana Tunku sering tidur lewat, maka bangkitnya pun lewat juga. Di waktu kota London sedang rancak dengan pelbagai aktiviti dan jam Big Ben di Westminster Abbey berdenting sebelas kali , Tunku masih lagi memperkemaskan selimut kain bulunya.

Tunku amat jarang menghadiri sebarang kuliah di Inner Temple. Sebaliknya beliau lebih bergantung kepada pertolongan kawan-kawan yang memberikannya 'private tutorial 'termasuk Neil Lawson. Oleh kerana kebanyakan sessi tutorial ini dijadualkan di

sebelah pagi, maka perihal Tunku menelefon rakan-rakannya yang menjadi tutor itu supaya datang di sebelah petang bukanlah satu hal yang luar biasa. Tidak hairanlah kalau Tunku selalu belajar dengan hanya memakai baju tidur sahaja.

Nampaknya setiap kali Tunku berada di sini, ada sahaja aktiviti yang menyelewengkan fikiran dan konsentrasi beliau terhadap pelajaran.

Dan kali ini, Tunku sebagaimana lazimnya tidak memikirkan tentang pelajarannya tetapi mula memikirkan nasib bangsa Melayu di tanahair dan perlunya orang-orang Melayu bersatupadu dan menuntut kemerdekaan.

Di waktu yang sama, ketika Tunku berada di London untuk kali ketiganya, Tuanku Abdul Rahman dari Negeri Sembilan, yang kemudian nanti bakal ditabalkan menjadi Yang DiPertuan Besar Negeri Sembilan dan juga Yang DiPertuan Agong yang pertama juga sedang menuntut di London. Di sinilah kedua-dua anak raja yang bernama Abdul Rahman ini saling bertukar-tukar fikiran tentang pentingnya orang-orang Melayu di tanahair memperjuangkan nasib mereka melalui apa jua saluran yang difikirkan perlu.

Kesedaran ini mungkin juga timbul dengan bertambahnya murid-murid Melayu yang menuntut di England ketika itu. Antara mereka yang sezaman dengan Tunku ketika itu termasuklah (Datuk) Syed Sheikh Barakbah yang bakal menjadi ahli politik dan juga ahli perniagaan yang tak asing lagi di Malaysia; (Tan Sri)Nik Ahmad Kamil yang bakal menjadi Menteri Besar Kelantan dan juga Duta Besar Persekutuan Tanah Melayu yang pertama ke Australia; Haji Abdul Wahab yang juga bakal mengisi jawatan Menteri Besar Perak, Raja Musa Raja Bot dari Selangor yang bakal menjadi hakim Melayu yang pertama.

Maka hasil dari pertukaran fikiran dan perbincangan-perbincangan yang diadakan itu serta dengan sokongan beberapa orang lagi pelajar Melayu yang menuntut di London, mereka telah mengambil keputusan mengadakan satu perjumpaan di London dan seterusnya menubuhkan 'Malay Society of Great Britain'atau yang dikenali dengan nama Melayunya 'Kesatuan Melayu United Kingdom.' Dalam pertemuan pertama itu Tuanku Abdul Rahman telah dilantik dengan sebulat suara sebagai

Presidennya yang pertama sementara Tunku Abdul Rahman pula adalah Setiausaha Agungnya. Dan apabila Tuanku Abdul Rahman pulang ke tanahair, Tunku mengambil alih jawatan Presiden.

Keadaan ketika di mana kedua-dua putera DiRaja yang bernama Abdul Rahman ini berada di London dan menuntut dalam bidang yang serupa juga menimbulkan beberapa kekeliruan. Dalam satu peristiwa, ketika Tuanku Abdul Rahman lulus peperiksaan undang-undang baginda, Tunku Abdul Rahman telah banyak sekali menerima surat-surat yang berupa ucapan tahniah sedangkan ketika itu Tunku masih lagi dalam keadaan terkapar-kapar untuk melepasi halangan tersebut.

Dalam tahun 1930 itu Tunku sebenarnya telah menduduki peperik-saan undang-undangnya Bahagian Pertama. Dari sejumlah empat kertas yang didudukinya - *Roman Law, criminal and constitutiona law, legal history* dan *English real property and conveyancing,* Tunku berjaya lulus tiga kertas kecuali *English real property and conveyancing.*

Dengan keputusan tersebut, sepatutnya Tunku mengem-belingkan usaha untuk lulus kertas terakhir itu, namun beliau tidak melakukan seperti yang sepatutnya. Sebaliknya Tunku cukup berpuashati dengan keputusan itu. Menurut Tunku dia tidak ada menyimpan cita-cita untuk mengamalkan profesyen guaman dan justeru itu kertas terakhir itu tidak mustahak. Lagipun dia hanya mahu menjadi seorang pegawai kerajaan dan untuk itu memadailah pengetahuan undang-undang yang ada itu.

Dengan kelulusan dan alasan yang diberikan oleh Tunku itu seorang daripada tutor Tunku telah menasihatkan beliau dengan kata-kata yang agak sinis, *'My advice to you is to go back to the Civil Service, because never in all my life have I seen such bad papers and such complete absence of any knowledge whatever of the law.'*

Di atas nasihat tersebut Tunku mengambil keputusan untuk kembali sahaja ke Kedah pada tahun yang berikutnya walaupun beliau begitu keberatan sekali untuk meninggalkan keseronokan yang sudah menjadi cara hidupnya selama hampir sepuluh tahun di England. Hakikat ini di perkuatkan pula dengan perhubungan cinta yang terjalin di antara Tunku dengan seorang gadis Inggeris bernama Violet Coulson. Walaupun Violet pernah mencadangkan agar mereka mendirikan rumahtangga, namun Tunku tidak dapat

memenuhi hasrat itu pada ketika itu kerana beliau sendiri tidak tahu apakah nasib yang akan menantinya di Alor Star kelak. Lagipun sekiranya beliau mengahwini Violet tanpa sebarang kebenaran dari keluarganya Tunku mungkin akan menghadapi prospek dirinya di singkirkan dari keluarga di Raja Kedah.

Bagaimanapun, Violet Coulson adalah merupakan salah seorang teman yang bersama-samanya di hari-hari terakhir Tunku berada di England sebelum beliau pulang ke tanah air dengan hati yang agak sedih.

Empat

BERMULANYA SEBUAH PERJALANAN

Sedikit masa lagi perjalanan kita untuk Merdeka akan sampai pada tangga yang ketiga iaitu apabila delegation ini atau rombongan ini pergi ke London.

Tunku (23 Feb. 1957)

APABILA TUNKU PULANG ke Kedah pada awal tahun 1931, beliau merasa bimbang kalau-kalau dimarahi oleh abangnya kerana gagal untuk mendapatkan ijazah undang-undang. Namun apabila Tunku tiba di Alor Star, beliau telah disambut dengan baik dan tidak ada siapa pun yang menegur Tunku tentang kegagalannya itu. Lagipun ketika itu Tunku sendiri pun sudah cukup dewasa, sudah berusia 28 tahun dan tahu apa yang beliau mahu untuk dirinya sendiri.

Dalam bulan April tahun tersebut Tunku telah dilantik sebagai Penolong Pegawai Daerah Kulim. Di Kulim inilah Tunku memulakan hidupnya sebagai seorang pegawai kerajaan.

Tunku merupakan seorang pegawai yang rajin. Dalam masa beberapa bulan sahaja berada di Kulim, Tunku telah melawat ke setiap ceruk rantau kawasan tersebut dan menjadi terkenal di kalangan penduduk-penduduk kampung.

Kerajinan dan dedikasi yang ditunjukkan oleh Tunku itu dalam sedikit masa sahaja telah membawa pula beliau berpindah ke Kuala Nerang yang ketika itu merupakan pusat pentadbiran bagi daerah Padang Terap. Perpindahan ini berlaku di akhir

tahun 1932 apabila Tunku dinaikkan pangkat dari Penolong Pegawai Daerah kepada Pegawai Daerah.

Daerah Padang Terap, bagaimanapun adalah merupakan sebuah kawasan yang lebih sukar bagi Tunku jika dibandingkan dengan Kulim. Pertama, kerana daerah tersebut masih lagi menjadi kawasan wabak malaria yang utama di Kedah sungguhpun di Alor Star wabak tersebut sudah dapat dikawal. Di samping itu Padang Terap adalah juga merupakan perkampungan kaum Samsan yang berasal dari Siam.

Walaupun dalam tahun-tahun 30-an itu, negeri Kedah sedang menjalani proses pemodenan, tapi masyarakat Samsan di Padang Terap itu masih lagi mengamalkan kehidupan yang kuno. Rumah-rumah mereka hanyalah diperbuat daripada batang-batang buluh yang dibina kira-kira enam kaki dari paras bumi sementara binatang-binatang ternakan mereka pula dibiarkan tidur dan membiak di bawah rumah. Keadaan yang amat kotor ini sudah tentulah sedikit sebanyak mempengaruhi kesihatan kawasan-kawasan di persekitaran penempatan mereka.

Tidak ada sesiapapun yang pasti bagaimanakah orang-orang Samsan yang berugama Buddha ini boleh tersesat di kawasan Padang Terap. Mengikut cerita mereka ini adalah merupakan askar-askar Siam yang telah ditawan oleh tentera Kedah di dalam peperangan negeri itu di zaman silam. Namun apa yang pasti ialah masyarakat Samsan ini bukan sahaja tidak 'friendly' malah 'hostile' dan tebal dengan kepercayaan serta amalan ilmu-ilmu hitam.

Justeru itu kedua-dua perkara ini - malaria dan keadaan hidup masyarakat Samsan, menjadi cabaran utama bagi Tunku sebaik sahaja beliau tiba di Kulim.

Walaupun Tunku seorang anak raja dan merupakan pegawai tinggi kerajaan yang boleh memberi arahan kepada orang bawahannya supaya melakukan sesuatu ke atas masyarakat Samsan ini, namun Tunku telah mengambil inisiatifnya sendiri untuk bertemu dengan mereka dan menerangkan peri pentingnya akan penjagaan kesihatan. Begitupun inisiatif Tunku ini tidak pula diterima dengan tangan terbuka. Sebaliknya mereka melihat Tunku sebagai seorang yang cuba menggugat tradisi yang telah mereka amalkan selama ini.

Sementara rundingan di antara pejabatPegawai Daerah Kulim= dengan masyarakat Samsan diteruskan dari masa ke semasa, Tunku telah mengambil risiko dengan melawat kawasan-kawasan malaria untuk menyiasat punca dan tahap wabak tersebut. Setelah berpuashati dengan apa yang dilihatnya itu sebagai satu keadaan yang terbiar maka beliau mula mendesak Kerajaan. Walau bagaimanapun kerajaan yang ada ketika itu bukanlah seperti kerajaan yang ada hari ini. Ketika itu kuasa eksekutif sama ada di peringkat negeri ataupunpusat adalah tertakluk di bawah kuasa Sir Cecil Clementi selaku Govenor Negeri-negeri Selat merangkap Pensuruhjaya Tinggi Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu. Tunku telah menggesa agar kerajaan mengambil langkah-langkah perlu bagi mengatasi keadaan wabak malaria yang ketika itu sudah sampai ke tahap yang kritis.

Sebagai seorang Pegawai Daerah Tunku merasakan tindakan yang segera dari pihak kerajaan adalah perlu memandangkan daerah Padang Terap sudah menjadi seolah-olah satu kawasan larangan kerana tidak ada penduduk dari kawasan lain yang berani ke situ kecuali penduduk-penduduk daerah tersebut sendiri.

Tapi oleh kerana Padang Terap bukanlah kawasan ekonomi Tanah Melayu yang boleh memberikan keuntungan secara langsung kepada kerajaan British, maka gesaan dan rayuan Tunku itu tidak mendapat apa-apa layanan.

Walaupun Tunku agak 'fed-up' dengan sikap kerajaan penjajah British itu dan mula merasakan tekanan, namun perhubungan asmara beliau dengan Violet Coulson masih tetap diteruskan. Jarak sejauh 13,000 kilometer yang memisahkan negeri Kedah dengan England tidak memberikan makna apa-apa kepada Tunku dan Violet kerana mereka saling berutus surat.

Begitupun Tunku sedar bahawa prospek untuk mendirikan rumahtangga bersama Violet masih lagi diawang-awangan. Apalah gunanya berasmara jika setakat di atas kertas sahaja. Dan lama kelamaan Tunku merasa semacam ada kekosongan di dalam dirinya.

Satu hari dalam tahun 1933, ketika berusia 29 tahun Tunku telah ditanya oleh Makche Manjelara bilakah dia berhasrat untuk mengakhiri zaman bujangnya.

Tunku terdiam. Tak tahu apa yang hendak dikatakan kepada

bondanya. Wajah ayu Violet segera bermain di ruangan mata. Di samping itu ada sebuah wajah lagi yang turut tampil di minda Tunku. Kedua-duanya sedang menguntum senyum kasih dan harapan.

Makche Manjelara menyarankan agar Tunku memilih sahaja bakal isterinya dari kalangan puteri-puteri mana-mana Sultan di dalam Malaya.

Tunku tidak memberikan jawapan tetapi berjanji kepada bondanya bahawa dia akan melangsungkan perkahwinan tidak lama lagi.

Dalam pada itu Tunku telah jatuh hati dengan anak gadis seorang peniaga timah di Alor Star yang Tunku kenal rapat. Walaupun bapa gadis itu seorang berkuturanan China dan ibunya pula berketurunan Siam, namun pada hemat Tunku kebarangkalian untuk mendapatkan kebenaran untuk mengahwini gadis ini tentulah jauh lebih tinggi jika dibandingkan dengan Violet.

Tunku pun meminta kebenaran. Dan kebenaran di perolehi. Justeru itu Tunku mengakhiri zaman bujangnya dengan mengahwini gadis tersebut yang memeluk agama Islam dan mengambil nama Meriam.

Selepas selesai majlis perkahwinan Tunku terus membawa Meriam ke Kuala Nerang. Dan setahun kemudian Tunku dan Meriam di anugerahkan dengan cahaya mata pertama, Tunku Khadijah.

Sungguhpun kehidupan Tunku setelah dikurniakan cahaya mata ini agak bertambah aman dan bahagia, namun senyap-senyap Tunku masih juga berutus surat dengan kekasihnya di seberang lautan. Namun begitu, Tunku tidak pula merasakan apa-apa perasaan 'guilty concious' kerana bukanlah mustahil bagi seorang anak raja seperti Tunku menuruti jejak langkah ayahndanya yang memiliki ramai isteri.

Dalam pada itu kehidupan Tunku sebagai seorang Pegawai Daerah Padang Terap berjalan seperti biasa. Tunku mengambil inisiatif demi inisiatif melawat segala pelusuk daerah tersebut sama ada untuk menyelesaikan sesuatu masalah penduduk ataupun dengan tujuan memperbaiki taraf hidup mereka. Ada kalanya Tunku menaiki kereta. Kadang-kadang berjalan kaki

sahaja. Di tempat-tempat tertentu Tunku menaiki basikal. Dan ada juga ketikanya di mana Tunku terpaksa membonceng di belakang gajah. Pendek kata selama menjadi Pegawai Daerah itu tidak pernah Tunku menyimpan perasaan 'superiority compleks'. Mungkin tidak keterlaluan jika dikatakan di sini bahawa Tunku merupakan salah seorang Pegawai Daerah Padang Terap yang paling rajin.

Ketika Tunku Khadijah berusia kira-kira setahun, Tunku sekali lagi dikurniakan dengan seorang lagi cahaya mata. Kali ini merupakan seorang putera yang diberi nama Tunku Nerang, mengambil sempena nama tempat putera tersebut dilahirkan.

Oleh kerana Tunku Nerang merupakan putera pertama bagi Tunku, dan beliau juga telah dikurniakan dengan seorang puteri, tentulah kegembiraan Tunku tidak dapat disebutkan dengan perkataan. Namun kegembiraan itu bertukar menjadi kesedihan yang amat sangat bagi Tunku selepas 33 hari Tunku Nerang di lahirkan.

Ketika itu Meriam yang masih lagi dalam pantang dan sedang memulihkan tubuhnya selepas melahirkan bayi diserang pula dengan demam malaria. Dan pada hari yang ke-32 penyakit yang melanda isteri Tunku menjadi bertambah hebat. Akhirnya pada hari ke-33, Meriampun kembali ke Rahmatullah dan dikebumikan di Makam Di Raja Langgar. Menurut Tunku kemudian isterinya itu telah diberikan suntikan 'intravenou undiluted quinine injection' dan inilah sebenarnya punca yang menyebabkan isterinya itu meninggal dunia dengan serta merta.

Dengan kematian isterinya itu Tunku tidak ada jalan lain melainkan menghantar kedua-dua putera dan puterinya di bawah jagaan Makche Manjelara di Alor Star. Justeru itu Makche Manjelara menggajikan seorang perempuan Siam yang dikenali sebagai Tok Ichip untuk mengasuh Tunku Khadijah dan Tunku Nerang. Namun selepas beberapa tahun kemudian tugas tersebut dilakukan pula oleh seorang wanita Cina yang kemudiannya kekal menjadi amah kepada Tunku sehingga beliau berpindah ke Kuala Lumpur.

Setelah kematian isterinya itu, Tunku terus memperhebatkan gesaannya agar kerajaan mengambil apa jua langkah yang perlu bagi membasmi malaria. Dan akhirnya kerajaan tidak ada jalan

lain melainkan meluluskan satu skim bagi membasmi wabak tersebut.

Dalam masa beberapa bulan selepas itu apabila keadaan wabak malaria dilihat oleh Tunku sudah agak terkawal, Tunku mengambil keputusan untuk bercuti ke Singapura. Tujuan Tunku bukan sahaja sekadar bercuti, tapi apa yang lebih penting lagi ialah 'sweetheart'nya, Violet Coulson sudahpun tiba di Singapura dari England.

Pertemuan Tunku dengan Violet di Singapura itu membuka lembaran baru dalam hidup Tunku. Ketika itu Tunku sudahpun berusia kira-kira 31 tahun. Dan bagi Tunku, mungkin sudah sampai ketikanya beliau menjadikan impiannya sebagai satu kenyataan.

Tunku yang mendapati hidupnya sekali lagi di ambang kekosongan, mengambil keputusan untuk menikah dengan Violet secara rahsia di Singapura. Keputusan tersebut bukanlah dibuat tanpa sebarang risiko. Sekiranya rahsia itu terbongkar dan berita perkahwinannya sampai ke telinga ayahndanya, beliau terpaksa menghadapi kemungkinan namanya dikeluarkan daripada senarai keluarga di Raja Kedah.

Oleh kerana tempoh percutian Tunku semakin berakhir, maka Tunku terpaksa pulang ke Kuala Nerang. Bagaimanapun Tunku tidak membawa Violet bersamanya tinggal di pekan kecil itu. Untuk memelihara rahsia perkahwinan tersebut Violet tinggal di Pulau Pinang. Tapi Tunku terus mengunjungi isterinya itu dari masa ke semasa.

Sebagaimana kata pepatah Melayu mulut tempayan boleh ditutup tapi mulut manusia... Lama kelamaan berita tentang Tunku memperisterikan seorang gadis Eropah bertiup kencang. Namun berita itu tidak sempat sampai kepada Tenku Mahkota yang menjalankan seluruh urusan Sultan kerana baginda telah mangkat tidak berapa lama kemudian. Apabila Tenku Mahmud yang tidak berapa tegas dalam soal-soal perkahwinan campuran ini diisytiharkan sebagai Tenku Mahkota yang baru, Tunku menyatakan hasratnya untuk mengahwini Violet.

Tenku Mahmud memberikan Tunku 'green-light' tanpa banyak bicara. Begitupun oleh kerana Tunku telah pun bernikah kepada Violet sebelum itu, maka pernikahan kali kedua tidak diadakan.

Perkahwinan secara rasmi di antara Tunku dengan Violet itu bagaimanapun ternyata tidak popular di kalangan pihak-pihak pegawai kerajaan yang terdiri dari kalangan di Raja Kedah. Senyap-senyap mereka mengambil tindakan menukarkan Tunku dari Kuala Nerang ke Pulau Langkawi.

Pulau Langkawi ketika itu bukanlah seperti Pulau Langkawi yang kita lihat sekarang ini. Kalau sekarang dongeng ataupun cerita separa-legenda yang dikaitkan dengan pulau itu setakat kisah Mahsuri tapi di zaman Tunku kisah-kisah lain masih menjadi buah mulut penduduk negeri Kedah. Lagipun Pulau itu sendiri adalah digeruni oleh rakyat Kedah di zaman itu. Sesiapa yang dihantar tinggal di Pulau tersebut seolah-olah sama dengan dibuang negeri kerana kononnya di pulau inilah tempat bersemayamnya segala hantu dan mambang.

Kalau mengikut sebagaimana yang tertulis dalam buku klasik 'Hikayat Merong Mahawangsa', di pulau inilah tinggalnya seekor burung garuda. Burung garuda ini pula merupakan penghuni tunggal pulau tersebut setelah pulau itu menjadi padang jarak padang tekukur akibat peperangan di antara Sri Rama Vishnu dan dewa monyet yang juga disebut sebagai Hanuman.

Menurut riwayat itu, burung garuda ini jugalah yang bertanggungjawab mengakibatkan malapetaka kepada angkatan Merong Mahawangsa dan meranapkan semua kapal-kapalnya. Sebagaimana yang diceritakan dengan ringkas dalam bab 'Lahirnya Seorang Legenda' Merong Mahawangsa, raja pertama Kedah, bagaimanapun telah berjaya sampai ke negeri tersebut setelah kapalnya pecah dan tenggelam di Selat Melaka.

Mengikut buku 'Sejarah Melayu' pula, nama Langkawi dikaitkan dengan peristiwa pembunuhan Tun Jana Khatib, seorang ulamak terkemuka berasal dari Pasai. Tun Jana Khatib telah dihukum bunuh oleh Sultan Ahmad ibni Malik'l-Tahir iaitu Sultan Singapura kerana kononnya cuba menggoda permaisuri Sultan dengan menunjukkan kehandalannya membelah batang pinang dengan renungan sahaja. Semasa hukuman dilaksanakan, tubuh Tun Jana Khatib tiba-tiba ghaib dan timbul di Pulau Langkawi. Untuk menguatkan cerita ini dikarangkan pula pantun yang berbunyi:

Telur itik dari Singora
Pandan terletak di Langkahi
Darahnya titik di Singapura
Badannya terlantar di Langkawi

Sungguhpun ketika Tunku tiba di Langkawi kepercayaan-kepercayaan seperti ini masih menebal di kalangan para penduduk Langkawi dan tambahan pula Tunku berdarah keturunan Merong Mahawangsa, namun Tunku tidak langsung bimbang kalau-kalau pejabat Pegawai Daerah Langkawi dilanggar garuda. Malah sebagai Pegawai Daerah Pulau Langkawi, Tunku mendapati tugasnya lebih mudah. Walaupun Pulau Langkawi ketika itu bukanlah kawasan pelancongan utama dan 'tax-heaven' seperti hari ini, namun ia merupakan syurga buat Tunku dan juga Violet.

Dalam tahun 1982, Tunku sendiripun pernah menceritakan tentang perjalanannya ke Pulau Langkawi melalui buku beliau bertajuk 'Political Awakening'. Antara lain Tunku menulis:

I remember well the journey by Government launch, Langkawi to t he island which normally took four hours but this time it took 10 hours. As soon as we left the mainland a storm broke out which blew the boat in all directions. My family - my wife and I and two young children (Khadijah, now a grandmother, and Nerang) - and the servants were on deck and we had to hold on to the railings to save ourselves from being flung overboard. Finally, late at night we entered the harbour of Langkawi, and we were so relieved to cruise on smooth sea at last after the terrible 10-hour nightmare. The boat was then tied to the wharf, and it was so nice and heavenly to feel the terra firma beneath our feet again. But we had to climb up a hill to reach the sanitorium. Without much ado we retired to the bedrooms, too sick to take any dinner amd went straight to sleep.

The first night I leep in the sanitorium because it was too late in the night to wade through the expanse of mud bank to reach the district officer's quarters at low tide, but all my

luggage had been taken to the quarters.

Tugas Tunku sebagai Pegawai Daerah Pulau Langkawi agak berlainan dengan tugasnya ketika menjadi D.O. di Padang Terap. Oleh kerana Langkawi tidak ditimpa wabak penyakit malaria maka tugas utama Tunku ialah memperbaiki keadaan jalan-jalan di serata pulau tersebut dan menyelesaikan masalah-masalah para penduduk di situ.

Salah satu sumbangan Tunku untuk pulau ini ialah pembinaan sebuah jeti di Kuah, satu-satunya pekan yang terdapat di Langkawi. Dengan terbinanya jeti tersebut mereka yang bersampan dari Kuala Kedah tidak payah meredah pantai yang berlopak sejauh 300 meter untuk ke Kuah di waktu air surut.

Walaupun menangkap ikan adalah merupakan kerja utama yang dilakukan oleh orang-orang Melayu dan juga Cina di Langkawi, namun terdapat juga sawah padi dan juga ladang getah. Bagaimanapun ladang getah itu adalah milik sebuah syarikat British. Dan para peladang getah inilah yang menja di rakan-rakan Tunku.

Di waktu lapang Tunku banyak menghabiskan masanya sama ada menemankan isterinya berenang ataupun bermain bola dengan pemuda-pemuda kampung. Sekali-sekala Tunku turut juga bermain mahjong dengan towkeh-towkeh ikan Cina.

Ketenangan dan keseronokan hidup di Pulau Langkawi bagaimanapun cuma untuk dua tahun sahaja kerana selepas itu Tunku sekali lagi diarahkan bertukar. Kali ini bukan lagi di daerah Kulim ataupun Padang Teraptapi ke daerah Sungei Patani yang sedang pesat membangun.

Sementara Tunku dan Violet menerima pertukaran ini dengan segala senang hati kerana maklumlah pertukaran ini seolah-olah sebagai berakhirnya kehidupan dipulau yang terpencil, namun dalam masa yang sama ia juga menandakan berakhirnya kebahagiaan mereka berdua. Di waktu itu ketegangan rumah-tangga Tunku menjadi semakin tegang ibarat genting menanti putus. Krisis demi krisis yang melanda akhirnya menyebabkan Violet terpaksa kembali ke England dalam tahun 1937. Walau bagaimanapun mereka tetap juga menjadi suami isteri kerana Tunku belum lagi membuat keputusan untuk menceraikan isteri

berbangsa Inggerisnya itu.

Dalam tahun 1938 Tunku telah ke London untuk mengambil peperiksaan undang-undangnya yang masih belum selesai. Walaupun beliau bertemu Violet dan cuba melakukan sesuatu untuk memulihkan semula rumahtangga mereka tapi usaha itu gagal. Violet enggan pulang ke Kedah dan hidup di samping Tunku. Begitupun Tunku masih juga menaruh harapan dan tidak menceraikan Violet.

Apabila Tunku pulang ke Kedah, beliau sekali lagi merasakan tekanan hidup bersaorangan. Oleh yang demikian Tunku tidak ada jalan lain melainkan mencari seorang pasangan hidup. Kali ini pilihan Tunku bukan lagi seorang wanita yang baru memeluk agama Islam. Pilihan Tunku kali ini ialah seorang gadis yang bakal menemani hidupnya sehingga akhir hayat.

Tunku menikahi (Tun) Sharifah Rodziah, anak dari keluarga yang terkenal di Alor Star dalam tahun 1939. Sebagaimana pepatah Inggeris yang menyebut 'There's a woman in the life of every sucessful man', maka tidak keterlaluan jika dikatakan Sharifah Rodziah adalah merupakan wanita yang dimaksudkan oleh peribahasa tersebut.

Tunku dan Sharifah Rodziah memulakan hidup mereka di Sungai Petani. Oleh kerana Sungai Patani memiliki jumlah penduduk yang lebih ramai jika dibandingkan dengan daerah-daerah yang terdahulu, maka Tunku mendapati beliau sentiasa sibuk dengan tugas-tugasnya. Lagipun di zaman Tunku, jawatan D.O. memang merangkumi bidang pentadbiran. Selain dari menjaga hal-ehwal penduduk-penduduk di daerah tersebut, Tunku juga terpaksa mengambil tugas sebagai seorang majistret mahkamah rendah sekali dalam masa setiap minggu. Di samping itu Tunku juga bertanggungjawab di atas kesihatan awam daerah tersebut kerana sebagai D.O., Tunku juga adalah Pengerusi Pihak Berkuasa Tempatan walaupun di zaman Tunku disebut sebagai 'Sanitary Board..

Sungguhpun waktu pejabat adalah dari pukul 8.00 pagi hingga pukul 4.00 petang, namun waktu bekerja Tunku adalah lebih daripada itu. Ini kerana sebagai seorang Pegawai Daerah yang cukup peka dengan hal-ehwal penduduk daerah tersebut, rumah Tunku sentiasa terbuka untuk sesiapa sahaja dan sering kali ada

sahaja orang yang datang walaupun di waktu malam.

Walau bagaimanapun Tunku tidak berapa gemar dengan 'paperwork' yang terpaksa dilakukannya. Sebaliknya Tunku lebih suka berbasikal dan melawat kampung-kampung dan bertemu dengan para penduduk di tempat yang dilawatinya. Bagi mereka ini, kesudian Tunku duduk bersila bersama mereka di atas tikar mengkuang dalam rumah mereka yang tidak sepertinya, atau duduk bersembang di kedai-kedai sambil minum dan makan ala kadar adalah sesuatu yang aneh. Ini kerana Tunku bukan sahaja Pegawai Daerah, seorang pegawai berpangkat tinggi yang cukup dihormati oleh penduduk kampung di zaman tersebut, tapi apa yang lebih penting lagi ialah Tunku ialah putera kepada Sultan mereka.

Dengan sikap rendah diri yang ditunjukkan oleh Tunku itu serta sikap 'berkhidmat untuk rakyat' maka tidak hairanlah sekiranya Tunku menjadi amat popular di kalangan para penduduk daerah Sungei Patani di zaman itu. Bahkan tidak salah kalau kita katakan bahawa Tunkulah merupakan Pegawai Daerah yang paling popular dalam sejarah negeri Kedah.

Seperti yang pernah dilakukan oleh beliau di Kuah, Pulau Langkawi iaitu mengumpul wang atas usaha beliau sendiri untuk membina jeti, begitulah juga halnya di Sungai Petani. Di Sungei Petani Tunku bukan sahaja mengambil inisiatif untuk mengumpul wang untuk membina sebuah masjid malah Tunku turut sama memberikan sumbangan tenaga fizikal dalam pembenaan masjid tersebut. Tunku turut merendamkan tubuhnya di dalam sungai untuk membantu mengangkat kayu-kayu balak yang hendak digunakan bagi membina masjid tersebut. Dan masjid tersebut siap dibina, penduduk kampung tersebut menamakan masjid tersebut sebagai 'Masjid Rahmaniah' iaitu mengambil sempena nama Tunku.

Dalam bukunya 'Tamu Istimewa', Abdul Aziz Ishak pernah mnejelaskan pertemuannya dengan Tunku untuk pertama kalinya di pertengahan tahun-tahun 30-an. Beliau menulis:

> *Pertemuan saya yang pertama dengan Tunku Abdul Rahman Putera telah berlaku di Pulau Pinang dalam tahun 1936. Encik M.Saravanamuthu, yang pada waktu itu menjadi*

> *pengarang 'The Straits Echo', harian yang terbit di utara Malaysia, ialah kawan yang memperkenalkan kami disebuah cabaret.'*

Dalam tahun tersebut, Tunku belum lagi bergiat dalam politik dan malah UMNO pun masih belum ditubuhkan. Tetapi mengapakah Tunku begitu rapat dengan Sara, nama yang biasa di panggil untuk pengarang akhbar 'The Straits Echo itu.

Munurut Harry Miller dalam bukunya 'Prince and Premier' yang diterbitkan dalam tahun 1959:

> *In the more vigorous climate of a town (Sungei Petani) Abdul Rahman became more critical of the shape of of Government in his State. He publicly expressed disapproval of some aspects. He did just voice his criticisms; he went to the extend of writing to the Penang newspaper, 'the Straits Echo' whenever he felt he should express disapproval.*

Dengan petikan-petikan di atas jelaslah bahawa Tunku rupa-rupanya sudah mula menggunakan media massa untuk menyatakan kepekaan beliau terhadap bangsa dan negara. Dalam lain perkataan, tulisan-tulisannya yang keras menghentam kerajaan Kedah ketika itu bolehlah disifatkan sebagai titik-permulaan karier politik beliau dalam konteks semangat dan perjuangan nasionalisme.

Oleh kerana apa yang dilakukan oleh Tunku itu adalah menyalahi Perintah Am yang ditetapkan untuk kakitangan awam maka beliau sering dipanggil oleh Menteri Besar dan juga Penasihat British untuk penjelasan. Tidak hairanlah sekiranya dengan tindak-tanduk itu Tunku acapkali pulamenerima amaran bahawa tindakan disiplin yang sekeras-kerasnya akan diambil terhadap beliau.

Walaupun kecaman-kecaman serta ancaman tindakan disiplin yang terpaksa dihadapi oleh Tunku adalah amat keras, namun Tunku tidak sedikitpun merasa gusar. Pertama kerana beliau tahu bahawa beliau hanya mahu memperbaiki keadaan negeri Kedah dan penduduknya dan kedua, walaupun beliau seorang pegawai kerajaan yang berpangkat D.O., beliau tetap anak kepada Sultan yang memerintah negeri. Oleh itu Tunku tidak menghiraukan

segala ancaman-ancaman tersebut.

Tunku tidak suka kepada Penasihat British. Bagi Tunku kehadiran wakil kerajaan British itu di Kedah adalah bukan untuk berkhidmat kepada negeri Kedah dan juga rakyatnya tapi lebih merupakan simbol kekuasaan kerajaan kolonial. Justeru itu Tunku pernah mempertikaikan kuasa veto yang terletak di tangan Penasihat British itu tentang sesuatu keputusan yang berkaitan dengan keputusan kerajaan negeri.

Perbalahan antara Tunku dengan kerajaan negeri Kedah, terutamannya terhadap Menteri Besar dan juga Setiausaha Kerajaan sampai ke kemuncaknya dengan timbulnya isu berkenaan perlesenan teksi. Terdahulu dari itu, kerajaan negeri telah memberikan arahan secara bertulis kepada Tunku agar membatalkan semua lesen teksi yang telah dikeluarkan kepada orang-orang persaorangan. Walau bagaimanapun lesen-lesen tersebut akan dikeluarkan semula tapi bukan atas nama persaorangan. Dalam lain perkataan pemandu-pemandu dan pemilik-pemilik lesen teksi tersebut terpaksa menubuhkan sebuah syarikat untuk meneruskan pencarian mereka sebagai pemandu teksi.

Arahan yang dikeluarkan oleh kerajaan negeri ini dilihat oleh Tunku sebagai satu keputusan yang menyusahkan rakyat. Justeru itu Tunku enggan mematuhi arahan tersebut.

Bagaimanapun, oleh kerana arahan itu merupakan arahan kerajaan negeri, maka ia berkuatkuasa juga sama ada Tunku mematuhinya atau tidak. Justeru itu pihak kerajaan negeri telah mengarahkan OCPD Sungei Petani mengalih teksi yang diletakkan di tempat meletak teksi yang telah digazetkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan menyaman mana-mana pemandu yang enggan mematuhi arahan tersebut.

Tunku yang menganggap arahan tersebut berbau kolonial, tahu apa yang harus dilakukannya walaupun tindakannya itu kelak bukan sahaja melanggar arahan bahkan akan menyebabkan tindakan disiplin yang berat dikenakan terhadap diri beliau.

Sebagai menyatakan bantahannya, Tunku telah menjelaskan kepada pemandu-pemandu teksi di Sungei Petani supaya tidak berasa bimbang sekiranya pihak polis menyaman mereka. Bahkan apabila polis menyaman pemandu-pemandu teksi yang terlibat itu dan membawa mereka ke muka pengadilan, Tunku yang

menjadi majistret ketika itu hanya memberikan amaran ringan yang lebih bersifat 'melepaskan batuk di tangga' dan membebaskan mereka tanpa sebarang denda. Dan pernah terjadi apabila pihak polis mengalih teksi pemilik persaorangan yang diletakkan di kawasan tempat meletak teksi, Tunku secara peribadi memandu teksi itu kembali ke tempat meletak teksi. Oleh kerana Tunku bukanlah dari kalangan orang biasa, dan berpangkat majistret dan pegawai daerah pula, maka tidak ada seorang anggota polis pun yang berani mengalihkan kereta itu semula. Dengan tindakan Tunku itu, perhubungan Tunku dengan OCPD Sungai Petani, dan yang lebih penting lagi perhubungan Tunku dengan Menteri Besar, Setiausaha Kerajaan Negeri dan Penasihat British menjadi semakin tegang.

Dengan tindakan Tunku yang dilihat oleh pihak berkuasa kerajaan negeri sebagai sudah melampaui batas, maka mereka tidak ada jalan lain melainkan mengambil tindakan disiplin terhadap Tunku. Oleh kerana tindakan memecat Tunku atau memaksanya agar meletakkan jawatan tidak sesuai untuk dilaksanakan memandangkan ini akan menimbulkan kemarahan kepada penduduk Sungai Petani dan mungkin akan menyebabkan tunjuk perasaan dan sebagainya dan lebih-lebih lagi tindakan seperti itu sudah tentu akan meninggalkan kesan yang buruk apabila dikaitkan dengan keluarga di Raja Kedah, maka pihak berkuasa Kerajaan negeri telah mengarahkan pertukaran Tunku dalam masa 24 jam. Tunku diarahkan bertukar dengan serta merta dari Sungei Petani ke Kulim

Dalam keadaan isu perlesenan teksi ini, pihak berkuasa negeri merasakan Kulim adalah tempat yang sesuai bagi Tunku kerana tidak mungkin beliau dapat melanggar arahan berkaitan dengan isu tersebut kerana Pegawai Daerah sebelum Tunku sudah pun melaksanakan arahan tersebut dan arahan itu sudahpun berkuatkuasa di Kulim.

Pada hari berikutnya, Tunku telah bertolak ke Kulim. Sebagai menghargai jasa-jasa Tunku itu hampir kesemua teksi yang ada di Sungei Petani telah membentuk barisan dan mengiringi Tunku disepanjang perjalanannya 60 kilometer ke Kulim.

Dalam tahun 1939, apabila Tunku kembali dari England setelah bercuti dan mengambil peperiksaan undang-undang Bahagian I

yang mana beliau telah lulus, Tunku telah berazam untuk meninggalkan perkhidmatan kerajaan sebaik sahaja ada peluang yang terbuka untuknya. Tapi sementara menunggu peluang yang diharap-harapkan itu tiba, Tunku terpaksa menjalankan tugas biasanya sebagai Pegawai Daerah Kulim.

Sementara tidak banyak peristiwa yang berlaku di Kulim, dalam tahun itu, di Eropah pertelingkahan di antara fahaman imperialisme, sosialisme dan totalitarianisme semakin hampir ke kemuncaknya. Dan akhirnya pada 1 September 1939 tentera German yang dikenali sebagai 'Wehrmacht' menyerang dan menawan Poland. Dengan serangan tersebut, Britain dan Perancis pun mengisytiharkan perang terhadap German. Dua minggu selepas Poland jatuh ke tangan German, Adolf Hitler yang membuat pakatan rahsia dengan Stalin untuk menawan Warsaw dan menghapuskan masyarakat Yahudi di Eropah.

Peristiwa-peristiwa dalam bulan September tahun tersebut telah sesunggunya mengisyaratkan bahawa sebuah lagi peperangan besar yang mungkin melibatkan seluruh dunia akan berlaku.

Oleh kerana Great Britain terlibat secara langsung dalam peperangan ini, maka Malaya yang ketika itu masih lagi dibawah jajahannya diletakkan dibawah keadaan berjaga-jaga walaupun menurut Pejabat Perang di London kemungkinan bagi Malaya terlibat sama dalam perang di Eropah itu tidak timbul sama sekali.

Sementara perang di Eropah berterusan, keadaan di Kulim berjalan seperti biasa. Kalau adapun yang berlainan, cuma Tunku sahaja yang diatas jawatannya sebagai Pegawai Daerah, beliau telah dilantik sebagai Timbalan Pengarah 'Air Raid Precautions.

Dan sebagai Timbalan Pengarah operasi tersebut, Tunku telah mengumpulkan sukarelawan-sukarelawan yang sanggup mengorbankan sedikit darti masa mereka untuk menjalani latihan seperti mengesan dan memusnahkan bom, operasi menyelamat, memindahkan orang ramai dari satu-satu bangunan awam, pengawalan kumpulan orang ramai dan sebagainya.

Dalam pada itu, kerajaan negeri mengarahkan Tunku membena dan mempertingkatkan stok padi di daerahnya. Alasan yang diberikan oleh kerajaan negeri ialah sekiranya kapal-kapal British yang membawa kargo makanan ke pelabuhan-pelabuhan di Asia

Tenggara dimusnahkan oleh pihak tentera German, maka Kedah tidak akan mengalami sebarang kekurangan makanan.

Walaupun arahan ini baik tapi alasannya agak 'foolish', namun Tunku tidak kuasa mempertikaikannya melainkan mematuhi sahaja arahan tersebut dengan mengerahkan mereka yang berkenaan membena stor-stor sebagaimana yang dikehendaki oleh kerajaan negeri itu.

Namun demikian, dalam masa yang sama Tunku telah menggesa kerajaan negeri agar membena pusat-pusat penempatan sementara yang boleh menempatkan para penduduk sesuatu kawasan ataupun kampung sekiranya berlaku serangan ataupun tercetusnya peperangan. Tapi malangnya, bukan sahaja idea Tunku itu ditertawakan oleh mereka yang telah menyenarai-hitamkan Tunku, malah idea itu dianggap pula sebagai satu idea yang bodoh kerana menurut mereka adalah mustahil untuk Kedah hatta Malaya sekalipun untuk terlibat sama ataupun menerima tempias dari peperangan yang ketika itu sedang berlaku di Eropah.

Bagaimanapun Tunku tidak mahu mengambil peduli akan keputusan kerajaan negeri itu. Tunku tahu ancaman perang bukanlah sesuatu yang boleh dianggap ringan. Kalau perang tidak berlaku di Malaya, Alhamdulillah. Tapi bagaimana kalau perang di Eropah itu melarat ke Asia Tenggara. Siapa tahu kalau-kalau Joseph Stalin dan Hitler membuat pakatan untuk meletakkan Asia Tenggera di bawah panji-panji sosialisme Marxist. Lagipun apa yang mustahil berlaku di Poland sudahpun berlaku.

Dalam konteks ini Tunku semacam ada satu intuisi. Dengan inisiatifnya sendiri dan dengan kuasa yang ada di tangannya sebaga D.O. Tunku telah mengarahkan 'Sanitary Board of Kulim' untuk mendirikan enam buah rumah panjang di sebuah kawasan berbukit kira-kira tiga kilometer dari pekan Kulim. Rumah-rumah panjang yang boleh memuatkan kira-kira 5,000 orang ini dileng-kapkan dengan bekalan makanan seperti beras, sardin dan maka-nan-makanan tin yang lain.

Sementara semua ini berlaku di Kulim dan sementara perang berterusan di Eropah, rakyat Jepun yang bekerja di Kedah sebagai tukang gunting rambut, jurugambar, pemilik estet dan sebagainya terus mempamerkan semangat dan sikap setiakawannya kepada

para penduduk Kedah. Begitupun pada hari-hari cuti hujung minggu mereka tidak pula kelihatan di sekitar pekan-pekan tempat mereka bekerja. Bagi kebanyakan penduduk Kedah dan juga askar-askar British yang ditempatkan di situ, mereka tentulah menyangka bahawa rakyat-rakyat Jepun itu sedang bermandikan sinaran matahari dan air laut di Batu Feringgi ataupun Tanjung Bunga, Pulau Pinang. Tapi apa yang sebenarnya berlaku ialah merka telah masuk ke hutan pada setiap hujung minggu dan menghantar maklumat kepada kerajaan Jepun tentang tahap pertahanan di Kedah, kedudukan dan status persediaan tentera udara British, R.A.F. , lokasi pengkalan, garison dan barek-barek mereka dan juga rancangan pertahanan yang dicadangkan oleh kerajaan negeri di sekitar Jitra. Diam-diam mereka melakarkan peta-peta bagaimana tentera Jepun dapat meredah hutan di Segenting Kera untuk masuk menyerang Malaya.

Begitupun tidak siapa yang tahu akan rancangan Jepun itu. Tidak juga pihak British di Pejabat Perang di London, mahupun pejabat Setiausaha Tanah Jajahan, tentera-tentera R.A.F. yang berpengkalan di Pualu Pinang, Penasihat British dan tidak juga Tunku.

Untuk dua tahun selepas serangan yang dilakukan oleh tentera German terhadap Poland, tidak ada apa-apa pun yang berlaku di Kulim.

Pada subuh 7 Disember 1941 beberapa orang ahli diplomat Jepun sedang menemui Setiausaha Negara Amerika Cordell Hull di Washington D.C. Dan dalam waktu yang sama di Pengkalan Tentera Laut Amerika Syarikat di Pelabuhan Pearl, Hawaii satu squadron kapalterbang pejuang tentera Jepun sedang membedil pelabuhan tersebut dan melumpuhkan Angkatan Tentera Laut Amerika di perairan Pasifik.

Pada hari berikutnya satu squadron kapalterbang-kapalterbang tentera Jepun telah membedil pula padang-udara (aerodome) di Sungai Petani dan memusnahkan hampir kesemua kapalterbang-kapalterbang milik British Royal Air Force yang terletak di situ dan dalam waktu yang sama melancarkan serangan kilat terhadap pengkalan R.A.F dan memusnahkan barek-barek tentera dan meledakkan stok minyak milik tentera British.

Begitupun keadaan kehidupan di Alor Star berjalan seperti

biasa. Kedai-kedai terus dibuka walaupun kerajaan negeri sudah-pun mengambil keputusan membahagi-bahagikan beras kepada rakyatnya. Sementara itu kerajaan negeri dan pihak tentera juga mengambil keputusan memindahkan Sultan Abdul Hamid yang sudah lanjut usia serta gering pula itu ke Pulau Pinang bagi mengelakkan sebarang bahaya sekirannya pihak tentera Jepun benar-benar masuk untuk menakluki Kedah.

Walaupun keputusan yang melibatkan Sultan meninggalkan rakyatnya itu menimbulkan tentangan secara senyap-senyap oleh beberapa pihak, namun rancangan tersebut diteruskan juga pada hari Sabtu yang berikutnya. Segala langkah untuk memelihara kerahsiaan pemindahan tersebut telah diambil bagi mengelakkan berita tersebut sampai ke telinga talibarut-talibarut Jepun.

Mereka yang mengetahui tentang pemindahan ini pun sedikit sahaja jumlahnya. Malah Tunku Abdul Rahman yang masih berada di Kulim juga tidak tahu akan keputusan kerajaan negeri itu.

Antara yang diletakkan dengan tanggungjawab menyimpan rahsia tersebut ialah Syed Omar. Bagaimanapun Syed Omar tidak begitu bersetuju dengan keputusan memindahkan Sultan ke Pulau Pinang. Beliau dan beberapa orang lagi pegawai-pegawai tinggi Melayu kerajaan negeri Kedah merasakan bahawa tempat sese-orang Sultan mestilah di samping rakyatnya.

Oleh kerana Syed Omar tidak nampak bahawa kerajaan negeri akan membatalkan keputusan tersebut, maka beliau tidak ada jalan lain melainkan memecahkan rahsia tersebut kepada Tunku yang berada di Kulim dengan harapan Tunku dapat melakukan sesuatu. Justeru itu, Syed Omar telah menelefon Tunku.

Tunku terkejut. "Apakah mereka dah gila," kata Tunku dengan nada yang marah.

Tunku sebenarnya bimbang kalau-kalau pihak musuh dapat mengesan rancangan tersebut dan melakukan sesuatu kepada ayahndanya. Dan lagi perjalanan tersebut juga terpaksa meng-hadapi risiko bedilan bom dari kapalterbang-kapalterbang Jepun.

Sebaik sahaja menerima panggilan telefon dari Syed Omar itu, Tunku terus menelefon kekandanya Tunku Badlishah, Tenku Mahkota Kedah yang ketika itu menjalankan hampir kesemua urusan rasmi baginda Sultan.

"Walaupun ayahnda dalam keadaan gering, tempatnya tetap dengan rakyatnya," jelas Tunku kepada Tenku Badlishah.

Namun begitu, Tenku Badlishah menjelaskan kepada Tunku bahawa dia tidak dapat berbuat apa-apa.

Tunku kemudiannya menelefon kembali Syed Omar dan meminta beliau menghubunginya sekiranya terdapat apa-apa perkembangan baru.

"Bagi tahu saya pukul berapa depa nak bertolak. Macam mana pun saya akan buat sesuatu," kata Tunku sebelum mengakhiri perbualan telefonnya yang ringkas dengan Syed Omar.

Bagi Syed Omar, maklumat-maklumat yang diperlukan oleh Tunku itu bukanlah merupakan masalah yang besar. Bahkan sebagai salah seorang yang memegang tanggungjawab utama dalam operasi itu, beliau tahu segala butiran-butiran operasi itu secara terperinci.

Sementara operasi memindahkan Sultan Abdul Hamid itu akan mula bertolak dari Alor Star pada jam 4.00 pagi, hari Selasa yang berikutnya, Tunku yang menganggap bahawa Pulau Pinang bukanlah tempat yang selamat bagi Sultan memandangkan R.A.F. mempunyai pengkalannya di pulau tersebut dan ini sudah tentu menarik perhatian pihak Jepun, sudahpun selesai melakarkan rancangannya sendiri bagi menghalang pemindahan tersebut.

Pada pagi Selasa itu, kira-kira jam 4.00 pagi, Almarhum Sultan Abdul Hamid pun menaiki kereta baginda, sebuah Rolls Royce berwarna kuning. Kereta yang mengiringi kenderaan Di Raja itu bergerak kira-kira jarak dua minit. Ini dilakukan agar tidak menimbulkan sebarang syak wasangka kepada kapalterbang-kapalterbang pengebom Jepun yang mungkin melancarkan serangan di waktu awal subuh itu. Dan jalan yang mereka lalui adalah jalan biasa untuk ke Pulau Pinang melalui jalanraya dari Alor Star.

Sementara rombongan di Raja itu mula bertolak, Tunku sudahpun bersembunyi di satu persimpangan lencongan jalan di Kepala Batas. Dari persimpangan ini, sesebuah kenderaan yang hendak ke Pulau Pinang boleh terus mengikut jalanraya utama. Tapi sekiranya kenderaan itu melencong ke sebelah kiri, maka ia akan terus ke Kulim yang terletak kira-kira 20 kilometer dari simpang lencongan itu.

Tunku menanti dengan tenang di sebuah pondok buruk yang terletak beberapa meter sahaja dari bahu jalan. Lokasi pondok itu memang cukup strategik kerana tidak ada seorangpun yang mungkin dapat melihatnya dalam keadaan subuh yang gelap itu.

Tunku memasang sebatang rokok. Sambil menghembuskan asap rokok beliau menghidu udara pagi yang nyaman. Tidak lama kemudian, kereta yang pertama lalu di hadapan pondoknya. Tunku tersenyum sendirian sambil membiarkan kereta tersebut terus berlalu.

Sebaik sahaja kereta Rolls Royce berwarna kuning tampak bergerak menuju kelencongan tersebut, Tunku terus meluru ke tengah-tengah jalan raya. Oleh kerana ketika itu Tunku menyamar sebagai anggota polis A.R.P dengan memakai pakaian seragam unit tersebut dan bertopi besi, pemandu kereta Sultan menyangkakan tentulah ada sesuatu yang berlaku di hadapan. Oleh itu apabila Tunku memberikan isyarat kereta Di Raja itu terus berhenti di hadapannya.

Tunku membuka pintu belakang dan terus memperkenalkan dirinya kepada ayahndanya. Selain daripada Sultan, seorang kekanda Tunku (dari ibu yang berlainan) turut mengiringi Sultan.

"Apa halnya ni," tanya Tenku Yahya dengan kehairanan. Tunku menjelaskan kepada baginda Sultan bahawa arahan yang asal telah ditukar secara tiba-tiba kerana beberapa sebab yang tidak dapat dielakkan dan dia diarahkan untuk membawa Tuanku Sultan ke Kulim.

Tenku Yahya bagaimanapun tampak seperti tidak percaya dengan kata-kata Tunku itu. Namun sebelum beliau dapat mengatakan sesuatu, baginda Sultan Abdul Hamid sudahpun mengangguk-anggukkan kepalanya tanda bersetuju dengan pindaan tersebut.

Tanpa membuang masa, Tunku terus mengarahkan pemandu kereta DiRaja itu agar mengikuti keretanya lalu Tunku masuk ke dalam keretanya sendiri dan terus memandu ke Kulim.

Sebaik sahaja kereta Tunku dan juga kereta yang membawa Sultan Abdul Hamid membelok ke kiri untuk mengambil jalan lencongan ke Kulim, sebuah kereta yang mengiringi kenderaan di Raja pun tiba. Namun kereta tersebut tidak sempat melihat kereta

Rolls Royce yang sudahpun membelok ke kiri. Dengan itu kereta pengiring tersebut meneruskan perjalananya melalui jalan ke Pulau Pinang.

Apabila kesemua kereta-kereta pengiring itu tiba di Pulau Pinang, pegawai-pegawai dan pihak polis yang mengiringi baginda Sultan terkejut besar kerana kereta Sultan tidak juga kelihatan. Ada yang membuat tiori bahawa kereta Sultan telah diserang. Tapi tiori itu cepat-cepat dipersoalkan kerana setahu mereka tidak ada satu laporan yang membuktikan kesahihan tioritersebut.

Tenku Badlishah yang bimbang dengan kehilangan ayah-andannya itu menelefon Tunku di Kulim. Dan Tunku menjelas-kan ayahnda berada dalam keadaan selamat.

"Dimanakah baginda Sultan dan kenapakah kamu colek bagin-da?" kata Tenku Badlishah kepada Tunku menerusi percakapan telefon.

Tunku bagaimanapun sebagaimana biasa tetap 'cool' walaupun tindakannya itu telah menyebabkan kekecohan yang besar.

"Tuanku dalam keadaan selamat dan ada dengan saya ini. Saya buat macam itu sebab saya ingat adalah satu perkara yang sangat memalukan bagi seseorang Sultan meninggalkan rakyatnya. Saya bercadang untuk menghantarkan Tuanku ke suatu tempat lain yang lebih selamat. Di Pulau Pinang Tuhanku tidak akan selamat sebab Pulau Pinang akan dibom Jepun lebih dahsyat lagi dari mana-mana pekan di Kedah ni. Saya akan membawa Tuanku ke sebuah kampung. Di situ baginda akan lebih selamat."

Mendengar penjelasan Tunku itu, Tenku Badlishah menjadi bertambah berang.

"Saya mengarahkan kamu agar menghantar Duli Sultan ke Pulau Pinang sekarang juga. Kalau tidak kamu akan susah," Tenku Badlishah memberikan amarannya kepada Tunku

"Kalau kamu mahu mengambil Tuanku, datanglah ke Kulim. Tapi langkah mayat saya dulu," jawab Tunku kepada Tenku Badlishah.

Pada malam Selasa itu juga Tenku Badlishah ke Kulim untuk menemui Tunku. Pertemuan mereka berdua pada malam itu bertambah tegang dari percakapan telefon pada sebelah paginya. Leih-lebih lagi Tunku telah diberitahu oleh Tengku Mohamad Jewa bahawa kerajaan Kedah sedang berura-ura mengeluarkan

waran penangkapan terhadap beliau.

Setelah bertikam lidah buat beberapa ketika, Tenku Badlishah akhirnya bersetuju dengan rancangan Tunku. Dan pada keesokan harinya mereka berdua membawa Tuanku Sultan ke sebuah rumah yang dikhaskan untuk menempatkan Tuanku di sebuah kampung terpencil yang dikenali sebagai kampung Siddim dalam daerah Kulim.

Setelah mengarahkan ketua kampung dan penduduk kampung tersebut menjaga dan mempertahankan baginda Sultan walaupun dengan nyawa mereka sendiri, Tunku dan kekandanya meninggalkan kampung tersebut.

Dua hari kemudian, iaitu pada hari Khamis, sedang Tunku menantikan penangkapannya, kapalterbang-kapalterbang Jepun telah mengebom pengkalan R.A.F. di Butterworth dan kemudian membedil pula Pulau Pinang. Mayat-mayat bergelimpangan di jalan raya. Pengeboman ini kemudian dilakukan pula ke atas Alor Star. Dan pada hari Jumaat, pihak berkuasa tentera British mengeluarkan arahan supaya semua penduduk Alor Star meninggalkan bandar tersebut. Perlu juga dinyatakan di sini bahawa Alor Star tidak mempunyai khemah-khemah penempatan sebagaimana yang didirikan di Kulim.

Sesungguhnya peristiwa-peristiwa yang berlaku itu memberikan tamparan hebat kepada kerajaan negeri Kedah dan juga pihak British. Dengan keadaan yang demikian hasrat mereka untuk manangkap Tunku dibatalkan sahaja.

Di samping itu peristiwa-peristiwa ini juga menandakan bahawa demam perang di Eropah sudah merebak ke Kedah.

Apabila tentera-tentera Jepun memasuki Kedah melalui Siam dengan mengikuti jalan-jalan yang telah dirintis oleh tukang-tukang gunting mereka, Kedah yang tidak memiliki pusat penempatan kecuali bagi para penduduk Kulim sahaja menjadi sasaran yang mudah bagi askar-askar Jepun.

Dan akhirnya apabila tentera Jepun yang berjumlah kira-kira 100,000 orang di bawah perintah General Tomoyuki Yamashita berjaya mengalahkan Singapura pada 31 Januari 1942, Malaya yang selama itu dikuasai oleh British pun jatuh ke tangan Jepun.

Lima

TUNKU DI ZAMAN JEPUN

The Battle of Waterloo was won on the playing field of Eton.
Duke of Wellington

Tanyalah sesiapa sahaja yang pernah hidup di zaman pemerintahan Jepun, mereka tentu mengingati betapa peritnya keadaan hidup di zaman itu. Diet ubi kayu yang direbus menggantikan nasi adalah sesuatu perkara yang bukan tidak biasa. Bagi masyarakat China Malaya pula nyawa mereka sentiasa terancam kerana pihak tentera Jepun menganggap mereka terlibat dengan pergerakan komunis.

Pemerintahan di zaman Jepun tidak kenal kepada perkataan 'siasatan' ataupun 'perbicaraan'. Sesiapa sahaja yang dianggap telah melakukan apa yang ditakrif oleh tentera Jepun sebagai kesalahan akan terus menerima hukuman yang setimpal. Dan pada kebiasaannya hukuman yang setimpal itu ialah pemenggalan kepala pesalah dari badan seperti yang digambarkan dalam novel Ahmad Murad Nasaruddin, 'Nyawa di Hujung Pedang'.

Bagi Tunku, nyawanya juga acap kali berada dihujung pedang Jepun dalam usaha beliau menyelamatkan beberapa insiden yang dilihatnya sebagai kezaliman tentera Jepun sewaktu Jepun memerintah Malaya.

Pernah di satu ketika Tunku menyelamatkan seorang orang kampung yang hampir-hampir sahaja dibunuh oleh tentera Jepun kerana menyimpan sepucuk 'machine-gun' di rumahnya. Tunku

telah mempertaruhkan nyawanya dengan menyatakan bahawa senjata tersebut adalah senjata lama yang tidak boleh digunakan lagi. Tunku bernasib baik kerana tentera Jepun itu percaya kepada cakap Tunku. Bagaimana kalau tentera Jepun itu dapat membuktikan bahawa senjata tersebut memang masih boleh digunakan?

Dalam satu insiden yang lain pula, Tunku sedang duduk berihat-rihat di rumahnya apabila perhatiannya tertumpu ke arah seorang lelaki Cina yang sedang diseret oleh tentera Jepun dengan kedua-dua belah tangannya terikat di belakang.Tunku menyedari bahawa lelaki itu sedang di bawa untuk dihukum. Oleh kerana Tunku kenal akan lelaki Cina yang malang itu dan tahu bahawa ia tidak melakukan apa-apa kesalahan, maka Tunku telah berlari keluar dari rumahnya dan menghalang perjalanan mereka. Tunku tahu akan akibatnya mencampuri urusan tentera Jepun, namun demikian Tunku telah cuba melarang koporal yang mengepelai pasukan tersebut supaya tidak meneruskan hukuman yang hendak dijalankan itu kepada lelaki Cina tersebut.

Sebenarnya ketika itu tentera-tentera Jepun itu mungkin sahaja membenamkan bayonetnya ke tubuh Tunku kerana menghalang perlaksanaan perintah yang diarahkan kepada mereka. Namun koporal itu tidak berbuat demikian. Sebaliknya dia memberikan amaran keras kepada Tunku supaya pulang sahaja ke rumah. Sekiranya Tunku berdegil, maka mereka tidak ada jalan lain melainkan menjadikan Tunku sebagai teman seiringan lelaki Cina yang sedang menghadapi prospek 'kepala tercerai dari badan'itu.

Setelah berkira-kira bahawa tidak ada caranya bagi beliau dapat meyakinkan koporal Jepun itu, maka Tunku terus meninggalkan senario itu lalu bergegas ke Pejabat Pemerintah Garrison Jepun dan menjelaskan bahawa lelaki itu bukannya talibarut komunis mahupun bersikap anti-Jepun dan sesungguhnya dia tidak bersalah.

Dengan keterangan Tunku itu, arahanpun dikeluarkan menarikbalik perintah hukuman tersebut. Nasib lelaki Cina itu sungguh baik kerana tatkala perutusan membatalkan hukuman tiba di tempat hukuman,seorang daripada tentera Jepun itu sudahpun menghunuskan pedangnya dan hanya menunggu isyarat dari koporal supaya pedang itu dihayunkan ke atas dan kemudian di jatuhkan...

Mengenang kembali akan peristiwa-peristiwa ini, sudah tentulah Tunku berasa amat bersyukur kerana berjaya menyelamatkan nyawa-nyawa manusia yang tidak berdosa. Sungguhpun diantara mereka itu bukan beragama Islam, tapi pokoknya Tunku telah menggadai nyawanya sendiri demi untuk melihat keadilan dilaksanakan. Agaknya tidak keterlaluan kalau dikatakan bahawa sikap dan nilai perikemanusiaan yang tinggi ini kekal menjadi salah satu dari ciri-ciri kepimpinan Tunku kerana ketika beliau menjadi Perdana Menteri, Tunku beberapa kali terlontar ke dalam kancah krisis di mana sikap ini menjadi sesuatu yang emosional sehingga ia terpaksa bercanggah dengan undang-undang yang termaktub.

Dalam pada itu ada juga beberapa pengalaman yang Tunku tidak dapat lupakan semasa negara di jajah oleh Jepun. Antara pengalaman yang paling menyedihkan ialah kegagalan beliau menyelamatkan sekumpulan pesalah terdiri dari 36 orang lelaki dan juga pemuda yang telah ditangkap kerana kesalahan kecil seperti berbasikal di waktu malam dengan tidak memasang lampu dan juga kesalahan melanggar perintah berkurung.

Kesemua mereka yang bersalah itu telah ditangkap dan dikurung ke dalam lokap untuk dibicarakan oleh Tunku yang bertindak sebagai Majistret pada pagi berikutnya. Kira-kira subuh pagi itu, beberapa jam sebelum mereka di bicarakan, sekumpulan polis tentera Jepun telah melawat lokap tersebut untuk membuat pemeriksaan biasa. Tapi apabila mereka melihat pesalah-pesalah tersebut berada di dalam lokap, mereka terus membuat kesimpulan bahawa kesemua pesalah-pesalah itu adalah orang jahat yang terlibat dalam gerakan komunis yang menentang pemerintahan Jepun. Justeru itu, ketua kumpulan polis tertera itu mengarahkan kesemua banduan-banduan itu dikeluarkan dari penjara dan diseret ke luar bangunan. Mereka kemudian diarahkan pula menggali kubur masing-masing sebelum ditikam dengan bayonet.

Apabila peristiwa ini dimaklumkan kepada Tunku pada pagi berikutnya, Tunku bukan sahaja merasa amat sedih bahkan seolah-olah merasakan beliau turut bersalah. Dan Tunku telah mangambil masa yang agak lama untuk melupakan tragedi yang menyayat hati itu.

Sejak berlakunya peristiwa yang membuktikan betapa tidak

adanya sifat perikemanusiaan tentera-tentera Jepun itu, Tunku telah memastikan bahawa setiap kes diselesaikan pada hari itu juga dan tidak ada seorang pun yang disimpan di dalam lokap bagi menantikan perbicaraan.

Beberapa bulan setelah Jepun memerintah Tanah Melayu, beberapa orang yang mengaku sebagai pakar pertanian Jepun telah melawat Kulim dan mengambil kesimpulan bahawa tanah di Kedah adalah sesuai untuk tanaman kapas. Mereka memilih sekeping tanah yang masih diliputi hutan dara di persekitaran Padang Serai untuk dijadikan projek tanaman kapas.

Sebenarnya penanaman kapas yang dicadangkan itu bukanlah untuk mempertingkat ekonomi negeri Kedah atau untuk memberikan pekerjaan kepada rakyat Kedah di zaman penjajah, tapi semata-mata untuk kepentingan Jepun. Ini kerana kapas-kapas yang bakal dihasilkan itu akan dieksport terus ke Jepun.

Untuk memulakan projek menanam kapas itu, pihak Jepun telah bertemu dengan Tunku dan mengarahkan beliau selaku Pegawai Daerah agar mengerahkan orang-orang Melayu yang tinggal di kawasan berdekatan supaya menjalankan kerja-kerja membersihkan hutan dan seterusnya menanam kapas.

Bagaimanapun sebelum Tunku bersetuju untuk melaksanakan arahan tersebut, beliau telah memberanikan dirinya untuk bertanya kepada pihak Jepun sama ada orang-orang Melayu itu akan dibayar gaji untuk kerja-kerja yang mereka lakukan itu.

"Apa?," bentak salah seorang dari ketua mereka. "Mereka sepatutnya berasa bangga kerana Maharaja (Jepun) mahukan mereka bekerja."

"Baguslah kalau begitu," Tunku bersetuju dengan nada yang agak sinis. "Tapi apa mereka nak makan nanti untuk hidup. Orang-orang Melayu tak akan bekerja melainkan dibayar gaji."

Sikap berani Tunku ini bukanlah tanpa harga yang terpaksa dibayarnya. Beberapa hari kemudian Tunku menerima perintah supaya meninggalkan Kulim dan melaporkan diri di Jabatan Audit. Bagaimanapun jawatan yang diberikan kepada beliau di Jabatan tersebut bukanlah satu jawatan yang setaraf dengan jawatannya di Kulim. Di Jabatan tersebut Tunku hanya diberikan sebuah meja kecil dan ditugaskan sebagai seorang kerani biasa. Malah rumah kerajaan yang diperuntukkan kepada Tunku ada-

lah sebuah rumah kecil dan buruk yang pernah digunakan oleh askar Jepun berpangkat rendah.

Sementara Tunku berasa bosan dengan tugas barunya di Jabatan Audit Negeri Kedah, bukan sahaja kerana beliau hanya seorang kerani biasa yang tidak boleh membuat apa-apa keputusan tapi juga kerana ketika itu tidak ada apa-apa akaun yang hendak diaudit, rakyat negeri Kedah terutamanya mereka yang tinggal di kiri kanan jalan menghala ke utara menemui pengalaman baru yang mengasyikan dan dalam masa yang sama mendebarkan.

Setiap hari mereka melihat beratus-beratus trak tentera yang mengangkut orang-orang awam menuju ke arah utara. Khabarnya mereka dihantar ke Burma untuk dikerah membena jalan keretapi. Tapi tidak ada seorangpun yang dapat mengesahkan khabar tersebut kerana ketika itu media massa termasuk siaran Radio Malaya diharamkan oleh pemerintahan Jepun.

Bagaimanapun berita itu akhirnya disahkan juga oleh sekumpulan mereka yang berjaya melarikan diri dengan berjalan kaki meredah hutan Segenting Kera untuk ke Malaya.

Kehadiran para pelarian 'Death Railway' ini di Alor Star memberikan Tunku sekali lagi peluang untuk membela nasib mereka yang malang. Apatah lagi sekiranya kerja-kerja seperti itu dapat mengubat kebosanannya.

Dengan bantuan beberapa orang rakannya termasuk Senu Abdul Rahman (Datuk) dan Khir Johari yang mana kedua-dua mereka itu bakal menganggotai kebinet beliau di satu masa kelak, Tunku telah menjalankan kerja- kerja sukarela untuk membantu mangsa-mangsa pelarian tersebut. Antara usaha itu termasuklah mengumpulkan pakaian, mendapatkan wang dan memberikan makanan.

Namun demikian jumlah pelarian ini semakin bertambah. Wang derma bukan sahaja tidak mencukupi malah kerajaan pun enggan membantu. Justeru itu Tunku dan rakan-rakannya mencari jalan lain untuk mendapatkan wang iaitu dengan cara mengadakan pertunjukan sandiwara, persembahan pancaragam keroncong dan juga lawak jenaka. Mereka membuat persembahan dari kampung ke kampung. Dan akhirnya apabila wang dari pungutan persembahan-persembahan ini sudah mencukupi, mereka membina

beberapa rumah) panjang (untuk menempatkan para pelarian tersebut.)

Dalam tahun 1943, beberapa insiden penting telah berlaku di negeri Kedah.

Dalam tahun tersebut, pemerintahan Jepun di Kedah telah menyerahkan semula Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu diletakkan di bawah pemerintahan Siam. Alasan Jepun mengambil keputusan tersebut adalah kononnya untuk menegakkan keadilan dan memulangkan semula negeri-negeri ini kepada Siam setelah British memaksa negara itu menyerahkan negeri-negeri utara Malaya itu ke tangannya dalam perjanjian yang ditandatangani oleh Sultan Abdul Hamid dalam tahun 1909.

Dengan keputusan yang dibuat oleh Jepun itu, maka Siam menjadikan Kedah sebagai sebuah kerajaan rejim tentera. Beberapa orang pegawai Siam telah dihantar ke Kedah untuk mentadbirkan negeri tersebut. Dan di antara mereka yang terlibat dalam pentadbiran Kedah itu ialah beberapa orang yang Tunku kenali semasa Tunku berada di Bangkok dan juga di Cambridge, United Kingdom.

Dengan pertolongan mereka inilah Tunku meninggalkan Jabatan Audit dan ditukarkan ke Jabatan Pelajaran Kedah sebagai 'Superintendent of Education' iaitu Penguasa Pelajaran Negeri.

Sebaik sahaja Tunku mengambil tugas tersebut, keputusan pertama yang dibuatnya sebagai seorang Penguasa Pelajaran ialah menggunakan kuasa tersebut untuk membalas dendamnya terhadap pemerintahan Jepun. Tunku dengan berani mengarahkan agar semua pelajaran yang menggunakan bahasa Jepun sebagai bahasa pengantar termasuk bahasa Jepun sendiri diberhentikan dengan serta merta. Sebagai gantinya, hanya bahasa Melayu sahaja yang boleh di ajar di sekolah-sekolah. Di samping itu Tunku juga memperkenalkan pelajaran 'adab-sopan'di kalangan murid-murid sekolah kerana selama ini pihak berkuasaBritish mahupun pemerintah Jepun tidak langsung mengindahkan betapa pentingnya orang-orang Melayu diajar matapelajaran tersebut.

Walaupun tahun 1943 itu merupakan tahun yang agak menggembirakan sedikit bagi Tunku, namun tahun itu jugalah merupakan tahun yang paling sedih dalam riwayat hidupnya kerana di dalam tahun tersebut, ayahnda Tunku, Sultan Abdul

Hamid Halim Shah telah mangkat di Alor Star. Dengan kemangkatan baginda itu, Tengku Mahkota Kedah, Tenku Badlishah telah ditabalkan untuk menjadi Sultan Kedah.

Namun begitu perhubungan di antara Tunku dengan Sultan Badlishah tidaklah begitu mesra. Selain dari insiden Tunku mencolek Almarhum ayahnda mereka beberapa minggu sebelum Jepun menawan Malaya yang mana telah mengeruhkan perhubungan mereka berdua, Tunku juga dikatakan sering mengkritik kerajaan negeri dan mahukan Kedah ditadbir secara lebih terbuka berbanding dengan pemerintahan dan suasana feudalisme yang begitu menebal.

Dalam masa yang sama cerita-cerita mengenai semangat nasionalisme dan merdeka sudah mula bertiup dari Selatan. Orang yang dikatakan membawa angin perubahan ini ialah seorang Pegawai Daerah muda dari Batu Pahat yang bernama Onn bin Jaafar, anak kepada bekas Menteri Besar Johor, Datuk Jaafar bin Muhammad.

Angin nasionalisme inilah yang akhirnya telah menyebabkan Tunku, Senu Abdul Rahman, Khir Johari serta beberapa orang lagi tokoh nasionalis seperti Ahmad Nordin dan Mohamad Jamil menubuhkan 'Seberkas'dalam tahun yang berikutnya sebagai platform awal untuk memperjuangkan gagasan ini. Bagaimanapun pendaftaran 'Saberkas' ataupun 'Syarikat Bekerjasama Am Saiburi' hanya diluluskan dalam tahun 1945.

Dalam ucapannya Mohamad Jamil menegaskan:

> *Orang-orang Melayu secara persaorangan dapat diibaratkan sebagai sebilah lidi yang mudah dipatah-patahkan. Tetapi bila lidi yang seberkaskan menjadi penyapu, mereka agak susah hendak dipatah-patahkan.*

Walaupun ucapan ini memang mirip ke arah perjuangan kebangsaan, namun Saberkas bukanlah didaftarkan sebagai sebuah pertubuhan siasah. Malah kelulusan penubuhan Saberkas hanya terkandung di dalam 'Buku Pendaftar Syarikat-syarikat Kedah (Minit Paper Office Syarikat 11/364).

Justeru itu Saberkas bergerak sebagai sebuah kedai koperasi dengan matlamat utamanya digerakkan secara sulit.

Tunku telah dilantik sebagai penaung. Begitupun Tunku tidak begitu berminat ke arah matlamat mencapai kemerdekaan seperti yang dilaung-laungkan oleh kebanyakan ahli yang kalau boleh mahukan kemerdekaaan dicapai sebaik sahaja pemerintahan Jepun berakhir. Sebaliknya Tunku menjadikan pertubuhan tersebut sebagai platform bagi meneroka jalan untuk menjadikan pentadbiran negeri Kedah dilaksanakan dengan cara yang lebih liberal dan terbuka dan bukannya cara feudalistik.

Dalam tahun 1945, sementara Tunku sedang mencari-cari satu formula bagi memecahkan tradisi feudalistk yang menebal di negeri Kedah dan sementara ahli-ahli Seberkas yang lain bercita-cita untuk memerdekakan Tanah Melayu di tengah-tengah pemerintahan Jepun dan Siam, formula yang digunakan oleh Adolf Hitler, pemimpin agung Nazi untuk menjadikan bangsa Jerman sebagai bangsa teragungdi dunia menemui jalan buntu. Dengan kegagalan tersebut, Hitler tidak ada jalan lain melainkan membunuh dirinya sendiri.

Dengan termusnahnya cita-cita tersebut, maka pihak Tentera Bersekutu mengalihkan tumpuan mereka ke arah memusnahkan cita-cita Jepun untuk menguasai rantau Asia.

Dalam pada itu, sementara askar-askar Amerika Syarikat berperang bersama-sama Tentera Bersekutu, satu projek rahsia yang dinamakan 'Projek Manhattan' sedang giat dilaksanakan di satu kawasan padang pasir di New Mexico. Projek membina bom atom ini akhirnya siap pada pertengahan tahun 1945.

Pada bulan Julai tahun tersebut bom atom yang siap dibina dengan ukuran tiga meter dan bergarispusat 0.7 meter seberat 4 ton metrik dengan kuasa ledakan 20,000 TNT itu telah dipindahkan ke dalam kapal Penjelajah U.S.S. Indianapolis untuk dibawa ke Pulau Tinian yang terletak kira-kira 240 kilometer ke utara Guam.

Pada 6 Ogos 1945, empat buah pesawat pengebom B-29 Fotress kepunyaan Tentera Lautt Amerika Syarikat telah meninggalkan pengkalannya di Pulau Tinian dan menuju ke ruang angkasa Jepun.

Mejar Claude Eatherly yang bertindak sebagai juruterbang 'Straight Flush'mendahului penerbangan 'Enola Gay', pesawat yang mengangkut bom tersebut. Menuruti dari belakang ialah pesawat penyelidik 'Greatest Artise' dan 'Number 91' yang

membawa alat-alat 'aerial fotografi'.

Eatherly dengan 'Straight Flush'nya muncul di ruang udara Hiroshima tepat pukul 7.25 pagi. Kehadirannya segera dikesani dengan siren amaran yang berkumandang membelah kesunyian pagi. Serentak itu Radio Hiroshima membuat pengumumam khas tentang kehadiran pesawat musuh.

Di angkasa, 'Straight Flush' mengelilingi ruang udara Hiroshima. *"Hello Enola Gay. This is Straight Flush,"* kata Eatherly memanggil Tibbets, juruterbang Enola Gay.

Tibbets menyahut panggilan tersebut.

"The weather is fine. Just like we expected," Tibbets menyuarakan persetujuannya.

Sebentar kemudian Straight Flush mengucapkan selamat tinggal kepada Enola Gay dan berpatah balik ke pengkalannya di Pulau Tinian.

Pada ketinggian 32,000 kaki daripada paras permukaan laut, Tibbets dan pembantunya Lewis dapat melihat Pelabuhan Hiroshima yang terletak di utara Pulau Honshu.

"Look at that." sahut Tibbets.

"Damn nice city," ujar Lewis.

Pada pukul 8.13 pagi Major Freebee memfokaskan matanya ke arah kaca pembidik bom. Dia melihat ke bumi Hiroshima dengan pandangan tajam dan penuh teliti. Kemudian dengan jelas dia dapat melihat apa yang dilihatnya selama ini di dalam gambar dan peta sahaja.

"That's it," kata Freebee bersendirian apabila dia terpandang tujuh batang anak Sungai Ota yang membentuk enam buah pulau berhampiran dengan Pelabuhan Hiroshima.

Hampir dalam waktu yang sama Freebee terpandang Jambatan Aioi. Bulu romanya meremang tegak."*I can see the target now, I can see the Aioi Bridge."*

Pada pukul 8.15 pagi Tibbets memulakan 'countdown'. Dan sebentar kemudian Hiroshima menjadi padang jarak padang tekukur.

Dua hari kemudian Rusia mengisytiharkan perang terhadap Jepun dan pada 9 Ogos 1945, Amerika sekali lagi menggugurkan bom atomnya. Kali ini di kota Nagasaki

Dengan perkembangan-perkembangan ini, Jepun sudahpun

merasakan bahawa peluangnya untuk meneruskan cita-cita mereka semakin pudar. Justeru itu, satu hari kira-kira di pertengahan bulan Ogos seorang pegawai tinggi Jepun yang bertanggungjawab ke atas unit bekalan telah memanggil Tunku dan Khir datang ke pejabatnya.

"Jepun akan menyerah kalah dalam masa beberapa hari lagi," begitulah lebih kurang kata-katanya kepada Tunku dan Khir.

Penjelasan yang ringkas ini memang cukup bererti dan memeranjatkan buat Tunku dan Khir.

Pegawai Jepun itu kemudian bangkit dari kerusinya dan terus menuju ke arah sebuah peti besi yang terletak di di satu sudut bilik pejabatnya. Dia kemudian membuka peti besi tersebut yang sarat dengan matawang Jepun.

Dengan nada yang serius, Pegawai Jepun itu berkata, "Saya tahu kamu banyak membuat kerja-kerja amal. Oleh itu ambillah semua wang ini dan teruskan kerja-kerja kamu itu.

Di samping itu pegawai Jepun itu juga menawarkan kepada Tunku dan Khir beratus-ratus kampit beras dan juga sejumlah bekalan pakaian.

Bagaimanapun Tunku dan Khir telah menolak pemberian matawang Jepun itu tetapi menerima bekalan beras dan juga pakaian. Mereka membawa barang-barang itu di kedai koperasi Seberkas dan kemudian menjualnya.

Tatkala di Alor Star Tunku dan rakan-rakannya sedang sibuk menguruskan penghantaran pulang pelarian-pelarian perang dan 'Death Railway' dengan wang hasil jualan beras dan pakaian itu, di Tokyo pula, Maharaja Jepun, Tenno Heika tidak ada jalan lain melainkan mengutus sepucuk kawat kepada pihak Tentera Bersekutu dan mengaku kalah tanpa syarat. Surat perjanjian penyerahan kalah tanpa sebarang syarat oleh kerajaan Jepun itu telah ditandatangani oleh wakil Maharaja Jepun di hadapan pemerintah tertinggi pihak Angkatan Perang Amerika Syarikat, General Douglas MacArthur di atas kapal perang Amerika U.S.S. Missouri di Teluk Tokyo pada 2 September 1945.

Dengan termetrinya perjanjian tersebut maka berakhirlah pendudukan Jepun di Tanah Melayu. Dan dengan itu, Tunku juga memulakan fasa baru dalam riwayat hidupnya.

Enam

KRISIS MALAYAN UNION

UMNO had made an indelible mark in the minds of all Malayan people and initiated the chapter of the history of our new nation. It won credit for the defeat and dissolution of the Malayan Union Government, and had gained a great victory for the first Malay political party.

Tunku
The Birth of UMNO

Dengan kepulangan tentera Jepun ke tanahair mereka, British sekali lagi menyambung kembali pemerintahan mereka di Tanah Melayu.

Di kalangan pemimpin-pemimpin British, perancangan untuk mengubah sistem pentadbiran dan menyatukan Tanah Melayu sudahpun bermula semasa negara ini masih di dalam tangan Jepun. Dalam bulan Julai 1943 misalnya, Unit Perancangan Malayan (Malayan Planning Unit) telah ditubuhkan oleh Pejabat Tanah Jajahan di London. Dalam tahun 1944 pula Kabinet Perang telah mengeluarkan arahan-arahan tertentu yang berkaitan dengan pentadbiran di Tanah Melayu. Untuk menyelaraskan kerja-kerja pentadbiran di Tanah Melayu ini, satu Jawatankuasa Kabinet mengenai Malaya dan Borneo dilantik pada bulan Januari 1944. Jawatankuasa ini telah mengkaji berbagai perkara termasuk rancangan menyatukan Tanah Melayu sebagai usaha membina semula negara ini. Perkara ini dibincangkan di mesyuarat pada

bulan Mac 1944.

Sungguhpun rancangan menubuhkan Malayan Union itu telah dibincangkan secara agak terperinci, namun terdapat juga pihak-pihak tertentu di kalangan Kerajaan British yang telah menyedari tentang kelemahan-kelemahan yang terdapat di dalam rancangan tersebut. Namun begitu mereka tetap mahu meneruskan cadangan itu dengan tujuan untuk 'menyatukan' Negeri-negeri Melayu. Matlamat utama British ialah untuk menyamaratakan rakyat baik anak negeri mahupun orang-orang asing yang dibawa masuk ke Tanah Melayu, supaya mereka menjadi rakyat yang bergelar 'Malayan'. Di dalam lain perkataan, sekiranya rancangan tersebut dapat dilaksanakan, maka kedudukan orang-orang Melayu akan menjadi setara dengan kaum-kaum pendatang. Kerajaan British lebih yakin ia boleh mentadbir dan memerintah di bawah satu sistem pusat di mana kuasa tertinggi berada di tangannya dan Raja-raja diberi kuasa yang serendah-rendahnya. Perkara-perkara ini ditentang keras oleh orang Melayu yang menganggap rancangan Malayan Union sebagai penghapus hak dan ketuanan mereka di tanahair sendiri.

Missi ini dirancang dan dilaksanakan dengan begitu pantas sehingga ramai rakyat termasuk pegawai-pegawai British yang berada di Tanah Melayu pada ketika itu, begitu tergamam dan terkapar-kapar dengan kehairanan. Mereka dikatakan tidak pernah diberitahu atau diberi sebarang arahan mengenai rancangan yang sebegitu besar.

Pihak yang bertanggungjawab melaksanakan rancangan Malayan Union begitu cekap menyembunyikan rahsia rancangan itu sehingga terlalu sedikit yang mengetahuinya. Kertas Putih Malayan Union diumumkan di Dewan Orang Ramai British pada 10 Oktober 1945, hanya sehari sebelum MacMichael tiba di Tanah Melayu. Kerajaan British telah merahsiakan cadangan ini dengan sebegitu rupa sehinggakan tidak diketahui oleh sesiapapun.

Harold MacMichael di dalam laporannya menyebut bahawa tujuan lawatannya ialah untuk mendapatkan persetujuan rasmi Raja-raja Melayu kepada triti yang kononnya akan memberikan negara ini taraf kemerdekaan dan diberi kuasa otonomi. Mac Michael mahu satu perlembagaan baru diwujudkan di Tanah Melayu dengan menyerahkan kuasa ke tangan Raja England.

Pada 11 Oktober 1945, Harold MacMichael pun tiba di Malaya. Dan pada 20 Oktober 1945, Harold MacMichael telah bertemu Almarhum Sultan Ibrahim, Sultan Johor ketika itu untuk menerangkan rancangan British itu dan seterusnya mendapatkan tandatangan Almarhum. Almarhum Sultan Ibrahim adalah merupakan Raja Melayu yang pertama sekali menandatangani Triti Malayan Union.

Dalam usahanya untuk mendapatkan persetujuan Raja-raja Melayu itu, MacMichael tidak memberi peluang langsung kepada ke bawah Duli-Duli Yang Maha Mulia untuk berunding dengan para penasihat mereka. MacMichael telah menggunakan pelbagai helah untuk mempercepatkan proses mendapatkan tandatangan-tandatangan tersebut.

Di Kedah, Sultan Badlishah telah diberitahu oleh MacMichael bahawa sekiranya baginda enggan menandatangani triti tersebut, maka Raja England akan tidak lagi mengiktiraf baginda sebagai Sultan Kedah dan selanjutnya tempat tersebut akan digantikan oleh orang lain yang akan dilantik oleh kerajaan British.

Dengan penjelasan wakil British itu, Almarhum Sultan telah bertanya kepada Tunku yang juga hadir ketika itu. Tunku dengan suara yang marah menasihatkan Sultan agar menurunkan tandatangannya dengan bantahan dan upacara menurunkan tandatangan hendaklah diadakan di hadapan rakyat jelata.

Pada 21 Disember 1945, kesemua Raja-raja Melayu telah menandatangani Triti MacMichael. Dan pada 6 Januari Mac Michael pun pulang ke London.

Dengan termeterainya Triti Mac Michael itu, maka semangat nasionalisme Melayu tiba-tiba menjadi satu arus yang sukar dibendung lagi. Di Batu Pahat, Dato' Onn sudahpun mengadakan rapat umum yang dihadiri oleh seramai 35,000 orang rakyat.

Dari rapat raksasa ini Dato' Onn seterusnya mencartakan rancangan beliau selanjutnya. Dato' Onn yang ketika itu sudah menjadi buah mulut orang Melayu di seluruh Malaya menulis sepucuk surat terbuka kepada 'Utusan Melayu' yang ketika itu beribu pejabat di Singapura. Dalam surat tersebut Dato' Onn antara lain menggesa seluruh badan-badan Melayu di Semenanjung menggembelingkan tenaga dalam satu gagasan ataupun pertubuhan yang besar dan padu untuk membenteras perlaksanaan

Malayan Union dan sekaligus mengembalikan kuasa dan kedaulatan Raja-raja Melayu.

Ekoran dari surat beliau itu, satu perhimpunan yang bersejarah bagi orang-orang Melayu, bukan sahaja di Tanah Melayu bahkan termasuk Singapura sekalipun, telah diadakan di Padang Kelab Sultan Suleiman, Kuala Lumpur.

Perhimpunan yang dihadiri oleh sejumlah 41 buah Pertubuhan Melayu itu telah melahirkan satu kongres siasah Melayu pertama dan dikenali sebagai Kongres Melayu Seluruh Tanah Melayu.

Antara resolusi terpenting yang dicapai dalam Kongres tersebut ialah mengambil langkah-langkah perlu bagi memulihkan kembali kedaulatan Raja-raja Melayu dan hak-hak orang Melayu sebagai kaum bumiputra. Kongres ini juga turut membantah dengan sekeras-kerasnya sikap MacMichael yang dalam keghairahannya mendapatkan tandatangan para Sultan telah dengan sewenang-wenangnya membelakangkan Perlembagaan, adat-istiadat Raja-raja Melayu serta juga tata-susila orang-orang Melayu. Kongres juga turut menghentam kerajaan British yang gagal melaksanakan Piagam Atlantik yang telah diisytiharkan semasa Perang Dunia II di mana Britain telah bersetuju untuk memberi kemerdekaan kepada tanah-tanah jajahannya.

Selain dari itu, Kongres juga merayu kepada Sultan-sultan agar memulaukan upacara perlantikan Gabenor Malaya Union.

Ekoran dari Kongres ini pula, sebuah lagi kongres telah diadakan di Istana Besar Johor Bahru dan dalam kongres ini tertubuhlah 'Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu' (UMNO) di mana Dato Onn Jaafar telah dilantik sebagai Yang DiPertuanya yang pertama.

Sungguhpun dalam kedua-dua kongres ini Saberkas yang diasaskan oleh Tunku bersama-sama Khir Johari dan Senu Abdul Rahman turut menghantar wakil, namun Tunku sendiri tidak pula menghadirkan dirinya dalam kongres tersebut.

Sebenarnya sebelum kongres-kongres tersebut bersidang lagi, Tunku sudahpun menghadapi krisis dengan beberapa orang pemimpin penting Saberkas yang mahukan penentangan secara berdarah dilancarkan terhadap Malayan Union dan agen-agen gagasan British itu.

Cara yang dihasratkan oleh para pemimpin Saberkas itu tidak

dipersetujui oleh Tunku kerana beliau lebih suka dengan cara rundingan dan desakan melalui saluran diplomatik. Justeru itu beliau lebih bersetuju dengan cara Dato' Onn menangani masalah itu sedangkan para pemimpin Saberkas pula menganggap bahawa UMNO yang baru ditubuhkan itu terlalu lemah.

Apabila perbezaan pendapat di antara Tunku dengan pemimpin-pemimpin Saberkas itu berkembang hingga menjadi satu krisis, maka Tunku tidak ada jalan lain melainkan meletakkan sahaja jawatannya sebagai Penaung pertubuhan tersebut.

Kecewa dengan peristiwa tersebut dan bimbang tentang masa depannya, Tunku mengambil keputusan untuk meninggalkan tanahair dan sekali lagi ke London untuk menghabiskan pengajian undang-undangnya yang masih terbantut.

Kali ini Tunku berazam tidak akan kembali lagi ke tanah air sekiranya beliau gagal melepasi peperiksaan undang-undangnya itu.

Pada bulan Januari 1946, Tunku menaiki sebuah kapal dari Pelabuhan Pulau Pinang dan memulakan pelayarannya ke London.

Tujuh

TUNKU BERTEMU TUN RAZAK

I notice there are people here from Johore, from Perlis, Kelantan and Terengganu. I do not know where you all slept. If you didn't sleep we are all in the same boat because I didn't sleep either.

Tunku (20 Februari 1956)

SEBAIK SAHAJA TUNKU tiba di London, beliau telah menginap di Burns Hotel berhampiran dengan Barkston Garden.

Antara perkara pertama sekali yang dilakukan oleh Tunku ialah menemui ahli-ahli Persatuan Melayu United Kingdom yang mana beliau telah turut mengasaskannya kira-kira 15 tahun yang lalu.

Tunku mendapati persatuan tersebut masih berfungsi walaupun dalam keadaan hidup segan mati tak mahu. Ahli-ahlinya pun hanya sekitar 30 orang sahaja. Kebanyakan mereka pula masih remaja dan terpaksa mengalami saat-saat genting Perang Dunia Kedua. Ada di antara mereka yang turut terlibat dalam operasi Luftwaffe yang menyaksikan pengeboman kota London oleh askar-askar Jerman. Ada juga yang turut mengambil bahagian dalam perarakan besar di Trafalgar Square.

Tunku juga telah diberitahu bahawa ahli-ahli persatuan tersebut jarang-jarang sekali mengadakan mesyuarat kerana ketiadaan tempat pertemuan yang sesuai. Begitupun alasan ini tidak dapat diterima oleh Tunku. Menurut seorang bekas pelajar Melayu yang ada bersama-sama ketika itu, Tunku pernah berkata, "The mem-

bers of the Society should meet even if it has has to be on the roadside.

Justeru itu dengan kehadiran dan galakan Tunku itu, persatuan tersebut telah mengadakan mesyuaratnya dari masa ke semasa.

Walaupun sebelum kedatangan Tunku di London, ahli-ahli persatuan tersebut jarang-jarang mengadakan mesyuarat, namun berita-berita mengenai semangat nasionalisme yang semakin bersemarak di kalangan orang-orang Melayu di tanah air serta nama Dato' Onn yang menjuruterai penyatuan orang-orang Melayu telah sampai ke telinga mereka. Dan kedatangan Tunku ke London bagaikan pucuk dicita ulam mendatang kerana dari beliaulah mereka mendapat tahu tentang perkembangan-perkembangan mutakhir yang berlaku di tanahair.

Sungguhpun Tunku tinggal di Burns Hotel dan sering makan minum di hotel itu, namun seminggu sekali beliau telah menjadikan seakan-akan satu routine untuk turut bersama dengan para pelajar Melayu yang tinggal di Russel Square. Di sini Tunku berpeluang makan masakan Melayu sama ada yang dimasak oleh para pelajar tersebut ataupun yang dimasak sendiri oleh beliau.

Kepada para pelajar Melayu tersebut, Tunku adalah seorang bapa angkat. Mereka bukan sahaja mengadu masalah masing-masing kepada Tunku tapi turut meminjam wang dari beliau. Tunku pula melayan mereka seperti anak-anak.

Tunku memberi pinjam wang apabila mereka memerlukan walaupun Tunku tahu bahawa beliau sendiri pun kadang-kadang berada dalam keadaan yang agak sempit kerana kali ini elaun yang diperuntukkan kepadanya adalah terhad.

Di London Tunku telah mendaftarkan semula dirinya di Inner Temple. Dan beliaulah merupakan pelajar yang tertua di antara pelajar-pelajar undang-undang yang menuntut di institusi tersebut.

Sikap Tunku kali ini sudah banyak berubah. Sikap 'happy-go-lucky' yang diamalkannya ketika mula menjejakkan kakinya ke Tanah Inggeris hampir dua-puluh tahun yang lampau sudah dikikiskan oleh beliau habis-habisan. Kali ini Tunku benar-benar berazam untuk melepasi halangan terakhir ini.

Di samping itu Tunku telah mengundang beberapa orang pelajar Melayu dalam jurusan undang-undang ke biliknya di Burns Hotel. Dan mereka belajar bersama-sama.

Tunku juga telah memanggil Neil Lawson yang pernah mengajar dan membacakannya buku undang-undang di satu ketika dulu untuk mengajarnya sekali lagi.

Neil Lawson yang ketika itu sudahpun lulus dan bekerja sebagai peguam menerima undangan Tunku itu dan menyifatkan bahawa Tunku memang benar-benar telah berubah dan begitu serius sekali dalam menghadapi pelajarannya. Di samping itu Lawson juga memerhatikan bahawa Tunku sudah mula menaruh minat dan bercakap tentang politik.

Neil Lawson dan Tunku juga mengadakan perbincangan-perbincangan mengenai nasib masadepan Tanah Melayu. Perlu juga disebutkan di sini bahawa beberapa tahun kemudian Neil Lawson telah dilantik oleh Kerajaan British sebagai Penasihat kepada Raja-raja Melayu dalam perbincangan di antara Kerajaan British dan juga parti Perikatan pimpinan Tunku mengenai penggubalan Perlembagaan Tanah Melayu.

Dalam bulan September 1947, seorang anak Pahang bernama Abdul Razak bin Hussein (yang kemudiannya akan dikenali sebagai Tun Razak) telah sampai di London untuk melanjutkan pelajarannya di dalam jurusan undang-undang. Abdul Razak yang ketika itu berusia kira-kira 25 tahun bukanlah dari kalangan istana seperti Tunku. Namun begitu, ayahnya sering dikaitkan dengan istana Pahang sebagai penasihat Almarhum Sultan Abu Bakar.

Oleh kerana ayah beliau pernah menasihati Almarhum Sultan Abu Bakar atas isu Malayan Union dan Tunku juga pernah menjadi penasihat Almarhum Sultan Badlishah mengenai isu yang sama, Abdul Razak pernah mendengar nama Tunku disebutkan di kalangan istana Pahang. Namun demikian beliau tidak pernah berpeluang menemui Tunku.

Setibanya di London Abdul Razak telah tinggal di Barkston Garden yang tidak jauh dari hotel di mana Tunku menginap. Antara perkara pertama yang dilakukan oleh beliau sebaik sahaja selesai menguruskan tempat penginapannya ialah menghubungi Tunku untuk berkenal-kenalan dan sebagai tanda hormat ke atas seorang keluarga DiRaja Melayu yang sedang berada di London.

Dan bermula dari pertemuan pertama ini, terjalinlah satu

ikatan yang menjadi sejarah dalam laluan politik tanahair.

Sebagai seorang pelajar, Abdul Razak merupakan seorang 'above average'. Di Lincoln's Inn beliau membuktikan bahawa pencapaiannya setara dengan pencapaian penuntut-penuntut yang terbaik. Dan kemuncak dari kebijaksanaan ini ialah beliau berjaya lulus kesemua kertas yang membolehkan beliau mendapat ijazah undang-undang dalam masa 18 bulan sahaja berbanding dengan tiga tahun yang diperuntukkan.

Namun begitu, selepas menamatkan pengajiannya ini Abdul Razak masih tidak boleh pulang ke Malaya kerana beliau hanya akan dipanggil ke Bar dalam masa kira-kira tiga-belas bulan lagi. Tanpa pemanggilan ke Bar beliau tidak boleh menjadi pengamal undang-undang walaupun memiliki ijazah tersebut.

Dengan masa yang begitu banyak terluang, Abdul Razak memilih untuk menggunakan sebahagian besar dari masa tersebut untuk menolong Tunku melepasi peperiksaannya. Abdul Razak sering berada di bilik Tunku untu membacakan Tunku dan memberikan tunjuk ajar yang perlu. Justeru itu perhubungan mereka berdua menjadi semakin mesra. Dan kepada Abdul Razaklah Tunku pertama kali meluahkan hasratnya untuk menjadi seorang peguam di Kedah dan kemudian melibatkan diri dalam politik.

Selain daripada menghabiskan masa dengan mentelaah mata pelajaran, Tunku dan Abdul Razak juga sering menziarahi penuntut-penuntut dari India dan berbincang tentang peristiwa-peristiwa yang berlaku di New Delhi dan Colombo yang akhirnya membawa kepada kemerdekaan India dan juga Ceylon. Sesungguhnya perbincangan-perbincangan ini menyemarakkan lagi semangat mereka berdua untuk turut sama berjuang mendapatkan kemerdekaan sebaik sahaja pulang ke tanahair kelak.

Justeru itu tidak hairanlah kalau mereka berdua (Tunku dan Abdul Razak) turut melibatkan diri dalam kempen pilihanraya British tahun 1947 dan menyokong Parti Buruh secara habis-habisan kerana parti tersebut dianggap oleh mereka mengamalkan dasar yang lebih terbuka dan liberal dalam memberikan kemerdekaan kepada tanah-tanah jajahan British di rantau Asia.

Dengan itu juga mereka mengutuk Parti Konservatif pimpinan Winston Churchill. Abdul Razak sendiri pernah menyebut tentang

Churchill. Menurut beliau:

> *'We looked upon him as Chief Imperialist and his gang of Conservatives as wooly men who were against independence.'*

Sementara rakyat Britain sedang sibuk bersedia untuk menghadapi pilihanraya umum mereka, rakyat Malaya pula, terutamanya orang-orang Melayu sedang sibuk memperhebatkan gerakan kebangsaan mereka menerusi UMNO yang ketika itu masih lagi dikenali sebagai PEKEMBAR dan membincangkan tentang satu perlembagaan baru untuk Tanah Melayu.

Pada 19 Julai 1947 akhbar 'Majlis' melaporkan perkembangan terakhir peristiwa tersebut seperti berikut:

> *Persidangan akhir di antara Raja-raja dan PEKEMBAR dengan Kerajaan British mengenai perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu tamat pada 17 Julai. Naskah yang telah dibahas, dibincang dan dipinda beberapa kali telah siap untuk dibincang dan diluluskan oleh Parlimen British yang bersidang dalam bulan Ogos ini. Jika lulus mungkin Persekutuan Tanah Melayu akan wujud dalam bulan Oktober.*

Dengan berita tersebut bahang kemerdekaan kian memuncak. Apatah lagi ketika itu hampir seluruh rantau Asia sedang diharungi oleh gelombang semangat nasionalisme. Di Indonesia, Belanda melakukan perang penjajahan kerana mahu mengabdikan Indonesia semula selepas dua tahun mencapai kemerdekaan. Gerakan Islam di India pula menyebabkan negara sub-benua itu terpaksa berpecah menjadi dua - Hindustan dan Pakistan. Di Burma pula pejuang nasionalis negara tersebut, Aung San yang kemudiannya menjadi Perdana Menteri telah mati dibunuh. Indochina pula sedang memperhebatkan tuntutan kemerdekaan mereka dari China.

Dalam bulan tersebut juga satu Kertas Putih yang mengandungi cadangan-cadangan perlembagaan telah diterbitkan oleh Kerajaan British. Bagaimanapun, sementara sebilangan rakyat menyambut cadangan ini dengan baik, tidak kurang juga di antara mereka yang mempertikaikan kandungan isi kertas putih tersebut.

Dari akhbar-akhbar tempatan yang dibacanya serta surat-surat

yang dikirimkan dari tanahair kepada pelajar-pelajar Melayu di United Kingdom, Tunku sendiri tidak berpuashati dengan isi kandungan Kertas Putih tersebut. Lagipun salah seorang dari pelajar-pelajar Melayu yang sering menghadiri perbincangan-perbincangan di antara Tunku, Abdul Razak dan juga pelajar-pelajar lain telah menunjukkan kepada Tunku sebuah keratan akhbar 'The Straits Times' yang berbunyi:

> *It cannot be said that the new constitution bears the stamp of democracy. That could only have been given by a constituent assembly, as was done in India and Burma, but a country in which nobody was even allowed to vote for a parish councillor before the War can hardly be ready for elections for a constituent assembly to-day.*

Semua yang membaca keratan akhbar itu berasa marah dengan British dan menganggap usul menubuhkan Persekutuan Tanah Melayu dengan perlembagaan yang dicadangkan itu hanyalah merupakan satu helah ataupun alternatif bagi menggantikan rancangan Malayan Union. Yang menjadi perbezaan hanyalah hak-hak tertentu orang Melayu termasuk juga hak politik mereka yang kini dijamin oleh Perlembagaan tersebut. Bagaimanapun perkara-perkara yang berbangkit dengan pilihanraya serta ekonomi orang Melayu adalah samar-samar. Perkara ekonomi ini turut disentuh oleh akhbar Majlis dalam edisi 28 Julai 1946 yang antara lain menyebut:

> *Majlis berpendapat perkara perekonomian perlu diberi ketegasan kerana itu yang akan menjamin hidup matinya bangsa Melayu kerana pergerakan politik tidak akan berjalan jikalau iktisad tidak berjalan. ktisad hendaklah dijadikan tumpuan kerana perlu ada rancangan-rancangan ekonomi yang teratur. PEKEMBAR ada rancangan iktisad 5 tahun yang belum dihebahkan. Ini perlu dihebahkan untuk pengetahun umum.*

Tunku dan rakan-rakannya di London amat menyedari akan tembelang kerajaan British itu. Justeru dalam satu perbincangan informal, seorang rakan mereka telah bertanya kepada beliau.

"Ayah Hitam... Apakah Ayah Hitam akan memainkan peranan yang lebih besar dalam PEKEMBAR bila Ayah Hitam pulang ke tanahair nanti?" tanya rakan itu.

Ayah Hitam adalah panggilan baru untuk Tunku di London. Kalau dulu ketika masih remaja beliau terkenal dengan nama jolokannya 'Bobbie', masa untuk menjadi 'Bobbie' sudah berlalu. Tunku yang agak berkulit hitam sudah menjadi ayah angkat kepada para pelajar di London dan sedang memikirkan hal-hal yang lebih penting secara serius seperti pelajarannya dan soal nasib masadepan negaranya. Tunku sudah tidak ada masa lagi ke Brighton untuk berseronok-seronok. Bahkan setahun sebelum itu, Tunku telah mengambil keputusan untuk menceraikan isterinya, Violet Coulson setelah mereka berpisah hampir enam tahun lamanya.

Kepada soalan rakannya itu Tunku menjawab, "Saya tentu suka berkhidmat untuk bangsa saya, kalau depa mahukan khidmat saya itu."

Namun, oleh kerana Tunku dan mereka pada ketika itu masih lagi berada di London, maka tidak banyak yang dapat dilakukan oleh mereka melainkan mengikuti sahaja berita-berita mengenai tanahair dari masa ke semasa.

Dan dalam keadaan yang demikian, masa pun berlalu dengan cepat. Pada 1 Januari 1948 seluruh orang Melayu di Tanah Melayu merayakan hari penubuhan Persekutuan Tanah Melayu walaupun beberapa hari sebelum itu PEKEMBAR telah mengumumkan bahawa tarikh pembentukan rasmi itu ditangguhkan pada 1 Februari 1948.

Walaupun Tunku tidak dapat bersama-sama rakyat di tanah-airnya dalam merayakan detik yang gemilang ini, namun pada hari berikutnya iaitu pada 2 Januari, Tunku menyertai sekumpulan para pelajar Burma dalam satu upacara menaikkan bendera negara mereka di London.

Burma, ketika itu adalah merupakan negara Asia Tenggara yang pertama sekali mencapai kemerdekaan dari British.

Ketika mata Tunku tertumpu kepada bendera Burma yang sedang berkibar di angkasa London, fikiran Tunku penuh dengan persoalan bilakah nanti bendera Malaya yang merdeka akan berkibar di perkarangan Rumah .Malaya yang terletak di satu

sudut berdekatan dengan Medan Trafalgar.

Dalam pada itu, penuntut-penuntut dari Kedah yang sedang menuntut di United Kingdom itu sudahpun menyedari bahawa perlembagaan baru itu antara lain memperuntukkan jawatan 'Menteri Besar' bagi setiap negeri dan mereka mahukan Tunku memegang jawatan tersebut. Justeru itu mereka telah menulis surat-surat kepada orang-orang tertentu di Kedah supaya melobi Almarhum Sultan dan agar baginda memperkenankan perlantikan tersebut.

Di samping itu, usaha-usaha lain juga dilakukan dari London bagi meletakkan Tunku sebagai Menteri Besar pertama Kedah selepas pembentukan Persekutuan Tanah Melayu.

Antara usaha ini termasuklah satu siaran khas dari British Broadcasting Corporation yang dipancarkan kepada pendengar-pendengar di Kedah. Petikan siaran BBC itu adalah seperti berikut:

> *The Malays here in Britain realize to the full the importance of these two highest Malay appointments for the future of each of the Malay States, and above all we realize how important it is that the rights Malays should be appointed...*
>
> *We in Britain have been highly pleased to see that the name of one of us here has been mentioned in connection with the appointment of Prime Minister of Kedah. The name is Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman, the president of our Malay Society in Great Britain. Tunku Abdul Rahman is now in England studying law.*
>
> *We have filled with admiration and pride that the Tunku should have desire, the ability, and the courage to qualify himself in law. He is well past the ordinary student age, and it is difficult to think of him undergoing all that required of a student who is keen on getting through a series of difficult examinations in the shortest possible time. Moreover, as his friends well know, Tunku Abdul Rahman like most Malays, loves all good things in life...*
>
> *When discussing with Tunku Abdul Rahman the future of the*

Malays one is immediately struck by his unbounded faith in God and in the inherent goodness of his own people. He has seen with his own eyes the hardship, the sorrow, and the suffering of the Malay people all these years since the War, and has foreseen the dangers that his people will go through if nothing is done to help them..

He knows that the hand can guide these simple people can only come from among the Malays themselves. He has realized that to be of service to his people and to be a true guide to them required degree of qualification which he can find only in Britain...
We have no desire to interfere in the internal politics of Kedah. We write of a nominee for the appointment of Prime Minister of the State for the simple reason that the Malays in Britain have the privilege and the good fortune of knowing him personally and having him in our midst at the present time.

Should he become the Prime Minister of Kedah, we know that the choice would be a good one. We know that Tunku Abdul Rahman would serve the people to the best of his ability with honour and the greatest devotion.

Walaupun siaran BBC itu sedikit sebanyak telah mempengaruhi rakyat Kedah, namun ia tidak berjaya mempengaruhi Almarhum Badlishah yang agak mirip kepada Inggeris kerana pada tahun sebelumnya baginda telah dianugerahkan dengan bintang kebesaran Kerajaan British, 'Knight Commander of the Order of St. Michael and St. George oleh Raja George VI. Sebaliknya Almarhum Sultan telah melantik Tuan Haji Mohamad Shariff sebagai Menteri Besar pertama Kedah selepas penubuhan Persekutuan Tanah Melayu.

Pada 21 Januari tahun tersebut, Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu telah ditandatangani di Kuala Lumpur. Perjanjian ini mengembalikan semula kedaulatan Raja-raja Melayu yang telah dirampas oleh British menerusi Triti MacMichael, triti yang telah mengubah taraf negara menjadi tanah jajahan takluk British selama hampir dua tahun. Dengan termaktubnya Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu itu, Tanah Melayu kembali ke taraf 'bernaung' seperti sebelum Perang Dunia II dulu dan susunan

pentadbiran bertukar menjadi bersekutu semuanya di bawah satu kerajaan pusat di Kuala Lumpur dengan tiap-tiap negeri mempunyai kuasa pentadbiran sendiri.

Susunan Persekutuan ini tidak sama dengan Negeri-negeri Melayu Bersekutu sebelum perang kerana di bawah Persekutuan Tanah Melayu negeri-negeri mempunyai lebih banyak hak. Sebelum Perang, Johor dan Terengganu sahaja yang mempunyai undang-undang tubuh tetapi di bawah Persekutuan Tanah Melayu semua negeri akan mempunyai undang-undang tersebut.

Di samping itu setiap negeri juga akan mempunyai jawatan Menteri Besar dan juga Setiausaha Kerajaan.

Pada hari tersebut, Tunku, Abdul Razak dan beberapa orang lagi rakan mereka duduk di hadapan radio untuk mendengar berita tentang upacara yang dihadiri oleh kesemua Raja-raja Melayu dan juga Edward Gent selaku wakil kerajaan British.

Beberapa hari kemudian Persatuan Melayu Great Britain telah mengadakan jamuan makan malam sempena penubuhan Persekutuan Tanah Melayu dan mengundang beberapa orang tetamu kehormat Inggeris yang turut terlibat dalam usaha penubuhan tersebut. Di dalam jamuan makan malam itu Tunku turut berucap dan menyatakan harapannya tentang masa depan tanahair dan juga berikrar akan memberikan kerjasama kepada semua pihak demi mencapai kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu.

Sementara itu di Tanah Melayu demam dan bahang penubuhan Persekutuan Tanah Melayu masih lagi dirasakan di mana-mana. Selain dari Dato' Onn yang telah berucap menyatakan agar semangat kerjasama dan perpaduan dapat dipupuk, persefahaman terhadap masalah antara kaum dapat dipertingkatkan bagi menghadapi kenyataan dan aspirasi rakyat, ramai lagi para pemimpin masyarakat yang turut berucap dalam beberapa rapat umum.

Begitupun antara para pemimpin yang paling lantang sekali dalam menyuarakan perkara ini ketika itu ialah Dr. Ong Chong Keong. Dalam satu ucapannya, ahli Federal Legislative Council itu antara lain menghujahkan:

> *How quickly or how slowly the many races domiciled in Malaya can forget racial prejudices and learn to think, talk, and act as*

true Malayans.

> *As long as the Malays are afraid that the Chinese and the Indians may swamp them, and as long as the Chinese and the Indians are jealous of the privileges given to the Malays as the sons of the soil, Whitehallwill have to keep on sending out British officials to Malaya to act as refrees and umpires in the political game.*

Bagaimanapun usaha Dr. Ong untuk membenteras perasaan prajudis antara kaum itu terbukti terlalu mahal kerana tidak berapa lama kemudian beliau telah dibunuh dengan kejam oleh pihak komunis.

Sejak bulan Februari 1948 itu, Persekutuan Tanah Melayu bolehlah dikatakan sebagai sedang menuju ke arah 'kerajaan sendiri'. Namun begitu usaha tersebut telah terbantut akibat serangan-serangan pengganas komunis yang mahukan Parti Komunis Malaya berkuasa. Perkembangan ke arah kerajaan sendiri sesungguhnya dilihat oleh pihak komunis sebagai satu ancaman kepada ideologi mereka yang mahukan Malaya menjadi sebuah 'Repablik Rakyat'. Dengan itu kegembiraan menyambut penubuhan Persekutuan Tanah Melayu beransur-ansur menjadi suasana ngeri dengan trajedi pembunuhan, pembakaran dan pemusnahan harta-harta awam, ugutan serta ancaman terhadap penduduk-penduduk kampung khususnya orang-orang Melayu.

Dalam masa beberapa minggu kemudiannya Tunku menerima berita tentang pembunuhan beberapa orang keturunan India dan juga China di Kedah dan di Johor. Dalam masa yang sama ketegangan ini juga dimaklumkan kepada pihak berkuasa British. Namun demikian British enggan menerima tuduhan bahawa Parti Komunis Malayalah yang telah bertanggungjawab terhadap keganasan-keganasan yang berlaku. Ini kerana ketika itu Britain masih lagi mempunyai hubungan yang baik dengan Russia dan tidak mahu soal komunis dikaitkan. British bimbang kalau-kalau perhubungannya dengan Russia terancam akibat penentangannya terhadap ideologi komunis di Malaya itu.

Bagaimanapun British tidak dapat menafikan realiti keadaan. Berita-berita tentang rancangan PKM untuk membunuh pengurus-pengurus ladang dan lombong yang berbangsa Inggeris bertiup dengan begitu kencang. Dan akhirnya British tak mahu mengambil

risiko tersebut dan Edward Gent tidak ada jalan lain melainkan mengisytiharkan keadaan dharurat di Persekutuan Tanah Melayu.

Bagi British, sesuatu yang agak ironis tentang aktiviti PKM itu ialah hakikat bahawa pemimpinnya adalah Chin Peng, pegawai perantaraan di antara wakil Mounbatten dengan Polis Malaya yang telah dianugerahkan pingat 'Order of the British Empire' selepas tamatnya Perang. Namun belumpun sempat pingat tersebut disematkan di dada Chin Peng, pemimpin komunis itu telah menghilangkan dirinya ke dalam hutan untuk memimpin revolusinya.

Dua minggu selepas Edward Gent mengisytiharkan 'perintah dharurat', beliau telah diarahkan untuk kembali ke London. Dan berita tentang kepulangan ini diterima oleh Tunku yang merancang untuk bertemu Edward Gent sebagai wakil Persatuan Melayu Great Britain. Namun begitu hasrat Tunku dan rakan-rakannya untuk bertemu Gent terkilan kerana Gent telah terbunuh dalam satu kemalangan kapalterbang di ruang udara kota London.

Tempat Edward Gent digantikan oleh Henry Gurney. Dan sementara itu di London, tibalah masanya Tunku menduduki peperiksaannya yang terakhir dalam bidang undang-undang. Tunku kali ini lebih berhati-hati. Tunku mengambil masa yang mencukupi untuk mengulangkaji pelajarannya di samping memastikan tempat dan masa peperiksaan. Tunku tidak mahu pengalaman lama berulang kembali.

Sebaik sahaja peperiksaan selesai, Tunku tidak mahu memikirkannya lagi. Sebaliknya beliau telah menelefon Abdul Razak dan mengajaknya keluar makan bersama-sama.

Beberapa minggu kemudian, sedang Tunku duduk seorang diri di biliknya, seorang kawan telah menelefon beliau.

"Congratulation, Tunku. You've got through the bar final", jelas rakan Tunku itu.

"You're not pulling my leg, are you?" tanya Tunku seolah-olah tidak mahu percaya akan berita baik itu.

"No. I'm not," jelas rakan itu. "Why don't you come and see it for yourself," sambung rakan Tunku itu lagi.

Dengan penjelasan tersebut, Tunku semakin 'excited'. Setelah mengucapkan terima kasih kepada rakannya itu, Tunku telah

mengangkat gagang telefon itu sekali lagi dan menelefon Abdul Razak.

Sebagaimana biasa Abdul Razak memang tidak ke mana-mana kecuali kalau perlu. Abdul Razak mengangkat telefon tapi belum pun sempat dia berkata sesuatu, Tunku dengan nada yang begitu gembira sudahpun berkata, "Hey, Razak, I've passed. Let's have a party. Get the boys together."

Dalam satu majlis makan malam di Temple Inn bagi meraikan mereka yang telah lulus dan dipanggil ke institusi tersebut Tunku telah berucap dan antara lain Tunku berkata:

> *Tonight is a unique occasion for the Inn, because it is for the first time a student has been called after staying with it for twenty-five years. Tonight I not only celebrate my being called to the Bar, but also my silver jubilee as a student at this Inn.*

Begitulah. Setelah 25 tahun menjadi penuntut, akhirnya Tunku pada usia 45 tahun berjaya juga menjadi seorang peguam yang bertauliah. Dengan kejayaan tersebut, Tunku mendapati tidak ada sebab lagi beliau tinggal lebih lama lagi di London.

Tunku pulang ke tanahairnya yang kini dikenali sebagai Persekutuan Tanah Melayu ataupun Federation of Malaya pada awal tahun 1949.




Pasukan bola sepak Penang Free School, 1916. Tunku duduk (kedua dari sebelah kiri)



Tunku bersama sahabat pengakapnya, Tavil Gaptarah ketika mereka berdua menjadi pelajar di Sekolah Dasburin, Bangkok dalam tahun 1916.



Persatuan Melayu Great Britain, 1948.



Tunku (kanan) ketika menjadi Pegawai Daerah Sungai Patani dalam tahun 1931.



Sultan Kedah, Almarhum Sultan Abdul Hamid



Juara pertandingan Golf di Singapura pada 9 Julai 1961.



Pertemuan dengan Chin Peng di Baling, 1955.



Tunku begitu serius mendengarkan saranan Perdana Menteri Britain Harold Wilman dalam Mesyuarat Ketua-ketua Menteri Komanwel pada bulan Jun 1965.




Shah Iran dan permaisurinya kelihatan hendak berlepas ke Perak ketika melawat Malaysia pada tahun 1968. Beliau dihantar ke lapangan terbang oleh Tunku.



Tunku dalam satu sidang akhbar.



Tunku dan Datuk Onn Jaafar sedang menghadiri Perhimpunan Agung UMNO pada 25 Ogos, 1951 bertempat di Hotel Majestic, Kuala Lumpur.



Kesedihan jelas terbayang di wajah Dr. Mahathir ketika melawat Tunku yang dalam keadaan tenat di Hospital Besar.



Tunku yang mewakili kapal layar, lambang Perikatan sedang diusung oleh penyokongnya.




Tunku mengangkat tangan menandakan kegembiraan beberapa minit selepas tengah malam 31 Ogos 1957 di perhimpunan sempena pengisytiharan kemerdekaan di Padang Kelab Selangor (kini Dataran Merdeka) Kuala Lumpur.



Di kelilingi wartawan.



Perdana Menteri India Puan Indira Ghandi bersalaman dengan Tunku di akhir lawatannya ke Malaysia pada bulan Mei 1968.



1922 - Tunku Abdul Rahman Putra (depan - empat dari kiri) ketika berumur 20 tahun bersama-sama penuntut-penuntut Malaya (Malaysia kini) di London.



Merdeka! Merdeka! Merdeka!



Pertemuan di Manila dalam bulan Ogos 1963 yang gagal menyekat Soekarno dari melancarkan konfrontasinya terhadap Malaysia.



Tunku dan Lee Kwan Yew sewaktu pulang dari London pada 9 Ogos, 1963.



Tunku bersama-sama dengan Tun Razak, H.S. Lee dan T.H. Tan.



Dalam perjalanan untuk berbincang dengan Chin Peng.




Gambar kenang-kenangan T. H. Tan, Tunku dan Tun Razak di Muktamar Perikatan, 1955.



Tunku (kiri) duduk di sebelah Al-Malek Faisal sebagai Setiausaha Agung Sidang Menteri - Menteri-menteri luar negara Islam.



Tunku Abdul Rahman mengambilalih kepimpinan UMNO pada 1 April, 1951.
Dato' Onn Jaafar pada satu majlis 23 Ogos 1951 di Hotel Majestic, Kuala Lumpur, memberikan ucapan terakhirnya.



Sebagai perwira sukan, Tunku turut mengharungi air hujan di trek Stadium Merdeka untuk turut memberikan sokongan moral kepada pasukan negara yang menentang Korea Selatan Pesta Bola Merdeka, 1966.



Dakwah: Tunku menggunakan masa persaraannya bekerja untuk menggembangkan agama Islam melalui PERKIM



Rombongan Merdeka bergambar di hadapan Kediaman Perdana Menteri British Sir Anthony Eden pada 23 Januari, 1956 di No. 10 Downing Street.




Kedua-dua mereka sudahpun meninggal dunia namun sumbangan mereka kepada negara tidak boleh di ketepikan begitu saja.



Pertemuan terakhir Tunku dan Dr. Mahathir sebelum Tunku kembali ke rahmatullah.



Delegasi Pemuda UMNO turut bergambar untuk kenang-kenangan bersama Tunku.



Tan Sri Abdul Taib Mahmud menemui Tunku di hospital Pulau Pinang di masa hari keputeraan Tunku.

Lapan

TUNKU MASUK POLITIK

DALAM BULAN FEBRUARI tahun 1949, iaitu kira-kira dua bulan sebelum Tunku menulis rencananya yang telah menimbulkan kontroversi, Tan Cheng Lock, menubuhkan Malayan Chinese Association atas nasihat pihak berkuasa penjajah. Tujuan utama penubuhan MCA bagaimanapun bukanlah untuk turut sama berpolitik sebagaimana UMNO, tapi sekadar menghindarkan pengaruh komunis daripada masyarakat kaum China di Persekutuan Tanah Melayu.

Langkah Tan Cheng Lock ini sudah tentu tidak digemari oleh pihak Parti Komunis Malaya. Sebagai reaksi awal mereka telah melempar sebutir bom-tangan ke arah orang ramai yang menghadiri satu rapat umum MCA di Ipoh dan mencederakan Tan Cheng Lock.

Dalam tahun 1951, ketika Tunku sedang sibuk membaca keskesnya di Jabatan Perundangan Persekutuan, politik UMNO yang ketika itu masih lagi dikenali sebagai PEKEMBAR dilanda krisis.

Kalau dalam tahun 1946 usaha UMNO adalah semata-mata tertumpu kepada pengembalian hak-hak orang Melayu dan raja mereka melalui penghapusan Malayan Union, tetapi lima tahun kemudian isu yang menjadi perkara pokok ialah soal kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu.

Dato' Onn yang mengepalai UMNO dan merencanakan segala perancangan tentang bagaimana hendak mencapai kemerdekaan berpendapat bahawa sudah tiba masanya UMNO membuka pintu

mereka kepada orang-orang bukan Melayu. Dato' Onn mengesyorkan supaya mereka itu di jadikan ahli-ahli bersekutu UMNO.

Namun hasrat Dato' Onn itu mendapat tentangan hebat dari para pemimpin UMNO dan juga segolongan ahli UMNO yang tidak mahukan parti itu membuka pintunya kepada kaum-kaum lain.

Bagi orang-orang Melayu mereka melihat tindakan UMNO dijadikan parti pelbagai bangsa sebagai satu bahaya kepada keutuhan perpaduan orang-orang Melayu. Malah tindakan tersebut dilihat sebagai satu ancaman kepada hak-hak orang Melayu lebih-lebih lagi apabila mereka membayangkan bahawa MCA disatu masa nanti mungkin menjadi sebuah pertubuhan yang lebih besar dan lebih kukuh dari UMNO sendiri. Tambahan pula, kontroversi yang menyelubungi isu ini dibumbungi pula dengan desakan kaum China dalam mendapatkan hak taraf kerakyatan Persekutuan dan rasa tidak puashati mereka terhadap Perjanjian Persektuan. Tan Cheng Lock sendiripun pernah menyuarakan:

> *'...a spirit of distrust and discrimination against the Chinese and other non-Malay races as an unwanted and undesirable class of people to be tolerated, to live in this country on sufferance.'*

Sungguhpun niat Dato' Onn untuk menyatupadukan semula bangsa dalam satu parti, namun perkara-perkara yang menjadi isu semasa ketika itu menyebabkan orang mengambil perhatian yang serius dan mengambil sikap prajudis terhadap kaum lain terutamanya orang-orang China.

Perbahasan demi perbahasan atas isu ini diadakan tetapi semuanya tidak membuahkan hasil. Pemimpin-pemimpin UMNO tidak mahu berganjak dari keengganan mereka dan Dato' Onn pula dilihat sebagai enggan berkompromi.

Semua kemelut politik ini diperhatikan oleh Tunku. Namun, sebagai penonton sahaja.

Di akhir tahun 1950, Dato' Onn memperhebatkan kempennya untuk menjadikan UMNO sebagai sebuah parti siasahpelbagai kaum. Beliau mempertahankan bahawa dengan cara ini sahaja integrasi kaum dapat dicapai dan justeru itu British akan menye-

gerakan pemindahan kuasa ke atas Persekutuan untuk pemerintahan otonomi. Dalam lain perkataan matlamat Dato' Onn ialah untuk mencapai kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu dengan seberapasegera.

Dato' Onn melihat rancangannya itu sebagai perlu dilaksanakan walaupun mendapat tentangan hebat dari kebanyakan pemimpin parti. Beliau terlalu ghairah dengan rancangan tersebut sehinggakan membelakangkan segala nasihat yang diberikan oleh orang-orang yang rapat dengannya termasuk Abdul Razak sendiri yang ketika itu sudahpun pulang ke tanahair dan memegang jawatan Ketua Pergerakan Pemuda UMNO dan juga anggota Majlis Kerja Tertinggi.

Ramai yang beranggapan bahawa tindakan Dato' Onn itu sedikit sebanyak telah dipengaruhi oleh Pesuruhjaya Tinggi British. Ini kerana Henry Gurney dilaporkan sering mengingatkan bahawa proses ke arah kemerdekaan bagi negara ini akan tetap berada di takok lama sekiranya penyatuan kaum tidak dapat dicapai.

Sebagai sebuah parti yang terpenting, Dato' Onn berpendapat bahawa parti tersebut patut menerajui usaha ini. Dan salah satu cara yang difikirkannya boleh dilakukan ialah dengan memberikan persetujuan agar mengkaji semula soal kerakyatan.

Oleh kerana soal kerakyatan adalah merupakan satu soal yang paling sensitif, maka cadangan Dato' Onn itu dilihat oleh sesetengah pihak sebagai perbuatan yang mengancam kepentingan orang Melayu. Justeru itu Dato' Onn dilihat sebagai seorang pengkhianat.

Kita tidak tahu sama ada anggapan ini benar ataupun sebaliknya. Bagaimanapun sejarah telah membuktikan bahawa Dato' Onn cuba memaksa ahli-ahli UMNO menerima saranan beliau. Antara senjata yang cuba digunakan oleh presiden pertama UMNO itu ialah mengundurkan dirinya dari jawatan tersebut serta juga keanggotaannya dalam Majlis Kerja Tertinggi.

Senjata yang digunakan Dato' Onn ternyata membuahkan hasil. Tidak lama selepas pengumuman untuk meninggalkan UMNO dibuat, sekumpulan para pemimpin kanan UMNO telah menggesa beliau agar membatalkan keputusan tersebut. Sehubungan dengan itu satu rapat raksasa yang dihadiri oleh lebih dari 4,000 para penyokong kuat beliau telah mengadakan demon-

strasi secara aman di hadapan rumah beliau di Batu Pahat dan memujuk agar Dato' Onn kembali memimpin UMNO.

Dengan pujukan tersebut, Dato' Onn akhirnya bersetuju untuk kembali ke pangkuan UMNO dengan syarat beliau diberikan kebebasan untuk bertindak mengikut apa yang dirasanya sebagai satu tindakan yang akan dapat memperbaiki nasib bangsa Melayu. (Dalam Perhimpunan Agong UMNO tahun 1950 itu, Dato' Onn dipilih semula menjadi Presiden dengan 66 undi menyokong sementara tiga undi menentang. Tunku Abdul Rahman yang turut sama menghadiri Perhimpunan tersebut turut memberikan tepukan ketika Majlis Kerja Tertinggi meluluskan usul untuk memberikan kemudahan asas untuk kaum bukan Melayu mendapatkan kerakyatan Persekutuan.)

Suasana dalam UMNO kembali tenang. Tapi ketenangan itu untuk tempoh masa beberapa bulan sahaja kerana tidak lama kemudian Dato' Onn kembali mendesak ahli-ahli UMNO supaya menerima gagasannya untuk menawarkan hak kerakyatan yang sepenuhnya kepada orang-orang bukan Melayu. Dato' Onn menghujahkan bahawa tindakan tersebut akan mengukuhkan lagi kedudukan orang-orang Melayu kerana Dato' Onn membayangkan betapa orang-orang bukan Melayu akan turut mengundi wakil-wakil UMNO dalam pemilihan majlis-majlis tempatan.

Saranan Dato' Onn mendapat reaksi yang berbeza-beza. Sementara ada orang-orang Melayu yang melihat ini sebagai satu tindakan yang akan menguntungkan, namun dalam masa yang sama ada yang menganggapnya sebagai satu tindakan yang bersifat terlalu 'premature'. Bagi orang-orang kampung yang kurang berpelajaran saranan Dato' Onn dilihat sebagai sesuatu yang akan memberikan orang-orang bukan Melayu hak yang sama dengan mereka. Justeru itu sama ada secara senyap-senyap mahupun secara terbuka, mereka membuat bantahan. Akhbar 'Majlis' yang ketika itu menjadi media utama orang Melayu turut memberi amaran yang halus terhadap Dato' Onn.

Begitupun, dengan berlatarbelakangkan kemelut ini, pada 4 Februari 1952, UMNO tiba-tiba menukarkan arah dan matlamat perjuangannya. Arkib Negara dalam bukunya 'Hari Ini Dalam Sejarah' merakamkan peristiwa tersebut sebagai berikut:

Pada hari ini dalam tahun 1951 di Persidangan Setengah Tahun Majlis Mesyuarat Perikatan Pemuda UMNO yang diadakan di Sultan Sulaiman Club, Kuala Lumpur, satu syor di terima supaya seruan 'Hidup Melayu' itu ditukar kepada 'Merdeka'. Seruan ' Hidup Melayu'; itu digunakan oleh UMNO semenjak ia ditubuhkan dalam tahun 1946 untuk memperkuatkan semangat orang-orang Melayu dalam menentang penubuhan Malayan Union. Sungguhpun ada cadangan supaya syor itu ditambah menjadi 'Hidup Merdeka' tetapi cadangan ini tidak diterima oleh Majlis itu. Seruan 'Merdeka' ini digunakan oleh UMNO dalam perhimpunan-perhimpunan besar termasuklah penggunaannya pada hari yang bersejarah iaitu pada 31 Ogos 1957 di mana Ketua Menteri Tunku Abdul Rahman Putra telah melaungkan seruan itu dalam pengisytiharan kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu.

Kira-kira dua bulan setelah UMNO menukar cogankata dan matlamat jangkapendeknya, satu percubaan untuk berkerajaan sendiri telah dimulakan di Persekutuan Tanah Melau apabila buat pertama kalinya seramai enam orang 'ahli tidak rasmi' dari Perkhidmatan Awam telah dilantik mengetuai urusan pentadbiran dalam beberapa buah jabatan kerajaan yang bertaraf kementerian serta terlibat dalam pembikinan dasar-dasar. Antara mereka yang dilantik itu termasuklah Dato' Onn yang memegang jawatan terpenting iaitu sebagai Ahli bagi Hal-Ehwal dalam Negeri. Jawatan ini secara tak rasmi adalah setaraf dengan jawatan Ketua Menteri yang bakal disandang oleh Tunku dalam masa beberapa tahun yang akan datang. Begitupun adalah agak menarik kerana ketika Dato Onn menjadi ahli kabinet eksperimen ini, seorang anak raja Kedah, yang juga merupakan kekanda Tunku dan juga raja Muda negeri tersebut turut dilantik oleh pihak British sebagai Ahli bagi Pertanian dan Perhutanan.

Dalam pada itu Dato' Onn meneruskan usahanya dalam mempertahankan gagasan beliau mengenai soal kerakyatan dan integrasi kaum. Namun usaha itu terus mendapat tentangan yang hebat.

Akhirnya pada awal bulan Ogos 1951 itu, Dato' Onn tidak ada jalan lain melainkan sekali lagi mengambil keputusan untuk meletakkan jawatannya sebagai Yang DiPertua dan sekaligus

meninggalkan parti tersebut dan menubuhkan Independence Party of Malaya.

Dengan platform yang baru itu Dato' Onn mengumpul ahli-ahli baru dan berjanji akan membawa kemerdekaan selewat-lewatnya dalam tahun 1958.

Keputusan yang diambil oleh Dato' Onn ini sebenarnya bukanlah satu keputusan yang memeranjatkan seperti pada kali pertama beliau mengambil tindakan yang serupa. Malah Dato' Onn sudah berkali-kali membayangkan akan mengambil tindakan tersebut sekira gagasannya tidak diterima. Justeru itu tindakannya kali ini tidak langsung disusuli oleh demonstrasi ataupun desakan secara berkumpulan.

TindakanDato' Onn meninggalkan UMNO mengakibatkan wujudnya 'vacuum' kepimpinan peringkat tertinggi' dalam pertubuhan raksasa orang Melayu itu. Tidak ada seorang pun dari kalangan pemimpin-pemimpin pelapis yang sanggup mengambil alih jawatan Yang DiPertua. Berbagai alasan dikemukan. Ada yang tidak mahu lagi bersama UNMO kerana ingin berjuang di bawah pimpinan Dato' Onn. Tidak kurang juga yang merasakan bahawa UMNO sudah jadi ibarat sebuah kapal yang akan tenggelam dan justeru itu tidak ada siapapun yang sudi menjadi nakhodanya.

Antara mereka yang ditawarkan jawatan Yang DiPertua UMNO itu termasuklah Abdul Razak. Malah Dato' Onn sendiri turut menawarkan jawatan tersebut. Namun Abdul Razak menolaknya kerana beliau merasakan dirinya terlalu muda dan tidak mungkin dapat kepercayaan dan sokongan orang-orang Melayu yang bakal diwakilinya.

"Tapi saya tahu seorang yang boleh memimpin parti ini," Abdul Razak mencadangkan.

"Siapa?"

"Tunku Abdul Rahman," jawab Abdul Razak.

Setelah membiarkan beberapa detik berlalu, akhirnya Dato' Onn memberikan jawapannya, "Baiklah. Biarlah Tunku Abdul Rahman mencubanya."

Dengan persetujuan Dato' Onn dan juga beberapa orang ahli lagi, Abdul Razak telah ke rumah Tunku di Jalan Kia Peng.

Apabila berita tersebut disampaikan ke telinga Tunku oleh

sahabatnya Abdul Razak, Tunku tidak mempamerkan keghairahan sama sekali. Sebaliknya menggesa Tun Abdul Razak menerima jawatan tersebut. Malah Tunku berjanji akan memberikan sokongan yang sepenuhnya kepada beliau.

Namun Abdul Razak berkeras agar Tunku menerima sahaja jawatan tersebut dan berjanji akan mendapatkan sokongan UMNO Pahang.

Dengan cadangan Abdul Razak yang mendapat sokongan dari kebanyakan ahli Majlis Kerja Tertinggi, nama Tunku disebut-sebut dalam beberapa buah akhbar sebagai calun yang bakal memimpin UMNO. Begitupun Tunku menafikan mahu menerima jawatan tersebut. *"I know nothing of this suggestion,"* jelas Tunku. *"I wouldn't even consider it, because I am in full agreement with Dato' Onn on the question of citizenship."* Begitulah jelas Tunku kepada para wartawan akhbar sebagaimana yang diceritakannya kepada Harry Miller yang menulis sebuah biografi untuk beliau.

Beberapa hari menjelang mesyuarat bagi memilih Yang DiPertua baru bagi UMNO menggantikan Dato' Onn, reaksi di kalangan para pemimpin tinggi pertubuhan tersebut berada dalam keadaan tidak menentu. Sejumlah mereka merasakan UMNO tidak akan memiliki daya tahan tanpa kehadiran pengasasnya. Justeru itu mereka sedang berkira-kira untuk mengikut jejak langkah Dato' Onn dalam parti baru beliau, Independence Party of Malaya. Namun begitu ada juga yang mahu terus bersama UMNO sungguhpun nasib parti tersebut tidak menentu.

Antara mereka yang turut terjebak dalam dilema pemilihan parti ini termasuklah Abdul Razak sendiri. Bagaimanapun segala hasrat beliau untuk menimbang semula tentang kehadirannya di dalam UMNO terhapus setelah menerima sekeping nota dari Tunku yang merupakan calun Yang DiPertua dalam mesyuarat yang akan berlangsung dalam masa beberapa hari itu. Tunku menulis kepada Abdul Razak:

> *Urge you not to change your politics and jump about like monkey tied to a post."*

Pada 26 Ogos 1951, Mesyuarat Tahunan UMNO telah diadakan di mana urusan memilih Yang Dipertua baru turut dijalankan. Sejum-

lah tiga orang tokoh telah dicalunkan untuk jawatan tersebut termasuk Tunku sendiri. Dan apabila keputusan pemilihan diumumkan, Tunku telah mendapat sebanyak 57 undi berbanding dengan calun-calun yang menentang beliau yang masing-masingnya memperolehi 11 dan tujuh undi.

Sebaik sahaja keputusan itu diumumkan Tunku berjalan untuk kembali ke tempat duduknya di sebelah Dato' Onn yang menghadiri mesyuarat buat kali terakhir dalam hayatnya. Mereka tidak bersalaman tetapi sekadar bertukar-tukar senyuman sahaja. Senyuman Dato' Onn mempamerkan keyakinan beliau dalam parti baru yang pada hematnya bakal mengambil tempat PEKEMBAR sebagai jaguh hak bangsa Melayu. Bagi Tunku, senyuman beliau lebih bertujuan untuk menyembunyikan ketakutannya yang kini memikul tanggungjawab untuk menerajui bahtera yang sedang terumbang-ambing.

Dalam ucapannya buat kali pertama selaku Yang DiPertua, Tunku telah menyentuh beberapa perkara penting. Tunku menekankan bahawa negara ini adalah sebuah negara Melayu dan justeru itu sudah sepatutnyalah orang-orang Melayu mendapat keistimewaan-keistimewaan. Beliau juga mempersoalkan nasib orang Melayu sekiranya terpaksa tunduk kepada setiap desakan orang-orang bukan Melayu.

Dalam ucapannya itu Tunku juga menjelaskan bahawa negara-negara Asia yang dulunya dijajah oleh British dan juga lain-lain bangsa Eropah sudahpun mendapat kemerdekaan dan mengapakah Persekutuan Tanah Melayu masih belum lagi dibebaskan dari belenggu penjajah. Tunku menjelaskan bahawa ada pihak-pihak tertentu yang berpendapat bahawa kemerdekaan Tanah Melayu mestilah diberikan kepada 'Malayans'. Dan menurut Tunku hanya orang Melayu sahaja yang berhak menentukan siapakah mereka yang layak untuk dikelaskan sebagai 'Malayan'.

Walaupun ucapan Tunku itu sedikit sebanyak berbau perkauman, namun beliau tidak pula menyangkal adanya orang-orang bukan Melayu yang patut diberikan kerakyatan kerana menurut Tunku mereka telah memberikan sumbangan yang besar dan juga menunjukkan taat setia mereka kepada negara ini.

Dalam ucapan sulungnya itu, Tunku turut memberi amaran kepada Raja-raja Melayu bahawa sekirannya mereka itu tidak

membuat pertimbanhgan yang bijaksana dan menyerahkan bulat-bulat negara ini kepada 'Malayans', maka sudah pasti istana-istana mereka itu akan roboh. Diakhir kata, Tunku berjanji akan memusnahkan Perjanjian Persekutuan yang dianggap oleh kebanyakan orang Melayu sebagai berat sebelah itu sebagaimana Dato' Onn menggagalkan usaha-usaha Malayan Union.

Pemilihan Tunku sebagai Yang Dipertua UMNO menimbulkan masalah yang baru bagi Tunku. Oleh kerana kakitangan kerajaan dilarang dari melibatkan diri secara aktif dalam parti politik, maka Tunku terpaksa memilih sama ada untuk meletakkan jawatan tersebut atau menimbangkan semula tentang perlantikan itu. Bagi Tunku, jika ia meletakkan jawatannya di dalam Jabatan Perundangan, beliau terpaksa mengorbankan pendapatan tetapnya serta juga kelayakan pencen yang mana beliau bakal nikmati dalam masa dua tahun lagi. Sungguhpun Tunku memiliki beberapa buah rumah dan beberapa bidang tanah di Pulau Pinang dan juga Alor Star, namun Tunku bukanlah merupakan seorang kerabat Diraja yang tergolong dalam golongan mereka yang kaya. Tunku tidak boleh hidup tanpa menerima pendapatan bulanan yang tetap. Keadaan ini memaksa Tunku membuat keputusan yang amat kritis di dalam hidupnya.

Namun bagaimanapun Tunku bernasib baik kerana Henry Gurney yang melihat bahawa UMNO sahaja merupakan satu-satunya parti yang dapat mewakili orang-orang Melayu dan seterusnya berkemungkinan untuk merundingkan soal-soal kemerdekaan serta pula berkeupayaan membentuk kerajaan, maka kelonggaran yang boleh dianggap luar biasa telah diberikan kepada Tunku.

Satu formula yang membolehkan Tunku aktif dalam politik tanpa menjejaskan kelayakan hak berpencen beliau telah dirangka oleh 'Government Establishment Office'. Tunku diberikan cuti selama dua tahun sebelum beliau berpencen dengan rasminya. Tempoh percutian selama dua tahun ini dibahagikan kepada tiga tahap. Tahap pertama, Tunku diberi cuti-bergaji penuh. Tahap kedua pula Tunku hanya boleh diberikan setengah gaji sahaja. Sementara ditahap terakhir Tunku bercuti tanpa gaji. Melalui formula ini Tunku telah layak mendapat pencen sejumlah $288.00 diakhir tempoh perkhidmatannya dengan kerajaan.

Disamping itu, Gurney juga merasakan Tunku yang terpilih sebagai Yang DiPertua UMNO sepatutnya diberikan kerusi dalam 'Federal Legislative Council'. Dengan perlantikan Tunku di dalam majlis tersebut, pendapatan beliau juga bertambah dengan sebanyak $500.00 sebulan.

Bagaimanapun pendapatan sebanyak itu terbukti tidak mencukupi bagi Tunku. Ini kerana beliau bukan sahaja terpaksa membiayai kos-kos perjalanan dan penginapannya atas urusan UMNO tapi kadang-kala terpaksa juga mengeluarkan wangnya sendiri untuk membiayai beberapa perkara yang berkaitan dengan urusan parti.

Malah dalam masa beberapa tahun selepas itu Tunku terpaksa menjual tanah-tanah dan rumahnya bagi membiayai perbelanjaan rombongan UMNO ke London untuk merundingkan soal kemerdekaan Tanah Melayu.

Sembilan

TUNKU YANG DIPERTUA

The only real and lasting answer to our problems is to help the growth of genuine nationalism.

Tunku (31 Ogos 1955)

DALAM MEMPERTIMBANGKAN SAMA ada mahu menerima pencalunannya sebagai Yang DiPertua baru UMNO menggantikan Dato' Onn, Tunku sebenarnya terpaksa menghadapi dua persoalan besar - apakah penerimaannya itu dibuat atas dasar minat terhadap politik ataupun atas dasar mahu berjuang demi nusa dan bangsa?

Sebelum memberikan persetujuannya, Tunku cukup arif bahawa beliau bukanlah tokoh terpenting di dalam UMNO ketika itu. Malah dikalangan mereka yang menganggotai Majlis Kerja Tertinggi 'Independence Party of Malaya' pun ramai yang tidak kenal rapat ataupun tidak kenal terus kepada beliau.

Setelah dilantik menjadi Yang DiPertua, Tunku sedar bahawa peluangnya untuk maju di dalam politik dan seterusnya memainkan peranan yang lebih besar dalam usaha mencapai kemerdekaan adalah bergantung kepada prestasinya di dalam Federal Legislative Council yang mana dianggotai oleh beberapa orang bukan Melayu yang rata-ratanya memberikan sokongan yang jitu terhadap IMP.

Malah tidak sampai sebulanpun dari tarikh Tunku dilantik menjadi Yang DiPertua UMNO, Dato' Onn telah melancarkan penubuhan IMP secara besar-besaran. Di hadapan sejumlah lebih

dari seribu penyokong Dato' Onn telah menyemarakkan semangat menyatupadukan semua bangsa dalam satu gagasan tanpa mengira, keturunan, kepentingan ataupun bangsa demi mendapatkan kemerdekaan. Ucapan 'inaugration' Dato' Onn itu sebagaimana di hari-hari awal penubuhan PEKEMBAR mendapat tepukan yang bergemuruh. Bezanya cuma kali ini mereka yang menghadiri majlis serupa ini bukanlah lagi terdiri dari orang Melayu semata-mata tapi juga segolongan besar masyarakat Cina.

Apa yang membimbangkan lagi Tunku ialah sokongan masyarakat Cina terhadap IMP. Dalam majlis pelancaran tersebut, Tan Cheng Lock (Tun) sendiri telah mengumumkan penubuhan IMP dan berikrar memberikan sokongan peribadinya dan juga sokongan masyarakat Cina dalam Malayan Chinese Association. Di dalam majlis tersebut, bekas para pemimpin tinggi UMNO yang kini terserpih ke dalam parti baru itu turut memberikan ucapan-ucapan mereka yang sedikit sebanyak berjaya juga mempengaruhi sebahagian kecil ahli-ahli UMNO yang kemudiannya berubah haluan serta memaksa segolongan masyarakat Melayu membuat 'rethinking' terhadap gagasan Dato' Onn.

Sokongan yang diberikan oleh MCA terhadap IMP bukan sahaja terbatas kepada sokongan moral. Tetapi sokongan tersebut disertai dengan sumbangan wang tunai dari masyarakat peniaga Cina yang menjadi ahli MCA. Sumbangan tersebut adalah bertujuan bagi memudahkan perjalanan IMP.

Dengan sokongan yang sedemikian rupa, bukan sahaja kedudukan UMNO tergugat bahkan masa depan Tunku di dalam politik juga dilihat sebagai berkemungkinan besar turut terkubur. Dengan penubuhan parti barunya itu, Dato' Onn sendiripun pernah membayangkan bahawa UMNO hanya boleh bertahan tidak lebih dari tiga bulan sebelum menghadapi perpecahan yang kronik. Lagipun dengan adanya perpaduan di antara kaum dalam IMP, walaupun perpaduan tersebut lebih merupakan satu perpaduan yang bersifat 'superficial' namun Henry Gurney yang mahu melindungi kepentingan-kepentingan kaum imigran Tanah Melayu sudah tentu memihak kepada Dato' Onn.

Namun setelah masa tiga bulan itu berlalu, jangkaan Dato' Onn nyata meleset. UMNO tidak juga terkubur seperti yang disangkakan. Sebaliknya UMNO menjadi semakin kukuh dan

dilihat oleh para penyokong IMP sebagai sebuah parti yang dapat menggugat dan menghalang niat mereka untuk menjadikan IMP sebagai sebuah parti yang dominan dalam politik Tanah Melayu.

Dalam konteks ini, Dato' Onn nampaknya telah lupa akan sentimen orang Melayu terhadap tanahairnya. Dan apa yang lebih penting lagi ialah beliau telah lupa akan kenyataan yang pernah dibuat oleh beliau sendiri pada satu ketika dulu. Beliau pernah berkata, *"The Malays are the key to the politics in this country.*

Sekirannya benar orang-orang Melayu memegang anak kunci kepada politik negara ini, maka sudah tentulah anak kunci itu berada di tangan UMNO kerana Dato' Onn sendiri pernah berkata bahawa UMNO itu Melayu dan Melayu itu UMNO.

Walaupun dalam meninggalkan UMNO dan membentuk IMP pendapat Dato' Onn telah banyak berubah, namun kenyataan beliau itu tetap menjadi satu realiti sejarah, bukan sahaja di zaman beliau ataupun di zaman Tunku malah di zaman Dr. Mahathir sekalipun.

Tunku menjadi Yang DiPertua UMNO dalam keadaan perpaduan orang Melayu dan politik yang amat tidak menentu. Kalau dulu di dalam mesyuarat yang menyaksikan perlantikan beliau ke jawatan tersebut, Tunku agak cemas dan takut, tapi perasaan demikian beransur-ansur lenyap. Sebaliknya perasaan tersebut digantikan pula dengan keberanian yang boleh dikatakan agak luar biasa berserta dengan semangat yang jitu. Awal-awal lagi Tunku telah mempamerkan kemampuannya bertindak secara nekad.

Tunku mengakui bahawa Dato' Onn adalah seorang 'political giant' tapi dalam waktu yang sama Tunku percaya bahawa dirinya sendiri boleh menjadi seorang gergasi politik sekirannya beliau mengikut jejak Dato' Onn dengan mengambil contoh tauladan yang baik dan mengenepikan segala yang dianggapnya sebagai kesilapan yang pernah dilakukan oleh pengasas UMNO itu.

Justeru itu Tunku tidak merasa bimbang tentang daya tarikan IMP terhadap orang-orang Melayu. Tunku dengan berani dan tegas mengeluarkan amaran sesiapa sahaja yang berpaling tadah dan menganggotai ataupun menyokong IMP akan disingkirkan dari UMNO. Dan apabila keadaan memaksa beliau bertindak,

Tunku tidak teragak-agak dalam melaksanakan amarannya itu.

Dalam pada IMP dan UMNO mengukuhkan kedudukan masing-masing tentang siapakah sebenarnnya yang layak membawa negara ini ke mercu kemerdekaan, Parti Komunis Malaya pimpinan Chin Peng meneruskan azamnya untuk memerdekakan negara ini melalui ideologi yang diimportnya dari China. Gerakan memporak-perandakan keadaan keamanan negara diperhebatkan dan kemuncak dari gerakan ini ialah pembunuhan ke atas Henry Gurney dalam bulan Oktober tahun tersebut.

Sesungguhnya serangan pengganas komunis di zaman dharurat itu adalah sesuatu yang serius sehinggakan ia mendapat liputan para penulis luar negeri.

Dalam buku mereka 'The Atlas of Modern Warfare' Chris Cook, seorang pakar sejarah dari London School of Economics dan John Stevenson, profesor sejarah di Oxford menulis sebuah bab yang khusus mengenai ancaman komunis di Malaya di zaman dharurat. Antara lain, tulisan mereka itu menyebut:

> *A wave of murder, sabotage and terrorism began, mainly directed against isolated police posts and European mines and rubber plantations in the interior...*
>
> *The insurgency reached a peak in 1951. Morale of the government side sank when Sir Henry Gurney was killed in an ambush forty miles north of Kuala Lumpur on 6 October 1951.*

Kematian mengejut Henry Gurney di tangan komunis telah mengakibatkan percaturan politik di antara IMP dan UMNO mengalami perubahan yang radikal. Kalau semasa hayatnya Gurney telah menjadi salah satu faktor terpenting dalam mengukuhkan kedudukan IMP, kematiannya menyebabkan IMP menjadi ibarat layang-layang putus tali. Ini kerana dengan kedudukannya yang penting dalam kerajaan, Gurney dapat mempengaruhi ramai ahli-ahli UMNO untuk melompat ke IMP. Gurney yang juga mempamerkan sifat retorik dalam usaha membentuk Tanah Melayu yang dikehendaki oleh British memang banyak melahirkan idea-idea baru tentang penyatuan kaum. Dan sedikit sebanyak idea-idea ini tampak baik dan munasabah juga kepada orang-orang Melayu.

Oleh yang demikian tidak hairanlah kalau ada pihak-pihak yang berpendapat bahawa kematian Gurney itu mengisyaratkan kematian IMP yang menyusul dalam masa beberapa tahun kemudian.

Bibit-bibit awal peristiwa yang mencetuskan sejarah hitam bagi IMP bermula beberapa bulan selepas ucapan Dato' Onn itu. Sungguhpun kerajaan British menampakkan kemiripannya menyokong IMP namun sokongan dari rakyat terhadap IMP dilihat sebagai menurun dari masa ke semasa.

Di saat-saat akhir tahun 1951 perhatian seluruh rakyat tertumpu kepada pilihanraya pertama bagi memilih ahli-ahli dalam 'Kuala Lumpur Municipilaty Council'. ungguhpun pilihanraya ini adalah merupakan sebuah piliharaya kecil sahaja dan tidak bersifat nasional namun ia dianggap sebagai ujian terhadap parti manakah yang lebih berpengaruh dan lebih layak dalam mentadbirkan negara ini kelak. Lagipun pilihanraya ini begitu penting kerana ia merupakan pilihanraya yang julung-julung kali diadakan di negara ini yang melibatkan pertandingan parti-parti politik.

Pilihanraya yang dijadualkan diadakan dalam bulan Februari tahun berikutnya itu menyaksikan pertandingan untuk merebut sejumlah 12 kerusi di dalam badan tersebut.

Dalam kempen awal pilihanraya tersebut, IMP yang banyak mempengaruhi Federal Legislative Council begitu yakin mendapat kemenangan majoriti ke atas kerusi-kerusi yang dipertandingkan itu. Dato' Onn dan para pemimpin kanan IMP juga menganggap bahawa peluang UMNO untuk memenangi kerusi-kerusi di dalam Kuala Lumpur Municipality Council ini adalah amat terhad kerana parti pimpinan Tunku itu tidak mungkin mendapat sokongan yang banyak dari para pengundi Cina.

Beberapa hari menjelang hari penamaan calun, UMNO cawangan Kuala Lumpur telah mengambil keputusan untuk meletakkan seramai enam orang calun. Sementara itu MCA pula mengambil keputusan untuk meletakkan bukan sahaja calun-calun berketurunan Cina malah juga dari kalangan mereka yang bukan Cina. Ini dilakukan oleh MCA bagi mendapatkan sokongan yang padu dalam usaha melaksanakan program sivik yang dicadangkan oleh mereka. Untuk tujuan ini, satu manifesto yang ditandatangani oleh Kolonel Hau Shik, presiden Persatuan Cina

Hong Kong yang mempunyai pengaruh kuat di kalangan masyarakat Cina Selangor antara lain menggesa:

> *We feel that in running a municipality local interest should be paramount local affairs should be neither be influenced by politics nor conducted on a communal basis.*

Namun begitu ura-ura MCA untuk meletakkan calun bukan Cina tidak mendapat perhatian yang luas oleh para pemimpin UMNO termasuk Tunku. Tunku juga tidak menunjukkan apa-apa reaksi terhadap ura-ura tersebut.

Bagi Tunku dan juga para pemimpin UMNO yang lain langkah tersebut adalah tidak lebih dari idea IMP yang merupakan satu strategi untuk memperkuatkan kedudukan mereka dengan mengadakan pakatan dengan MCA

Namun begitu, bagi Dato' Haji Yahya Razak, ahli jawatankuasa UMNO Kuala Lumpur yang juga merupakan pengurus kempen UMNO, hasrat MCA untuk meletakkan calun bukan Cina itu ditakrifkan oleh beliau sebagai satu kemungkinan untuk menubuhkan satu ikatan di antara kedua-dua parti tersebut.

Beliau telah berkira-kira untuk membuat satu pakatan dengan MCA bagi mengukuhkan kedudukan UMNO sendiri. Namun begitu, oleh kerana beliau agak bimbang dengan reaksi orang-orang Melayu sendiri terutamanya ahli-ahli UMNO, Dato' Haji Yahya tidak merujuk perkara itu terlebih dahulu ke pengetahuan Tunku.

Sebagai pengurus kempen untuk UMNO, Dato' Haji Yahya memang diberi kuasa untuk membuat apa sahaja yang dapat membantu UMNO dalam memenangi pilihanraya yang akan datang ini. Justeru itu sebagai langkah pertama, beliau telah menemui Ong Yoke Lin (kemudian akan dikenali sebagai Tun Omar Ong Yoke Lin) yang ketika itu memegang jawatan EXCO MCA Cawangan Selangor.

Pemilihan untuk bertemu dengan Ong Yoke Lin bukanlah atas apa-apa dasar melainkan tokoh MCA itu adalah satu-satunya tokoh yang dikenali secara peribadi oleh Dato' Haji Yahya.

Dato' Haji Yahya telah berbincang dengan Ong Yoke Lin mengenai cadangan untuk membuat satu pakatan politik di

antara MCA dan juga UMNO. Ong Yoke Lin, yang juga merupakan orang kanan kepada Colonel Henry Lee (kemudiannya akan dikenali sebagai Tun Sir Henry Lee) bersetuju pada dasarnya menerima cadangan tersebut. Bagaimanapun Ong Yoke Lin menegaskan bahawa keputusan muktamad adalah tertakluk kepada persetujuan jawatankuasa kerja MCA Selangor.

Pertemuan Dato' Haji Yahya dengan Ong Yoke Lin disusuli pula dengan pertemuan pengurus kempen UMNO itu dengan Colonel Lee, Ong serta beberapa orang lagi ahli-ahli jawatankuasa MCA Selangor. Dalam pertemuan tersebut, Haji Yahya menyakinkan pemimpin-pemimpin MCA itu bahawa rancangan pakatan itu tidak payah mendapat persetujuan ataupun dirujuk kepada Pengerusi MCA Selangor ataupun kepada Tunku sendiri. Dato' Haji Yahya menjelaskan apa yang dicadangkan itu adalah sesuatu yang akan meletakkan kedua-kedua parti itu ke mercu kejayaan dalam pilihanraya Februari 1952 kelak dan sebagai pengurus kempen mereka sudahpun diberikan kuasa melakukan apa sahaja yang boleh memastikan kemenangan parti masing-masing.

Pada hari berikutnya keputusan dicapai. Cawangan-cawangan UMNO dan MCA mengisytiharkan kerjasama erat dalam pilihanraya yang akan datang itu. Dalam satu sidang akhbar, para pemimpin kedua-dua parti itu membuat 'joint communique' yang berbunyi:

> *Inter-racial harmony is a pre-requisite to any successful administration. Close cooperation among all the elected councillors is necessary for an efficient Municipal Council. The purely local interests of the munacipilaty do not call for activities of a political character.*

Apabila kenyataan bersama itu disiarkan di dalam akhbar-akhbar harian pada hari berikutnya, Tunku terkejut. Beliau berasa serba salah - tak tahu sama ada mahu membenarkan usaha tersebut ataupun memanggil sahaja Dato' Haji Yahya untuk mendapatkan penjelasan yang selanjutnya. Namun bagaimanapun setelah meneliti akan strategi itu dengan teliti, Tunku akhirnya bersetuju dengan pakatan tersebut. Dalam ucapannya yang pertama yang dihadiri oleh orang-orang Melayu dan Cina, Tunku menyatakan harapannya

agar penyatuan yang ditunjukkan oleh kedua-dua buah parti di Kuala Lumpur ini akan menjadi batu loncatan kepada pakatan-pakatan dalam menghadapi isu-isu yang lebih penting di masa-masa akan datang.

Sebagaimana yang telah dijangkakan oleh Tunku beberapa orang pemimpin-pemimpin kanan MCA yang juga pemimpin IMP telah membuat bantahan dan melabelkan Colonel Henry Lee dan MCA Selangor sebagai belot kepada MCA pusat. Bagaimanapun bantahan-bantahan ini hanya berlaku di peringkat pemimpin tertentu sahaja. Bagi ahli-ahli biasa, mereka agak berpuashati dengan pakatan tersebut.

Para pemimpin kanan IMP yang terserpih juga membuat bantahan yang sama. Mereka menuduh bahawa UMNO kini telah menjual (maruah) Melayu kepada orang-orang Cina. Elemen 'indah khabar dari rupa' mula digunakan untuk mendapatkan simpati rakyat dan merosakkan nama UMNO. Mungkin tidak keterlaluan jika dikatakan di sini bahawa keadaan ini buat pertama kalinya telah melahirkan taktik kotor dan strategi fitnah-memfitnah dalam politik negara ini sebagaimana yang kita sering lihat dalam pilihanraya umum mahupun pilihanraya kecil hari ini.

Tapi walau apapun, arbitrator yang paling tepat dan layak membuat penilaian dan hukuman adalah rakyat sendiri.

Pada hari Sabtu 16 Februari 1952 mereka yang layak telah keluar bagi menentukan siapakah yang layak menduduki kerusi-kerusi Kuala Lumpur Municipality Council. Dan apabila keputusannya diumumkan, Pakatan UMNO-MCA yang dikenali dengan 'Perikatan' memenangi sembilan buah kerusi dengan mendapat undi sebanyak 10,330. IMP yang telah berhempas pulas untuk menentukan tempatnya di dalam Municipality Council itu hanya berjaya mendapat dua buah kerusi dengan jumlah undi 6630 sementara kerusi yang kedua-belas dimenangi oleh seorang calun bebas berketurunan India-Singhalese. Dengan keputusan tersebut jelaslah pakatan yang diusahakan itu merupakan satu strategi yang cukup berkesan.

Dalam beberapa bulan yang berikutnya, kedudukan Perikatan yang dipimpin oleh Tunku sebagai Presidennya semakin kukuh berbanding dengan kedudukan IMP yang semakin hari semakin mendapat sokongan yang berkurangan.

Kira-kira sebulan sebelum pilihanraya tersebut diadakan Gerald Templer telah tiba di Kuala Lumpur untuk mengambil alih jawatan Pesuruh Jaya Tinggi British yang ditinggalkan oleh Henry Gurney. Bersama-samanya, Templer telah membawa satu usul yang mengandungi dasar Kerajaan British terhadap Persekutuan yang antara lainnya menyebut:

> *The policy of the British Government is that Malaya should be in due course become a fully self-governing nation. The Government confidently hopes that the nation will be within the British Commonwealth.*
>
> *In helping the peoples of Malaya to achieve this object - a fully self-governing nation - you (Sir Gerald) will at all times be guided by the declaration of policy expressed in the preamble to the Federation of Malaya Agreement.*
>
> *To achieve a united Malayan nation there must be a common form of citizenship for all who regard the Federation or any part of it as their real home and the object of their loyalty. It will be your duty to guide the peoples of Malaya towards the attainement of this objective and to promote such political progress in the country as will, without prejudices to the campaign against terrorists, further our democratic aims for Malaya.*
>
> *The ideal of the United Malayan nation does not involve sacrifice by any community of its traditions and culture and customs, but before it can be fully realized the Malays must be encouraged and helped to play a full part in the economic life of the country, so that the present uneven economic balance may be redressed...*
>
> *Communist terrorists are retarding the political advancement and economic development of the country and the welfare of its peoples. Your primary task in Malaya must therefore be the restoration of law and order so that this barrier to progress may be removed...*
>
> *The Government will not lay aside their responsibilities in*

Malaya until they are satisfied that Communist terrorism has been defeated and that partnership of all communities, which alone can lead to true and stable self-government has been firmlyestablished.

Dengan arahan tersebut, tindakan pertama yang dilakukan oleh Templer sebaik sahaja tiba di Tanah Melayu ialah menggabungkan 'War Council' yang mana merupakan sebuah badan yang menasihatkan Pensuruhjaya Tinggi British dalam dasar-dasar yang berkaitan dengan dharurat dengan 'Federal Legislative Council'. Templar merasakan bahawa dengan fungsi kedua-dua badan ini digabungkan di dalam satu badan eksekutif maka urusan pentadbiran kerajaan terutamanya di dalam keadaan dharurat itu dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Templer berbuat demikian kerana beliau berpendapat bahawa sistem yang diamalkan sebelum itu mempunyai banyak kelemahan-kelemahan dan kelewatan dalam menerima maklum-balas. Dan sesuai dengan arahan yang diterimanya dari Kabinet British itu, Templer telah melantik lima orang anggota 'Federal Legislative Council termasuk Tunku.

Dengan perlantikan tersebut, Tunku, dalam lain perkataan kini terlibat sama dalam pembikinan dasar-dasar Tanah Melayu sebelum merdeka.

Sebagai seorang ahli Federal Legislative Council, Tunku menerima kertas-kertas sulit untuk diteliti sebelum beliau menghadiri mesyuarat. Pada mulanya Tunku membaca juga isi kandungan kertas-kertas tersebut. Tetapi kemudian apabila jumlah kertas-kertas yang diterimanya itu semakin bertambah dan Tunku pula semakin sibuk dengan urusannya di dalam Kuala Lumpur Municipality Council dan juga dengan UMNO, maka kertas-kertas tersebut dibiarkan sahaja tanpa dibuka apatah lagi diberi sebarang perhatian.

Pernah di satu ketika ahli-ahli yang sedang bermesyuarat dalam Federal Legislative Council memandang Tunku dengan pandangan yang terkejut apabila Tunku membuat satu rujukan berhubung kandungan sebuah kertas sulit yang diterimanya.

Melihat keadaan tersebut, sambil tersenyum Tunku bertanya, *"What's the matter?"*

Gerald Templer yang mempengerusikan mesyuarat terus memberikan jawapannya dengan secara berterus terang. "Tunku," katanya, *" we weren't discussing that subject at all. We completed it last week."* Bagaimanapun jawapan Templer itu tidak sedikitpun menyebabkan Tunku merasa panik. Dengan selamba Tunku berkata, *"Aren't I silly? I"ve brought the wrong papers. Yes I've brought the last week papers."*

Dengan jawapan Tunku itu seluruh majlis tertawa termasuk Tunku sendiri.

Sungguhpun hubungan Tunku dengan Templar adalah agak erat dan Tunku pula mempunyai kedudukan di dalam kerajaan, namun ini tidak bermakna pihak kerajaan British berjaya menutup mulut Tunku. Tunku terus membuat ucapan-ucapan yang membidas dan mengkritik keras kerajaan British. Dalam kebanyakan ucapan-ucapan itu Tunku menuduh bahawa kerajaan British sengaja melambat-lambatkan urusan kemerdekaan Tanah Melayu dengan menggunakan Ordinan Dharurat dan Kuasa-kuasa Perlu Tahun 1948 bagi mencapai maksud mereka itu.

Dengan ucapan-ucapan yang keras itu tidak hairanlah sekiranya Tunku akhirnya telah dipanggil oleh Gerald Templer.

Dalam pertemuan itu, Tunku mencabar Templer agar menahan beliau. *"All right, put me in,"* kata Tunku.

Tapi Templer menjawab, *"The last thing I will do is to make a matyr out of you."*

Templar tidak menahan Tunku tetapi sebaliknya membenarkan Tunku bercuti ke Jepun pada penghujung tahun tersebut.

Tahun yang berikutnya iaitu tahun 1953, senario politik Tanah Melayu memasuki lembaran baru. Kedudukan IMP semakin lemah berbanding dengan kedudukan UMNO dan MCA yang semakin kukuh menerusi gabungan 'Perikatan'.

Dalam tahun 1953 itu pelbagai peristiwa telah berlaku sama ada yang melibatkan Tunku secara langsung ataupun sebaliknya. Misalnya dalam bulan Ogos tahun tersebut, Tunku telah dipanggil oleh Gerald Templer ke King's House atas sebab yang amat penting. Tujuan Templar memanggil Tunku ialah untuk menawarkan kepadanya satu jawatan kerajaan yang berstatus menteri.

Bagaimanapun Tunku telah menolak tawaran tersebut atas alasan bahawa sebagai pemimpin Perikatan beliau tidak sepatutnya

berada di dalam kerajaan. Tunku menjelaskan kepada Templar bahawa sekiranya beliau menerima juga jawatan yang bergaji itu, maka ia akan menimbulkan keadaan 'conflict of interest'. Lagipun perlantikan seperti itu akan menyebabkan ahli-ahli UMNO merasa curiga kepada keikhlasannya.

Namun begitu, keikhlasan Tunku dalam menerajui negara ini ke arah kemerdekaan mula diragui oleh sesetengah golongan masyarakat Melayu. Malah sesetengah pihak beranggapan bahawa Tunku terlalu menurut telunjuk British.

Justeru itu Tunku dan UMNO sering menjadi bahan kritik akhbar-akhbar tempatan terutamanya akhbar-akhbar berbahasa Melayu.

Dalam satu peristiwa di Johor Bahru, Tunku telah mengepalai satu perarakan seramai kira-kira lima ratus orang penyokong UMNO dari ibu pejabat UMNO di Jalan Bukit Timbalan hingga ke padang berdekatan dengan Istana Besar Johor. Sebaik sahaja perarakan itu tiba di padang tersebut, Tunku telah memulakan upacara membakar akhbar-akabar 'Qalam' dan 'Warta'. Menurut Tunku kedua-dua akhbar ini telah menghentam dan mengkritik UMNO secara terus menerus dan jika kegiatan ini tidak diberhentikan maka ia akan merosakkan segala usaha untuk menyatukan orang-orang Melayu.

Tindakan Tunku ini menerima kritikan yang lebih hebat lagi. Berikutan dengan tindakan Tunku itu seorang penganalisis politik menegur Tunku bahawa tindakan yang berdasarkan emosi itu hanya layak dibuat oleh pemimpin-pemimpin yang kurang penting dan bukannya pemimpin yang menjadi Yang DiPertua kepada pertubuhan siasah yang terbesar di dalam Tanah Melayu.

Ekoran dari peristiwa itu juga pihak yang membuat spekulasi tentang apakah tindakan Tunku sekirannya beliau adalah Ahli bagi Hal Ehwal Dalam Negeri. Perlu dinyatakan di sini bahawa ketika peristiwa ini berlaku, Dato' Onn masih lagi memegang portfolio tersebut. Jadi tidak hairanlah sekirannya Dato' Onn membiarkan kritikan-kritikan yang dianggap oleh Tunku itu sebagai mengancam kesatuan orang-orang Melayu dibiarkan tanpa diberikan sebarang perhatian dari pihaknya.

Di peringkat awal tahun 1953, Tunku juga membincangkan dengan para pemimpin UMNO dan juga MCA tentang pen-

tingnnya diadakan satu pilihanraya di peringkat Persekutuan. Setelah mendapat persetujuan dari semua pihak, Tunku telah mengemukakan cadangan untuk mengadakan pilihanraya itu di dalam mesyuarat Legislative Council.

Tapi Tunku kecewa kerana di dalam mesyuarat tersebut, Templer tidak langsung menyentuh tentang soal pilihanraya Persekutuan. Selain dari membincangkan soal-soal lain Templer hanya menyebut tentang pilihanraya peringkat pihak-pihak berkuasa tempatan.

Apabila perkara ini akhirnya dibangkitkan, Tunku terpaksa bertikam lidah dengan Dato' Onn kerana pengasas UMNO itu berpendapat bahawa pilihanraya seperti yang diusulkan oleh Tunku itu masih belum tiba lagi masanya untuk dilaksanakan. Menurut Dato' Onn orang-orang Melayu mestilah terlebih dahulu belajar menggunakan hak mengundi mereka. Justeru itu beliau berpendapat rakyat hanya akan dapat belajar menggunakan hak tersebut dalam pilihanraya peringkat majlis tempatan sahaja.

Dalam bulan April tahun tersebut, UMNO telah mengadakan Perhimpunan Agong setengah tahunnya. Antara usul terpenting yang diluluskan oleh para perwakilan ialah mendesak Kerajaan Pusat dan Pejabat Tanah Jajahan (Colonial Office) untuk mengadakan pilihanraya umum peringkat Persekutuan dalam tahun 1954. Usul tersebut juga membawa amaran bahawa kesemua ahli-ahli UMNO dan MCA dalam Legislative Council akan meletakkan jawatan masing-masing sekirannya cadangan tersebut di tolak oleh kerajaan.

Ancaman yang dijuruterai oleh Tunku ini sedikit sebanyak berjaya mengubahkan fikiran kerajaan. Ini kerana dalam mesyuarat Legislative Council yang diadakan buat pertama kalinya selepas Perhimpunan Agung tersebut, Donald MacGillivary yang mempengerusikan mesyuarat tersebut telah mengumumkan bahawa setelah perkara tersebut dirujukkan kepada

Raja-raja Melayu, maka kerajaan penjajah bersetuju meluluskan satu rang undang-undang bersabit dengan pilihanra Persekutuan. Bagaimanapun Penolong Pensuruhjaya British itu tidak pula menyatakan bila rang undang-undang tersebut akan diperkenalkan dan tidak juga membayangkan bilakah pilihanraya itu akan diadakan.

Begitupun dengan keputusan tersebut, Dato' Onn merasakan kedudukan politiknya kini benar-benar terancam. Sekirannya pilihanraya peringkat Persekutuan diadakan dalam masa yang singkat, peluang IMP untuk bertapak adalah terlalu tipis. Justeru itu Dato' Onn tidak ada jalan lain melainkan melaksanakan kempen bagi menukarkan pendapat umum terhadap MCA. Dalam satu mesyuarat IMP, Dato' Onn telah mendakwa bahawa MCA dan juga Dewan Perniagaan Cina sedang merancang untuk menjadikan negara ini wilayah ke-20 China dan menumpakan taat setia mereka kepada Formosa yang menjadi wilayah ke-19. Dakwaan Dato' Onn itu menerima kecaman yang hebat dari ahli-ahli MCA dan juga UMNO dalam mesyuarat Legislative Assembly yang berikutnya. Selain dari Tan Cheng Lock yang mengecam sekeras-kerasnuya dakwaan Dato' Onn itu, Tunku juga turut memberikan pendapatnya. Menurut Tunku, dakwaan bahawa satu-satu komuniti cuba mengambil alih Tanah Melayu dan menjadikan ia sebagai satu wilayah sebuah negara lain boleh mewujudkan kesan yang buruk di dalam pemikiran orang-orang Melayu.

Bagaimanapun Dato' Onn menafikan dengan sekeras-kerasnya akan dakwaan tersebut. Dato' Onn dalam mempertahankan diri-nya menjelaskan kepada mesyuarat bahawa dakwaannya itu dibuat bukan atas nama jawatannya sebagai Presiden IMP ataupun sebagai seorang Ahli Legislative Assembly melainkan semata-mata sebagai seorang individu.

Terdahulu dari itu, mesyuarat tersebut telah mengemukakan satu usul mengecam Dato' Onn. Usul tersebut menuduh bahawa Dato' Onn telah membuat dakwaan tersebut dengan tujuan untuk memecahbelahkan perpaduan kaum. Bagaimanapun usul yang dibawa oleh Tan Cheng Lock itu tidak diluluskan kerana hanya sembilan sahaja yang menyokong sementara 40 yang lain me-nentang.

Dalam bulan Julai, apabila Legislative Assembly sekali lagi bermesyuarat, MacGillivary mengumumkan penubuhan sebuah jawatankuasa kerja terdiri dari 40 anggota bagi mengkaji soal pilihanraya Persekutuan.

Tunku turut dilantik menganggotai jawatankuasa tersebut. Turut sama dilantik ialah Abdul Razak, Colonel Lee dan juga Dr.

Ismail (kemudiannya akan dikenali sebagai Tun Dr. Ismail) yang baru sahaja pulang dari Australia dengan ijazah doktor perubatan dari University of Melbourne. Dr. Ismail yang mempamerkan kesungguhannya di dalam politik dan menunjukkan visinya tentang masa depan orang Melayu telah terdahulu daripada itu dilantik sebagai ahli Majlis Kerja Tertinggi UMNO. Jawatankuasa kerja tersebut telah dipengerusikan oleh M.J. Horgan, peguam negara bagi Persekutuan.

Dalam bulan September tahun tersebut UMNO telah sekali lagi mengadakan Perhimpunan Agungnya. Kali ini Tunku mengambil keputusan untuk mengadakan Perhimpunan Agung tersebut di Alor Star dan bukan di Kuala Lumpur ataupun Johor Bahru sebagaimana yang lazimnya dilakukan sebelum itu. Perhimpunan kali ini agak penting kerana Tunku telah dipilih semula untuk menjadi Yang DiPertua UMNO bagi penggal yang kedua. Di samping itu, Perhimpunan Agung tersebut menyaksikan sebutan 'merdeka' telah berkumandang. Antara usul yang terpenting diluluskan di dalam Perhimpunan itu ialah usul ancaman perletakan jawatan pemimpin-pemimpin UMNO di dalam Legislative Council sekiranya kerajaan gagal mengambil sebarang langkah untuk mengadakan pilihanraya Persekutuan pada tahun yang berikutnya.

Sesungguhnya tahun 1953 kedudukan Tunku sebagai Yang DiPertua UMNO telah mengalami banyak pancaroba. Tunku bukan sahaja merupakan tokoh yang popular malah tidak keterlaluan jika dikatakan Tunku adalah tokoh yang kontroversial. Tindakan-tindakan Tunku banyak dikritik dan dikecam. Misalnya apabila Tunku menolak tawaran Gerald Templar untuk melantik beliau sebagai Ahli di dalam Kerajaan, Tunku telah meminta Dr. Ismail menerima jawatan tersebut tanpa membuat sebarang rujukan kepada Majlis Kerja Tertinggi UMNO terlebih dahulu. Malah Tunku juga tidak menjelaskan kepada Dr. Ismail apakah tujuan beliau meminta Dr. Ismail menemui Gerald Templar di Istana. Tunku hanya memberikan sekeping sampul surat yang mengandungi sepucuk nota ringkas dan memaksa Dr. Ismail berjanji tidak akan membuka sampul surat tersebut sehingga beliau tiba di perkarangan istana. Apabila Dr. Ismail tiba di pintu masuk istana, beliau telah membuka sampul surat tersebut dan mendapati

kandungannya meminta beliau menerima jawatan yang ditawarkan oleh Templar itu. Dr. Ismail berada dalam keadaan serba-salah. Masa untuk berfikir sama ada mahu menerima jawatan tersebut sudah terlalu suntuk kerana beberapa meter dari pintu gerbang istana itu Pesuruhjaya Tinggi British, Gerald Templar sedang menunggu beliau. Mahu tidak mahu Dr. Ismail terpaksa juga menerima jawatan tersebut.

Sebaik sahaja berita perlantikan Dr. Ismail itu sampai ke pengetahuan ahli-ahli Majlis Kerja Tertinggi UMNO, Tunku menjadi sasaran kritikan yang pedas dari mereka.

Ada yang menuduh bahawa Tunku adalah sebenarnya penyokong pihak Imperialis Inggeris. Ada yang mempersoalkan taatsetia Tunku kepada UMNO. Rata-rata mereka mempersoalkan tindakan Tunku yang dibuatnya tanpa merujuk kepada mana-mana ahli Majlis Kerja Tertinggi. Sebenarnya apabila kita mengimbas kembali sejarah perjalanan hidup Tunku dalam kerjaya politiknya, kita sudah tentu akur bahawa tindakan seperti ini adalah menjadi salah satu stail yang amat 'typical' bagi Tunku. Beliau sering sahaja membuat keputusan penting tanpa terlebih dahulu merujuk kepada MKT ataupun kabinet. Sebagai contoh tindakan-tindakan tersebut ialah penubuhan Malaysia dalam tahun 1963 dan juga pemisahan Singapura dalam tahun 1965.

Sementara kontroversi demi kontroversi menyelubungi Tunku berhubung dengan kepimpinan politiknya, tiba-tiba sebelum berakhirnya tahun 1953 itu, Tunku telah dikatakan sebagai terjebak dalam satu skandal seks pula.

Pada penghujung tahun tersebut, nama Tunku telah disebut di dalam sebuah mahkamah sivil di London sebagai seorang 'co-respondent' dalam satu kes penceraian. Seorang rakyat England bernama Patrick Joseph yang pernah memegang jawatan 'Municipal Commisioner di Singapura telah mendakwa bahawa Tunku pernah mengadakan hubungan sulit dengan isterinya ketika beliau berada di London dalam tahun 1947.

Apa yang agak aneh tentang kes ini ialah Tunku seolah-olah mengaku salah dan tidak melakukan sesuatu untuk mempertahankan dirinya. Hakikat ini seolah-olah terbukti apabila Tunku membayar denda berjumlah 700 paun sterling sebaik sahaja beliau tiba di London dalam tahun berikutnya atas urusan run-

dingan kemerdekaan Tanah Melayu.

Sungguhpun skandal ini agak memalukan, namun Tunku terselamat. Skandal tersebut tidak mendapat publisiti yang meluas di kalangan akhbar-akhbar di Persekutuan Tanah Melayu. Musuh-musuh politik Tunku juga tidak menggunakan skandal ini sebagai satu isu untuk menggugat kedudukan Tunku. Bagi mereka isu mengenai politik dan nasib orang Melayu adalah lebih penting dari isu-isu yang berkaitan dengan peribadi Tunku.

Tahun 1954 menyaksikan Tunku membuat resolusi baru di dalam hidupnya. Kes Johnson di London telah menyebabkan beliau terpaksa hidup dengan imej sebagai seorang 'playboy'. Dan Tunku mahu menghapuskan imej itu sama-sekali daripada dirinya. Dia tidak mahu lagi memakai label tersebut. Tunku tiba-tiba sedar bahawa politik adalah satu perkara yang serius dan sebagai seorang pemimpin penting kepada bangsa Melayu beliau sudah sepatutnya mengamalkan pendekatan yang lebih serius.

Antara peristiwa terpenting yang berlaku di dalam tahun 1954 itu ialah keputusan Jawatankuasa Kerja mengenai Pilihanraya yang mahukan Federal Legislative Council dianggotai oleh ahli-ahli yang dilantik dan juga ahli-ahli yang dipilih.

Sungguhpun Tunku menganggotai jawatankuasa tersebut, namun beliau tidak mampu membuat keputusan kerana kebanyakan anggota lain mahukan 44 kerusi yang akan dipertandingkan dari sejumlah 92 kerusi. Tunku dan beberapa orang anggota lain mahukan 60 ahli dipilih dan mendesak agar pilihanraya diadakan tidak lewat dari bulan November 1954. Justeru itu sebaik sahaja Jawatankuasa tersebut menerbitkan laporannya yang mengandungi cadangan-cadangan mengenai pilihanraya dan bentuk Federal Legislative Council itu, Tunku tidak berlengah-lengah lagi melancarkan tindakan-tindakan sebagai mendesak agar pilihanraya dipercepatkan dan keanggotaan Federal Legislative Council itu mengandungi ahli-ahli majoriti yang dipilih dan bukannya dilantik.

Seluruh jentera UMNO dan MCA dikerahkan. Ucapan-ucapan para pemimpin kedua-dua parti ini berkaitan dengan isu tersebut terdengar di seluruh negara.

Di dalam Legislative Assembly perdebatan tentang tarikh pilihanraya semakin sengit. Dato' Onn membuat sindiran bahawa

mereka dari Perikatan mendesak mahukan pilihanraya diadakan dalam bulan November 1954 kerana mereka tidak mahu pemimpin-pemimpin mereka di dalam kerajaan meletakkan jawatan di dalam bulan tersebut.

Sebagai menjawab sindiran Dato' Onn itu, Dr. Ismail yang turut hadir di dalam mesyuarat tersebut menjelaskan bahawa keududikannya sebagai Ahli Sumber Alam (Natural Resources) sudahpun dilanjutkan sehingga Februari tahun 1955. Dr. Ismail dengan sinis mengakhiri ucapannya dengan satu sindiran terhadap Dato' Onn. Beliau berkata, *"This should answer the allegation of Dato Sir Onn, the prima donna of Malayan politics."*

Dr. Ismail terpaksa memanggil Dato' Onn dengan panggilan Dato' Sir Onn kerana beberapa bulan sebelum itu Dato' Onn telah menjadi orang Melayu dari golongan bukan-bangsawan yang julung-julung kalinya diberikan anugerah 'Knight Commander of the Order of the British Empire' oleh Ratu Elizabeth II sempena majlis pertabalan baginda.

Bagaimanapun beberapa bulan kemudian Dato' Onn terpaksa menyerahkan kembali gelaran tersebut kerana anugerah itu menyebabkan beliau dituduh sebagai 'British stooge.'

Hampir dalam waktu yang sama juga Dato' Onn menukarkan nama partinya daripada 'Independence Party of Malaya' kepada 'Parti Negara'. Keputusan itu diambil kerana nama IMP gagal menarik sokongan orang-orang Melayu.

Pada mulanya Dato' Onn agak berpuas hati dengan nama parti 'Independence Party of Malaya' kerana singkatannya, ~IMP' atau 'imp' membawa maksud *'a little devil'*. Dari segi politik, Dato' Onn menganggap ia satu strategi yang baik. Sekurang-kurangnya beliau dan partinya akan ditakuti oleh parti-parti lawan. Tapi malangnya konotasi perkataan tersebut juga membawa maksud 'hantu kecil'. Justeru itu orang-orang kampung menggelarnya sebagai 'Parti Hantu.'

Dalam bulan Mac tahun itu demam pilihanraya kian memuncak. Dengan nama baru bagi partinya itu, Dato' Onn menjadi semakin bertambah yakin tentang peluangnya untuk memenangi pilihanraya yang tarikhnya masih lagi menjadi tandatanya itu dan seterusnya membentuk kerajaan pertama selepas merdeka.

Oleh kerana terdahulu dari itu, Templar telah membuat rom-

bakan besar-besaran terhadap Legislative Council, maka di atas kertas peluang Dato' Onn itu kelihatan amat cerah. Sekali imbas kedudukan ahli-ahli majlis tersebut menunjukkan Parti Negara mempunyai kelebihan majoriti walaupun tanpa sokongan kesemua Menteri-menteri Besar yang kesemuanya berjumlah sembilan orang.

Dalam lain perkataan Dato' Onn dapat menguasai setidak-tidaknya 35 undi dari sejumlah 75 orang ahli resmi ataupun tidak resmi. Bagi Perikatan, paling tinggipun mereka hanya mampu mempengaruhi 14 undi sahaja.

Dengan wujudnya keadaan yang sedemikian, Tunku tidak ada banyak pilihan melainkan menggesa para pemimpin dalam UMNO dan juga MCA untuk berusaha dengan lebih keras lagi bagi mendapatkan sokongan rakyat dan juga melobi Raja-raja supaya mereka akan bersetuju dengan desakan Perikatan meminta supaya tiga-per-empat dari ahli-ahli Legislative Assemby itu dipilih dan bukannya dilantik sebagaimana yang dikehendaki oleh Kerajaan British.

Tunku sedar tugas itu adalah amat sulit. Namun Tunku tetap berdegil untuk melakukan sesuatu bagi masalah tersebut. Dan cara terbaik ialah melobi orang-orang tertentu di London.

Sepuluh

TUNKU MELOBI LONDON

It is so easy to cause a conflict, one wrong word, one wrong move may bring it about. But the difficulty is stop it once it has started.

Tunku (13 September 1956)

TUNKU BEGITU SEDAR desakan beliau agar kerajaan bersetuju mengadakan pilihanraya umum peringkat Persekutuan dalam bentuk yang pada hematnya lebih adil dan lebih mencerminkan satu kerajaan yang mewakili mandat rakyat tidak akan tercapai selagi apa jua keputusan yang hendak diambil oleh kerajaan penjajah di sini tertakluk kepada pihak kerajaan British di London. Tunku juga sedar bahawa segala keputusan-keputusan penting berkaitan dengan politik Malaya adalah tertakluk kepada Oliver Lyttleton, Setiausaha Negara Tanah Jajahan yang berpejabat di London.

Justeru itu pada 1 April 1954, Tunku mengambil keputusan mengirim sepucuk telegram kepada Lyttleton dan memohon agar Setiausaha Tanah Jajahan itu bersetuju bertemu dengan satu rombongan para pemimpin Perikatan sebelum beliau (Lyttleton) mengambil sebarang keputusan muktamad berhubung dengan soal pilihanraya Persekutuan.

Tujuan Tunku dan rombongan Perikatan untuk ke London bukan sahaja bagi menemui Lyttleton bagi melobi beberapa orang ahli Parlimen Great Britain yang kebetulan merupakan rakan

`ataupun kenalan beliau. Tunku merasakan sudah sampai masanya beliau mengharap simpati rakyat Britain yang diwakili oleh ahli-ahli House of Commons terutamanya dari kalangan pemimpin Parti Buruh yang ketika itu merupakan parti pembangkang di dalam Parlimen Britain.

Sungguhpun telegram yang dihantar oleh Tunku itu dirahsiakan dari pengetahuan awam, namun ia telah sampai juga ke telinga pemimpin-pemimpin Parti Negara termasuk Dato' Onn sendiri. Dato' Onn menuduh bahawa ura-ura menghantar rombongan untuk bertemu Setiausaha Tanah Jajahan itu oleh Tunku dan komplotnya di dalam Perikatan sebagai satu tindakan yang cuba membelakangkan Raja-raja Melayu. Dato' Onn juga menyelar Tunku kerana apa yang cuba dilakukannya itu adalah sesuatu yang diluar gagasan Perjanjian Persekutuan. Justeru itu terjadilah pertikaman lidah yang hebat diantara Tunku dan Dato' Onn. Namun pertikaman lidah itu sebagaimana biasa gagal menyelesaikan apa-apa masalah.

Bagaimanapun Dato' Onn agak lega apabila mengetahui bahawa permintaan Tunku dan Perikatan untuk bertemu Lyttleton telah ditolak mentah-mentah oleh Setiausaha Tanah Jajahan itu. Lyttletonenggan bertemu dengan perwakilan Perikatan itu kerana menurutnya Perikatan sudahpun diberi peluang untuk membincangkan tentang bentuk pilihanraya Persekutuan itu ketika menganggotai Jawatankuasa Mengenai Pilihanraya. Lyttletonjuga menegaskan bahawa dia tidak berhak mencampuri sebarang perbincangan di antara Pesuruhjaya Tinggi dan Raja-raja Melayu bersabit dengan perkara tersebut.

Tunku sedar apa yang dijelaskan oleh Lyttleton itu tidak benar. Ini kerana walau apa jua keputusan yang akan diambil hasil dari rundingan di antara Templer dengan Raja-raja Melayu serta apa jua rumusan ataupun cadangan yang diputuskan oleh Jawatankuasa Mengenai Pilihanraya akan tertakluk kepada kelulusan Lyttleton sungguhpun hakikatnya tidak dinyatakan secara bertulis. Tunku mula merasakan seolah-olah Lyttleton tidak mahu melepaskan pentadbiran Tanah Melayu kepada rakyat tempatan dan dengan itu sengaja mahu melambat-lambatkan proses membebaskan Tanah Melayu.

Sebaik sahaja menerima jawapan negatif dari Lyttleton itu,

Tunku terus memanggil satu mesyuarat tergempar luar biasa UMNO. Perhimpunan yang diadakan di Melaka ini telah meluluskan usul mengenai langkah-langkah yang perlu diambil bagi mendesak kerajaan British mewujudkan sebuah Federal Legislative Council (Majlis Perundangan Persekutuan) yang majoriti dari ahli-ahlinya adalah dipilih melalui proses pilihanraya dan bukannya dilantik oleh Pesuruhjaya Tinggi British ke Tanah Melayu.

Melalui UMNO dan juga MCA yang telah mengumumkan satu resolusi yang sama, Tunku serta para pemimpin kanan kedua-dua parti itu telah melancarkan perang dingin terhadap kerajaan pentadbiran kolonial. Rapat umum besar-besaran telah diadakan di seluruh negara mendesak penubuhan Federal Legislative Assembly dalam bentuk yang dikehendaki itu.

Di samping itu, Tunku mengambil keputusan meneruskan rancangannya untuk ke London dan melobi beberapa orang pemimpin Parti Buruh Great Britain.

Salah seorang dari kenalan Tunku yang agak berpengaruh dan disegani di kalangan ahli-ahli politik dan pemimpin kerajaan di London ialah Lord Ogmore, seorang anggota Mahkamah Agung England yang juga dikenali sebagai House of Lords. Kali terakhir Tunku bertemu Ogmore ialah ketika beliau berada di England sebelum lulus peperiksaan undang-undangnya.

Perhubungan Tunku dengan Ogmore ketika itu bukanlah sekadar perhubungan akademik atau juga 'legal relationship', tapi hampir merupakan perhubungan kekeluargaan. Boleh dikatakan setiap hari minggu Tunku berkunjung ke rumah Ogmore di Croydon yang terletak di pinggir selatan London. Ada kalanya Ogmore teringin untuk makan nasi berlaukan kari ayam, maka terpaksalah Tunku memasaknya.

Dengan 'contact'nya yang luas selaku seorang hakim yang senior dan ditambah pula dengan hakikat bahawa Ogmore pernah berada di Tanah Melayu ketika kemelut Malayan Union ,maka Tunku merasakan Ogmore sudah tentu dapat memberikan pertolongan. Justeru itu kira-kira seminggu sebelum Tunku berangkat ke England bersama-sama T.H. Tan, setiausaha eksekutif MCA ketika itu, beliau telah mengirim sepucuk surat kepada Ogmore. Sebahagian dari isi kandungan surat Tunku itu saya petik seperti

berikut:

> *The situation is tense here (in Malaya) , and I fear the worst will happen should the Colonial Secretary refuse to meet the delegation... I fear that this (the methods in Malaya) will be met by an even stronger protest than that which you witnessed when you were here (in 1946). I would like you to bring this point home to the Secretary of State. Would you also tell him that the least we expect of him as Colonial Secretary is to give us a hearing.*

Meneliti dari surat tersebut, kita tidak dapat menafikan bahawa terdapatnya elemen 'exegeration' yang berjaya memancing simpati Ogmore. Agak sukar untuk kita menentukan apakah Tunku benar-benar percaya bahawa sekiranya beliau gagal mendesak kerajaan British maka protes yang lebih besar dan hebat daripada gerakan menentang penubuhan Malayan Union akan berlaku di Tanah Melayu. Tapi walaubagaimanapun kita terpaksa akur bahawa awal-awal lagi Tunku sudah matang dalam bermain politik.

Pada 21 April 1954 Tunku bersama-samaT.H. Tan telah berlepas ke London dari Singapura. Dua hari sebelum tarikh tersebut, Ogmore yang termakan dengan isi kandungan surat Tunku itu telah mengutus sepucuk surat kepada Lyttleton dan mendesak supaya Setiausaha Tanah Jajahan itu bersetuju menemui Tunku dan rombongannya. Dalam jawapannya kepada Ogmore, Lyttleton bersetuju untuk menemui Tunku dengan syarat pertemuan tersebut bukanlah satu pertemuan resmi dan apa jua perbincangan bersabit dengan soal pilihanraya dan perlembagaan tidak boleh ditakrif sebagai keputusan ataupun pandangan resmi kerajaan British.

Setibanya di London, orang yang pertama ditemui Tunku dan T.H. Tan ialah Lord Ogmore. Tunku telah mengunjungi Ogmore di pejabatnya di King's Bench Walk yang terletak tidak jauh dari bangunan Inner Temple.

Dalam pertemuan tersebut Tunku telah memberi taklimat kepada Ogmore tentang apakah yang sedang berlaku di Tanah Melayu. Tunku juga merakamkan rasa tidak puashati Perikatan akan layanan dingin yang diberikan oleh Lyttleton terhadap permintaan beliau. Segala apa yang dinyatakan oleh Tunku di dalam suratnya kepada hakim British itu diulanginya sekali lagi.

Ogmore membiarkan Tunku meluahkan perasaannya. Setelah Tunku selesai, Ogmore menarik lacinya. Sekeping surat dikeluarkan dan dengan senyuman yang terukir dibibirnya, Ogmore menyerahkan surat tersebut kepada Tunku. Tanpa membuang masa Tunku terus Meneliti isi kandungan surat Lyttleton kepada Ogmore. Sungguhpun Tunku agak lega kerana Setiausaha Tanah Jajahan itu bersetuju untuk menemuinya, namun apa yang menjadi masalah besar ialah beliau terpaksa menunggu tiga minggu lagi kerana Lyttleton sudahpun berlepas ke Uganda. Oleh kerana beliau benar-benar mahu menemui Lyttelton, mahu tak mahu Tunku terpaksa menunggu juga.

Sebenarnya tujuan Tunku ke London memang tidak membawa sebarang harapan untuk menemui Lyttleton kerana awal-awal lagi iaitu ketika Tunku masih berada di Tanah Melayu, Lyttleton sudahpun menolak permintaan tersebut. Dan apabila Ogmore mengutus surat kepada Lyttleton dan kemudiannya menerima jawapan, Tunku sudahpun berangkat ke London. Oleh itu tujuan Tunku ke London adalah untuk mencuba alternatif lain iaitu melobi ahli-ahli 'House of Commons' dan 'House of Lords'.

Dalam pada itu, di Kuala Lumpur, pemergian Tunku dan rombongan beliau ke London telah meresahkan Templer. Templer tahu apakah tujuan sebenarnya Tunku ke London itu. Sekiranya Tunku benar-benar dapat menemui dan seterusnya mempengaruhi Parlimen Britain, imej Templer sudah tentu sedikit sebanyak terjejas kerana tidak dapat menyelesaikan masalah tersebut.

Memandangkan kedudukannya akan terancam dengan tindakan Tunku itu, Templer tidak ada jalan lain melainkan membuat keputusan segera. Dalam satu kawatnya kepada pejabat Setiausaha Tanah Jajahan, Templer menjelaskan bahawa persetujuan telahpun dicapai di antara Pesuruhjaya Tinggi British ke Tanah Melayu dengan Majlis Raja-raja bahawa bentuk Federal Legislative Council yang muktamad telahpun dipersetujui. Federal Legilative Council yang dicadangkan itu akan mengandungi seramai 52 orang ahli-ahli yang dipilih melalui proses pilihanraya dan 46 orang ahli yang dilantik. Dalam perutusan tersebut Templer juga menjanjikan akan mengadakan pilihanraya peringkat Persekutuan dalam masa kira-kira satu tahun dari tarikh perutusan tersebut dan mana-

mana gabungan parti politik yang mempunyai anggota majoriti dalam Majlis tersebut akan mempunyai kelebihan dalam pembikinan dasar-dasar kerajaan.

Tunku yang masih berada di London apabila berita mengenai Kertas Putih itu sampai ke pengetahuannya merasakan bahawa beliau telah dipermainkan oleh Templer dan Lyttleton. Bagaimanapun Tunku merasai ada sesuatu yang tidak kena tentang keputusan tersebut. Tunku juga turut merasakan bahawa keputusan tersebut adalah bukan sahaja tidak ikhlas di pihak kerajaan penjajah malah bersifat berat sebelah. Dengan kelebihan enam orang sahaja ahli yang dipilih dan tujuh orang anggota yang dilantik oleh Pesuruhjaya Tinggi mengikut budi bicaranya, maka Tunku berpendapat bahawa bentuk Federal Legislative Council tersebut masih lagi berada di bawah telunjuk British. Justeru itu dengan kelebihan yang ada di sebelah pihaknya, British sudah tentu dapat merangka dasar-dasar yang lebih memberikan keuntungan dan manfaat kepada pihaknya walaupun dasar-dasar itu kelak bertentangan dengan kepentingan-kepentingan rakyat.

Pada 28 April, sehari selepas Tunku menerima berita tersebut, beliau telah mengadakan satu sidang akhbar di bilik jawatankuasa 'House of Lords'. Sungguhpun tidak ramai wakil dari akhbar-akhbar tempatan yang hadir dalam sidang tersebut, jumlah berita yang disiarkan pada keesokan harinya lebih kecil dari jumlah wakil-wakil akhbar yang menghadiri sidang akhbar anjuran Tunku itu. Dalam edisi 29 April 1954 akhbar 'The Times ' hanya memberikan ruang sebesar enam inci dan tidak memuatkan berita tersebut dalam edisi London. Akhbar 'The Manchester Guardian' juga memberikan ruang yang lebih kurang sama besarnya dengan 'The Times'. Sementara itu 'The New York Herald - Tribune hanya menggunakan empat perenggan sahaja bagi memuatkan percakapan Tunku dan T.H. Tan yang memakan masa lebih dari satu jam itu. Selain dari itu akhbar-akhbar lain langsung tidak berpendapat bahawa apa yang dikatakan oleh Tunku dan T.H. Tan itu mempunyai apa-apa nilai berita.

Kini Tunku sedar bahawa sama ada Tanah Melayu merdeka atau tidak atau apa jua bentuk kerajaannya bukanlah sesuatu yang merupakan 'big deal' kepada masyarakat Barat. Hakikat ini dinyatakan oleh beliau kepada Abdul Razak yang baru sahaja tiba

di London daripada New York.

Di sebalik kesulitan itu, Tunku terus menunggu kepulangan Lyttleton dari Uganda. Dalam pada menunggu itu Tunku telah berpeluang menemui beberapa orang Ahli Parlimen dari Parti Buruh. Nasib Tunku agak baik kerana mereka menunjukkan simpati terhadap Tunku dan berjanji akan cuba melakukan sesuatu untuk Tunku. Seorang Ahli Parlimen Parti Buruh, Stanley Awbery yang juga pengerusi 'Southeast Asia Committee of the Movement for Colonial Freedom' telah menyampaikan satu ucapan yang menyentuh perkara Tanah Melayu itu dalam satu mesyuarat badan tersebut.

Sementara menanti kepulangan Lyttleton itu, rombongan Tunku telah juga mengunjungi 'Colonial Fabian Bureau' dan juga beberapa orang Ahli Parlimen dari Parti Liberal dan Parti Conservative. Pertemuan-pertemuan tersebut agak memberangsangkan juga kerana Tunku telah diberikan nasihat dan 'tips' tentang cara-cara bagaimana hendak melembutkan Lyttleton yang dianggap oleh beberapa orang daripada mereka itu sebagai seorang yang 'berkepala batu'.

Ada juga di antara mereka yang menasihatkan Tunku agar berkompromi dengan Lyttleton dan mencadangkan sementara Tunku mendesak agar Federal Legislative Council dianggotai oleh kesemua anggota-anggota yang dipilih namun beliau sanggup menerima cadangan sekiranya keanggotaan Majlis tersebut terdiri dari tiga per empat ahli-ahli yang dipilih. Lord Ogmore pula mencadangkan apapun jua bentuk Federal Legislative Council itu, ia mestilah mempunyai kuasa ke atas kerajaan-kerajaan negeri.

Dengan berbekalkan nasihat-nasihat tersebut, Tunku berazam untuk membuat urusan tawar-menawar dengan Lyttleton tidak kira bagaimana keras kepala sekalipun Setiausaha Tanah Jajajan itu. Sekiranya segala usaha tawar menawar itu gagal, Tunku mengambil keputusan untuk pulang sahaja ke Tanah Melayu dan serta-merta membuat persediaan untuk menghadapi pilihanraya dengan manifesto untuk mendapatkan kemerdekaan dalam masa yang paling singkat walaupun beliau tahu ia akan mendapat tentangan yang hebat dari Dato' Onn dan Parti Negaranya. Akhirnya pada awal minggu kedua bulan Mei itu, saat yang dinanti-nantikan itu tiba. Lyttleton sudahpun berada semula di

London dan bersedia untuk menemui Tunku dan rombongannya.

Rombongan Tunku dijangka menemui Lyttleton pada 14 Mei. Terdahulu dari itu, iaitu pada 9 Mei Tunku telah menerima sepucuk telegram dari Kuala Lumpur. Telegram yang dikirimkan oleh Dr. Ismail itu berbunyi:

> *'Umno Executive Committee met this morning and urge you to return as soon as possible before May 23 Government very likely to decide election bills on May 25.'*

Tunku sedar kehadirannya di Kuala Lumpur begitu penting terutama sekali ketika Federal Legislative Council membahaskan rang undang-undang Pilihanraya.

Justeru itu Tunku dan rombongannya telah menempah penerbangan untuk kembali ke Kuala Lumpur pada 20 Mei.

Sementara menantikan temujanji dengan Lyttelton, Tunku, Abdul Razak dan T.H. Tan telah menghadiri sessi soal-jawab di Houe of Commons. Turut hadir sama di dalam sesi tersebut ialah Lyttleton yang telah dihujani soalan-soalan tentang sama ada beliau (Lyttelton) akan menemui rombongan Tunku itu. Sebagaimana yang telah dijangkakan Lyttleton mengatakan bahawa beliau akan menemui rombongan tersebut tetapi itu bukanlah satu pertemuan yang rasmi.

Antara Ahli-ahli Parlimen Parti Buruh yang menyoal Lyttleton itu termasuklah Awbery, Griffith, Proctor dan W.N. Warbey.

Griffith mengemukakan pertanyaan, *"Do I understand that if they desire to offer their comments to the Right Honourable Gentleman upon the proposals for constitutional advance he will be ready to listen to them?'*

Sebagaimana biasa Lyttleton yang terkenal dengan kedegilannya itu mempertahankan, *"I think we better wait and see what happens.*

Proctor pula menyentuh tentang komposisi anggota yang dipilih menerusi proses pilihanraya. Dalam soalannya kepada Lyttelton, Proctor berkata, *"It is a fact that the original demand of the parties was for 60 percent elected representatives? Since the Right Honourable Gentleman's decision is fifty-two elected and forty-six selected, which means that there is only a narrow difference of seven, will he give some indication that on such a narrow point he will now*

allow the negotiation to break down?

Warbey pula mendesak, *"Will the Right Honourable Gentleman take into account the fact that these two organisations representing the two main communities in Malaya are both moderate in their demands and are highly representative, and that if he loses the opportunity of coming to an agreement with them he may find it difficult to achieve any reasonable political settlement in Malaya at all?"*

Begitupun desakan-desakan ini gagal melembutkan kedegilan Lyttleton yang di akhir sessi itu memberikan jawapan, *"I do not accept what the Honourable Gentleman says. I think we had better wait and see what happens."*

Dengan jawapan Lyttleton itu harapan Tunku untuk mendesak agar Setiausaha Tanah jajahan itu menerima saranannya hancur berderai. Tunku juga sudah dapat mengagakkan apakah hasil pertemuannya yang bakal diadakan dalam masa dua hari lagi itu.

Sementara Lyttleton memberikan segala interpretasi mengenai kedudukan politik Tanah Melayu memihak ke arah kepentingan British, orang-orang seperti Ogmore, Griffith dan Proctor mengiktiraf betapa pentingnya Malaya diberikan kebebasan memilih 'destiny' melalui wakil mereka yang telah dipilih. Lagipun menurut mereka, Tunku dan T.H. Tan merupakan dua orang pemimpin yang mewakili kepentingan tersebut. Justeru itu pada hari yang berikutnya Ogmore telah menemui Lyttleton dan meminta agar Lyttleton menerima cadangan Ahli-ahli Parlimen dari Parti Buruh itu.

Nasib Tunku agak baik kerana Lyttleton sanggup mempertimbangkan semula cadangan tersebut dan membenarkan Ogmore menyampaikan berita itu kepada Tunku.

Pada 14 Mei itu, pagi-pagi lagi Tunku dan rombongannya meninggalkan hotel dan menaiki keretapi bawah-tanah untuk ke St. James Park. Mereka tiba di pejabat Setiausaha Tanah Jajahan di Church House 10 minit lebih awal.

Apabila tiba waktunya Tunku, Abdul Razak dan T.H.Tan diiringi masuk ke sebuah bilik yang di tengah-tengahnya terletak sebuah meja bulat yang agak besar. Di meja bulat itu kelihatan Lyttleton yang sudahpun melabuhkan punggungnya dengan selesa di atas salah sebuah kerusi empuk yang mengelilingi meja bulat tersebut. Tiga orang pegawai lain mengiringi beliau.

Setelah bertukar-tukar ucapan selamat, Tunku memulakan penjelasannya tanpa sebarang rasa 'inferior. Tunku sekali menekankan betapa pentingnya Federal Legislative Council dianggotai oleh tiga per empat ahli-ahli yang dipilih bagi mempastikan keberkesanan sistem tersebut. Tunku selanjut menjelaskan bahawa bentuk yang dicadangkan dalam Kertas Putih tersebut adalah tidak sesuai kerana parti yang mempunyai keanggotaan majoriti sudah tentu tidak dapat mentadbirkan kerajaan dengan berkesan dan apa lagi mempengaruhi proses pembikinan dasar. Justeru itu, menurut Tunku, keadaan tersebut akan menjejaskan keyakinan parti-parti yang terlibat tentang kewibawaan Majlis itu sendiri.

Lyttleton menyangkal hujah Tunku dengan mengatakan bahawa keadaan seperti itu tidak mungkin wujud kerana sekiranya parti yang berkuasa ingin mendapat sokongan ia boleh berbuat demikian dengan mempengaruhi lima orang ahli 'ex-officio' dan juga beberapa orang ahli-ahli lain yang dilantik.

Tunku mempersetujui jawapan Lyttleton itu tapi dalam masa yang sama mempersoalkan keadaan badan eksekutif tersebut yang terpaksa bergantung kepada ke arah manakah ahli-ahli yang dilantik akan memberikan sokongan mereka setiap kali sesuatu usul ataupun cadangan dikemukakan untuk persetujuan. Dengan yang demikian, Tunku mengingatkan Lyttleton bahawa kesetiaan ahli-ahli yang dilantik itu bukan lagi bergantung akan peri mustahaknya usul tersebut tapi lebih mempamerkan kepentingan pihak-pihak yang melantik mereka itu. Dan sekiranya ahli-ahli yang dilantik itu benar-benar mengenepikan kepentingan pihak-pihak yang melantik mereka, maka sama ada sesuatu usul itu dapat diluluskan atau sebaliknya akan banyak bergantung kepada budi bicara ahli-ahli yang dilantik yang terlibat. Tunku cuba meyakinkan kepada Lyttleton bahawa keadaan inii akan menimbulkan unsur-unsur yang tidak berketentuan dalam Majlis tersebut dan akhirnya kerajaan menjadi tidak stabil.

Sedikit sebanyak Lyttleton akur juga kepada penjelasan Tunku itu. Mungkin Setiausaha Tanah Jajahan itu mula menyedari bahawa Tunku yang terkenal dengan imej playboy dan kurang seriusnya itu bukanlah boleh diperkecil-kecilkan. Begitupun, Lyttleton sekali lagi cuba memerangkap Tunku dengan mendakwa bahawa beliau tidak mempunyai apa-apa kuasa bagi meminda

cadangan yang termaktub dalam Kertas Putih itu. Sebaliknya beliau mencadangkan kepada Tunku agar menerima sahaja saranan Kertas Putih tersebut sebagai satu eksperimen. Dan Tunku terus mempamerkan kedegilannya dengan enggan menerima cadangan tersebut.

T.H. Tan pula memberi amaran kepada Lyttleton bahawa sekiranya cadangan rombongan tersebut tidak dapat dipertimbangkan, ada kemungkinan para pemimpin Perikatan akan meletakkan jawatan masing-masing. Amaran ini kemudiannya disusuli oleh Tunku yang menggertak Lyttleton bahawa pihak-pihak yang berhaluan kiri dan lebih ekstremis mungkin akan mengambil tempat Perikatan sekiranya para pemimpin Perikatan meletakkan jawatan masing-masing ataupun dipaksa untuk meletakkan jawatan masing-masing kerana gagal melaksanakan mandat yang telah diberikan oleh ahli-ahli mereka. Sekiranya pertukaran pucuk pimpinan berlaku dan mereka yang menerajui Perikatan itu merupakan mereka yang tidak kenal akan erti 'kompromi' maka kedudukan kerajaan kolonial British mungkin terancam.

Sungguhpun Lyttleton tidak menunjukkan sebarang reaksi langsung terhadap gertakan Tunku dan amaran T. H. Tan itu, namun airmukanya membayangkan kegusaran. Beliau tahu sekiranya apa yang dikatakan oleh Tunku itu benar-benar berlaku, bukan sahaja percaturan politik di antara Tanah Melayu dan Great Britain akan terancam, malah beliau juga turut dipersalahkan kerana enggan menimbangkan saranan rombongan Tunku itu.

Untuk melembutkan sedikit hati Tunku, Lyttleton memujuk agar rundingan tersebut janganlah dikeruhkan dengan soal yang kecil kerana perbezaan kecil di antara cadangan yang telah dipersetujui dengan cadangan yang diusulkan oleh Tunku. Bagaimanapun, Tunku tidak menghiraukan pujukkan Lyttelton. Sebaliknya Tunku menekankan,"*If the Right Honourable considered the differece 'small', then you should accede to the Alliance request, so that the Federation would be doubtly sure in its first step towards self-government. The Alliance could persuade their followers to accept a three-fifth majority of elected members in the Legislative*

Council and would be glad to leave the details to be worked out by the Colonial Office. May I stress further that this elected proportion was the absolute minimum and the Alliance shall not compromise

anything less than this."

Dengan kedegilan Tunku dan juga keengganan Lyttleton untuk berkompromi, mengakibatkan akhirnya rundingan itu menempa jalan buntu. Bagaimanapun, sebelum Tunku beredar untuk meninggalkan rundingan tersebut, Lyttleton berjanji akan memberikan jawapan bertulis kepada Tunku tapi dalam masa yang sama menekankan bahawa beliau tidak akan berganjak dari keputusan yang telah dibuatnya.

Pada 19 Mei 1954, sebelum Tunku dan rombongannya berlepas ke Lapanganterbang Antarabangsa Heathrow untuk menaiki kapalterbang ke Singapura, seorang pegawai dari pejabat Setiausaha Tanah Jajahan telah menemui Tunku untuk menyampaikan sepucuk surat dari Lyttelton. Tunku telah menjangkakan bahawa tidak ada apa-apa yang baru tentang isi surat tersebut yang antara lainnya berbunyi:

> *...whatever party may win the elections, it will set itself with a high sense of purpose to pursue sober and progressive policies; and if it does I have no doubt that it will enjoy the dependable support of a large number of the other nominated members.*
>
> *To think otherwise is to imply that the majority party might pursue such unreasonable experiments or so mishandle the conduct of public business that it was unable to carry with it any members of the Council outside its own ranks. I do not believe that your own or any other party would follow a course so prejudicial to the true interests of the Federation...*
>
> *Even in matters of degree that it is always a breaking-point, and I am sure that you will agree that it would be a tragedy to stand uncomromisingly upon differences involving no question of principle, and in reality not even any significant question of degree. I believe that this would do grievious harm to the best interests of the Federation, and I am confident that you will agree with me - as I have no doubt will all reasonable opinion in the Federation - that our sense of responsibility requires us to avoid a damaging crisis of this kind. Let us not cast away the true substance of our common aims and agreement for a shadow*

which has no body behind it.

Dengan surat Lyttleton itu, Tunku merasakan walaupun rundingannya dengan Setiausaha Tanah Jajahan itu tidak mendatangkan hasil yang dikehendaki namun ia sedikit sebanyak telah menjelaskan kedudukan sebenarnya kepada kerajaan Britain.

Sebelum bertolak pulang, Tunku telah mengarahkan T.H. Tan supaya mengutuskan kawat mengenai isi penting surat tersebut ke ibu pejabat Perikatan di Kuala Lumpur.

Setibanya di Singapura dua hari kemudian, Tunku terus ke Johor Bahru untuk berbincang dengan para pemimpin UMNO di ibu pejabat UMNO. Sementara itu T.H. Tan terus berada di Singapura untuk menghadiri satu sidang akhbar. Sidang akhbar kali ini adalah berbeza dengan sidang akhbar yang telah mereka adakan di London. Sidang tersebut dihadiri oleh wartawan-wartawan dari hampir setiap akhbar dan laporannya juga disiarkan di dalam edisi hari berikutnya secara besar-besaran.

Di sebelah malam Tunku menaiki kereta api mel untuk kembali ke Kuala Lumpur. Sebaik sahaja tiba di Kuala Lumpur, Tunku kembali ke rumahnya untuk seketika. Setelah mandi dan bersarapan Tunku terus ke pejabat UMNO Kuala Lumpur untuk menghadiri mesyuarat tergempar Majlis Kerja Tertinggi dan membincangkan tentang hasil rundingannya dengan Lyttleton di London. Di sebelah petangnya pula Tunku terus ke rumah Colonel S.H. Lee untuk satu lagi mesyuarat tergempar dalam sessi yang dikenali dalam sejarah sebagai 'Alliance Roundtable' ataupun 'Meja-bulat Perikatan. Mesyuarat ini adalah penting untuk menentukan tindakan yang selanjutnya yang akan diambil oleh Perikatan.

Setelah berbincang dan membahaskan beberapa cadangan, akhirnya para pemimpin UMNO dan MCA yang hadir di dalam mesyuarat tersebut sebulat suara memutuskan untuk menolak saranan Lyttleton yang mahukan cadangan yang terkandung di dalam Kertas Putih itu diuji terlebih dahulu.

Tunku juga yang turut bersetuju dengan keputusan mesyuarat itu bagaimana pun tidak mahu apa jua tindakan yang akan diambil oleh Perikatan dibuat dengan secara terburu-buru. Dalam menolak cadangan Kertas Putih itu,

Perikatan telah menerima usul yang dikemukakan oleh Kolonel S.H. Lee. Usul ini kemudiannya dikenali di dalam sejarah kemerdekaan sebagai 'Resolusi 24 Mei 1954'. Sebahagian dari usul tersebut saya petik seperti berikut:

> *In order to get unbiased assesment of the country's progress towards self-government, the Alliance requests that a special independent commission consisting entirely of members from outside Malaya be sent immediately to the Federation with the concurrence of Her Majesty and Their Highness to report on constitutional reforms in the Federation.*
>
> *Fully realising its responsibilities towards the people and the country, the Alliance will continue to give its fullest co-operation to the Government in all respects, particularly with a view to bringing the Emergency to an early end if this request is acceded to...*
>
> *If the authorities insist on the implementation of the White Paper the Alliance with great regret will have no choice but to withdraw all its members from participation in the Government.*

Sesungguhnya resolusi yang dicapai di antara para pemimpin UMNO dan MCA kali ini bukan lagi merupakan satu gertakan olok-olok. Para pemimpin dan juga ahli-ahli kedua-dua parti sudah bersedia untuk mengambil apa jua tindakan yang perlu bagi menukarkan fikiran

British. Tunku sendiri sudah bersedia menghadapi sebarang kemungkinan termasuk kehilangan semua jawatannya di dalam kerajaan dan dengan yang demikian hilang sebahagian besar pendapatannya. Di samping itu pelbagai tindakan dari pelbagai peringkat ahli mula memeningkan Gerald Templer. R.S. Milne dan Diane K. Mauzy dalam buku mereka 'Politik dan Kerajaan Malaysia' mencatatkan peristiwa tersebut seperti berikut:

> *Desakan oleh Perikatan berlarutan hingga ahli-ahlinya yang berkhidmat dengan majlis kerajaan dan badan rasmi diperintah supaya memulau sistem-sistem tersebut. Salah satu daripadanya*

ialah, Perikatan tidak berpuashati dengan konsesi British bahawa ahli yang akan dipilih untuk menjadi wakil dalam Majlis Perundangan harus membentuk majoriti dalam Majlis (52 daripada 98); ahli yang bukan dipilih, selain daripada Speaker terdiri dari tiga orang ahli 'ex-officio' (Ketua Setiausaha, Peguam Negara dan Setiausaha Kewangan), sembilan orang Menteri Besar bagi sembilan buah Negeri Melayu dan setiap orang wakil dari setiap Negeri Selat Melaka dan Pulau Pinang serta tiga puluh dua orang ahli yang dilantik.

Akhirnya apabila keadaan menjadi bertambah meruncing, Templer tidak ada jalan lain melainkan memanggil Tunku.

Dalam pertemuan tersebut Tunku yang diiringi oleh Dr. Ismail, Colonel S.H. Lee dan Leong Yew Koh, Setiausaha Agung MCA menyerahkan resolusi tersebut kepada Templer.

Sambil menyambut lampiran kertas yang mengandungi resolusi Perikatan itu, Templer berkata, *"Well, the pistol is out."*

Tunku terus tidak menghiraukan *'sense of humour'* yang ditunjukkan oleh Pesuruhjaya Tinggi British ke Tanah Melayu itu. Sebaliknya dengan berterus terang Tunku menjelaskan kepada Templer bahawa tidak ada gurauan tentang resolusi tersebut. Tunku menegaskan bahawa para pemimpin Perikatan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan yang terkandung di dalam resolusi tersebut kecuali pihak British bersetuju untuk membentuk sebuah jawatan kuasa bebas sebagaimana yang dicadangkan oleh Perikatan.Tunku juga menjelaskan kepada Templer bahawa Perikatan bersedia menarik balik desakannya untuk piliharaya diadakan dalam tahun tersebut sekiranya pihak British sedia melaksanakan kesemua cadangan-cadangan yang dinyatakan di dalam resolusi tersebut.

Dengan penjelasan Tunku itu, Templer tidak ada pilihan lain melainkan cuba melakukan sesuatu bagi menyelesaikan masalah tersebut. Templer sedar bahawa sebagai Pesuruhjaya Tinggi British ke Tanah Melayu kuasa-kuasanya juga terhad dan tertakluk kepada keputusan dan budi bicara pejabat Tanah Jajahan di London. Bagaimanapun Templer sedar bahawa lambat-laun Tanah Melayu tetap akan mencapai kemerdekaan dan justeru itu beliau tidak mahu namanya tercatit di dalam sejarah Tanah Melayu

sebagai seorang yang kurang bertanggungjawab dan tidak begitu peka terhadap aspirasi rakyat negara ini.

Untuk mempertahankan imej tersebut Templer cuma ada masa kira-kira seminggu sahaja kerana pada 1 Jun tempoh beliau berkhidmat di Tanah Melayu tamat dan beliau terpaksa meninggalkan negara ini untuk berkhidmat di tempat lain dan tempat beliau selaku Pesuruhjaya Tinggi British ke Tanah Melayu akan digantikan oleh Donald MacGillivary.

Begitupun, Templer juga sedar bahawa terlalu sedikit yang dapat dilakukannya bagi mengubah fikiran Lyttelton. Namun walau apapun beliau tetap menghormati pendirian Perikatan. Templer berjanji akan menulis sepucuk surat kepada Lyttleton dengan syarat Tunku tidak menyebarkan isi kandungan resolusi tersebut kepada pengetahuan awam sebelum salinannya dihantar kepada Lyttleton dan juga Raja-raja Melayu sekelian. Tunku yang memahami kedudukan Templer itu bersetuju dengan permintaan tersebut.

Petang itu setelah selesai makan malam, Templer terus ke bilik bacaannya dan mula menulis sepucuk surat kepada Lyttleton bagi menjelaskan pendapatnya bahawa majoriti enam orang ahli yang dipilih itu akan menjejaskan keberkesanan kerajaan. Antara lain isi kandungan surat Templer kepada Lyttleton itu menyebut:

> *With such a small majority of elected members, the party in power will be subjected to the whims and fancies of the nominated members, because our experience has shown that there are elements who are opposed to real democratic progress...*
>
> *While appreciating your assurance that in the event of the future government being frustrated because of the deliberately obstructive minorities you would ask the High Commissioner to consider with the Conference of Rulers what steps should be taken to remedy the situation, we beg to point out that this assurance is of no real value because such action will then have to be taken in any case. No responsible party will willingly form a government.*

Setelah pertemuan di antara Tunku dengan Templer itu diadakan,

Tunku sekali lagi menghadiri mesyuarat 'Meja Bulat' Perikatan. Tunku sedar surat Templer kepada Lyttleton adalah merupakan jalan terakhir yang terbuka bagi partinya itu. Sekiranya Templer gagal memujuk Lyttelton, maka para pemimpin Perikatan tidak ada jalan lain melainkan menghadapi realiti perletakan jawatan sebagaimana yang dipersetujui di dalam resolusi yang telah dicapai di dalam mesyuarat yang sebelumnya.

Di dalam mesyuarat 'Meja-bulat Perikatan' itu Tunku menekankan bahawa pengunduran semua para pemimpin parti dari kerajaan bermakna mereka terpaksa bersedia menghadapi kesulitan-kesulitan yang besar. Tunku juga menjelaskan kesanggupannya merengkok ke dalam penjara sekiranya keadaan memaksa beliau berdepan dengan prospek serupa itu. Oleh kerana, Tunku tahu akibat yang serupa ini bukan boleh ditelan oleh semua orang, maka Tunku telah mengemukakan soalan yang mencabarkan keikhlasan masing-masing. *"How many of you are prepared to do the same?"* tanya Tunku. *"I will have no heart feelings against those who may say otherwise."*

Jawapan yang Tunku terima sangat menyayat hati. Untuk kali pertamannya dalam sejarah Tanah Melayu masyarakat Cina menunjukkan perpaduannya yang erat dengan orang-orang Melayu. Bukan itu sahaja malah, buat pertama kalinya, kaum imigran ini tiba-tiba bertukar menjadi nasionalis di tempat baru mereka. Setiap tangan yang ada di situ, tak kira sama ada Melayu atau Cina di angkat tinggi tanda semuanya sanggup berihat di dalam penjara sekiranya keadaan memaksa mereka berbuat demikian.

Setelah seminggu berlalu dari tarikh perbincangan di antara Templer dengan rombongan Tunku itu, akhirnya tibalah saat perpisahan bagi Pesuruhjaya Tinggi British ke Tanah Melayu itu. Di malam majlis perpisahan itu Templer telah mengambil peluang untuk berkata sesuatu kepada Tunku secara 'private' sebelum melakukan hal yang sama kepada Dato' Onn. Dan pada keesokannya, Tunku dan hampir kesemua ahli Legislative Council mengucapkan selamat jalan kepada Templer di lapanganterbang.

Dengan pemergian Templer dari Tanah Melayu itu berakhirlah satu era yang banyak meninggalkan sejarah. Walaupun Templer merupakan seorang agen penjajah, namun rakyat ketika itu

melihatnya sebagai seorang yang banyak memberikan sumbangan kepada negara. Dalam tahun 1953, Templer telah melancarkan penubuhan Persatuan Sejarah Malaya yang kini dikenali sebagai Persatuan Sejarah Malaysia. Dalam tahun 1954 beliau telah merasmikan pembukaan Hutan Lipur Templer Park di Selangor. Apa yang dilihat sumbangan terbesar Templer ialah usahanya memperkenalkan pembaharuan dalam pentadbiran Tanah Melayu. Antara sumbangan ke arah ini termasuklah membentuk Majlis Tempatan bagi semua bandar yang mempunyai penduduk melebihi 10,000 orang. Templer juga telah membuat pindaan dalam Undang-undang Buruh dan juga pindaan ke atas Ordinan Kesatuan Sekerja.

Di samping itu Templer juga telah menekankan tentang produktiviti pertanian terutamanya bidang penanaman padi dengan cara membuka projek penanaman padi secara-cara besar-besaran di mana kira-kira 180,000 ekar kawasan baru telah dibuka di Perak. Untuk memastikan projek ini berjalan lancar, Templer telah memanggil sekumpulan pegawai-pegawai Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu untuk memberi khidmat nasihat.

Dalam perkhidmatan awam, Templer bolehlah dikatakan Pesuruhjaya Tinggi British yang pertama sekali memberi peluang kepada anak-anak tempatan untuk memegang jawatan tinggi di dalam kerajaan. Di samping itu beliau juga telah menghantar seramai 500 orang pegawai tempatan untuk berkursus di London.

Tunku turut merasakan pemergian Templer sebagai satu halangan dalam usaha Perikatan dalam mendapatkan apa yang diperjuangkannya. Walaupun Donald MacGillivary yang menggantikan tempat Templer sebagai Pesuruhjaya Tinggi agak sudah 'seasoned' dengan politik Tanah Melayu dan terutamanya politik Perikatan, namun Tunku dan para pemimpin gabungan kedua-dua parti itu tetap merasakan bahawa Templer lebih bijak dalam menangani masalah yang kompleks ini.

Ujian pertama MacGillivary dalam menghadapi masalah ini bermula pada 10 June 1954 iaitu selepas kira-kira sepuluh hari Templer meninggalkan Tanah Melayu apabila beliau menerima jawapan dari Lyttelton. Sebagaimana yang telah dijangkakan Setiausaha Negara bagi Tanah Jajahan itu merasakan dia lebih tahu akan halehwal dan politik Tanah Melayu lebih daripada

Templer, Tunku ataupun sesiapa sahaja.

Walaupun MacGillivary mula menghidu kesulitan yang bakal dihadapinya, namun mahu tak mahu berita tentang keengganan Lyttleton menimbangkan rayuan Perikatan melalui surat Templer itu terpaksa juga disampaikannya ke pengetahuan Tunku.

Tunku dan para pemimpin Perikatan menerima berita itu dengan penuh kecewa. Menurut T. H. Tan dalam bukunya 'The Prince and I', pada hari berikutnya Tunku dan para pemimpin Perikatan telah mengadakan tiga rundingan di dalam masa satu hari. Rundingan pertama ialah rundingan 'Meja-bulat Perikatan' yang diadakan pada jam 8.30 pagi untuk membincangkan jawapan Setiausaha Tanah Jajahan, Oliver Lyttleton itu. Oleh kerana Lyttleton enggan menubuhkan satu Suruhanjaya Khas dan Bebas dan menolak cadangan-cadangan Perikatan, Tunku dan para pemimpin UMNO yang menghadiri rundingan tersebut sebulat suara bersetuju melaksanakan Resolusi 24hb Mei yang telah dipersetujui dalam mesyuarat yang terdahulu.

Pada jam 5.30 petang hari yang sama, Tunku telah bergegas pula ke King's House untuk menyampaikan keputusan Perikatan melaksanakan resolusi tersebut. MacGillivary terkejut dengan keputusan yang drastik itu dan cuba memujuk agar Dr. Ismail, Ahli bagi Hasil Bumi; Kolonel S.H. Lee, Ahli bagi Pengangkutan dan ahli-ahli Perikatan yang lain dalam Majlis Mesyuarat Kerja Persekutuan dan Federal Legislative Assembly. Untuk mengambil hati Tunku, MacGillivary meminta Perikatan agar turut bersama dalam membincangkan Rang Undang-undang Pilihanraya Persekutuan. Namun sebagai membalas kedegilan yang ditunjukkan oleh British, Tunku dan wakil-wakil Perikatan yang menghadiri pertemuan itu tidak bersetuju dangan permintaan tersebut kecuali MacGillivary lebih dahulu menemui ke bawah Duli-duli Raja-raja Melayu mengenai penubuhan Suruhanjaya Khas dan Bebas dan soal kelayakan pengundi-pengundi. Begitupun, MacGillivary yang mempunyai kuasa yang terhad terus menolak usul tersebut.

Dengan rundingan yang menemui jalan buntu itu, Tunku dan wakil-wakil Perikatan yang mengiringi beliau dengan langkah yang longlai meninggalkan King's House dan terus ke Selangor Rest House yang terletak di belakang bangunan Kelab Selangor.

Dalam rundingan yang diadakan pada malam itu Tunku dan para pemimpin Perikatan merasakan tidak ada gunanya lagi mereka merahsiakan Resolusi 24 Mei itu kepada pengetahuan awam sebagaimana yang dijanjikan oleh mereka kepada Templer seminggu sebelum Pesuruhjaya Tinggi itu meninggalkan Tanah Melayu.

Kekecewaan Tunku sebenarnya ditambah lagi dengan berita-berita dari London yang menunjukkan bahawa anggota Parti Buruh Great Britain enggan menyokong usaha Tunku apabila Lyttleton menjelaskan kepada mereka tentang ugutan Perikatan yang enggan bekerjasama dengan kerajaan British di Tanah Melayu sekiranya tuntutan mereka tidak diperkenankan.

Pada hari Sabtu 13 Jun, Resolusi 24 Mei itu telah disiarkan dalam satu kenyataan bersama di akhbar-akhbar setelah satu sidang tergempar Jawatankuasa Agung MCA diadakan. Sidang tergempar tersebut telah turut dihadiri oleh anggota Jawatankuasa Kerja Pusat UMNO. Dalam sidang tersebut, buat pertama kalinya Tunku, yang merupakan seorang pemimpin politik Melayu berucap dalam sidang Jawatankuasa Agung MCA.

Antara teks penting ucapan itu saya petik seperti berikut:

> *The future happiness and the prosperity of the people of this country must not be dependent on the protection exercised by any outside power. Past experienced have shown that such protection can be suspended or removed at the will of the protecting Power, and when that happens disorder and strife can break out as a result of communal misunderstanding and prejudices.*

> *We must therefore work for ourselves for our own salvation. Goodwill and friendship can be achieved , and this will in course of time grow into a solid foundation on which future happiness and harmony in an independent Malaya will stand. In order to achieve this we must decide to do one thing - remove this protection which has given us false security and set up a Government under which a real contribution can be made by all people to establish real security...*

In order to make it a home worthy of our pride, Malaya must be free from stigma of a dependent country; she must be free politically and economically. The leaders have agreed that such independence must be won, and won in stages.

We have attempted compromises, and now we have come to the end of our patience. Either we have to give up our struggle or fight to maintain the first principle of democracy. We have decided to fight rather than to accept something which is a mockery of democracy.

The UMNO have decided upon a stand which remains to be backed by the MCA. I can assure you that so far as the UMNO is concerned there is no wavering from our objective...

Ucapan Tunku di hadapan ahli-ahli jawatankuasa itu bukan sahaja menerima tepukan yang memberangsangkan bahkan ahli-ahli MCA yang dipimpin oleh Tan Cheng Lock sebulat suara bersedia untuk tenggelam dan berenang bersama-sama Tunku. Dalam lain perkataan mereka bersedia melaksanakan janji-janji mereka yang terkandung di dalam Resolusi 24 Mei itu.

Menurut buku 'UMNO Sepuluh Tahun 1946-1956' terbitan Daud Press, Penang, pada 14 Jun 1954 itu, iaitu sehari selepas mesyuarat Jawatankuasa Agung MCA itu diadakan, Tunku mengarahkan Pejabat UMNO mengeluarkan Surat Pekeliling kepada Bahagian-bahagian UMNO bagi memaklumkan tentang keputusan yang telah diambil itu dan meminta agar ahli-ahli UMNO yang menganggotai Majlis-majlis Mesyuarat meletakkan jawatan masing-masing. Ahli-ahli UMNO yang juga terlibat di dalam perkhidmatan kerajaan di semua peringkat serta mereka yang berkhidmat di dalam estet-estet milik British digesa mengambil tindakan yang sama.

Satu surat pekeliling yang hampir serupa juga telah dikeluarkan oleh Pejabat MCA menggesa ahli-ahli mereka mengambil tindakan yang serupa.

Sesungguhnya tindakan ini meletakkan pihak British dalam keadaan yang benar-benar serbasalah. Ini kerana sekiranya tindakan itu diambil maka ia akan melumpuhkan seluruh jentera

pentadbiran dan perlaksaan di semua peringkat dan dari Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan hinggalah ketukang-tukang sapu jalan-raya, tukang angkat najis bahkan juga buruh-buruh kasar yang bekerja menoreh getah di ladang-ladang milik syarikat-syarikat British.

Mendahului senarai mereka yang meletakkan jawatan ialah Dr. Ismail yang melepaskan jawatannya sebagai Ahli Hasil Bumi dan Kolonel S.H. Lee yang meletakkan jawatan sebagai Ahli bagi Pengangkutan.

Tindakan yang bersifat kontroversi ini telah dilaporkan di muka hadapan hampir kesemua akhba hrarian yang diterbitkan di Tanah Melayu dan Singapura.Sementara akhbar-akhbar berbahasa Melayu dan Cina menyokong tindakan tersebut, kesemua akhbar-akhbar berbahasa Inggeris menghentam keputusan yang diambil oleh Perikatan itu. Akhbar 'Strait Times' dalam lidah pengarangnya menganggap keputusan tersebut sebagai satu tindakan yang pengecut. 'Malay Mail' pula berpendapat bahawa Perikatan telah melakukan kesilapan besar. Dalam satu edisinya akhbar 'Straits Times' melaporkan:

> *The merit of the White Paper proposals and the Secretary of State's assurance is that they ensure stability for the first partly elected legislature and the certainty of an effective elected majority. Is not that the Alliance's aim? It would be a great stride forward that could be taken with every confidence.*

> *The test of this proposals lies after all in the working of them. It may be too late for the Alliance to withdraw completely from the action it has taken, for once resignation have been submitted they must be allowed to stand. The Alliance, however, can give fresh thought to the future and measure more dispassionately the gains that are offered by the White Paper proposals against the disturbing perils of 'struggle' at a time when Malaya needs unity and compromise, and labour for the common good. All communities and all parties are travelling on the same road, but we must journey in company and in safety's convoy.*

Akhbar 'The Times'yang diterbitkan di London pula melaporkan

bahaya politik di Tanah Melayu kian memuncak sambil menyelar Perikatan dan mendakwa bahawa parti tersebut tidak memberikan apa-apa sumbangan pun kerana menghalang perlaksanaan perlembagaan.

Walaupun keputusan Perikatan itu mendapat sokongan dari sebahagian besar ahli namun ada juga ahli yang berasa marah kerana mereka tidak mengetahui butir-butir lanjut mengenai usul tersebut sebelum keputusan yang memeranjatkan itu dibuat. Bagaimanapun para pemimpin Perikatan telah mengadakan kempen menerangkan usul resolusi tersebut ke seluruh negara.

Dalam pada itu Perikatan juga mengambil keputusan untuk mengadap Raja-raja Melayu dan menyatakan hasratnya. Mereka percaya bahawa hasrat Perikatan itu adalah juga merupakan hasrat majoriti rakyat. Demonstrasi ala Dato' Onn ketika beliau berarak ke istana bagi memprotes tindakan Raja-raja Melayu menandatangani triti MacMichael dirancangkan untuk mendapatkan sokongan Raja-raja.

Sememtara itu di House of Commons di London Ahli-ahli Parlimen dari Parti Buruh yang pernah menolong Tunku ketika beliau berada di London untuk merundingkan perkara yang sama mempersoalkan mengapakah Lyttleton berkeras mahu melaksanakan Kertas Putih itu dan tidak mahu langsung berkompromi dengan Perikatan sedangkan perbezaan jumlah ahli yang dilantik adalah begitu kecil tetapi akibat yang bakal menimpa Tanah Melayu adalah besar sekiranya kekacauan berlaku.

Dalam keadaan yang begitu tertekan, akhirnya Lyttleton tidak ada jalan lain melainkan mendedahkan rahsia bahawa Raja-raja Melayu sekelian hanya membenarkan sebilangan 46 sahaja ahli yang dipilih. Dalam lain perkataan ahli yang dilantik mestilah setiap masa mengatasi ahli yang dipilih. Lyttleton juga menegaskan bahawa di peringkat itu dia tidak boleh berbuat apa-apa sehingga

Pesuruhjaya Tinggi British di Tanah Melayu mengadap Raja-raja sebagaimana yang dijadualkan pada bulan Julai itu.

Dalam pada itu di Tanah Melayu, belumpun sempat MacGillivary mengadap Raja-raja, Tunku sudahpun memintasnya. Pada 1 Julai itu, Tunku mengepelai satu rombongan para pemimpin kanan Perikatan termasuk Tan Cheng Lock untuk memulakan kempen mengadap Raja-raja.

Raja Melayu yang pertama ditemui oleh rombongan tersebut ialah Almarhum DYMM Sultan Ibrahim, Sultan dan Yang Dipertua Negeri Johor serta jajahan takluknya. Adalah difahamkan bahawa Almarhum Sultan Ibrahim adalah merupakan Sultan pertama yang bersetuju untuk mendengar rayuan Perikatan mengenai soal pilihanraya itu.

Rombongan Tunku itu telah bertemu dengan Almarhum Sultan Ibrahim di pejabatnya yang terletak di tingkat satu Bangunan Pejabat-pejabat Kerajaan, Bukit Timbalan (kini dikenali dengan nama Bangunan Sultan Ibrahim). Sementara itu di luar bangunan tersebut berhimpun lebih dari 2,000 ahli-ahli UMNO yang mengiringi rombongan Tunku itu untuk memberikan sokongan mereka terhadap usaha rombongan tersebut.

Walaupun Tunku agak asing di kalangan istana Johor, namun keadaan ini diimbangi oleh Dr. Ismail. Dr. Ismail bukan sahaja anak watan negeri malah bapanya Dato' Abdul Rahman bin Md. Yassin adalah bekas Bendahari Negeri Johor dan rapat dengan istana.

Dr. Ismail menjelaskan kepada Almarhum, Sultan Ibrahim bahawa tujuan mereka menentang usul Kertas Putih mengenai pilihanraya dan meletakkan jawatan mereka masing-masing di dalam kerajaan itu bukanlah bermaksud mahu berlaku tidak setia kepada baginda atau bertujuan menentang ke bawah Duli-duli Baginda Raja-raja Melayu.

Pertemuan rombongan Tunku dengan Sultan Johor itu tidak mendatangkan sebarang hasil. Almarhum Sultan Ibrahim enggan memberikan sebarang keputusan ataupun persetujuan selagi baginda belum berbincang dengan DYMM-DYMM Sultan-sultan yang lain. Namun demikian pertemuan tersebut memberikan sedikit harapan kepada rombongan tersebut kerana sebaik sahaja perbincangan di antara rombongan tersebut dengan Sultan berakhir, Almarhum Sultan Ibrahim berangkat ke perkarangan bangunan Pejabat-pejabat Kerajaan untuk memberikan sepatah dua titah kepada orang-orang Melayu yang berkumpul di situ.

Keberangkatan Sultan Ibrahim disambut dengan laungan gemuruh. Sepanduk-sepanduk yang tertulis dengan mesej seperti 'Hentikan Kolonialisme!', 'Bebaskan kami dari Imperialisme!',

'Beri sokongan kepada Kemerdekaan!' dan sebagainya dikibar-kibarkan.

Sultan Ibrahim bertitah di hadapan perhimpunan orang Melayu yang ketika itu sudah melebihi 2,000 orang kerana orang-orang Melayu yang sedang berada di situ turut menyertai prhimpunan. Baginda Sultan berpesan bahawa setiap dari mereka itu hendaklah bekerjasama dan melupakan segala perbezaan di antara mereka. Baginda juga mengingatkan bahawa perpaduan itu adalah kekuatan sambil memberi amaran bahawa tidak akan ada apa-apa yang boleh dicapai sekiranya mereka itu berbaik di sebelah pagi tetapi berkelahi pula disebelah petang.

Sementara Tunku dan rakan-rakannya di dalam Perikatan melancarkan tindakan demi tindakan untuk mengenakan tekanan kepada pihak pentadbiran British di Tanah Melayu, MacGillivary semakin pening kepala. Pesuruhjaya Tinggi British ke Tanah Melayu itu mula merasakan ada kesamaan di antara Tunku dan Mahatma Ghandi. Bezanya cuma Tunku dan penyokong-penyokong Perikatan tidak berbaring di atas jalan dan landasan keretapi ataupun melancarkan mogok lapar sebagai strategi untuk memenuhi aspirasi rakyat. MacGillivary terpaksa akur kepada hakikat bahawa Tunku kalau tidak lebih bijak dari Mahatma pun mungkin setaraf dengan pemimpin India itu. Tapi apa yang lebih menyerlah Tunku mempamerkan bakat sebagai seorang 'negotiator' yang tidak dapat ditandingi oleh mana-mana pemimpin nasionalis Afro-Asia yang kotemporari di zaman tersebut.

MacGillivary juga sedar bahawa kedegilan pihak British itu bukanlah tanpa sebarang harga. Kedegilan tersebut boleh mengakibatkan kelumpuhan jentera kerajaan dan melemahkan usaha bersama di antara kerajaan dan parti-parti politik dalam membenteras kegiatan anasir-anasir subversif. Dan kedegilan tersebut juga akan menyebabkan MacGillivary tercatat dalam sejarah Tanah Melayu sebagai Pesuruhjaya Tinggi yang paling tidak popular di kalangan rakyat.

Justeru itu MacGillivary terpaksa juga mengusahakan satu kompromi dengan Tunku. Dan cara yang terbaik sekali ialah mengutus seorang yang rapat dengan pemimpin Perikatan itu.

MacGillivary telah mengutuskan Hogan dan David Gray, seorang pakar halehwal China untuk berunding dengan Tunku.

Rundingan telah di adakan di Johor Bahru di kediaman Penasihat British di Johor Bahru.

Di dalam rundingan tersebut, nampaknya semacam ada jalan untuk memecahkan kebuntuan. Selepas makan malam Tunku telah di bawa oleh Hogan ke Pengkalan Tentera Laut di Woodland, Singapura iaitu kira-kira 30 kilometer dari Johor Bahru. Pengkalan ini sebenarnnya lebih dikenali dengan sebutan 'Naval Base' sahaja.

Di dalam perjalanan menyeberangi Tambak Johor itu, Tunku mula merasa resah. Pelbagai imaginasi bermain di kepalanya. Tunku tidak menafikan kemungkinan bahawa kali ini beliau telah diperdayakan oleh pihak British. Tunku mula membayangkan cerita-cerita bagaimana beberapa orang Melayu yang menentang Inggeris di satu waktu dahulu telah di buang ke Pulau Sychelles, sebuah pulau tempat jin bertendang yang terletak tengah-tengah Lautan India. Apabila kereta yang dinaiki oleh Tunku akhirnya masuk ke kawasan pengkalan tersebut dan bergerak perlahan-lahan di antara barek-barek tentera laut, degupan jantung Tunku semakin kencang.

Setelah bergerak buat masa beberapa minit selanjutnya, akhirnya kereta tersebut berhenti di hadapan sebuah bangunan pejabat yang tidak jauh dari sebuah dermaga di mana sebuah kapal perang Tentera Laut Di Raja Great Britain, 'H.M.S. Alert' sedang berlabuh.

Keadaaan di sekeliling gelap gelita. Beberapa lampu letrik yang berderetan sudah terpadam. Suasana di persekitaran juga begitu sepi. Tepatlah sudah jangkaannya, fikir Tunku. Keadaan ini sengaja diwujudkan oleh pihak British supaya pemergiaannya ke Pulau Sychelles tidak diketahui olehsesiapapun.

Dengan diiringi oleh Hogan dan sekumpulan kecil anggota berpangkat rendah Tentera Laut Di Raja Great Britain, Tunku dan Kolonel S.H. Lee berjalan meniti tangga untuk menaiki kapal perang tersebut.

Tunku terdengar salah seorang dari anggota Tentera Laut yang mengiringi rombongannya itu memaklumkan kepada Hogan bahawa jadual 'H.M.S. Alert' yang sepatutnya sudah berlepas dari Naval Base untuk ke satu destinasi lain telah ditunda atas sebab-sebab yang tertentu. Tunku dan Kolonel S.H. Lee saling

berpandangan. Prospek untuk hidup sebagai orang buangan nampaknya sudah semakin menjadi satu realiti.

Setelah berjalan di atas dek untuk jarak beberapa meter, akhirnya mereka berhenti di hadapan sebuah kamar. Hogan menolak pintu itu dan mempersilakan Tunku masuk.

Dengan langkah yang longlai Tunku melangkah kakinya dan masuk ke dalam kamar tersebut.

Sebaik sahaja pandangan Tunku dapat melihat keadaan bilik tersebut dengan jelas, perasaan bimbang yang memuncak beberapa minit sebelumnya itu, serta merta hilang.

'Drink, Tunku?' kata suara yang tiba-tiba memecah kesunyian. Tidak syak lagi suara itu kepunyaan Donald MacGillivary, Pesuruhjaya Tinggi British ke Tanah Melayu. Pegawai Tinggi Inggeris itu sedang duduk di satu sudut dengan tangannya memegang sebutir gelas yang berisi 'Scotch'. Senyumannya yang biasa dilihat oleh Tunku di waktu-waktu yang lebih baik kelihatan terlukis di bibirnya.

Melihat kepada kepelbagaian jenis minuman yang sedia tersusun di atas sebuah meja di dalam bilik Laksamana 'H.M.S. Alert' itu, Pulau Sychelles bukan sahaja sudah menjadi tidak lebih dari satu igauan yang menakutkan tetapi sebaliknya bertukar menjadi Hawaii.

Justeru itu, dalam atmosfera yang sebegitu informal, Tunku dan rakan-rakannya memulakan rundingan bersabit dengan soal yang lebih dari formal. Dan apabila rundingan itu tamat selepas tengah malam, sejarah Tanah Melayu membuka lembaran baru. MacGillivary bukan sahaja bertindak sebagai perantaraan di antara Kerajaan British dengan Perikatan bahkan membuat keputusan. MacGillivary bersetuju bahawa di dalam pilihanraya yang dicadangkan itu beliau mestilah melantik ahli-ahli yang bukan dari kalangan mereka yang dipilih melalui proses pengundian di atas nasihat pemimpin parti yang menjadi majoriti ke atas mereka yang dipilih itu. MacGillivary juga mengundang semula kesemua ahli-ahli yang telah meletakkan jawatan masing-masing disebabkan krisis tersebut supaya mengisi kembali jawatan-jawatan tersebut.

Apabila Tunku kembali ke Kuala Lumpur dan mengadakan beberapa siri perbincangan di 'Meja Bulat Perikatan' dan memaklumkan tentang hasil rundingannya dengan MacGillivary di atas

kapal 'H.M.S. Alert' itu, beliau mendapati bukan semua ahli-ahli UMNO dan MCA yang setuju dengan rumusan yang dicapai itu. Sebaliknya ada yang merasa syak tentang tujuan sebenar MacGillivary dan mendesak Tunku meminta Pesuruhjaya Tinggi British ke Tanah Melayu itu memberikan butir-butir lengkap tentang cadangan yang telah dipersetujukan itu.

Namun, Tunku yang kini sudah masak dalam *the art of negotiation with the British* ini tahu bahawa adalah terlalu awal untuk berbuat demikian. Tunku meyakinkan para ahli gabungan kedua-dua parti tersebut agar memberikan masa yang mencukupi untuk pihak British mendraf butir-butir yang dikehendaki itu.

Oleh kerana persetujuan yang tercapai di dalam perbincangan di atas 'H.M.S. Alert' itu merupakan *verbal agreement* sahaja sedangkan perkara sebesar itu memerlukan bukti hitam putih maka sebagaimana yang dipersetujui, Tunku dan MacGilivray akan bertukar-tukar surat terhadap perkara tersebut.

Urusan mendraf surat tersebut bukanlah sesuatu yang mudah kerana setiap perkataannya membawa implikasi undang-undang. Bagi Perikatan, tugas yang berat ini terpaksa dipikul oleh Tunku sendiri. Akhirnya selepas mengadakan perbincangan terakhir di antara Tunku dan Dr. Ismail bagi pihak Perikatan dengan Hogan dan Gray bagi pihak Pensuruhjaya Tinggi, dalam satu rundingan yang menyaksikan perbalahan serta perdebatan yang hangat dan yang hampir-hampir sahaja menggagal segala usaha yang terdahulu itu, maka Tunku dan pihak MacGillivary pun bersetuju tentang isi kandungan yang akan diperturunkan di dalam surat masing-masing. MacGillivary yang ketika itu berada di Terengganu diminta kembali ke Kuala Lumpur untuk menandatangani surat-nya kepada Tunku.

Sungguhpun ketika itu tugas MacGillivary di Terengganu belum selesai, namun beliau memberikan *top priority* terhadap urusan menandatangani surat tersebut. MacGillivary kembali Ke Kuala Lumpur dengan kapal terbang. Setibanya di King's House beliau menandatangani surat tersebut dan kemudiannya menaiki kapal terbang semula ke Terengganu untuk menyelesaikan urusannya.

Surat Donald MacGillivary yang ditandatanganinya pada 6 Julai 1954 dan dibubuh tarikh 7 Julai 1954 itu saya perturunkan

seperti berikut:

> *I am writing to clarify the course I intend to pursue when appointing the 'nominated reserve' members. These members are not to be appointed by me until the election is completed, and the appointments are to be made in the light of the results of that election.*
>
> *Apart from the officials whom all are agreed should fill two of these seats, the primary purpose of these members is to give a voice in the Council to any important element which had not found adequate representation in the Council throught the electoral process.*
>
> *In giving effect to this purpose, it would, I believe, be inappropriate for me to send these representatives into Council to oppose the policy of the majority amongst the elected members; indeed, this might well be regarded as thwarting or frustrating the wishes of the electorate as expressed at the polls, and as being inconsistent with the promotion of that harmony and close identity between the legislature as a whole and the executive which the Elections Committee unanimously indicated in their Report should be the constant aim of the High Commissioner.*
>
> *The purpose of these seats as well as the basic intention of the constitution will, I believe, be more readily and appropriately achieved by filling these seats with representatives chosen for the purposes indicated in the report, who are not likely to find themselves out of harmony with major political opinion in the Council as reflected amongst the elected members, and consequently less able to inform and guide that opinion effectively.*
>
> *It is therefore, my intention to consult with the leader or leaders of the majority amongst the elected members before making appointments to these seats.*
>
> *I hope that with this statement of intention, you will find yourself able to co-operate in the establishment of the new*

constitutional arrangements and to give your support to the legislative measures.

Meneliti dari isi kandungan surat MacGillivary kepada Tunku itu, jelaslah bahawa pihak British terpaksa juga berkompromi. Surat MacGillivary itu juga menandakan tamatlah sudah perang dingin di antara beliau dengan Tunku. Walaupun Tunku dan rakan-rakannya dalam Perikatan meneruskan rancangan mereka untuk mengadap ke bawah Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja Melayu. Namun demikian, sebagai mengotakan janji-janjinya, Tunku membatalkan pemulauan ahli-ahli Perikatan yang dilancarkan menurut Resolusi 24 Mei.

Sebelas

PILIHANRAYA UMUM PERTAMA

Everyone of us must respect each others' rights and feelings, be tolerant to each others' religions, customs and habits, for in diversity we can truly find real unity.

Tunku (12 Februari 1959)

DENGAN USAHA-USAHA gigih yang tidak mengenal jemu oleh Tunku dengan rakan-rakannya dalam UMNO dan juga MCA maka laluan untuk Tunku merancangkan kempen dan manifesto pilihanraya umum pertama semakin terbuka.

Sebagai langkah pertama ke arah pilihanraya tersebut, Tunku dan Tan Cheng Lock telah mengadakan lawatan lima-hari ke seluruh bahagian utara Tanah Melayu. Lawatan yang merangkumi kebanyakan badar-bandar, pekan-pekan dan kampung-kampung utama di utara tanahair itu adalah bertujuan untuk memberitahu rakyat bahawa perpaduan memang sebenarnya wujud di antara kedua-dua parti yang berlainan etnik itu. Di samping itu, lawatan tersebut juga bertujuan memberitahu rakyat akan pilihanraya yang bakal diadakan dan seterusnya kemerdekaan yang bakal dicapai dalam sedikit masa lagi selepas pilihanraya tersebut.

Dalam ucapan-ucapannya, Tunku telah menekankan betapa pentingnya UMNO dan MCA berganding bahu sekiranya negara mahu mencapai kemerdekaan. Tan Cheng Lock pula menyokong saranan Tunku itu dengan mengatakan bahawa masa depan Tanah Melayu akan banyak bergantung kepada perpaduan di antara

kedua-dua buah parti tersebut.

Pada 18 Ogos 1954, *Legislative Council* akhirnya dengan sebulat suara telah meluluskan satu rang undang-undang bagi meminda 'Perjanjian Persekutuan' dengan memasukkan peruntukan-peruntukan pilihanraya umum Persekutuan. Dalam persidangan Majlis Perundangan itu, Hogan telah menjelaskan bahawa kemerdekaan yang dituntut oleh rakyat Tanah Melayu itu adalah selaras dengan niat British untuk memerdekakan negara-negara yang telah dijajahnya. Di samping itu beliau juga mengisytiharkan bahawa pilihanraya umum Persekutuan Tanah Melayu akan diadakan pada pertengahan tahun berikutnya.

Dengan pengisytiharan yang telah dibuat oleh Hogan itu, Perikatan mula membuat persiapan yang perlu untuk menghadapi pilihanraya tersebut. Beratus-ratus orang sukarelawan yang terdiri dari kalangan ahli-ahli MCA dan UMNO telah dikerahkan untuk mendaftarkan para pengundi.

Sebagai langkah awal, Perikatan juga menubuhkan satu 'Majlis Kebangsaan' yang dianggotai oleh 30 orang ahli dari MCA dan UMNO. 'Majlis Kebangsaan' ini adalah sebagai menggantikan 'Meja Bulat Perikatan' yang agak kurang formal dan tidak memiliki kuasa eksekutif itu. Dalam pada itu Tunku juga diisytiharkan sebagai 'Pemimpin Perikatan.'Sungguhpun pilihanraya Persekutuan dijangka akan diadakan pada pertengahan tahun berikutnya, namun pilihanraya bagi dua Dewan Undangan Negeri telah diadakan dalam tahun itu juga. Di negeri Johor, Perikatan telah memenangi kesemua 16 kerusi yang dipertandingkan dengan mendapat 94,500 undi ataupun 64 peratus. Parti Negara yang dipimpin oleh Dato' Onn bin Jaafar bagaimanapun hanya berjaya memperolehi sebanyak kira-kira 10,000 undi sahaja ataupun 9.4 peratus dari jumlah undi. Sementara Parti Bebas hanya berjaya menarik minat kira-kira 3,000 orang pengundi sahaja. Kejayaan awal Perikatan dan kegagalan Parti Bebas menunjukkan bahawa Dato' Onn terpaksa melakukan sesuatu yang lebih drastik sekiranya parti beliau mahu berkuasa dalam pilihanraya peringkat Persekutuan kelak. Di samping itu kegagalan pengasas UMNO itu juga membuktikan bahawa rakyat negeri tersebut lebih mementingkan parti dari tokoh.

Kira-kira dua-puluh hari kemudian, Perikatan sekali lagi

mengulangi kejayaannya. Dan kali ini di negeri Pantai Timur Terengganu. Apa yang menarik tentang pilihanraya Dewan Undangan Negeri Terengganu ini ialah calun-calun yang bertanding tidak dikenakan wang pertaruhan. Seramai 33 orang calun yang terdiri dari pegawai-pegawai Kerajaan yang telah bersara, kerani-kerani kerajaan, ketua-ketua kampung dan juga nelayan telah bertanding. Sebagaimana yang telah dijangkakan, Perikatan telah menyapu bersih semua kerusi dengan mendapat undi sebanyak 56,554. Parti Negara hanya mampu memperolehi 7,169 undi dan manakala Parti bebas mendapat sebanyak 4,702 undi.

Dengan kejayaan-kejayaan di dua buah negeri ini, maka jelaslah bahawa peluang Perikatan dalam pilihanraya Persekutuan yang bakal diadakan itu semakin cerah.

Sebelum berakhirnya tahun 1954 itu, Tunku telah dilantik menganggotai Jawatankuasa Eksekutif Perang Persekutuan (Federation War Executive Council). Jawatankuasa ini adalah bertanggungjawab merancangkan serangan-serangan balas terhadap pengganas-pengganas komunis. Di samping Tunku, Dato' Onn yang mewakili parti negara turut menganggotai jawatankuasa ini.

Dalam bulan Mac tahun berikutnya, berita yang dinanti-nantikan pun diisytiharkan. Dalam bulan tersebut Kerajaan telah mengisytiharkan bahawa 27 Julai adalah hari pembuangan undi. Hari Penamaan Calun pula ditetapkan pada 15 Jun 1955 dan hari Pembubaran Dewan Perundangan (Legislative Council) pula jatuh pada 2 Jun.

Dengan pengisytiharan tersebut, Dato' Onn meletakkan jawatannya sebagai Ahli Bagi Hal-Ehwal Dalam Negeri untuk menumpukan seluruh usaha dan masanya kepada pilihanraya umum. Dato' Onn bekerja dengan begitu keras sehinggakan ada penganalisis politik berpendapat Parti Negaranya akan memberi tentangan yang hebat kepada Perikatan.

Dalam masabeberapa minggu kemudiannya itu, ramai lagi ahli-ahli UMNO yang meletakkan jawatan masing-masing dalam kerajaan. Antara yang awal-awal lagi berbuat demikian ialah Dato' Abdul Razak yang meletakkan jawatannya sebagai Menteri Besar. Perlu dinyatakan di sini bahawa ketika itu jawatan Menteri Besar bukanlah satu jawatan politik sebagaimana jawatan Menteri Besar yang ada kini.

Dalam tempoh yang sama juga, senario politik negara dipenuhi dengan majlis-majlis ucapan, ceramah-ceramah serta berbagai-bagai kempen politik yang dijalankan oleh semua parti yang terlibat di seluruh negara.

Sungguhpun dalam pilihanraya yang pertama ini, perang poster tidaklah sehebat perang poster di masa kini, namun perangmulut di antara parti-parti yang bakal bertanding itu tidak kurang juga hebatnya.

Tidak dapat dinafikan bahawa perang mulut yang paling ketara sekali ialah di antara Perikatan dan Parti Negara. Dan perang mulut ini bukan terbatas setakat dalam ucapan-ucapan dan dialog terbuka sahaja, malah turut berlaku di dalam sidang Federal Legislative yang tertutup.

Misalnya Dato, Onn pernah mencadangkan satu ketetapan agar bahasa kebangsaan Persekutuan dijadikan bahasa kebangsaan walaupun bahasa lain dijadikan bahasa rasmi dari masa ke semasa. Cadangan Dato 'Onn inimenyebabkan suasana Dewan menjadi medan pertempuran pendapat politik yang sengit.

Namun sungguhpun demikian, Dato' Onn tidak bersedia membentuk satu parti yang berteraskan ahli dari pelbagai kaum. Dengan yang demikian itu, Perikatan tetap mengekalkan keunggulannya sebagai sebuah gabungan parti-parti dari pelbagai etnik. Hakikat ini semakin jelas dengan kemasukan Malayan Indian Congress ke dalam gabungan tersebut.

Gabungan sistem tiga-parti ini, pada mulanya bukanlah sesuatu yang mudah untuk dilaksanakan secara realitinya. Masalah-masalah awal termasuklah pembahagian kerusi-kerusi. Ahli-ahli UMNO yang bersifat fundamentalis tidak mahu berkompromi dengan pembahagian kerusi. Mereka mahukan calun-calun UMNO bertanding untuk 90 peratus dari keseluruhan kerusi yang dipertandingkan. Desakan mereka dibuat berdasarkan taburan pengundi menurut kaum. Dari sejumlah 1,280,865 para pengundi, 1,077,562 ataupun 84.2 peratus adalah terdiri dari pengundi Melayu. Dari jumlah tersebut, hanya 142,947 pengundi ataupun 11.2 peratus sahaja dari keturunan Cina. Selebihnya, iaitu kira-kira tidak sampaipun lima peratus adalah keturunan India.

Justeru itu desakan dari beberapa orang ahli UMNO ini tentulah tidak boleh disifatkan sebagai tidak berasas. Lagipun dari sejumlah

52 kawasan mengundi, hanya dua buah kawasan sahaja yang mana jumlah pengundi Cina melebihi jumlah pengundi Melayu. Kawasan-kawasan tersebut ialah George Town dan Ipoh. Pengundi-pengundi Melayu pula melebihi dengan sebanyak 75 peratus di 37 buah kawasan mengundi yang lain.

Sungguhpun MCA tidak begitu berpuashati dengan desakan ini, namun mereka tidak pula membuat rungutan secara terbuka. Begitupun, para pemimpin MCA merakamkan rasa kesal parti tersebut kerana adanya sebilangan rakyat berketurunan Cina yang tidak mendaftarkan diri mereka untuk mengundi.

Hakikat ini menampakkan bahawa orang-orang Melayu adalah lebih peka kepada masa depan negara ini sementara bagi orang-orang Cina, kebanyakan mereka tidak begitu menghiraukan apakah perkembangan politikPersekutuan Tanah Melayu yang selanjutnya.

Kengganan orang-orang Cina untuk mendaftarkan diri sebagai mengundi juga berpunca dari anggapan mereka bahawa sekiranya negara ini mencapai kemerdekaan maka mereka akan kehilangan tempat mereka di dalam ekonomi. Anggapan ini dibuat berdasarkan hakikat bahawa orang-orang Melayu yang akan menterajui kerajaan sudah tentu mahukan orang-orang Melayu turut maju dalam bidang tersebut.

Keadaan ini menjadi lebih kompleks lagi apabila Tunku pula sering membuat ucapan yang mendakwa hanya Perikatan sahaja yang dapat menyelamatkan orang Melayu dan mengatasi sikap rendah diri mereka. Nada ucapan yang sedemikian sudah tentulah menambahkan lagi syak orang-orang Cina terhadap orang-orang Melayu.

Di saat-saat menjelang pilihanraya, masalah yang terpaksa dihadapi oleh Tunku kian bertambah. Dalam bulan Mei tahun tersebut, Majlis Perundangan telah meluluskan usul yang dibawa oleh Dato' Onn untuk menghadkan penggunaan kenderaan persendirian di hari pembuangan undi. Dalam persidangan yang menyaksikan perdebatan yanghangat di antara penyokong-penyokong Perikatan dan UMNO, tujuh orang anggota telah enggan mengundi. Tunku sendiri mendakwa kerajaan tidak menunaikan janjinya yang terdahulu dari itu tidak menghadkan penggunaan kenderaan-kenderaan persendirian.

Akibat dari perdebatan dan usul yang dibawa itu, Tunku, Tun

Dr. Ismail dan H. S. Lee telah meletakkan jawatan masing-masing atas alasan bahawa dengan pilihanraya semakin dekat, mereka tidak lagi boleh menjalankan urusan-urusan kerajaan secara berkesan tanpa mengambil kira kepentingan parti.

Berikutan dari perletakan jawatan ketiga-tiga orang pemimpin tertinggi Perikatan itu, MacGillivray telah mengeluarkan satu kenyataan yang antara lainnya berbunyi:

> *While His Excellency feels regret that they have thought it necessary to resign over the issue, he recognizes that with the approach of election representatives of different parties are finding increasing difficulty in working together in the Government, and he would not wish to ask them to remain against their will.*

Bagaimanapun isu menghadkan penggunaan kenderaan persendirian bukanlah sebenarnya perkara pokok yang menyebabkan para pemimpin Perikatan itu meletakkan jawatan masing-masing dalam Majlis Perundangan. Sebenarnya isu tersebut lebih merupakan jalan di mana mereka dapat menyuarakan protes terhadap kerajaan.

Sungguhpun Tunku bolehlah dikatakan sudah berjaya mengatasi masalah penggunaan kenderaan persendirian, namun masalah desakan dari ahli-ahli UMNO yang mahukan orang-orang Melayu bertanding di 90 peratus dari kawasan piliharaya yang dipertandingkan masih lagi menjadi halangan terhadap perpaduan dan halangan yang belum dapat diselesaikan lagi.

Justeru itu dalam Persidangan Setengah Tahun UMNO menjelang pilihanraya umum itu, Tunku mengambil keputusan untuk *'testing the water'*.

Strategi yang digunakan oleh Tunku itu lebih kurang sama dengan strategi yang telah digunakan oleh Dato' Onn di saat-saat akhir beliau menerajui UMNO. Di dalam Persidangan tersebut Tunku telah membayangkan bahawa beliau akan meletakkan jawatannya dari UMNO sekiranya tuntutan 90 peratus calun-calun Melayu itu masih lagi diteruskan. Dalam sidang Persidangan itu Tunku menyarankan:

> *A prerequisite to independence is willingness to make sacrifes. We in Malaya do not need to sacrifice our lives for our objective.*

Ours is a constitutional struggle, and it only needs sacrifies of racial selfishness.

Begitupun, sebagaimana yang dijangkakan, Tunku telah dipilih kembali untuk memimpin UMNO. Dan dengan pemilihan tersebut, soal 90 peratus calun-calun Melayu tidak timbul lagi.

Dalam bulan Mei itu juga, Perikatan telah mengeluarkan buku manifesto pilihanrayanya bertajuk *'The Road to Independence*. Buku yang setebal 40 halaman itu merangkumi soal-soal serta masalah-masalah yang berkaitan dengan pentadbiran, dharurat, perkhidmatan sosial' buruh, dasar-dasar serta garispanduan ekonomi dan kewangan, kerajaan tempatan, reformasi politik dan juga perancangan bandar dan desa. *'The Road to Independence'* adalah merupakan sebuah buku seperti itu yang julung-julung kalinya diedarkan kepada orang ramai sama ada oleh Perikatan mahupun mana-mana parti sekalipun.

Terdahulu dari itu Parti Negara telahpun mengeluarkan buku manifesto mereka. Dalam buku tersebut Parti Negara berjanji akan mengusahakan kemerdekaan Tanah Melayu sebelum 1960. Buku tersebut juga turut memberikan langkah-langkah ekonomi dan kewangan yang bakal diambil oleh Parti tersebut.

Dalam pada itu, semenjak meletakkan jawatannya dalam Majlis Perundangan, Dato' Onn telah bekerja keras. Beliau dan juga pemimpin kanan Parti Negara telah menjelajah ke seluruh pelusuk kampung ada kalanya dengan berbasikal dan berjalan kaki sahaja. Oleh kerana sambutan yang diterima oleh rombongan Dato' Onn itu tidak kurang juga meriahnya, maka apabila tiba hari Penamaan Calun, peluang Dato' Onn untuk melihat partinya memberikan persaingan yang hebat kepada parti Perikatan dan seterusnya menguasai Majlis Perundangan Persekutuan adalah cerah.

Pada hari Penamaan Calun itu, Perikatan sesungguhnya menempa sejarah dengan meletakkan calun di setiap kawasan pilihanraya. Dalam lain perkataan, daripada sejumlah 52 kerusi yang dipertandingkan itu, Perikatan meletakkan 52 calun untuk bertanding yang mana 35 daripadanya terdiri dari calun-calun UMNO, 15 calun MCA dan dua calun dari MIC. Jumlah ini jauh lebih banyak dari Parti Negara yanghanya mampu meletakkan 30 orang calun: 29 calun Melayu dan seorang calun Cina. Empat buah

lagi parti yang turut mengambil bahagian dalam pilihanraya umum yang pertama ini mengemukakan seramai 29 orang calun. Seramai lapan belas lagi bertanding atas tiket Bebas.

Apabila tempuh penamaan calun ditutup, terdapat pertandingan empat penjuru di enam kawasan undi. Pertandingan tiga-penjuru pula akan berlangsung di 14 kawasan. Manakala baki 31 kawasan akan menyaksikan pertandingan satu lawan satu.

Dato' Onn memilih untuk bertanding di Johor Bahru di mana beliau mengharapkan penyokongan yang maksima dalam menentang lawannya Sulaiman bin Dato' Abdul Rahman, seorang peguam dari UMNO yang telah berjaya memenangi kerusi Dewan Undangan Negeri. Sementara itu Tunku pula memilih kawasan pilihanraya Sungei Muda di selatan Kedah. Kawasan yang berhampiran dengan Sungai Petani ini memang menjadi tempat 'favourite' Tunku kerana di sinilah letaknya ramai penyokong Tunku sama ada ketika beliau masih menjadi Pegawai Daerah mahupun di waktu kemudian. Apa yang agak menarik bagi Tunku ialah lawannya yang merupakan seorang tokoh veteran yang pernah menjadi gurubesar kepada sebuah sekolah yang pernah dihadiri oleh Tunku.

Sementara peluang Tunku untuk memenangi pertandingan di kawasannya agak cerah, Dato' Onn turut juga merasakan peluang yang sama. Walaupun lawannya itu merupakan adik kepada Dr. Ismail, Dato' Onn merasakan beliau adalah tokoh yang lebih popular dan lebih dikenali oleh rakyat.

Setelah hari penamaan calon itu, Tunku meneruskan kegiatan berkempennya. Di mana-mana kawasan yang dilawatinya, Tunku menyatakan keyakinannya bahawa Perikatan akan mendapat kemenangan dengan menyapu bersih semua kerusi-kerusi yang dipertandingkan.

Dengan berkenderaankan motokar, jip, lori, motosikal, beca dan adakalanya dengan sampan dan motobot Tunku menjelajah ke seluruh negara. Tunku bekerja keras sehinggakan beberapa hari menjelang hari pembuangan undi, beliau telah berkempen untuk setiap calun Perikatan kecuali dirinya sendiri. Tumpuan Tunku memusat kepada calun-calun bukan Melayu yang bakal bergantung kepada pengundi-pengundi Melayu. Tunku menyeru kepada ahli-ahli UMNO dan orang-orang Melayu supaya memberikan soko-

ngan kepada calun Cina dari MCA bagi mempastikan kemenangan untuk Perikatan.

Sesungguhnya kempen pilihanraya 1955 ini merupakan satu-satunya kempen pilihanraya yang amat penting dalam sejarah Tanah Melayu. Ini kerana ia bukan sahaja merintis jalan untuk kemerdekaan tetapi juga membuka jalan bagi kerjasama antara MCA dan UMNO dalam dekad-dekad yang akan datang. Dalam konteks ini Tunku telah sedikit sebanyak berjaya mengurangkan perasaan syak wasangka di antara orang-orang Melayu dan Cina. Tunku tahu apa yang hendak dikatakan adalah bergantung kepada khalayak dan tempat ia hendak diperkatakan. Misalnya ketika berkempen di sebuah kuil Hindu berdekatan Ipoh Tunku telah menegaskan:

> *We are not cocky; we will leave it to God. It is against any religion to be cocky and overconfident. We have worked very hard, and if we lose, it will be for not trying.*

Ketika berkempen di sebuah kampung yang tidak jauh dari Kuala Lumpur Tunku antara lain menegaskan:

> *Ada orang-orang tertentu yang telah menyebarkan ke seluruh negara yang kononnya saya telah menjualkan UMNO kepada MCA dan menjualkan orang Melayu kepada orang Cina. Di sini biarlah saya menegaskan bahawa orang Melayu tidak boleh dibeli dengan wang ringgit. Kalau depa mahu beli orang Melayu, langkah mayat saya dahulu.*

Sehari sebelum hari pembuangan undi Tunku telah mengambil keputusan untuk berihat di rumah UMNO Kedah di Alor Star. Pada malam itu Tunku telah menelefon hampir kesemua calun Perikatan sebelum berihat-rihat sambil berbual dengan beberapa orang rakannya yang turut hadir di situ. Setelah hampir sebulan tidak berhenti berkempen akhirnya Tunku boleh duduk sambil menantikan hasil usaha yang telah dijalankannya itu.

Pada keesokan harinya, menjelang pukul 8.00 pagi Tunku telah meninggalkan rumahnya dan memandu keretanya ke tempat pembuangan undi yang terletak di sebuah sekolah Melayu. Sebaik

sahaja tiba di situ Tunku terus melambaikan tangannya ke arah sekumpulan pengundi yang sudahpun berbaris untuk membuang undi masing-masing sambil melaungkan perkataan 'Merdeka'.

Setelah mengund Tunku kembali ke rumahnya untuk sarapan sebelum meneruskan perjalanan ke Kuala Lumpur dengan diiringi oleh T.H.Tan. Mereka berhenti di setiap pusat pembuangan undi yang mereka temui dalam perjalanan.

Tunku dan T.H Tan tiba di Kuala Lumpur jam 7.00 malam. Pada petang itu Tunku dan T.H Tan sepatutnya meneruskan perjalanan mereka ke Ibu Pejabat Perikatan, tapi Tunku tiba-tiba sahaja tidak mahu duduk ditengah-tengah kesibukan pilihanraya tersebut. Sebaliknya T.H. Tan telah membawa Tunku ke bilik hotelnya. Dengan yang demikian tidak seorang pun tahu di manakah pemimpin terpenting Perikatanitu berada pada malam yang bersejarah itu.

Selepas mandi dan memesan makanan ke bilik hotel, Tunku dan T. H. Tan mendengar keputusan pilihanraya tersebut menerusi siaran Radio Malaya. Tunku merasa begitu lapang kerana setiap keputusan yang disiarkan membawa berita gembira. Sedang Tunku berihat-rihat keputusan pilihanraya umum kawasan Sungei Muda, Kedah pula disiarkan. Tunku telah mendapat 22,226 undi menewaskan lawannyayang hanya mampu memperolehi 1,239. Tidak lama kemudian, iaitu beberapa minit selepas tengah malam, tersiar pula pengumumam kekalahan Dato' Onn bin Jaafar di tangan Sulaiman Dato Abdul Rahman dengan hampir 4,000 undi.

Radio Malaya yang mengakhir siarannya pada malam itu menyiarkan keputusan terakhir. Dan dengan keputusan tersebut, Perikatan telahpun memenangi 23 kerusi.

Di Padang Kelab Selangor (kini Dataran Merdeka), sebuah papan tanda besar di dirikan untuk mencatatkan keputusan-keputusan pilihanraya. Setiap kali angka kemenangan di atas papan tanda itu diubah, setiap kali mereka yang berkumpul di situ melaungkan perkataan 'Merdeka!'.

Sebenarnya pada dinihari malam tersebut, iaitu pada kira-kira jam 2.00 pagi Tunku telah menyertai orang ramai yang berada di padang itu. Namun dalam keadaan lampu yang samar-samar itu tidak ada siapapun yang dapat mengenali beliau. Dalam pada itu Tan Cheng Lock, Dr. Ismail, Dato Razak dan ramai lagi pemimpin

kanan UMNO dan MCA cuba mencari dimanakah gerangan Tunku pada malam itu. Ada juga yang bimbang kalau-kalau kereta Tunku telah menemui kemalangan. Pendek kata berbagai-bagai tiori telah dikemukan mengenai kehilangan Tunku

Kira-kira empat jam kemudian bila Tunku membuka matanya dari tidur selama dua jamnya itu, papan-tanda di Padang Kelab Selangor itu mencatatkan keputusan berikut:

Perikatan.....51 kerusi
Parti Islam SeMalaya.....1
Parti Negara.....0
Parti Buruh Malaya.....0
The National Association of Perak..0
Perak Progressive Party.....0
Perak Malay League.....0

Dua Belas

YTM TUNKU KETUA MENTERI

I believe in allowing the people to have their ways so long as they observe the laws and orders of the country.

Tunku (28 Ogos 1957)

PADA HARI AHAD 31 Julai 1955, empat hari selepas Perikatan memenangi pilihanraya umum peringkat Persekutuan yang pertama, Tunku telah pergi ke King's House untuk menemui Donald MacGillivary.

Pertemuan ini agak bersejarah kerana dalam pertemuan-pertemuan yang berikutnya, kelas MacGillivary bukan lagi bertindak sebagai orang yang memimpin Tunku tetapi sekadar seorang penasihat dan mungkin sebagai seorang sahabat sahaja.

Dalam pertemuan 31 Julai itu Tunku telah berbincang dengan MacGillivary mengenai perlantikan-perlantikan menteri serta juga beberapa hal yang lain mengenai Perlembagaan. Tunku yang bakal dilantik sebagai Ketua Menteri memberi jaminan kepada MacGillivary bahawa beliau tidak akan menyentuh perkara-perkara yang terkandung di dalam Perjanjian Persekutuan. Tunku menerima hakikat bahawa sebarang pindaan ke atas Perjanjian tersebut adalah semata-mata urusan di antara Kerajaan British dan Raja-raja Melayu.

Sebagaimana yang telah dijangkakan, kabinet Tunku itu termasuklah Dr. Ismail yang mengekalkan jawatannya sebagai Menteri Tanah dan Galian, Colonel S.H. Lee yang juga menge-

kalkan jawatan beliau sebagai Menteri Pengangkutan dan kemudiannya Menteri Kewangan. Tun Abdul Razak yang dilantik buat pertama kalinya memegang portfolio Pelajaran. Dalam usia 33 tahun, Tun Razak merupakan menteri yang termuda di dalam senarai kabinet Tunku itu.

Sebagai Ketua Menteri Tunku menerima gaji sebanyak $3,000 sebulan. Di samping itu Tunku juga menerima elaun sebanyak $1,000 sebagai Ketua Menteri dan Ketua Kerajaan, elaun keraian sebanyak $500 dan juga elaun perjalanan. Pada 9 Ogos 1955, Tunku buat pertama kalinya berucap sebagai Ketua Menteri ke seluruh negara menerusi Radio Malaya. Ucapan yang bersejarah itu saya siarkan kembali sebagai berikut:

> *This is my first broadcast after I have been called upon to form the Government but I do so in my capacity as the Leader of the Alliance. The people have been asked to elect their own representatives to the Legislative Council and they have shown their faith and reposed their trust in us by electing to serve them and the country. On behalf of my colleagues and myself, I wish to express our gratitude to the people for giving us this opportunity. My colleagues and I, fully councious of our heavy responsibilities and duties, will spare no effort in giving our best to the people and the country.*
>
> *The people appreciate the fact that this Council is not fully elected, nor it is yet in any sense a true parliamentary democracy, but a definite step has been taken towards full, responsible self-government and independence. Therefore, our position at this moment is as prescribed by the Federal Constitution. This, in effect, means that the powers of the High Commissioner in relation to the Ministers and the Legislative Council remain as they were before the Federal Election. There is however, one factor which points in our favour, and that is that we are elected by the people and responsible to the people. And this fact is recognised by the High Commisioner, who will no doubt give our considered opinion and advice its due weight.*
>
> *The interviews and discussions which I have had with the High*

Commisioner since the Election, both with regard to the appointment of Ministers and the subjects in their portfolios, and other matters affecting administration, have been cordial. This clearly indicates that the High Commisioner appreciates our position. We on our part wish to maintain the maximum of goodwill and understanding between the High Commisioner as representative of Her Majesty's Government and ourselves as representatives of the poeple. This is consistent with our firm resolve to obtain self-government is a constitutional way.

The ministers are collectively responsible for any decision reached in the Federal Executive Council. This is a matter of principle. There can, therefore, be no disagreement on any matter once a decision has been made, and if any minister feels conscientitiously that he is unable to support a decision taken in this Council, he has only one course open to him and that is to resign. I, too am proud by this same principle. If as Chief Minister I am unable to maintain my position as leader of my party, I have no choice but to resign. It is my hope therefore, that the occasion will never arise when the ministers will be in disagreement with one another. My ministers have worked with me most loyally and faithfully for these last few years, and they have given me no cause for anxiety. On the other hand, they have given me every reason to be proud of them and their espirits de corps. With them around me and constantly giving me advice and help, I am confident that my party will not fail to carry out the pledges which we have made in our manifesto. We trust that the people will continue with the support and confidence that they have consistently given us in such magnificent measure, which is unprecedented in the history of free elections. We have not only the Federal election but also state, settlement, mụnicipal, town and other council elections so far held. There is a record that any political party can be justly proud of, and it due to the enthusiasm, loyalty, patriotism and courage of the people, who have given us clear mandate, that is to achieve independence. We are aware of our difficulties but knowing the support of the people for the cause, these difficulties will spur us in our determination to achieve our object.

The election has shoen that all those loyal to this country, no matter what their race or creed may be, are prepared to sink all differences in the cause of Malaya as a whole. This is truly a healthy sign, which augurs well into the future independent Malaya, quickly qualifying her for her rightful place among the free nations of the world.

There are certain things that we have to do first. One of our duties is to try to bring about peace, prosperity and happiness in this country. We have be been living under the cloud of emergency for nearly eight years, and it will be in our interests to try to end the emergency by whatever means possible. Therefore, as guns have not brought peace to the country, it was my hope to try to find an alternative measure and I hope will provide the means for a ceasefire. With peace and tranquality much more work can be done for the good of the people and the country. Money that is used to fight the emergency could be diverted and spent on schools, social services, etc.

In the field of education, it should be the first duty of the Alliance Government to re-examine the provisions of the Education Ordinance, 1952. The existing types of national schools have not been found popular. We will therefore, examine other system of national education which we hope will meet with the needs and aspirations of the people. There are still a large proportion of children of school-going age denied education. We must try to find places for them, and in the attemp, we shall look to quantity rather that to quality of school buildings. It will be necessary for us to build schools with jungle rollers and attap, or go to the extent of providing open air classes. We shall also examine the condition or religious schools. In view of the proposal that Malay is to be the national and official language of independent Malaya, we would try and set up a committee as soon as possible to recommend how to achieve this.

With regard to labour, is proposed to pay greater attention to the living conditions of the working classes. These plans range from the question of housing conditions to the provision of education

for the children of the labourers where this has been neglected. Some sections of labour may desire to settle on the land, on either part-time farming or permanently. We shall seek to provide them with every opportunity for this.

The portfolio of Natural Resources will give immediate attention to the land policy outlined in the Alliance manifesto. We shall give consideration to the establishment of an authority to implement land settlement schemes and to work in agreement and in close association with State and Settlement Governments. This authority should consider not only developing new land but also seek to improve already developed land. It should give due regard to such problems as the alienation of land in economic units, establishing marketing and processing facilities and supplying electricity and piped water. Greater effort should be made to set up Malay Reservations in urban areas in order to give the Malayan people opportunities to enjoy the amenities of town life. In rural areas, Malay Reservations should be developed as far as praticable in order to give the Malays an economic return for their labour.

In the sphere of medical, health and social welfare, the Alliance has mapped out a very extensive programmed which we shall endeavour to implement, but in view of financial limitations, we shall have to decide on priorities. We shall place special emphasis on health and welfare problems of the rural communities. Consideration will be giren to the increase of rural Health centres and travelling dispensaries so that the energatic country wyde attack will made against disease.

In regard to road transport, it is the intention of the Government to implement the policies passed by the Federal Legislative Council to encourage Malay participation in the industry. It is proposed to pay special attention to the resettlement of discharged special constables. Applications for loans from RIDA, as promised before the constables were demobilised will be examined with a view to granting early loans. In this connection, the Minister for the Natural Resources will be working in close colloboration

with the Minister for Agriculture. Small farmers, including paddy planters, will given opportunity to increase their income, and specific schemes are being planned.

The Alliance is aware that hundreds of thousands of people live in rural areas in the Federation, in kampungs and villages, with populations varying between 2,000 and 10,000 people. The kampungs and villages are sometimes five or ten miles from the nearest Post Office, even farther in some cases. Mail reaches these people but there are no parallel facilities for the purchase of stamps, postal orders, etc. he Alliance would look into this need, and take the necessary action. There should also be long-term planning for better telephone facilities, and the Alliance Government proposes to liaise closely with housing authorities to ensure that the provision of telephone facilities keep pace with housing development.

In the Ministry of Works, the chief tasks of the Alliance Government will be to build roads, bridges, houses etc. economically so as to eliminate wastage of public funds.

I think there is a fear among some government circles about victimisation by the Alliance Government. To them, I say: "Cast away such fears". The Alliance has gained its strength through fairness and fairplay and under no circumstances would we depart from this principle. There will be no victimisation of Government servants nor for this matter of any other people who were opposed to our party, nor will there be any attempt on the part of the Alliance to use any pressure on them either in their work or outside. At the same time, we ask them to give us their fullest support and cooperation in the discharge their duties. Regarding Malayanisation, the aim of the Alliance is to examine this question thoroughly and carry out its policy based on justice and fairplay, while at the same time accelerating the process of Malayanisation of the public service.

I want to end this broadcast with a special message of thanks to the Alliance workers - men,women and youth alike who had put

in so much time, energy and sacrifice in the interest of their party. It is so small measure due to their most selfless work and loyalty to the cause that the Alliance victory was assured. With such men, women and youth in our organisation, I have great cause to be proud and grateful. With them and the electorate behind us, Malayan independence will assuredly be won. MERDEKA.

Begitulah ucapan pertama Tunku yang disiarkan ke seluruh negara melalui radio. Ucapan tersebut merangkumi berbagai-bagai aspek dan ada di antaranya tidak dapat dilaksanakan oleh Tunku sendiri sama ada ketika menjadi Ketua Menteri ataupun Perdana Menteri Malaysia yang pertama.

Sebagai Ketua Menteri, pejabat pertama Tunku terletak di bangunan Sekretariat Persekutuan. Tunku diberikan sebuah bilik besar yang dilengkapi dengan alat penghawa dingin, yang mana merupakan satu alat kelengkapan mewah di zaman tersebut. Pada hari pertama Tunku mengambil tempatnya di pejabat tersebut, jurufoto-jurufoto dan wartawan-wartawan dari dalam dan luar negeri telah mengunjungi beliau. Namun demikian, bilangan mereka adalah kecil jika dibandingkan oleh rakan-rakan dan orang-orang biasa termasuk yang tidak dikenali oleh Tunku yang telah mengunjungi beliau pada hari-hari berikutnya.

Proses demokrasi dan pilihanraya telah memberikan fahaman dan harapan baru kepada orang-orang Melayu yang kebanyakan datang dari luar bandar. Mereka mengharap Tunku dapat menyelesaikan apa jua masalah yang mereka kemukakan tidak kira sama ada masalah itu masalah yang besar ataupun masalah yang kecil dan yang tidak perlu mendapat perhatian Tunku.

Begitupun Tunku tidak pernah menolak sesiapa sahaja yang mahu menemuinya walaupun Tunku tahu banyak diantara aduan itu sepatutnya dikemukakan ke pejabat-pejabat majlis daerah dan bukannya di pejabat Ketua Menteri.

Bila ada anggota kabinet lain yang membuat komen tentang keadaan ini, Tunku cuma berkata,

"Bagaimana saya tak mahu jumpa depa. Depa tu datang dari jauh. Tat patut kalau saya tak jumpa..."

Dalam bulan Ogos tahun 1955, Setiausaha Negara bagi Tanah Jajahan, Lennox-Boyd telah tiba di Kuala Lumpur dalam rangka

lawatannya ke Asia Tenggara. Tunku telah mengambil peluang ini untuk bertemu beliau dan berbincang mengenai kerajaan-sendiri dan juga kemerdekaan.

Walaupun perbincangan di antara Tunku dengan Boyd agak menggalakkan tapi Setiausaha Tanah Jajahan itu membayangkan bahawa kemerdekaan akan hanya diberikan setelah berakhirnya keadaan dharurat di Malaya.

Justeru itu Perikatan mula memberikan keutamaan dan melakukan apa jua yang mungkin bagi mengakhiri dharurat.

Sebagai langkah pertama, dalam bulan berikutnya, kapal-terbang-kapalterbang Royal Air Force telah dikerahkan untuk menaburkan sebanyak 40 juta risalah kepada pengganas komunis yang bersembunyi di dalam hutan-hutan di Tanah Melayu. Risalah tersebut menyebut mana-mana pengganas yang menyerah diri tidak akan didakwa. Bagaimanapun mereka yang menyerah diri tapi enggan meninggalkan fahaman komunis akan ditahan dan dipertimbangkan untuk dihantar ke China.

Bagaimanapun, setelah hampir sebulan Tunku tidak juga menerima apa-apa maklum-balas dari pengganas-pengganas komunis itu. Begitupun, pada penghujung bulan tersebut, Tunku, Tan Cheng Lock dan beberapa orang pemimpin Perikatan menerima salinan surat-surat yang tidak ditandatangani dan dipercayai datang dari Ibu Pejabat Parti Komunis Malaya di

Selatan Thailand. Antara lain surat itu menyeru agar diadakan satu gencatan senjata bagi membolehkan masalah-masalah politik diselesaikan dalam suasana damai. Surat itu juga menyebut bahawa Parti Komunis Malaya akan menghantar seorang wakil mereka ke Ibu Pejabat Perikatan bagi mengatur perjumpaan di antara Chin Peng dengan Tunku dan Tan Cheng Lock.

Tunku telah menyerahkan satu salinan surat tersebut kepada pihak Cawangan Khas yang ketika itu masih lagi dikenali sebagai 'Special Branch'. Setelah berbincang dengan Donald MacGillivary dan beberapa orang pemimpin kanan Perikatan, Tunku akhirnya bersetuju untuk mengadakan pertemuan dengan Chin Peng.

Sementara Tunku menjalankan berbagai usaha untuk mempercepatkan tarikh kemerdekaan Tanah Melayu, satu perkembangan yang menggemparkan berlaku di Johor Bahru pada pertengahn bulan September itu.

Pada 17 September 1955 itu, satu perayaan besar telah diadakan di Johor Bahru dan juga di seluruh negeri Johor bagi menyambut dan memperingati 60 tahun pemerintahan Sultan Ibrahim. Perayaan yang dikenali sebagai 'Perayaan Jubilee Intan' itu diadakan sempena dengan perayaan menyambut hari ulangtahun kelahiran baginda yang ke-82.

Dalam satu istiadat yang diadakan di balairong Istana Besar Johor Bahru dan dihadiri oleh Tunku Abdul Rahman sendiri serta Raja-raja Melayu dan juga Pesuruhjaya Tinggi British ke Tanah Melayu itu baginda telah menyampaikan titah ucapan yang menggemparkan.

Haji Buyong Adil dalam bukunya 'Sejarah Johor' merakamkan peristiwa tersebut seperti berikut:

> *Selain daripada ucapan titah menerima ucap selamat dan pengakuan taat setia itu, Sultan Ibrahim telah mengeluarkan titah yang telah menggemparkan. Baginda telah bertitah dengan terus terang iaitu antara lain baginda menyatakan baginda risau dan tidak suka melihat negeri Johor yang telah dibina baginda itu mengalami nasib yang tidak menguntungkan dalam percantumannya dengan Persekutuan Tanah Melayu; dan baginda tidak suka melihatkan, bukan sahaja kekayaan negeri Johor telah dicurahkan bukan pada tempatnya, bahkan pegawai-pegawai baginda yang cekap dalam urusan pentadbiran pun telah diambil beramai-ramai berkhidmat di luar Johor. Baginda telah menyatakan risau baginda melihatkan negeri Johor, bahkan seluruh Tanah Melayu, sedang dicengkam oleh bahaya Komunis; malangnya - titah baginda - rakyat tidak pula memberi kerjasama yang sepenuhnya bagi menghancurkan gerombolan komunis itu; mengapa dibiarkan askar-askar orang putih mati bergelimpangan kerana mempertahankan negeri kita? Dan mengapa dalam saat yang demikian gentingnya setengah orang-orang kita terburu-buru hendak merdeka?*
>
> *Sambil menggerak-gerakkan tangan baginda bertitah pula yang maksudnya: banginda berasa hairan mengapa British mahu juga menghantar askar-askarnya mati terbunuh di negeri ini; pada hal setengah-setengah orang mahukan mereka itu (British) keluar*

dari negeri kita ini. Baginda mengatakan juga: "Kalaulah beta orang British, hari ini beta keluar. Tetapi ingat; kalau hari ini British keluar, esok ada orang lain masuk ke negeri ini". Dan titah baginda juga: "Kalau Malaya diduduki oleh Komunis, 99 kali lebih buruk daripada pendudukan Jepun di negeri ini seperti yang baru lagi kita rasa."

Tatkala berucap dalam bahasa Inggeris pula, baginda telah bertitah kepada sekelian yang hadir dalam majlis itu, termasuk Tunku Abdul Rahman Putra, yang maksudnya; pada masa baginda di benua Eropah, baginda telah mengikuti segala jerit pekik yang gemuruh di negeri ini berkehendakan kemerdekaan itu. "Memang bagus berteriak bergemuruh hendakkan kemerdekaan itu;" titah baginda, "tetapi mana kapal-kapal perang kamu? Mana kapal-kapal terbang kamu? Dan mana pasukan-pasukan tentera kamu bagi melawan dan menghalau serangan-serangan yang datang dari luar. Kalau hari ini British keluar, esok mereka (Komunis) akan masuk ke negeri ini." demikianlah antara lain titah yang telah diucapkan oleh Sultan Ibrahim pada masa menyambut Perayaan Jubilee Intan pemerintahan baginda di Johor Bahru.

Titah Sultan Ibrahim yang pro-British dan seolah-olah membidas UMNO itu telah mendapat reaksi dari Ibu Pejabat UMNO. Ekoran dari titah tersebut, UMNO telah mengeluarkan satu kenyataan yang menyatakan bahawa Tunku Abdul Rahman, atas jawatanbeliau sebagai Yang DiPertua serta para pemimpin tinggi Perikatan telah mengambil keputusan untuk memulaukan acara-acara sempena Perayaan Jubilee Intan tersebut. Tindakan itu diambil bagi membantah pandangan yang diucapkan oleh baginda.

Kita tidak tahu apakah yang mendorong Sultan Ibrahim membuat titah ucapan yang bernada negatif itu. Bagaimanapun, tidak dapat dinafikan bahawa baginda memang rapat dengan kerajaan British. Malah isteri baginda sendiri iaitu Sultanah (Lady) Marcella adalah orang Inggeris. Sejarah juga membuktikan bahawa baginda telah memilih untuk mangkat di tanah Inggeris pada tahun 1959.

Namun begitu, oleh kerana Tunku sendiri adalah dari kalangan di Raja dan sudah biasa dengan tentangan-tentangan seperti ini,

beliau tidak menjadikan titah-ucapan Sultan Ibrahim itu sebagai bahan yang patut difikirkan. Sebaliknya Tunku meneruskan usaha-usahanya ke arah mencapai kemerdekaan.

Dalam bulan November tahun tersebut Tunku telah keluar negeri untuk kali pertamanya sebagai Ketua Menteri. Tunku telah ke Indonesia atas undangan Presiden Soekarno.

Tiga Belas

PERTEMUAN DI BALING

The war must be intensified until one or the other must give in and it is certain that I will not give in and betray the Malayan people. So the Malayan Communist Party must give in.

Tunku (30 Disember 1955)

SEMASA BERADA DI INDONESIA Tunku merasa kagum dengan sokongan rakyat Indonesia terhadap Soekarno. Tapi apa yang lebih mengkagumkan lagi Tunku ialah kekuatan Parti Komunis Indonesia yang semakin bertapak teguh di negara tersebut.

Tidak lama setelah kembali ke tanahair Tunku telah menerima sepucuk surat dari Chin Peng yang mewakili Parti Komunis Malaya. Surat yang bertarikh 23 Disember itu meminta supaya diadakan satu pertemuan di antara wakil kerajaan dengan beliau pada 24 Disember, iaitu hari yang berikutnya. Melalui surat tersebut Chin Peng juga meminta Tunku memberi jaminan menerusi siaran radio mengenai keselamatan perwakilan Komunis. Tunku bersetuju untuk memberi jaminan tersebut dan membuat pengumuman pada hari itu juga. Pada 24 Disember itu sekumpulan wakil kerajaan telah menemui Chin Peng.

Setelah rundingan 24 Disember itu dijalankan, rundingan selanjutnya ialah antara Tunku sendiri dengan Chin Peng yang berlangsung pada 28 dan 29 Disember 1955 di Baling, Kedah.

Tiga siri pertemuan telah diadakan dalam tempuh masa dua hari itu. Tunku sendiri telah mengetuai pihak kerajaan yang terdiri dari Tan Cheng Lock selaku Presiden MCA dan David Marshall, Ketua Menteri Singapura ketika itu. Parti Komunis Malaya pula diwakili oleh Chin Peng sebagai ketua perwakilan, Rashid Maidin dan Chen Tian.

Chin Peng mengambil tempat duduknya di belakang sebuah meja panjang yang beralaskan kain putih. Di sebelah kanannya ialah Chen Tian dan manakala di sebelah kirinya Rashid Maidin yang kelihatan serius. Dengan tenang dan sambil tersenyum dia memerhatikan Tunku yang duduk di sebuah meja yang berten-tangan.

Tunku juga memerhatikan Setiausaha Agung Parti Komunis Malaya itu dan mendapati beliau seorang yang tegap. Chin Peng nampaknya telah menjalani hidup yang baik di dalam hutan.

Tunku sedar bahawa Chin Peng merupakan seorang yang bijak, militan, fanatik dan pintar. Oleh itu tidak hairanlah sekira-nya beliau dilantik menjadi Setiausaha Agung pertubuhan haram itu ketika berusia 26 tahun.

Chin Peng mula terpengaruh dengan dakyah komunis ketika di bangku sekolah lagi. Dalam tahun 1940, ketika masih lagi menuntut, beliau telah diterima sebagai ahli dan diberikan kerja pangkat rendah iaitu memotong stensil untuk propaganda parti.

Semasa Jepun memerintah Tanah Melayu, pegawai-pegawai British dalam pasukan Force 136 telah memberikan kepadanya kepercayaan. Namun setelah Jepun menyerah kalah, Chin Peng berikrar akan menentang British. Justeru itu kerajaan British di Malaya telah menawarkan hadiah bernilai 30,000 paun sterling kepada sesiapa sahaja yang berjaya menangkap beliau hidup-hidup.

Terdahulu dari itu seorang pegawai British, John L.H. Davis yang pernah memimpin pasukan Force 136 telah menjemput Chin Peng di satu tempat beberapa batu dari Baling. Davis dan Chin Peng pernah bekerjasama ketika menentang Jepun dan saling mengenali di antara satu sama lain. Kali terakhir mereka bertemu ialah dalam tahun 1947.

Sebaik sahaja Chin Peng muncul, Davis berjalan ke arahnya

dan berkata dalam bahasa Kantonis, "Lama betul kita tak berjumpa."

Sambil tersenyum, Chin Peng membalas ucapan tersebut. Mereka berjalan ke arah sebuah lori polis sambil berbual-bual dalam bahasa Kantonis.

Di dalam trak polis itu, Chin Peng mengambil tempat duduk di satu sudut di hadapan Davis. Sementara itu sebuah trak yang berasingan membawa Rashid dan Chen Tian.

Mereka dibawa ke sebuah sekolah yang baru dibena di Baling. Dan setibanya di perkarangan sekolah tersebut, Chin Peng dan rombongannya dibawa ke sebuah rumah tempat mereka menginap selama mereka berada di Baling untuk pertemuan dengan Tunku itu. Permintaan mereka yang pertama sekali ialah supaya dibekalkan dengan beberapa helai singlet dan seluar dalam. Permintaan tersebut ditunaikan. Seorang anggota polis telah diarahkan supaya mendapatkan pakaian tersebut di Baling.

Permintaan kedua mereka pula ialah untuk bergerak secara bebas di pekan Baling. Bagaimanapun permintaan tersebut ditolak. Tunku sendiri telah mengarahkan bahawa Chin Peng dan rombongannya hendaklah setiap masa berada di dalam kawasan yang dikelilingi oleh kawat-kawat berduri dan dijaga dengan rapi oleh anggota polis. Langkah ini adalah bagi mengelakkan pihak-pihak yang ingin membunuh beliau dari mendapat peluang berbuat demikian.

Pertemuan 28 Disember itu dimulakan jam 2.30 petang dengan Tunku membuka sidang dan mengucapkan terima kasih kepada pihak komunis yang menaruh kepercayaan kepada beliau.

"I have no doubt in my mind whatsoever that we shall, if possible, achieve this aim of independence by August next year, and that there will no conditions attached to independence," jelas Tunku kepada Chin Peng.

Selanjutnya Tunku berkata, *"Before my party came into power I said that I wanted to bring peace to this country, and I really meant it."*

Tunku juga menekankan bahawa beliau bukanlah ke Baling untuk semata-mata menjadi jurucakap kerajaan British. Kata Tunku, *"Neither am I the stooge or running dog of Colonialism. I am the servant of the people, and I represent the people who have elected*

me to power. Now you are at perfect liberty to say what you like, and none of us will object to what you say. I would, however, like to know why you reject the amnesty terms."

Sungguhpun Chin Peng tahu bertutur dalam bahasa Inggeris, tetapi selama berada di dalam hutan, dia tidak mempunyai sebab yang baik untuk bertutur dalam bahasa tersebut selama lapan tahun. Justeru itu beliau terpaksa bercakap dalam bahasa Mandarin dan diterjemahkan ke bahasa Inggeris oleh Chen Tian.

Chin Peng bersetuju dengan kedudukan Tunku dan berkata,*"It is precisely because we realize that you are not the spokesman of the British Government and are not the running dog of the British Government or their stooge that we have come out to meet you at the risk of our lives."*

Selanjutnya Chin Peng menekankan, *"I have not come here to argue questions of ideology. Peace is the common demand of all people. We also hope that peace will be realized early so that misery of the people can be reduced."*

Apabila Chin Peng membawa persoalan sama ada kerajaan dapat membantu pengganas-pengganas komunis agar diterima di sisi masyarakat dan menjalani kehidupan seperti sediakala, Tunku menjawab, *"Naturally, you first have to convince us that you will be loyal to Malaya. Im my view being anti-British does not indicate loyalty to Malaya. You have to prove that this is the country to which you really owe allegiance. The people here all regard the Communist party as belonging to a Power outside this country, and consider it members give allegiance to that foreign country and not to Malaya. That is why it is necessary for you to prove your loyalty here."*

"The point is this," jawab Chin Peng, "as members of the MCP we still believe in our ideology. We will never allow ourselves to be forced by others to give up this ideology. Now the Government request us to give up this ideology. As citizens, of course, we have obligations, but at the same time we must have freedom of thought, the right of freedom of thought, but the Government's point is that they don't want this. We wish to put our ideology to the people to decide, if that is possible."

"Now you say you want the people to decide whether or not to

> *accept your ideology or ours. Speaking for myself, I have no doubt whatsoever that in free elections the people would choose our system."*

Kata-kata Tunku itu dipersetujui oleh Chin Peng. Bagaimanapun Setiausaha Agung Parti Komunis itu menambah, *"I have made it quite clear that we cannot accept the amnesty conditions because they require us to dissolve the Communist Party. On this issue I want to request the Ministers of both countries to tell us whether or not there are any further grounds for discussion."*

Tunku semacam sudah tahu apa yang ada di dalam minda Chin Peng itu. Dengan demikian Tunku sekali lagi menegaskan bahawa sekiranya permintaan PKM adalah agar kerajaan menghalalkan pertubuhan tersebut maka jawapannya sudah tentu 'tidak'.

Setelah pertemuan itu tamat pada 29 Disember, Chin Peng antara lain mempersetujui perkara-perkara berikut:

> *Setelah sahaja Kerajaan Persekutuan yang dipilih mendapat kekuasaan penuh dalam segi keselamatan dalam negeri dan pasukan-pasukan bersenjata tempatan maka kami akan menamatkan keganasan-keganasan, meletakkan senjata-senjata dan membubarkan pasukan-pasukan kami. Ini tidaklah bererti bahawa kami menerima syarat-syarat pengampunan yang ada sekarang.*

Begitulah tamatnya pertemuan di Baling. Selepas pertemuan tersebut Tunku tidak juga menaruh sebarang harapan bahawa Chin Peng akan memenuhi janji-janjinya. Perkataan Chin Peng yang membawa implikasi bahawa orang bukan komunis adalah mustahil boleh hidup dan bekerjasama dengan orang-orang komunis masih terngiang-ngiang di telinga Tunku.

Sebaik sahaja Tunku kembali ke Kuala Lumpur beliau telah mengumumkan keputusannya untuk menarik kembali tawaran pengampunan.Dalam satu ucapan yang disiarkan menerusi Radio Malaya pada 30 Disember 1955, Tunku antara lain menyebut:

> *Since the Malayan Communist Party refused to accept the*

amnesty terms I, as the Chief Minister of the elected Government of the Federation of Malaya, with the concurrence of the High Commisioner and General Bourne do hereby declare that the amnesty declared on the 9th September, 1955 will be withdrawn with effect from 8th February, 1956 and also with effect from the same date any other surrender terms which have been in force prior to the amnesty declaration.

I have no intention of meeting the Communist leader again unless the Communists indicate before hand their desire to see me on the ground that they want to make a full and complete surrender. I regret having to resort to this course of action but my government and my party are convinced that no half measures would ever bring an end to this struggle which has been going on for eight years. The people are sick and tired of this state of emergency and the Communist leader has turned down our offer to end this struggle. They indicated that our ideology of peace and goodwill cannot exist side by side with their ideology of violence and hatred. The war must be intesified until one or the other must give in and it is certain that I will not give in and betray the Malayan people. So the Malayan Communist Party must give in.

Dua hari kemudian Tunku pun berlepas ke London untuk membuat rundingan-rundingan yang lebih terperinci mengenai kerajaan sendiri dan juga kemerdekaan.

Empat Belas

MERDEKA

The coming of year, 1957, is a historic year for us. Our nation which has for so many years existed in weakness with an inferior status has now been willed by Allah to take its place among honoured and free nation...

Tunku (26 Disember 1956)

KETIKA TUNKU DIKAHIRKAN seorang rakyat India bernama Mohandas Karamchand Gandhi yang ketika itu berusia 34 tahun dan bekerja sebagai seorang peguam di Durban, Afrika Selatan sedang sibuk memperkatakan tentang kemerdekaan India. Dalam masa yang sama, di India, seorang kanak-kanak lelaki bernama Jawaharlal Nehru baru sahaja mencapai usia 14 tahun. Sementara itu di Tanah Melayu, Onn bin Jaafar, anak kepada Menteri Besar Johor yang menjadi anak angkat kepada Almarhum Sultan Ibrahim sedang membuat persiapan untuk ke England untuk melanjutkan pelajarannya. Gandhi, Nehru dan Onn walaupun dilahirkan dalam rangka-masa yang berbeza, namun nama ketiga-tiganya tercatat dalam tinta sejarah perjuangan kemerdekaan di rantau Asia. Sesungguhnya cara Gandhi memperjuangkan kemerdekaan tanpa menumpahkan darah telah sedikit sebanyak memberikan inspirasi kepada Tunku dalam menggunakan pendekatan yang serupa walaupun perlaksanaannya agak berlainan.

Tunku juga sememangnya mengkagumi bakat yang ada pada Nehru sebagai Perdana Menteri India pertama setelah benua-kecil

itu mencapai kemerdekaan. Banyak pemikiran-pemikiran dan cara-cara pentadbiran Nehru yang ditimba oleh Tunku sebagai Perdana Menteri (Ketua Menteri) Persekutuan Tanah Melayu sama ada sebelum ataupun selepas merdeka.

Walaupun Dato' Onn akhirnya merupakan seteru politik Tunku yang utama, namun daripada beliaulah Tunku mengambil alih pucuk pimpinan UMNO yang telah ditubuhkan oleh beliau dan seterusnya menerajui parti itu dan negara ke arah kemerdekaan.

Sebutan 'Merdeka' dengan nama 'Tunku Abdul Rahman' sudah menjadi semacam satu sinonim. Rasanya adalah agak mustahil bagi sesiapapun memperkatakan kemerdekaan Tanah Melayu tanpa menyebut nama Tunku. Bahkan bagi generasi yang sudah dewasa ketika negara ini mencapai kemerdekaan, mereka tentu dapat membayangkan sebuah foto di mana Tunku sedang mengangkat tangan kanannya membelakangi Raja-rja Melayu di hadapan Padang Kelab Selangor. Setiap kali kita melihat foto itu, ia seolah-olah bergema dengan laungan Tunku yang menyebut 'Merdeka!, Merdeka! Merdeka!.

Sungguhpun ada pendapat-pendapat yang mengatakan bahawa Tunku bukanlah sebenarnya pejuang kemerdekaan seperti Mahatma Gandhi dan sebaliknya lebih merupakan seorang perunding, namun pendapat ini tidak dapat dipertahankan tanpa sebarang hujah yang mencadangkan sebaliknya. Dalam usahanya mencapai matlamat ini, Tunku mungkin telah mengamalkan sikap tolak-ansur dan berkompromi dengan pihak British , namun itulah jalan yang paling baik dalam keadaan di mana penjajah selalu menggunakan pendekatan *'might ia right'*.

Tunku bukan sahaja mempamerkan kebijaksanaannya dalam permainan 'hulur dan tarik' dengan kerajaan British yang sengaja mahu melengah-lengahkan tarikh kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu, tapi Tunku senantiasa meletakkan kepentingan bangsa dan negara melebihi apa jua kepentingan-kepentingan lain termasuk kepentingan golongan autokratik sendiri yang mana Tunku juga adalah sebahagian dari anggotanya.

Misalnya, tidak ramai orang yang tahu bahawa dalam bulan September 1955, Raja-raja Melayu dengan secara sulit telah mengadakan satu sidang rahsia di Johor Bahru bagi membincangkan kedudukan mereka sekiranya Tanah Melayu mencapai kemer-

dekaan. Raja-raja Melayu sekelian begitu bimbang dengan arus kemerdekaan yang dibawa oleh Tunku dan bimbang akan kedudukan dan kuasa mereka yang selama ini seolah-olah dijamin sepenuhnya oleh kerajaan British itu tergugat. Begitupun, mereka tidak dapat menentang arus itu kerana ia bukan sahaja merupakan mimpi seorang tokoh politik seperti Tunku malah merupakan satu aspirasi rakyat yang begitu *total*.

Justeru itu Raja-raja Melayu sekelian telah bersetuju menyerahkan nasib mereka kepada Kerajaan British. Dalam lain perkataan hak dan kuasa mereka seolah-olah tergugat akibat kemerdekaan itu, dan Britishlah yang bertanggungjawab untuk mengekal dan memelihara kepentingan mereka.

Sebagai seorang kerabat di Raja, Tunku memang sedar akan kebimbangan Raja-raja Melayu itu. Namun Tunku tidak pula mengadap mana-mana Raja-raja Melayu. Bagi Tunku soal politik adalah soal rakyat. Begitupun, sebagai ubat kepada rasa bimbang tersebut, Tunku sering menyentuh tentang pemeliharaan hak Raja-raja Melayu di dalam kebanyakan ucapan beliau sebelum merdeka.

Sungguhpun demikian, walaupun beliau sendiri seorang anak raja, Tunku tidak membenarkan tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan oleh rakyat serta aspirasi mereka itu di halang oleh aspirasi Raja-raja walaupun beliau tahu bahawa kerajaan British hanya akan memberikan kemerdekaan hanya sekiranya Raja-raja Melayu itu bersetuju dan sanggup membatalkan perjanjian yang telah ditandatangani oleh mereka dengan kerajaan Britain.

Sebagaimana yang telah dipersetujui, rundingan kemerdekaan di London itu akan dihadiri oleh empat orang wakil dari Perikatan dan empat orang wakil Raja-raja Melayu. Tunku merasakan sekiranya delagasi dari kedua-dua pihak itu dapat berbincang secara tidak formal dalam suasana yang asing dan tidak terganggu, maka sudah tentu mereka akan lebih bersedia untuk menghadapi rundingan tersebut. Justeru itu Tunku mencadangkan agar kedua-dua delegasi itu berlepas ke London dengan menaiki kapal sehingga ke Karachi dan kemudiannya menyambung perjalanan ke London dengan kapalterbang..

Tunku agak bernasib baik kerana cadangan dan pandangan

beliau itu diterima oleh Raja-raja Melayu yang membenarkan delegasi yang mewakili mereka membuat perjalanan ke London bersama-sama dengan delegasi Perikatan dan seterusnya mempersetujui jadual perjalanan melalui laut dan melalui udara sebagaimana yang dicadangkannya itu.

Dengan tercapainya persetujuan itu maka Tunku, Lee dan T.H. Tan yang mewakili Perikatan serta Dato' Panglima Bukit Gantang, Menteri Besar Perak; Abdul Aziz Abdul Majid, Menteri Besar Selangor, Dato' Wan Idris Wan Ibrahim, Timbalan Menteri Besar Johor dan Dato' Nik Ahmad Kamil, bekas Menteri Besar Kelantan yang setelah tewas dalam pilihanraya Persekutuan atas tikit Parti Negara bertindak sebagai penasihat undang-undang kepada Raja-raja Melayu pun berlepas ke Karachi dengan kapal Itali 'Asia' pada 2 Januari 1956.

Hampir setiap hari dalam pelayaran tersebut anggota delegasi dari kedua-dua belah pihak itu mengadakan perbincangan tidak rasmi sebagaimana yang dicadangkan oleh Tunku.

Setibanya mereka di Karachi untuk meneruskan perjalanan dengan menaiki kapalterbang ke London, setiap perkara yang menjadi kemusykilan Raja-raja Melayu telahpun diselesaikan atau dipersetujui pada dasarnya. Namun apa yang lebih penting lagi ialah kelapan-lapan anggota delegasi itu bersetuju bahawa Perlembagaan Persekutuan yang dipakai ketika itu adalah tidak selaras dengan kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu dan tidak memenuhi cita-cita dan aspirasi rakyat dan membuat satu resolusi mengenai perkara tersebut.

Antara lain Resolusi yang juga menyentuh tentang kedudukan Raja-raja Melayu itu berbunyi:

> *The position of the Rulers and the relationship of the States with the Federation, together with the special position of Penang and Malacca, make it highly desirable for a special independent commission to be set up to make recommendations on the future constitution.*

Dengan kesefahaman yang tercapai ini, maka rombongan yang dikenali sebagai 'Rombongan Kemerdekaan' ini tiba di London bukan sebagai dua delegasi yang mewakili dua pihak

yang berasingan tetapi lebih merupakan satu delegasi yang berusaha untuk mencapai satu matlamat yang serupa.

Sebaik sahaja tiba di London, Tunku dan rombongannya memulakan rundingan kemerdekaan pada 18 Januari 1956. Rundingan bersejarah ini berlangsung di 'bilik muzik' Lancaster House. Ketika berjalan masuk ke bilik tersebut dengan diiringi oleh Lennox-Boyd yang mewakili kerajaan British, Tunku telah sempat berkata kepada Setiausaha Negara bagi Tanah Jajahan, *"It is my hope that this talk would be recorded in letters of gold, and not of mud.*

Sungguhpun Tunku tidak mempunyai pengalaman dan latarbelakang yang dimiliki oleh Lennox-Boyd, namun Tunku berjaya menyatakan kesnya dengan tepat dan jujur. Justeru itu rundingan pusingan pertama itu berjaya membuahkan hasil. Antara perkara-perkara yang dipersetujui termasuklah langkah-langkah peralihan sebelum kemerdekaan serta jawatan 'Ketua Menteri' yang bakal dimasukkan sebagai salah satu daripada perkara-perkara dalam Perlembagaan serta kuasa-kuasa Pesuruhjaya Tinggi British ke Tanah Melayu yang selepas itu mestilah bertindak atas nasihat Majlis Eksekutif. Dalam lain perkataan kuasa eksekutif tertinggi yang selama ini terletak di tangan Pesuruhjaya Tinggi British dengan itu berpindah ke tangan anak watan.

Di samping itu Tunku juga memberi jaminan tentang kedudukan pegawai-pegawai awam British yang berkhidmat di Tanah Melayu. Dalam rundingan tersebut Tunku menjelaskan bahawa perkhidmatan awam Persekutuan Tanah Melayu akan diubah selaras dengan kehendak rakyat, namun pegawai-pegawai British terutamanya mereka yang memegang jawatan-jawatan penting masih lagi dikehendaki berkhidmat di dalam perkhidmatan awam yang baru.

Setelah perkara-perkara yang dinyatakan itu dipersetujui, rundingan pusingan kedua berkisar pula kepada agenda yang terpenting - kemerdekaan Tanah Melayu. Sungguhpun British sekali lagi cuba melengah-lengahkan tarikh kemerdekaan itu atas alasan ia hanya cuma memenuhi inspirasi orang-orang Melayu, namun Tunku berjaya juga membuktikan kepada wakil-wakil British bahawa rakyat yang berketurunan Cina dan India juga

mahukan tarikh kemerdekaan itu disegerakan.

Tunku menegaskan bahawa Perikatan mempunyai 51 daripada 52 kerusi Dewan Perundangan. Mandat ini sebenarnya tidak pernah dinikmati oleh negara-negara lain di bawah jajahan British. Tunku juga menjelaskan bahawa masyarakat Melayu dan Cina sudah bersatu dalam konteks politik. Hakikat-hakikat ini ditambah pula dengan kesediaan Raja-raja Melayu untuk menerima kemerdekaan dan Perlembagaan yang dicadangkan oleh Perikatan.

Sungguhpun pihak British nampaknya bersetuju dengan perkara-perkara yang dinyatakan oleh Tunku, namun mereka begitu teragak-agak untuk menyatakan satu tarikh tertentu.

Justeru itu, secara tidak rasmi Tunku telah menyatakan kepada Lennox-Boyd bahawa beliau dan rombongannya tidak akan pulang ke Persekutuan Tanah Melayu selagi pihak British enggan menamakan satu tarikh bagi kemerdekaan Tanah Melayu. Kita tidak tahu mengapa British akhirnya tunduk juga dengan desakan Tunku berhubung dengan tarikh kemerdekaan. Namun perenggan terakhir laporan rasmi rundingan kemerdekaan itu berbunyi:

> *We have further agreed that, in view of the Malayan delegation's desire that full self-government and independence within the Commonwealth should be proclaimed by August 31, 1957, if possible, a constitution so providing shall be introduced at the earliest possible date... and that every effort will be made by Her Majesty's Government and the Federation Government to achieve this by the time proposed.*

Sebenarnya rundingan kemerdekaan yang dihadiri oleh Tunku dan rombongannya bagi pihak Tanah Melayu dan delegasi kerajaan British yang diketuai oleh Lennox-Boyd bukanlah merupakan satu rundingan yang mudah. Bagi Tunku, tidak ada apa yang lebih penting dari mendapatkan kembali tanahair yang selama ini dijajah dan bagi British pula sudah tentulah mereka merasakan begitu sayang untuk melepaskan sebuah tanah jajahan yang telah memberikan mereka dengan pelbagai manfaat termasuk dari segi ekonomi dan juga politik antarabangsa.

Setiap kali Tunku membuat desakan atau permintaan yang boleh ditakrifkan sebagai sesuatu yang akan menggugat kepen-

tingan British di Tanah Melayu, maka Lennox-Boyd akan berkata, *"Tunku, that is difficult for us, but we will try to find some way out.*

Bagi Tunku, beliau juga mengalami ketegangan-ketegangan suasana rundingan. Pernah di satu ketika di dalam siri rundingan tersebut, apabila Lennox-Boyd menolak permintaanya, Tunku dengan nada bersahaja berkata, *"Mr. Secretary of State, can you get me two tickets for the Arsenal soccer match this afternoon? I don't intend coming to any meeting."*

Permintaan Tunku yang tidak ada kena mengena dengan kemerdekaan Tanah Melayu itu menyebabkan anggota-anggota delegasi berasa terkejut. Namun, seketika kemudian suasana tegang yang menyelubungi bilik muzik di Lancaster House bertukar dengan gelak ketawa para delegasi.

Begitulah cara Tunku, yang ada kalanya berlaku kurang serius walaupun berada dalam keadaan yang paling serius. Namun itulah 'style' dan kepimpinan Tunku yang akhirnya membuahkan kemerdekaan negara.

Di samping kejayaan tersebut, Tunku juga dibawa mengadap baginda Ratu dan diberikan Jamuan Negara oleh Anthony Head, Setiausaha Negara bagi Perang dan juga Majlis Tentera. Sebenarnya ini juga merupakan satu sejarah kerana tidak pernah sebelum itu Majlis Tentera memberikan Jamuan Negara kepada mana-mana pemimpin negara-negara yang dijajah.

Jamuan tersebut telah diadakan di 'Royal Hospital', Chelsea di mana Tunku dan rombongannya telah menikmati menu istimewa yang disajikan di dalam pinggan-pinggan perak. Meja jamuan makan malam pula adalah sebuah meja kayu oak asli yang diperbuat dengan tangan pada tahun 1680. Dewan yang diterangi dengan 'candelabras' perak itu dihiasai dengan potret-potret pemerintah-pemerintah England termasuk Raja Charles II dan Raja William III.

Tunku agak terharu dengan penghormatan yang diberikan kepada beliau dan rombongannya pada malam itu. Yang agak mencacatkan sedikit majlis tersebut ialah pakaian Tunku dan rombongan beliau yang agak *'casual'* berbanding dengan pegawai-pegawai tinggi tentera British yang memakai pakaian rasmi lengkap dengan bintang-bintang anugerah masing-masing. Ini kerana maklumlah bahawa jamuan tersebut adalah sesuatu yang

diluar jangkaan mereka.

Turut hadir dalam jamuan tersebut ialah Gerald Templer, bekas Pesuruhjaya Tinggi British ke Malaya yang sudahpun memegang jawatan 'Chief of the Imperial General Staff.'

Mungkin disebabkan kehadiran Templer inilah yang mengakibatkan rombongan Tunku melanggar protokol dengan menumbuk meja kayu oak 1680 itu kerana mendesak bekas Pesuruhjaya Tinggi itu memberikan sepatah dua kata. Templer yang juga terharu dengan permintaan tersebut bangun dan menyampaikan satu ucapan ringkas di mana beliau menyatakan betapa pentingnya perkhidmatan di Tanah Melayu itu kepada hidup dan kerjaya beliau dan mengakhirinya dengan harapan semoga cita-cita rakyat Tanah Melayu akan tercapai.

Sesungguhnya penghormatan yang diberikan kepada rombongan Tunku itu begitu tinggi sekali.

Pada 16 Februari Tunku dan rombongan kemerdekaan berlepas meninggalkan London dengan sebuah kapalterbang. Dalam perjalanan pulang itu, Tunku telah sempat singgah ke Kaherah di mana beliau telah sempat menemui Gamar Abdul Nasser yang ketika itu masih lagi menjawat jawatan Perdana Menteri Mesir.

Tunku dan rombongannya tiba di Singapura pada 20 Februari sebelum terus ke Melaka untuk mengumumkan tarikh kemerdekaan Tanah Melayu di hadapan kira-kira seratus ribu orang rakyat. Dalam perisytiharan yang bersejarah itu Tunku berkata:

> *Bahawa di dalam sejarah manusia tidak ada suatu bangsa pun yang boleh menyelamatkan dirinya jikalau bangsa itu berdiam diri memeluk tubuh selama-lamanya.*
>
> *Sudah semestinya bangsa itu harus memilih suatu antara dua arah - maju atau mundur. Ini terserah kepada kesanggupan dan kesedaran bangsa itu menghadapi perubahan-perubahan dan perkembangan-perkembangan.*
>
> *Manakala rakyat itu di dalam keadaan berpuas hati dengan taraf dan kedudukan yang ada, maka sentiasalah mereka merasa bimbang atas sebarang perkara yang harus membawa perubahan. Mereka akan merasa curiga terhadap sebarang langkah atau*

seseorang yang membawa fikiran dan pendapat-pendapat baru. Tetapi kerana sejarah manusia adalah sejarah perubahan-perubahan dan kemajuan untuk menciptakan sesuatu yang lebih baik dan sempurna, bangsa yang merasakan kepuasan tadi akan tinggal semakin jauh ke belakang dan akhirnya akan hilang lenyap dan hanya akan ditimbulkan oleh ahli-ahli sejarah yang akan datang.

Kita adalah amat beruntung kerana bangsa kita telah dikurniakan Tuhan yang Maha Kuasa dengan ketabahan dan keberanian. Kita adalah suatu bangsa yang pernah menikmati kebesaran dan mempunyai pusaka kebangsaan yang gilang-gemilang.

Sungguhpun perjalanan sejarah telah menyukarkan nasib kita daripada suatu bangsa yang merdeka dan agung kepada bangsa yang hina dan terjajah, namun kita masih tetap dapat mempertahankan anugerah-anugerah Tuhan yang berupa kebesaran jiwa, rasa kemuliaan, keadilan dan semangat yang tidak dapat dipatahkan, sementara kita tertakluk di bawah penjajahan lebih dari 400 tahun lamanya.

Ketahuilah bahawa kita rakyat Malaya adalah bersatu padu di dalam maksud kita mencapai kemerdekaan secara perlembagaan dan pada hari ini maksud kita itu telah kita capaikan.
Dari itu Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani, saya, atas nama rakyat Malaya mengisytiharkan bahawa kemerdekaan penuh Persekutuan Tanah Melayu (di dalam Komanwel) menurut perjanjian yang telah dicapai di London akan dilaksanakan pada 31hb. Ogos tahun 1957. Pohon Allah izinkan.

Oleh kerana kemerdekaan akan hanya dicapai pada 31 Ogos 1957, dan tarikh Tunku mengisytiharkannya ialah 20 Januari 1956, maka ini bermakna beliau masih ada masa kira-kira satu setengah tahun lagi. Justeru ituantara perkara yang menjadi tumpuan utama Tunku ialah bagaimana beliau dapat menamatkan tempoh darurat. Dan ini hanya akan dicapai sekiranya Parti Komunis Malaya meletakkan senjata.

Selaras dengan keutamaan tersebut, Tunku telah melantik dirinya sebagai Menteri Pertahanan dan Keselamatan Dalam Negeri setelah kira-kira dua minggu kembali dari London.

Bagaimanapun, sebagaimana yang terbukti, Parti Komunis Malaya meneruskan perjuangan mereka walaupun negara sudah mencapai kemerdekaan. Dan sebagaimana yang kita sedia maklum, Komunis hanya meletakkan senjata mereka dan berikrar tidak lagi meneruskan perjuangan tersebut dalam tahun 1990 iaitu ketika Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad memegang jawatan Perdana Menteri.

Di samping masalah penentangan komunis itu, Tunku juga terpaksa menghadapi masalah kewarganegaraan kaum-kaum pendatang. Masalah 'jus solli' ini telah menjadi perdebatan yang hangat bukan sahaja dikalangan pemimpin-pemimpin masyarakat bahkan juga di kalangan rakyat biasa. Walaupun Tunku telah mengambil keputusan untuk menyelesaikan masalah ini, namun cara Tunku menanganinya dipertikaikan oleh banyak pihak terutamanya orang-orang Melayu yang merasakan hak-hak istimewa mereka dar segi status kerakyatan seolah-olah tergugat.

Dalam ucapan sempena menyambut hari ulangtahun ke-10 penubuhan UMNO, Tunku turut menyentuh soal jus solli ini:

Seperkara lagi yang berbangkit dengan hebatnya ialah soal Jus Solli. Perbahasan atas soal ini telahpun reda sedikit sebab kita telah menubuhkan sebuah jawatankuasa yang terkandung di dalamnya ahli-ahli UMNO, MCA, MIC bagi memeriksa dan menimbangkan hal itu.

Sebenarnya masalah jus soli ini telah berbangkit sejak dari tahun 1946 lagi. Ketika itu orang-orang Melayu di dalam UMNO telah menolak penggunaan jus soli sebagai dasar kerakyatan Malayan Union. Dato' Onn yang ketika itu menerajui UMNO telah berjaya mendesak British menghapuskan dasar tersebut serta kemudiannya berjaya menahan dasar tersebut dari dilaksanakan dalam proses menentukan kelayakan kerakyatan Tanah Melayu dalam tahun 1949 oleh Communities Liason Committee yang ditubuhkan oleh kerajaan British.

Mungkin Tunku yang agak terhutang budi dengan sumbangan kaum pendatang khususnya orang-orang Cina dan India dalam kerjasama mereka dalam menuntut kemerdekaan telah menerima

kembali dasar jus soli yang satu masa dulu telah ditolak oleh UMNO.

Bagaimanapun sejarah juga membuktikan bahawa orang-orang Cina memang mahukan dasar jus soli itu dilaksanakan. Bahkan di satu ketika, kemuncak dari keengganan orang-orang Melayu melihat dasar tersebut dilaksanakan, ahli-ahli MCA yang berpengaruh yang terdiri dari anggota-anggota dewan-dewan peniagaan, pertubuhan-pertubuhan rakyat dan guru-guru sekolah mengancam untuk mengadakan tunjuk-perasaan serta perarakan besar-besaran di hari ketibaan Lord Reid, yang merupakan pengerusi suruhanjaya bebas bagi penggubalan Perlembagaan yang baru bagi Tanah Melayu.

Dan mungkin inilah yang mendorong Tunku berucap dengan kata-kata yang bermaksud bahawa tidak ada satu negara di dalam dunia ini pun yang beroleh kemerdekaan tanpa pengorbanan oleh rakyatnya. Di dalam ucapan tersebut Tunku juga menyeru agar orang-orang Melayu melakukan pengorbanan-pengorbanan yang perlu dan membuktikan reputasi mereka sebagai satu bangsa yang sanggup bertoleransi.

Ucapan Tunku itu akhirnya dapat meredakan perdebatan mengenai masalah tersebut.

Dalam memorandum UMNO yang diserahkan bagi pertimbangan Suruhanjaya Reid, bagaimanapun Tunku sengaja tidak menyentuh masalah jus soli. Dan ini sekali lagi membangkitkan kemarahan oleh orang-orang Cina. Tapi kemarahan itu reda apabila Tunku menjelaskan bahawa beliau sengaja tidak mengambil kira masalah tersebut dengan harapan bahawa ia akan dibawa dalam memorandum yang bakal dikemukakan oleh MCA.

Reid dan anggota Suruhanjaya telah berada selama enam bulan di Tanah Melayu bagi menerima memorandum-memorandum dan mengadakan perbicaraan-perbicaraan tertutup. Setelah urusan tersebut, beliau telah ke Rome untuk urusan menyediakan laporan terakhir Suruhanjaya tersebut berserta dengan cadangan-cadangannya sekali.

Akhirnya laporan tersebut siap dan diterbitkan pada bulan Februari 1957. Dengan terbitnya laporan tersebut, satu lagi kontroversi pra-kemerdekaan bermula.

Dalam Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu Universiti

Malaya yang diadakan pada 21 hingga 23 Ogos 1989, Dr. Ramlah Adam dari Jabatan Sejarah, Universiti tersebut telah membentangkan satu kertas kerja yang bertajuk 'Kongres Kebangsaan Melayu: Suatu Penentangan Kepada Kehilangan Kuasa Politik Melayu Di Dalam Kemerdekaan 1957. Kertas kerja yang menghurai krisis yang berbangkit dari Laporan Surahanjaya Reid itu antara lain berbunyi:

> *Satu jawatankuasa yang bersifat antarabangsa telah dibentuk untuk menderaf perlembagaan Tanah Melayu. Suruhanjaya ini dikenal sebagai Suruhanjaya Reid yang mengandungi lima orang anggota dari Britain, India, Pakistan, Australia dan Canada. Perikatan merasa perlu untuk mendapatkan satu pandangan dari luar demi untuk mengelakkan kekecuhan di dalam Perikatan. Parti Perikatan yang terdiri dari UMNO, MCA, MIC tidak dapat mencapai kata sepakat di dalam soal-soal tertentu seperti kerakyatan, bahasa kebangsaan, kedudukan istimewa Melayu dan agama Islam kerana bertentangan dengan kehendak masing-masing. Untuk mengelakkan kemerdekaan itu terbantut-bantut masalah itu diserahkan kepada Suruhanjaya luar yang diharapkan akan lebih adil.*
>
> *Tindakan Perikatan ini menunjukkan dua perkara penting. Pertamanya, ia melihatkan betapa tidak mampunya Perikatan menyelesaikan masalah dasar negara sebelum mencapai kemerdekaan. Perikatan seolah-olah tidak mahu menerima kenyataan bahawa perkara itu adalah masalah dasar yang patut diselesaikan sebelum merdeka. Dengan mengenepikan masalah itu buat sementara, ini bererti Perikatan melanjutkan dan merumitkan masalah itu. Ia akhirnya menjadi 'duri dalam daging' bagi kemerdekaan Tanah Melayu itu sendiri, yang berkekalan sehingga hari ini.*
>
> *Keduanya, ia menjatuhkan maruah Perikatan dan seterus menjatuhkan nilai kemerdekaan Tanah Melayu itu sendiri. Sebuah negara yang mahu merdeka sepatutnya mampu untuk menunjukkan kematangannya dan kekuatannya sebagai sebuah negara yang merdeka. Namun, apabila Perikatan menyerahkan*

undang-undang tubuh negaranya ditentukan dan diputuskan oleh orang lain, walaupun ia boleh bersuara, tetapi kata putus terletak di tangan Suruhanjaya itu, itu menunjukkan ia tidak layak untuk merdeka, kerana ia masih bergantung kepada dunia luar untuk menentukan identitinya. Ia adalah 'anti-climax' kepada kemerdekaannya.

Dalam menyediakan kertas kerja ini Dr. Ramlah Adam telah membuat rujukan kepada Kongres Melayu 1957 yang telah diadakan pada 4 Mei 1957 di Kelab Sultan Suleiman, Kuala Lumpur, iaitu tempat di mana telah diadakan Kongres Melayu 1946. Perbincangan mengenai Kongres Melayu 1957 yang lebih lengkap sudah tentulah terkeluar dari tajuk perbincangan kita. Walau bagaimanapun perlu diingatkan bahawa antara tokoh-tokoh yang hadir dan menyampaikan ucapan di Kongres itu termasuklah para pemimpin Parti Negara dan juga para pemimpin Parti Islam SeMalaya (PAS) yang mana adalah merupakan musuh-musuh politik Tunku.

Kita tidak tahu apakah tujuan sebenar Dr. Ramlah Adam membuat tanggapan yang demikian. Persoalan sama ada 'ia adalah merupakan anti-climax kepada kemerdekaan' itu juga adalah satu perkara yang agak subjektif dan terpulang kepada penilaian masing-masing. Begitupun kita mesti sedar bahawa di dalam tahun 1989 itu, iaitu ketika persidangan tersebut dilangsungkan, Tunku mula menentang UMNO (baru) dan memangnya terdapat banyak usaha-usaha dari berbagai pihak yang cuba menjadikan sumbangan-sumbangan Tunku selama hayatnya itu ibarat kata pepatah 'hilang panas setahun dek hujan sehari'.

Sungguhpun Perlembagaan pertama negara yang dipersetujui oleh Tunku itu mengandungi beberapa kelemahan dasar, namun kita juga mesti akur bahawa Perlembagaan tersebut memperkenalkan peruntukan-peruntukan baru yang tidak terkandung di dalam Perlembagaan Tanah Melayu sebelum merdeka. Antara fasal-fasal baru itu ialah peruntukan 'Yang DiPertuan Agung' sebagai Kepala Utama Negara, peruntukan Parlimen yang mengandungi Dewan Negara dan Dewan Rakyat, peruntukan mengenai kerakyatan, hak-hak istimewa orang-orang Melayu dan juga kedudukan agama Islam sebagai agama rasmi.

Kira-kira seminggu sebelum 'Hari Merdeka' wakil-wakil dari media asing sudah mula bertumpu ke Kuala Lumpur. Begitu juga dengan orang-orang kenamaan dari luar negeri. Di- samping mahu menyaksikan upacara kemerdekaan, mereka juga membayangkan akan terjadinya satu pergaduhan kaum di antara orang-orang Melayu yang kononnya sudah menjadi sombong dengan orang-orang Cina. Namun sangkaan mereka itu nyata meleset.

Pada malam 30 Ogos itu suasana di Padang Kelab Selangor itu menjadi hangat dengan ribuan ahli-ahli UMNO dan juga orang ramai yang menumpukan pandangan mereka ke arah sebuah jam besar yang terletak di tingkat atas Bangunan Sekretariat Persekutuan.

Beberapa minit sebelum menjelang tengah malam, Tunku tiba di perkarangan padang tersebut. Dan apabila jam besar itu berdenting menunjukkan tepat pukul dua belas malam, maka bendera merah-biru-putih Union Jack yang berkibar selama lebih dari satu abad itu di turunkan perlahan-lahan. Bendera itu kemudiannya dilipat dan diletakkan di dalam sebuah dulang. Dan dalam pada itu bendera berjalur merah putih dengan bulan sabit dan bintang dinaikkan.

Malam itu juga bukan sahaja merupakan 'malam kejayaan rakyat' malah juga merupakan 'malam kejayaan Tunku' secara peribadi. Sekiranya 170 tahun yang lampau datuk nenek Tunku telah membenarkan Francis Light mengibarkan bendera Union Jack di sebuah pulau kepunyaan negeri Kedah, malam itu Tunku muncul sebagai wira yang menurunkan kembali bendera tersebut untuk selama-lamanya.

Sebaik sahaja bendera Persekutuan Tanah Melayu itu berkibar di ruang angkasa, ribuan mereka yang menyaksikan detik bersejarah itu melaungkan dengan sekuat-kuat hati masing-masing tiga perkataan keramat yang sama bunyinya: Merdeka! Merdeka! Merdeka!

Itulah tiga perkataan yang menjadi matlamat Tunku selama ini. Dan itulah tiga perkataan yang menyebabkan Tunku dikenali di dalam sejarah tanahair sebagai 'Bapa Kemerdekaan'.



Bercakap dengan Lee Kwan Yew di Sidang Komanwel London 1966.




Menemui Dwight Eisenhower di Pejabat Oval, Whitehouse di dalam lawatan pertama Tunku ke Washington D.C.




Lawatan rasmi Tunku terakhir ke Jepun (Julai1970). Gambar di Tokyo Airport bersama Perdana Menteri Jepun, Eisaku Sato.



Pasukan bola sepak St. Catherine's. (Tunku duduk di paling kanan).



Kereta sport 'Riley' Tunku yang dibelinya di Earls Court Motor Show.



Tunku selaku Presiden AFC (Gabungan Bolasepak Asra, 1967).



Berkempen untuk Perikatan






Menyambut Hari Jadi pada tahun 1968.




Tunku menerima ijazah Kehormat Doktor Undang-Undang daripada Cansellor UKM pada tahun 1981.




Tunku sekeluarga. Dari kiri Mariam, Syarifah Rodziah, Tunku, Faridah dan Sulaiman.



RombonganTunku pulang dari London.



Tunku bersama-sama ayahndanya Sultan Abdul Hamid yang sedang gering, ibunya Makche Manjelara dan kedua-dua putera-puterinya Tunku Nerang dan Tunku Khatijah.



Syarifah Manjalara...cucu kesayangan Tunku.

Lima Belas

TUNKU DAN AZIZ ISHAK

...so many people of all races, creeds and colours look to me for leadership and guidance, and as such I must be fair, impartial and just in what I do and be accurate in what I say.

Surat Tunku kepada Aziz Ishak
20 April 1962

AZIZ ISHAK DALAM bukunya 'Tamu Istimewa' (tidak dinyatakan edisi percetakan dan tahun penerbitan) mendakwa beliau pertama kali menemui Tunku di Pulau Pinang dalam tahun 1936. Selepas dari pertemuan pertama itu beliau menjelaskan ia sekali lagi bertemu Tunku buat kali keduanya dalam tahun 1951. Menurut beliau di dalam pertemuan kedua ini, Tunku tidak berapa ingat lagi akan dirinya kerana maklumlah sudah lima belas tahun masa berlalu sejak pertemuan pertama yang singkat itu.

Bagaimanapun selepas pertemuan kedua itu, kita bolehlah membuat andaian bahawa persahabatan terjalin di antara Tunku dan Aziz Ishak. Hakikat ini diakui sendiri oleh Aziz di dalam buku tersebut:

Setelah menarik diri dari Independent of Malaya Party saya berazam akan tinggal tetap di luar parti-parti politik, jadi dengan yang demikian saya dapat menjalankan tugas saya

sebagai orang suratkabar tanpa menyebelahi mana-mana pihak. Pada masa yang sama pula saya juga menjadi anggota Lembaga Pengarang dan menyediakan tajuk rencana mengenai masalah-masalah Malaya. Beberapa kali saya telah bertemu dengan Tunku Abdul Rahman iaitu setelah saya berhenti dari Independent of Malaya Party dan kemudian arah perjalanan kami pun menuju ke satu jurusan dan apabila ia berada di Kuala Lumpur, sekurang-kurangnya sekali dalam seminggu untuk menghadiri persidangan Majlis Mesyuarat Kerja Federal, ia akan mencari saya untuk berbual-bual. Pada waktu itu Tunku tidak mempunyai banyak kawan di Kuala Lumpur yang dapat diajak berbicara tentang masaalah secara inteligen. Dia mendapati saya sebagai seorang pendengar yang baik. Persahabatan kami menjadi semakin akrab. Dan kira-kira pada waktu itu pula saya telah melakukan beberapa pekerjaan sebagai seorang perantaraannya dengan akhbar. Pada pertengahan tahun 1952 apabila ia membuat persidangan akhbarnya yang pertama kepada wartawan-wartawan luar negeri di Singapura, saya ada bersama-sama di sampingnya. Kemudian pada penghujung tahun itu ketika saya berada di hospital Kuala Lumpur kerana pembedahan usus (appendix) Tunku merupakan salah seorang yang kerap datang menjenguk saya.

Begitulah seterusnya. Dan selepas Perikatan memenangi pilihanraya umum Persekutuan dalam tahun 1955, Aziz Ishak terus melupakan hasratnya untuk bersara dari politik untuk menumpukan perhatiannya kepada lapangan persuratkhabaran. Sebaliknya, dalam tahun tersebut, Aziz bersara dari arena kewartawanan untuk bergiat dalam politik apabila Tunku melantiknya sebagai Menteri Pertanian. Dan dalam tahun tersebut, atas sebab-sebab yang hanya diketahui oleh diri beliau sendiri, Aziz telah menulis sebuah biografi yang bertajuk 'Riwayat Hidup Tengku Abdul Rahman' walaupun pada ketika itu Tunku bukan sahaja masih hidup bahkan baru sahaja memulakan karier beliau sebagai Ketua Menteri Persekutuan Tanah Melayu.

Begitupun, dalam tahun 1963 Aziz Ishak meletakkan jawatan dari kabinet Tunku disebabkan, menurut beliau, *"kerana terdapat perbedaan polisi.* Dua tahun kemudian, iaitu pada bulan Januari

1965, Aziz Ishak telah di tangkap kerana disyakki terlibat dalam pengambilan orang-orang tertentu untuk di latih di Indonesia. Penangkapan tersebut adalah seperti penangkapan yang dibuat di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri sekarang ini.

Nama Aziz Ishak adalah merupakan satu nama yang popular di dalam politik Persekutuan Tanah Melayu di zaman Tunku. Aziz Ishak pernah dianggap sebagai wira orang Melayu apabila beliau bertikam lidah dengan Gerald Templer.

Untuk beberapa ketika beliau telah berjuang bersama-sama Dato' Onn Jaafar di dalam Parti IMP. Bagaimanapun beliau telah melompat ke dalam UMNO beberapa tahun sebelum merdeka.

Di samping dilantik menjadi Menteri Pertanian selepas pilihanraya umum 1955, beliau juga dilantik oleh Tunku sebagai salah seorang dari tiga orang Naib Presiden UMNO. Melalui jawatan tersebut beliau telah membina imejnya sebagai seorang pejuang orang Melayu luar bandar.

Dalam bulan Oktober 1958 Aziz Ishak mengumumkan beberapa rancangan untuk membentuk syarikat-syarikat koperasi desa milik orang Melayu yang akan mengambil alih keseluruhan monopoli perniagaan beras. Walaupun terpaksa berdepan dengan berbagai halangan, namun beliau berjaya melaksanakan rancangan tersebut di negeri Selangor.

Sebagai Menteri Pertanian, Aziz Ishak juga membidas para peniaga ikan di Singapura kerana mengeksploitasikan nelayan-nelayan di Pantai Timur. Beliau juga mengharamkan penggunaan pancang ikan yang didakwanya boleh merosakkan jala. Ini menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan orang Cina yang pada amnya menggunakan pancang untuk menangkap ikan secara komersil. Aziz menjadi semakin popular dikalangan para nelayan apabila dalam satu ucapannya di Sungai Kembong beliau menjelaskan kepada para nelayan di situ bahawa mereka tidak seharusnya menerima pendapatan sebanyak $60.00 hingga $70.00 sebulan sedangkan mereka bekerja dengan begitu kuat untuk memberikan keuntungan kepada 'orang-tengah'.

Sikap 'ultra-Malay' yang ditunjukkan oleh Aziz Ishak bukan sahaja terbatas kepada bidang pertanian. Di satu ketika beliau pernah mencadangkan agar seluruh hotel di dalam negara ini menyediakan kuih. Cadangan beliau bukan sahaja mendapat

bantahan dari pengusaha-pengusaha hotel malah ditertawakan oleh sesetengah pihak sehingga beliau terpaksa membuat kenyataan di akhbar bahawa cadangan beliau itu telah disalahertikan. Namun, hari ini, walaupun seolah-olah sudah menjadi sebagai seorang tokoh yang dilupakan, Aziz Ishak boleh merasa bangga kerana kuih Melayu yang berbagai aneka dan jenis dihidangkan di setiap hotel bertaraf antarabangsa yang beropersi di dalam negara ini.

Adalah agak sukar bagi sesiapapun memahami apa yang ada di dalam fikiran Aziz Ishak ketika beliau memegang portfolio Pertanian. Kepada seseorang, beliau mungkin seorang idealis tetapi kepada seseorang yang lain apa yang cuba dilakukannya *sounds like a crazy idea.*

Di satu ketika Aziz pernah mengumumkan projek pembiakan 'ayam khidmat' (*wonder hens*) yang memiliki daging yang lembut dan berkeupayaan mengeluarkan sebanyak 150 biji telur setahun. Aziz Ishak bercadang membekalkan berjuta-juta telur ini ke kampung-kampung. Di samping itu beliau juga bercakap tentang benih baru padi yang mampu mengeluarkan hasil yang mencukupi untuk kegunaan negara dalam tahun 1965 kelak. Dan sepanjang memegang portfolio tersebut beliau sering bercakap tentang 30,000 koperasi yang akan diwujudkan di seluruh negara.

Aziz Ishak juga merupakan seorang yang cepat marah terutamanya bila ada pihak yang tidak menghormatinya sebagai seorang Menteri. Pernah di satu ketika beliau mendesak Tun Razak supaya menamatkan jawatan Pemangku Pensuruhjaya Kemajuan Koperasi kerana menurutnya pegawai tersebut telah mengkritik beliau. Selanjutnya Aziz Ishak menulis surat kepada Tun Razak mendesak agar wang peruntukan bagi pembangunan desa diletakkan secara langsung di bawah kawalan kementeriannya.

Walaupun Aziz merupakan seorang Naib Presiden UMNO, namun dari segi politiknya beliau mengambil sikap yang agak bebas dan berkecuali. Beliau jarang-jarang mahu mengambil kira kepentingan parti apabila mengambil sesuatu tindakan yang pada hematnya adalah merupakan tanggungjawabnya terhadap orang Melayu. Dalam tahun 1960 misalnya, Aziz Ishak telah menentang usul di Perhimpunan Agung UMNO untuk menjadikan jawa-

tankuasa eksekutif negeri kepada jawatankuasa perhubungan (UMNO) negeri. Usul yang bertujuan untuk mengukuhkan kedudukan UMNO di peringkat negeri itu dilihatnya sebagai satu tindakan yang akan mengurangkan pengaruh rakyat di dalam parti. Justeru itu, sebagai seorang Naib Presiden, Aziz Ishak enggan menyokong usul tersebut.

Dalam Perhimpunan Agung UMNO tahun yang berikutnya, sikap Aziz Ishak yang enggan bekerjasama dengan pucuk pimpinan menjadi semakin nyata. Di dalam Perhimpunan tersebut Aziz telah menunjukkan sikap anti-Tunkunya dengan lebih terbuka apabila beliau membentang usul mengenai satu dasar yang bertentangan dengan pendapat Tunku. Apabila tiba masanya para delegasi mengundi dan meluluskan usul mengucapkan terima kasih kepada Presiden atas ucapan dasarnya, Aziz bangkit dan mengemukakan usul untuk meminda usul tersebut supaya ia tidak termasuk kedudukan kerajaan berhubung dengan pembinaan kilang baja urea. Dalam membentang usul tersebut Aziz Ishak menyatakan kesalnya terhadap Tunku yang bertindak membelakangkan pendapat awam. Bagaimanapun, usul tersebut gagal mendapat sokongan yang secukupnya dari para perwakilan. Sebelum undian dijalankan Ghafar Baba mengingatkan para delegasi bahawa perbuatan seperti itu samalah seperti meluluskan undi tidak percaya terhadap Presiden.

Sebagai seorang Menteri Pertanian, Aziz Ishak terkenal kerana membuat keputusan-keputusan dan mengambil tindakan-tindakan menurut *his whims and fancies* tanpa terlebih dahulu merujuk kepada pihak berkuasa negeri ataupun rakannya di dalam UMNO. Dato' Syed Omar Shahbuddin yang menjadi Menteri Besar Kedah ketika itu pernah merayu kepada Tunku agar campurtangan dalam keputusan Aziz Ishak yang mengharamkan penggunaan pancang.

Sungguhpun langkah-langkah dan visi beliau meningkatkan ekonomi orang-orang Melayu adalah satu perkara yang baik, namun sebagai seorang perancang strategi beliau telah gagal. Beliau dilihat sebagai seorang tokoh yang bertindak dengan cara yang lebih cenderung kepada emosi tanpa mengambil kira akibatnya kepada orang lain. Dalam usaha merealisasikan idealisme beliau, Aziz Ishak sering menggunakan kuasa yang ada di

tangannya sebagai seorangMenteri sehingga terkeluar daripada batas-batas yang telah ditetapkan oleh Perlembagaan. Ini terbukti apabila beliau membatalkan sebanyak 350 lesen milik orang tengah dari keturunan Cina dalam usaha melihat ideanya tentang koperasi kilang padi di Perak menjadi kenyataan. Dan tindakan inilah yang menyebabkan Dr. Lim Swee Aun, seorang anggota kabinet dari MCA memulakan kempen bagi menyingkirkan Aziz Ishak dari jawatannya.

Bagaimanapun sebelum konflik yang lebih hebat berlaku di antara MCA dengan Aziz Ishak, Tunku dan Tun Razak, yang ketika itu merupakan Timbalan Perdana Menteri bersedia melayan kelakuan Aziz Ishak dan menunjukkan sikap yang memaafkan. Tun Razak yang juga Menteri Pembangunan Desa sanggup mengambil tindakan terhadap pegawai-pegawainya, walaupun tindakan tersebut tidak berapa disukai oleh Tunku sendiri. Begitupun Tunku menerima tindakan Tun Razak itu kerana tidak inginkan sebarang perpecahan atau konflik berlaku di antara dirinya dengan Aziz Ishak. Bahkan apabila keadaan membenarkan Tunku menyerahkan portfolio Koperasi kepada Menteri Pertanian. Pernah di satu ketika dalam bulan Januari 1962, Tunku menerima pelawaan Aziz Ishak bagi merasmikan satu persidangan FAO yang berlangsung di Kuala Lumpur walaupun isi kandungan surat jemputan itu agak tidak sesuai untuk seorang Perdana Menteri. Dalam surat tersebut, Aziz Ishak antara lain menyebut:

> *This is only a meeting of technical people and is not really of high importance. As a result of this I had not consedered it to be of sufficient level for the official opening to be done by you. But in view of the recent development it will indeed be a good thing if you would agree to do so.*

Dalam menerima undangan tersebut Tunku telah menulis satu nota di bawah surat tersebut yang berbunyi:

Just to show that everything is ok between us I am happy to accept - Give me a few talking points.

Walaupun adanya usaha-usaha dari Tunku dan para pemimpin

UMNO untuk membetulkan kekeliruan yang dicetuskan oleh Aziz Ishak termasuk usaha-usaha merapatkan perhubungan mereka dengan beliau, namun Aziz Ishak tidak menghiraukannya. Kemuncak krisis di antara Tunku dan Aziz Ishak bermula apabila Tunku menerima kenyataan dari Aziz yang ketika itu sedang menghadiri satu Persidangan Afro-Asian di Kaherah. Dalam kenyataan melalui sepucuk surat bertarikh 20 Mac 1962 berhubung dengan kilang baja urea itu, Aziz menjelaskan rancangannya kepada Tunku:

> *in view of your past feelings on the project... it would seem invidious to ask for a Government guarantee... I will do my best in this matter but if I am stuck, the course I have in mind, as a last resort, is to open the selling of the shares to the Cooperative Movement as a whole, whether Malay or non Malay...*
>
> *Things are coming to a head and I would not wish you to be unaware of developments that will take place in this connection. This project has evoked the interest of the 'rakyat' and whatever happens connected with it is likely to have repercussions on a national basis particularly amongst the Malays in our country.*

Sebaik sahaja kembali ke Kuala Lumpur Aziz Ishak dimasukkan ke hospital dan pada petang itu juga kontrak bagi kilang baja itu pun di tandatangani. Dalam satu kenyataan yang disiarkan oleh akhbar 'Malay Mail' edisi 21 April 1962, Aziz menjelaskan serta memberi jaminan bahawa projek tersebut telahpun mendapat restu dari Tunku. Bagaimanapun, pada hari berikutnya Tunku mengeluarkan satu kenyataan menafikan bahawa beliau telah merestui projek tersebut. Kenyataan tersebut juga disusuli dengan sepucuk surat kepada Aziz Ishak. Dan buat pertama kalinya Tunku menyatakan rasa kesalnya terhadap Aziz Ishak.

Antara lain surat Tunku kepada Aziz Ishak bertarikh 20 April 1962 itu berbunyi:

> *This is one of the weakness I detected in you. You are your own worst enemy, and this is quite clear to me.*

We work as a body of men dedicated to the nation and on the principle of collective responsibility. Therefore when you say or plan anything, it is absolutely necessary to take counsel of your colleagues, and if you accept me as your leader it is only correct and proper for you to consult me, but unfortunately you do everything first and whenever you find it necessary you tell me about it. This is not good enough if we accept the fact that it is our responsibility as a united body of men to serve the Party and the nation...

Tidak cukup dengan kontroversi berbangkit dari projek baja Urea, Aziz Ishak menimbulkan pula masalah baru kepada Tunku. Kali ini ialah cita-cita beliau mahu memonopolikan perniagaan beras kepada Koperasi. Walaupun cita-cita ini agak baik, namun perlaksaannya yang tanpa sebarang perancangan dan strategi ini agak terburu-buru dan boleh menggugat kestabilan antara kaum. Dengan idea yang melibatkan sensitiviti antara kaum ini Tunku terpaksa menghadapi desakan-desakan supayaAziz Ishak disingkirkan dari jawatan Menteri Pertanian dan juga Koperasinya. Namun begitu, Tunku agak keberatan untuk mengambil tindakan yang drastik terhadap Aziz Ishak. Dalam satu pengumuman rombakan kabinet yang dibuatnya pada 15 Julai tahun tersebut Tunku memberikan portfolio Kesihatan kepada Aziz.

Sebagaimana yang dijangkakan Aziz menolak perlantikan baru itu. Beliau mengutus sepucuk telegram kepada Tunku yang ketika itu berada di London supaya ditangguhkan penukaran beliau dari Kementerian Pertanian ke Kementerian Kesihatan. Namun, sebelum mendapat jawapan yang selanjutnya dari Tunku, Aziz sudahpun megadakan persidangan akhbar dan membuat kenyataan menolak tawaran Tunku. Di samping itu Aziz Ishak juga merancang untuk menyeret penanam padi dalam memperjuangkan tuntutannya. Ketika berucap di Sekolah Melayu Jalan Kampong Matant, Port Weld, Aziz berjaya mempengaruhi kira-kira 350 orang penanam padi supaya meluluskan satu resolusi membantah penukarannya. Sementara itu kira 200,000 orang ahli-ahli koperasi berhasrat untuk mengutus sepucuk surat kepada Tunku dan menyatakan penyesalan mereka terhadap pertukaran tersebut.

Mendengar semua ini di London, akhirnya Tunku terpaksa mengambil keputusan bahawa cukuplah setakat itu dia melayan Aziz Ishak. Dalam suratnya kepada Aziz bertarikh 24 Julai, Tunku menulis:

> *It came as no surprise to me your statement at the Press Conference given soon after your telegram to me asking for the deferment of your transfer to the Ministry of Health, because you have always been inclined to say one thing to me and another to the public...*
>
> *Throughout your career as a Minister of the Alliance Government, you appear to treat the Party as a convenient tool for your own ends, and your colleagues as your excuse. Your attitude all along has been that you are doing everything for the people, and if you will look again at what you said you will realize its full implications. It has now got to stop. I shall have enough on my hands without having to worry about your antics.*
>
> *Throughout your term of office as the Minister of Agriculture, you have done many things without consulting your colleagues, most of whom including myself, are in the dark as to what goes on in your Ministry. Recently millions of dollars of public funds which had been allocated for cooperative development, according to the Treasury memorandum which is now under the study by a Government Committee headed by Dato Ahmad Perang, have been spent to no useful purpose. Further a sum of nearly one million dollars allocated for one purpose has been misappropriated for another. This is a very serious matter because it involves public funds. You may think that when money is voted for cooperative development, it is for you to do what you like with it. But it is the Government, headed by me, which has to account for it.*
>
> *Another instance is your urea project. This was never brought up to the Cabinet because you felt that you might not get the support of the Cabinet, and from the moment you conceived the idea of launching that project you have used it as an issue to*

create suspicion in the minds of the people against the Government and your colleagues. I had to come out openly in opposition to the project and have staked my personal reputation in doing so. I was not afraid to do so because I believe that the project would be a flop and the money invested by the small people would be lost...

Truly I have been disappointed in you and unless your are able to change your ways I cannot see how you can make any useful contribution towards the wellbeing of the Party, the Cabinet and the nation. If you feel you cannot work with the members of the Cabinet and cannot give your loyalty to me, then I say there is no point in your being there. It is up to you now to make up your mind whether you will accept the new Ministry. If you feel you cannot, then I have no choice but to accept your resignation. That is all I have to say and it for you to decide.

Aziz Ishak mengambil keputusan untuk tidak meneruskan penglibatannya di dalam kabinet Tunku dan enggan menerima jawatan Menteri Kesihatan. Dengan itu beliau diberikan cuti selama sebulan dan peluang untuk mamangku jawatan Menteri sehingga berakhirnya persidangan FAO pada bulan September.

Kira-kira sebulan sebelum itu iaitu pada bulan Ogos Aziz Ishak telah gagal mempertahankan jawatannya sebagai Naib Presiden UMNO dalam Perhimpunan Agung yang diadakan dalam bulan tersebut. Bagaimanapun beliau terus dipilih sebagai anggota Majlis Kerja Tertinggi dengan mendapat 156 jumlah undi yang mana merupakan kedua terendah di dalam pemilihan itu.

Dengan keputusan para perwakilan UMNO itu dan keputusan Aziz sendiri yang mahu berundur dari kabinet maka berakhirlah kontroversi selama ini yang berlaku di antara Tunku dan Aziz. Kemuncak dari jalur-jalur peristiwa ini ialah penyingkiran Aziz Ishak dari UMNO. Walaupun penyingkiran tersebut menimbulkan kontroversi baru namun ia segera reda. Sebagai usaha memperjuangkan idealismenya, Aziz cuba menubuhkan sebuah parti politik, namun gagal untuk dipilih.

Kira-kira dua tahun kemudian ditengah-tengah pembentukan konfrontasi Malaysia/Indonesia, nama Aziz Ishak kembali menjadi perbualan orang ramai apabila ia ditangkap di bawah kuasa

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri yang ketika itu disandang oleh Tunku. Aziz telah dikatakan terlibat dalam satu usaha menghantar orang-orang untuk berlatih di Indonesia dan untuk merampas kuasa politik dari Tunku. Bagaimanapun Aziz menafikan tuduhan tersebut sepanjang penahanan beliau sehinggalah dia di bebaskan.

Apa yang berlaku di antara Aziz Ishak dan Tunku sesungguhnya adalah sesuatu yang menarik. Adalah sukar bagi sesiapa pun menentukan apakah perhubungan di antara Tunku dengan Aziz yang sebenarnya sama ada sebelum berlakunya semua peristiwa-peristiwa yang berlaku di antara mereka berdua di atas sifat jawatan rasmi masing-masing ataupun di atas sifat peribadi. Apa yang pasti, apa pun yang berlaku adalah perjalanan taqdir. Dalam bukunya 'Tamu Istimewa' Aziz menulis:

Dalam tahun 1971, lima tahun sesudah saya dibebaskan, saya membawa Tunku berjalan dari rumahnya di Jalan Air Rajah Pulau Pinang ke Batu Maung untuk menunjukkan rumah saya sebagai bakal seorang pembeli. Saya sungguh-sungguh keputusan wang. Dia datang melihat rumah itu dan cukup tertarik.
Dia memberitahu saya, dia akan membelinya sebagai rumah istiherat di hujung minggu sesudah tamat perkhidmatannya sebagai Setiausaha Agung Sekretariat Islam. Apabila masa itu tiba kira-kira empat tahun kemudian, dia secara berseloroh membayangkan akan membeli rumah saya, tetapi pada masa itu kedudukan kewangan saya sudah baik, jadi sambil ketawa saya berkata, "Sekarang saya tidak mahu menjualnya lagi!" Rumah batu Maung itu masih menjadi milik saya lagi.

Adalah salah satu kebetulan yang aneh dalam hidup saya... bekas rumah rasmi saya yang terletak di No. 1 Jalan Kenny, Kuala Lumpur waktu saya menjadi salah seorang Menterinya, sekarang menjadi rumah kediaman rasmi Tunku di Ibu Kota.

Enam Belas

1957 - 1963

I am politician myself and like to see things done quickly, but even I as the leader of the Government have to be patient while the government machines moves on like the tickling of the clock.

Tunku (10 September 1960)

APABIL AZIZ ISHAK mengambil keputusan untuk menarik diri dari kabinet Tunku beliau telah mengirim sepucuk surat sebagai membalas surat Tunku kepadanya yang bertarikh 24 Julai 1962. Surat Aziz Ishak yang bertarikh 8 Ogos itu antara lain menyebut:

I only wish that what I have to say will make you realise what you are doing and where you are leading our country. I hope you do so before it's too late. You lately asked me to pray to God so that my spirit would change and that I would be amenable to dicipline. Taking your advice I have prayed to God and I pray regularly but I am afraid it has not affected me in the way you wanted. On the contrary I have become more convinced that you're leading the country astray.

The people want something concrete and tangible as fruits of the support they had given in achieving Merdeka, such as the extra income they can get from cooperative padimarketing. They want full shares of the profits of their toil and labours in the processing and marketing of their produce and in the export and import of

consumer goods which you propose to allow others to have control of but not the Malays in the kampongs. Under existing conditions a few perhaps would enrich themselves and a few leaders would benefit in the way of holding posts in several Boards of Directors of Joint Stock Companies accumulating directors' fees and profits at the expense of the rural people.

Sungguhpun kata-kata Aziz Ishak ini dibuatnya dalam keadaan ketika ia akan disingkirkan dari jawatan Menteri Pertanian yang dipegangnya sejak tahun 1955 dan seterusnya disingkirkan dari Kabinet sekiranya dia enggan menerima portfolio lain, namun dalam hal-hal tertentu, ada juga pendapat umum yang menganggap kata-kata tersebut sebagai ada juga kebenarannya.Menurut mereka yang bersimpati ke atas perjuangan Aziz Ishak kata-kata tersebut seolah-olah menggulung prestasi Tunku sebagai Perdana Menteri untuk lima tahun pertama selepas merdeka.

Walaupun demikian pendapat umum pada keseluruhannya, terutamanya dari kalangan orang Melayu sendiri adalah amat berbeza-beza.Justeru itu tidak hairanlah sekiranya ada golongan-golongan rakyat bahkan dari kalangan anggota-anggota UMNO sendiri yang mengukur sejauh mana prestasi dan kemampuan Tunku itu dari dua perspektif yang berasingan. Sementara ada yang kagum dengan ketokohan Tunku dalam memperjuangkan kemerdekaan, tidak kurang juga yang mempersoalkan kepimpinan Tunku sebagai seorang arkitek pembangunan. Dan sementara ada yang melihat Tunku sebagai berjaya menjadi seorang tokoh pejuang kemerdekaan yang unggul, ada juga yang menganggap bahawa Tunku telah memperlihatkan kelemahannya dalam melaksanakan pembangunan fizikal yang selanjutnya bagi menjadikan kemerdekaan itu lebih bererti.

Dalam menanggapi hal ini mereka berpendapat bahawa sejak merdeka hinggalah selepas berlakunya peristiwa 13 Mei, Persekutuan Tanah Melayu yang diterajui oleh Tunku tidak memperlihatkan sebarang perubahan dalam konteks pembangunan khususnya pembangunan orang Melayu. Dalam lain perkataan kehidupan masyarakat Melayu tetap berada ditakok lama.Bagi golongan ini, Tunku seolah-olah gagal untuk membawa apa-apa perubahan penting bagi meletakkan keadaan hidup dan ekonomi

orang Melayu berbeza dari apa yang dialami oleh mereka ketika di bawah pemerintahan British. Malah, ada juga yang merasakan bahawa sekiranya usaha-usaha yang dijalankan oleh Aziz Ishak itu dijadikan sebagai asas perbincangan, maka jelas kelihatan bahawa Tunku sebaliknya menentang arus pembangunan yang cuba di bawa oleh Aziz Ishak.

Kalaupun ada usaha-usaha yang cuba dijalankan oleh Tunku, usaha ini adalah terlalu perlahan dan tersekat-sekat. Kemerdekaan yang sepatutnya dijadikan sebagai *catalyst* itu tidak menampakkan sebarang hasil yang ketara.

Sungguhpun pendapat tersebut tidak dihuraikan secara terperinci oleh orang Melayu di zaman tersebut, namun generasi intelek Melayu yang lahir selepas 13 Mei mula bercakap tentang kelewatan perlaksanaan program pembangunan itu. Mereka melihat bahwa selepas beberapa tahun negara mencapai kemerdekaan, kerajaan pimpinan Tunku masih belum mempunyai sebarang *blueprint* yang khusus mengenai perkara tersebut. Generasi cendikiawan Melayu menganggap bahawa sebahagian besar kontrak yang diikat melalui Perlembagaan itu adalah tidak lebih daripada hasil intuisi yang memberikan definisi matlamat-matlamat politik dan menetapkan batas-batas untuk menghalalkan cara. Pada hemat mereka, Perlembagaan Tanah Melayu memberikan terlalu sedikit panduan mengenai strategi jangka-panjang ataupun taktik politik yang selanjutnya. Tidak kurang pentingnya, orang Melayu terpaksa mencari jalan mereka sendiri untuk maju dalam bidang ekonomi sedangkan mereka tidak mempunyai asas, modal, kepakaran, tanah, bantuan kewangan dan sebagainya. Soalan bagaimanakah orang Melayu dapat berkecimpong dengan aftif dalam bidang ekonomisering terdengar di mana-mana.

Begitupun,Tunku dan para pemimpin Perikatan yang lain yakin mereka dapat mencari jawapannya. Menerusi proses tawar menawar di antara Tunku dengan beberapa orang pemimpin dari MCA dan MIC , formula-formula serta dasar-dasar yang perlu memang kelihatan seperti akan digubal. Tunku dan pemimpin-pemimpin Perikatan yang lain yakin bahawa pendekatan di peringkat pucuk pimpinan dan parti yang mereka lakukan selama ini telah membuahkan hasil. Dengan yang demikian kontrak-kontrak yang termaktub di dalam Perlembagaan dilaksanakan

tanpa sebarang masalah.

Namun begitu, apa yang pasti sehingga tahun 1959, iaitu selepas kira-kira dua tahun mencapai kemerdekaan, Tanah Melayu dan orang Melayu masih lagi dalam keadaan yang terkapar-kapar. Sementara itu masyarakat Cina, khususnya golongan peniaga, tak kira sama ada peniaga kecil, pengusaha warong-warong tepi jalan mahupun mereka yang bergiat dalam bidang korporat terus maju.

Walaupun keperluan untuk memajukan ekonomi masyarakat Melayu adalah sesuatu yang sepatutnya di beri keutamaan, namun Tunku dilihat sebagai tidak pula cuba melakukan demikian. Tunku dianggap bukan sahaja tidak merencanakan satu program jangkapanjang, malah Tunku gagal untuk mewujudkan sebarang *crash program* untuk sekurang-kurangnya memperbaiki keadaan tersebut setidak-tidaknya secara *marginal*.

Sementara kegagalan Tunku ini ditenggelamkan oleh jasa-jasanya yang memperjuangkan kemerdekaan, namun terdapat juga segelintir orang-orang Melayu yang mula menanamkan keraguan terhadap persetujuan dan kompromi yang telah dicapai di antara Tunku dengan pemimpin-pemimpin MCA.

Keadaan permasalahan ekonomi dan kemiskinan orang Melayu memang jelas apabila kita meneliti perangkaan-perangkaan mengenai pelbagai aspek penglibatan orang Melayu dalam bidang ekonomi. Misalnya, menurut buku *Nationality of Ownership and Nature of Constitution of Rubber Estates in Malaya* yang disusun oleh D.H. Grist dan Harrison Lewis, nisbah pemilikan tanah-tanah yang ditanam dengan getah sehingga tahun 1931 mencerminkan keadaan adanya ciri-ciri ketidaksamaan dalam agihan ekonomi negara.

Rupert Emerson, seorang profesor di University Harvard dalam karya klasiknya, 'Malaysia, Satu Pengkajian Pemerintahan Secara Langsung dan Tidak Langsung' pernah mengupas perangkaan yang diberikan oleh Grist dan Lewis itu seperti berikut:

> *Setakat yang ada kena-mengena dengan pemilikan getah di kalangan bangsa, sifat yang lazim terdapat dalam perusahaan getah Tanah Melayu itu ialah ladang-ladang getah yang luas sekali adalah dimiliki oleh orang Eropah, sementara ladang-*

ladang yang sederhana luasnya dimiliki oleh orang China dan yang paling kecil dipunyai oleh orang Melayu...

Kebun-kebun kecil yang orang Melayu miliki ialah seluas 695,000 ekar atau 55% daripada keseluruhan kebun kecil yang ada dan ini terbahagi kepada tidak kurang daripada 165,000 ekar hak milik yang berasingan.

Huraian Emerson jelas menunjukkan betapa kritisnya keadaan ekonomi orang Melayu walaupun hanya dilihat dari satu aspek sahaja. Dan keadaan ini tidak menampakkan sebarang perubahan atau adanya rancangan untuk melakukan perubahan dalam masa lima tahun negara mencapai kemerdekaan.

Dengan adanya keadaan yang sedia wujud itu, Tunku seolah-olah dilihat sebagai tidak peka dengan keadaan tersebutnya. Sebaliknya Tunku seolah-olah membiarkan keadaan ini berterusan dan akur kepada alasan bahawa kemiskinan orang Melayu adalah disebabkan sifat mereka yang malas untuk berusaha. Dalam lain perkataan Tunku seolah-olah mempersetujui pendapat kuno yang diutarakan oleh George Leith dalam tulisannya 'A Short Account of the Settlement, Produce and Commerce of Prince of Wales Island' di mana beliau telah menerangkan bahawa orang Cina sebagai satu daripada kelas penduduk yang paling ramai lagi berguna. Orang Melayu pula menurut Leith adalah *"...orang yang malas, dengki-mendengki serta khianat mengkhinati."*

Begitupun, Tunku akhirnya hidup untuk melihat bahawa bangsa Melayu yang ditohmah dengan berbagai-bagai sikap negatif itu terbukti satu bangsa yang dinamik dan berkemampuan sebagaimana yang dibuktikan oleh Tun Razak, Tun Hussein dan juga Dr. Mahathir.

Dalam pada itu mereka yang menaruh syak wasangka terhadap kepimpinan Tunku terutamanya dari kalangan parti-parti pembangkang melihat sikap Tunku yang suka berkompromi dengan kepentingan orang-orang Cina walaupun dalam banyak hal dan perkara-perkara yang dipersetujui oleh Tunku itu sebagai menjejaskan kepentingan orang Melayu sendiri. Ada juga yang berpendapat bahawa Tunku sengaja mewujudkan satu keadaan yang cukup digemari oleh orang Cina terutamanya masyarakat

peniaga. Sekiranya menerusi dasar jus solli yang menjadi perdebatan sebelum merdeka, mereka telah diberikan status yang mereka diidam-idamkan, maka kemerdekaan dan kerajaan pusat yang dipimpin oleh Tunku seolah-olah merupakan rahmat yang lebih lagi bagi orang Cina jika dibandingkan dengan orang Melayu.

Dalam lain perkataan, sama ada Tanah Melayu yang menjadi *economic heaven* atau syurga ekonomi kepada bangsa-bangsa asing, merdeka atau terus dijajah oleh Inggeris tidak akan membawa sebarang perbezaan. Justeru itu golongan ini mendakwa bahawa kehadiran British selama-lamanya di Tanah Melayu akan lebih memberikan manfaat serta memberikan jaminan ke atas kedudukan ekonomi yang dinikmati itu akan terpelihara untuk selama-lamanya.

Pendapat ini mungkin juga berpunca dari catatan yang terkandung dalam *Correpondence of The Federation of the Protected Malay States, May 1983 - Disember, 1985* yang berbunyi:

> *Sesungguhnya seorang daripada pemimpin Cina di Larut berkata: "Apabila bendera British kelihatan di Perak, tiap-tiap orang Cina akan melutut dan mengucap syukur kepada Tuhan."*

Selepas 31 Ogos 1957 bendera British tidak lagi berkibar sama ada di Perak mahupun di mana-mana negeri di dalam Persekutuan Tanah Melayu. Namun kita tidak dapat menafikan bahawa orang Cina tetap merasa bersyukur kerana mereka sedar bahawa adanya anggota Cina dari MCA yang mendapat sokongan undi dari orang Melayu di dalam Majlis Perundangan Persekutuan masih merupakan penjaga-penjaga yang akan memastikan kedudukan serta kepentingan mereka sentiasa akan terpelihara.

Jika kita meninjau dari satu aspek tertentu, Majlis Perundangan Persekutuan (Federal Legislative Council) itu memanglah tidak banyak bezanya dengan Majlis Mesyuarat Persekutuan yang dibentuk oleh British dalam tahun 1909. Ini kerana dalam satu pembukaan persidangan Majlis Mesyuarat Persekutuan itu, ahli dari golongan Cina yang bernama Eu Tong Sen pernah berkata:

> *Bagi pihak masyarakat Cina, saya ingin mengucapkan terima*

kasih kepada Kerajaan yang telah mewujudkan Majlis Mesyuarat Persekutuan yang akan membantu usaha membangun Negeri Melayu Bersekutu dan akan memberi rahmat kepada masyarakat Cina.

Sungguhpun rungutan orang Melayu tidak pernah disuarakan melalui saluran formal seperti dalam bentuk forum dan sebagainya, namun ini tidaklah bermakna bahawa masalah itu diluar pengetahuan Tunku. Tunku sememangnya menaruh keyakinan bahawa keadaan agihan ekonomi yang tidak betul itu dapat diatasi. Walau bagaimanapun ini tentulah memerlukan masa kerana keadaan orang Melayu terutamanya masyarakat luar bandar sebelum merdeka sudah lama berada dalam keadaan yang kronik. Hal ini dijelaskan oleh Tunku di dalam 'Persidangan Perhimpunan Agung UMNO, di Rumah UMNO, Kuala Lumpur pada 16 April 1960. Teks ucapan Tunku itu saya petik seperti berikut:

Rancangan kita yang besar sekarang ini ialah berkenaan dengan kemajuan negeri kita ini, dan rancangan itu terbahagi kepada dua bahagian yang besar.

Bahagian yang pertama ialah kemajuan dalam bandar. Kemajuan dalam bandar ini tidak payahlah kerajaan ambil begitu berat, cuma merancangkan perkara-perkara yang mustahak untuk mereka duduk dalam keadaan yang sihat dan senang lenang, iaitu seperti mengadakan kerja untuk mereka boleh hidup dengan berpatutan, membuat rumah-rumah untuk orang miskin, menambah dan memperbesarkan jalan-jalan raya dan sebagainya. Selain dari itu orang-orang dalam bandar ialah orang-orang kaya dan saudagar-saudagar yang mempunyai gedung yang besar-besar dan tidaklah payah kerajaan tolong dengan wang ringgit. Apa yang kita takutkan ialah kemajuan yang begitu cepat yang berlaku dalam bandar, yang terjadi dengan sendiri dan dengan pertolongan sedikit-sedikit dari kerajaan akan meninggalkan jauh orang-orang yang hidup di luar bandar.

Oleh sebab itulah dasar-dasar Kerajaan Persekutuan yang termasuk dalam bahagian yang kedua, ialah menguntukkan

segala wang ringgit dan tenaganya membaiki kehidupan orang-orang kampung...

Di dalam rancangan kemajuan kampung ini termasuklah perkara berkenaan dengan membaikkan perusahaan dan tanaman untuk meninggikan iktisad orang kampung mengadakan jalan-jalan raya, perbekalan air, lampu, kesihatan, pelajaran dan lain-lain lagi...

Tunku menyebutkan adanya ura-ura memperbaiki keadaan hidup orang kampung tanpa membuat rujukan kepada sebarang keturunan. Bagaimanapun kita juga terpaksa akur bahawa jentera kerajaan yang baru dibentuk itu masih lagi condong kepada British dan keberkesanannya masih lagi di tahap yang rendah.

Justeru itu, tentulah sukar bagi Tunku melaksana dan menyelesaikan masalah dalam masa yang singkat. Tambahan pula keadaan kemelesetan orang Melayu itu adalah akibat penjajahan yang memakan masa ratusan tahun.

Sungguhpun dalam masa lima tahun pertama negara mencapai kemerdekaan itu, Tunku menunjukkan bahawa beliau telah membawa sebarang perubahan ekonomi yang ketara khususnya kepada orang Melayu, namun sokongan yang diberikan terhadap beliau masih tidak terjejas. Ini terbukti dalam pilihanraya umum tahun 1959.

Dalam pilihanraya umum pertama selepas merdeka itu, sungguhpun Tunku mendapat tentangan yang hebat dari tokoh-tokoh parti lain seperti Dr. Burhanuddin Al-Helmy dari Pan Islamic Malayan Party (PAS), namun beliau tetap merupakan tokoh yang popular.

Perlu dinyatakan bahawa, dari segi politik, isu-isu yang dibawa oleh Dr. Burhanuddin bukanlah isu-isu yang mudah ditangkis oleh UMNO. Antara isu-isu yang dibawa oleh beliau termasuklah memperketatkan undang-undang kerakyatan terhadap bukan-Melayu dan mengkaji semula undang-undang berkaitan dengan imigresen yang melibatkan kemasukan orang bukan Melayu ke negara ini dan menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dan bahasa tunggal yang mesti digunakan dalam semua urusan dengan serta merta.

Begitupun, sebagaimana yang disebutkan itu, disebabkan Tanah Melayu baru sahaja dua tahun mencapai kemerdekaan, maka apa jua isu yang cuba ditimbulkan oleh parti-parti lawan tenggelam bagitu sahaja kerana orang Melayu tetap menaruh harapan kepada Tunku. Lagipun, bagi kebanyakan mereka, Tunku tetap merupakan 'Bapa Kemerdekaan.'

Pilihanraya umum Parlimen dan Negeri tahun 1959 adalah merupakan pilihanraya pertama diadakan di Persekutuan Tanah Melayu selepas merdeka. Sejumlah 104 kerusi Parlimen dan 282 kerusi Negeri telah dipertandingkan.

Kerusi Parlimen yang berjumlah 104 kerusi itu telah menjadi rebutan 259 calun yang mana 29 darinya adalah merupakan calun bebas. Sementara 282 kerusi negeri pula dipertandingkan oleh 806 calun yang terdiri dari seramai 76 orang calun bebas. Dan sebahagian besar dari calun bebas ini pula adalah terdiri dari mereka yang berketurunan Cina.

Selain dari PAS yang dipimpin oleh Dr. Burhanuddin Helmy, Parti Negara yang dipimpin oleh Dato' Onn Jaafar juga turut mengambil bahagian dalam pilihanraya umum ini. Isu yang ditimbul oleh Parti Negara adalah lebih kurang sama dengan isu yang dikemukan oleh PAS - iaitu memperjuangkan kepentingan dan hak-hak orang Melayu.

Selain dari itu terdapat juga Parti Malaya (*Malayan Party*), Semangat Pemuda Melayu, Parti Buruh Province Wellesly (*Province Wellesly Labour Party* dan *People Progressive Party* (PPP). Begitupun hanya PPP sahaja yang mampu mempertahankan penglibatannya dalam beberapa pilihanraya umum yang selanjutnya. Parti PPP ini telah diasaskan oleh dua orang bersaudara S.P. Seenivasagam dan D. R. Senivasam. Mereka berketurunan Tamil-Ceylon. Parti yang lahir sebagai cabang dari Parti Buruh ini pada asalnya bertujuan mengukuhkan kesatuan di kalangan para pekerja. Bagaimanapun setelah kekalahan teruk yang mereka alami dalam pilihanraya tahun itu, matlamat mereka bukan sahaja tertumpu pula kepada para pekerja di bandar malah bertukar pula menjadi sebuah parti yang bersifat perkauman. Justeru itu antara manifesto PPP bagi pilihanraya umum tahun 1959 itu termasuklah: penerimaan bahasa Tamil dan bahasa Cina sebagai bahasa rasmi dengan bahasa Melayu diiktiraf sebagai bahasa kebangsaan;

undang-undang kerakyatan yang memberikan taraf yang sama kepada semua keturunan berdasarkan perlaksanaan sepenuhnya terhadap jus solli; hak dan keistimewaan yang samarata dan tanpa apa-apa perbezaan untuk semua kaum dan keturunan; dan pindaan-pindaan terhadap undang-undang imigresen dan pelajaran agar setiap kaum dan keturunan memperolehi hak yang sama.

Sementara itu Parti Sosialis yang dipimpin oleh Ahmad Boestaman buat julung-julung kalinya menyertai pilihanraya umum ini. Parti Sosialis dalam manifestonya menuduh Perikatan kerana memberikan terlalu banyak keistemewaan kepada orang Melayu.

Dalam kempen-kempennya pula Tunku menerusi UMNO dan Perikatan telah membidas PAS sebagai sebuah parti yang fanatik. Sementara itu Parti Sosialis pula diangaap oleh Tunku sebagai sebuah pertubuhan yang diinspirasikan oleh fahaman-fahaman komunis. Tunku juga turut membidas PPP dengan mengatakan bahawa parti tersebut sebagai sebuah parti yang idealistik dan terlalu menekankan cauvinisme kaum Cina.

Tunku menawarkan satu formula yang didakwanya terbukti akan mencapai matlamat yang diidam-idamkan. Beberapa tahun sebelum itu rakyat inginkan kemerdekaan dan beliau bersama Perikatan telah membawa negara ini mencapai hasrat tersebut. Kini rakyat mahukan kemajuan ekonomi dan Tunku serta pemimpin-pemimpin dalam UMNO dan Perikatan berjanji akan menunaikan kemahuan rakyat itu.

Pada hari pembuangan undi, sejumlah 73.3 peratus daripada jumlah mereka yang layak untuk mengundi telah keluar untuk membuat pilihan masing. Dan apabila keputusan pilihanraya itu diumumkan, Perikatan telah memenangi 74 kerusi daripada 104 kerusi Parlimen yang dipertandingkan serta berjaya menubuhkan kerajaan di sembilan buah negeri daripada sejumlah 11 buah negeri. PAS pula berjaya memenangi 14 kerusi Parlimen dan seterusnya menubuhkan kerajaan negeri di Kelantan dan Terengganu.

Dengan kemenangan itu Tunku sekali lagi diberikan mandat untuk menerajui kerajaan. Sebagai Perdana Menteri pertama, Tunku bukan sahaja terpaksa menyelesaikan masalah ekonomi dengan jentera pentadbiran yang masih belum stabil malah

terpaksa juga menyelesaikan masalah-masalah politik yang menurut visinya akan menggugat kestabilan negara di masa-masa akan datang. Dan salah satu usaha yang dilakukannya itu ialah pembentukan Malaysia.

Tujuh Belas

PENUBUHAN MALAYSIA

Let us make it work and build for ourselves and our descendants a 'shangrila whereby we can all live in peace, happiness and prosperity.

Ucapan Sidang Majlis
PerundanganPersekutuan

PADA 27 MEI, ketika berucap dalam satu majlis meraikan *Foreign Correspondents' Association of Southeast Asia* di Singapura, Tunku dengan secara terbuka membuat pengakuan bahawa Persekutuan Tanah Melayu tidak mampu untuk wujud secara bersendirian. Tunku seterusnya mencadangkan agar Tanah Melayu, Singapura, Borneo Utara (Sabah), Brunei dan Sarawak disatukan dalam satu gagasan politik yang dinamakan Malaysia.

Tunku merasakan idea ini perlu dilaksanakan kerana hanya inilah sahaja menurut beliau cara yang paling berkesan bagi melemahkan strategi Parti Komunis Malaya. Ini kerana Tunku merasakan bahawa Singapura ketika itu kian menjadi tapak yang kukuh bagi PKM. Dengan yang demikian sekiranya Singapura mencapai kemerdekaan, maka kebarangkalian pulau kecil itu menjadi sebuah negara komunis adalah begitu besar. Dan jika ini berlaku, maka *tiori domino* yang mengandungi doktrin menjadikan seluruh rantau Asia Tenggara sebagai kawasan yang dikuasai oleh fahaman komunis semakin menjadi kenyataan. Oleh itu menurut Tunku, cara yang sebaik-baiknya mengatasi masalah ini

ialah dengan memerdekakan pulau kecil itu melalui penubuhan Malaysia.

Sebenarnya ura-ura Tunku untuk menubuhkan Malaysia bolehlah dikatakan berbangkit dari kekalahan calun *People's Action Party* (PAP) di tangan seorang calun berhaluan kiri dalam satu pilihanraya kecil di kawasan Hong Lim. Hong Lim adalah merupakan satu-satunya kubu terkuat PAP.

Ketika membentangkan usul penubuhan Malaysia di Parlimen untuk kali pertamanya pada bulan Oktober 1961 Tunku menekankan bahawa selagi Singapura berada di bawah naungan kerajaan British, maka soal keselamatan pulau tersebut tidak timbul. Walau bagaimanapun, menurut Tunku, apa sahaja boleh berlaku sekiranya pulau tersebut tidak lagi dibawah kuasa kerajaan British.

Dalam sidang Parlimen itu juga Tunku menjelaskan bahawa penyatuannya di dalam gagasan Malaysia akan menghindarkan Singapura yang telah merdeka dari sebarang ura-ura dari mana-mana pihak untuk meletakkan Singapura di bawah pengaruh mana-mana blok komunis.

Begitupun, sunggupun usul Malaysia ini hanya diperkenalkan di dalam Parlimen dalam bulan Oktober , satu siri perbincangan dan penyiasatan telah diadakan sejak bulan Mei lagi. Perbincangan dan penyiasatan ini ialah bagi menentukan syarat-syarat yang sesuai berhubung dengan penubuhan tersebut. Siri-siri perbincangan dan penyiasatan ini bolehlah diringkaskan kepada empat tahap. Pertama, projek tersebut telah dibincangkan oleh para pemimpin dari lima buah negara yang terlibat di dalam Mesyuarat Persatuan Parlimen Komanwel Serantau yang diadakan di Singapura pada bulan Julai 1961. Ekoran dari mesyuarat ini ialah penubuhan sebuah jawatankuasa yang dikenali sebagai Jawatankuasa Perunding Perpaduan Malaysia mengenai Persatuan yang sehingga bulan Februari 1962 mengeluarkan sebuah memorandum yang menyokong Malaysia dan memperlihatkan beberapa syarat am untuk sebuah persekutuan.

Tahap kedua pula ialah berikutan dengan lawatan Tunku ke London dalam bulan Oktober 1961 di mana sebuah suruhanjaya penyiasat telah ditubuhkan dan dipengerusikan oleh Lord Cobbold. Suruhanjaya yang dikenali dengan nama Suruhanjaya Cobbold ini dianggotai oleh dua orang wakil yang dilantik oleh kerajaan

British dan dua orang lagi dilantik oleh kerajaan Persekutuan Tanah Melayu. Syarat-syarat yang menjadi asas penyiasatan ataupun *term of reference* ialah untuk menentukan pandangan penduduk Borneo Utara dan Sarawak tentang Malaysia, untuk menilai pandangan ini dan membuat syor-syor yang sepatutnya.

Tahap ketiga pula dilaksanakan setelah Suruhanjaya Cobbold selesai menyediakan laporannya. Dalam tahap ketiga ini sebuah jawatankuasa lain yang dinamakan Suruhanjaya Lansdowne telah merangka syarat-syarat yang lebih terperinci.

Dan peringkat keempat iaitu peringkat terakhir ialah satu pusingan rundingan yang diadakan di London pada bulan Julai 1963

Sunggupun rundingan-rundingan yang memakan masa dua tahun ini adalah khusus untuk penubuhan Malaysia, namun di Singapura rundingan-rundingan yang dijalankan agak berlainan. Singapura telah diwakili dalam Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Malaysia.Begitupun, ini sebenarnya adalah di luar bidang Suruhanjaya Cobbold atau jawatankuasa kerja di bawah Lord Lansdowne. Kira-kira dalam bulan November 1961 itu Tunku dan Lee Kuan Yew telah mencapai persetujuan pada dasarnya mengenai kemasukan Singapura ke dalam Malaysia. Persetujuan ini tercatat dalam bentuk Kertas Putih yang bertajuk *Memorandum Setting out Heads of Agreement for a Merger between the Federation of Malaysia and Singapore*. Namun begitu, hingga ke saat-saat akhir sebelum penubuhan Malaysia, beberapa perkara penting seperti pembahagian cukai dan sebagainya masih lagi belum dapat diputuskan.

Di samping itu, rundingan dengan Brunei juga adalah terkeluar dari rangka 'Cobbold-Lansdowne'. Dan akhirnya Brunei membuat keputusan tidak mahu bersama di dalam gagasan Malaysia.

Idea Tunku untuk menubuhkan Malaysia sebenarnya bukanlah tidak mendapat tentangan yang hebat. Tentangan dari pihak rakyat biasa mungkin tidak begitu ketara kerana proses perbincangan dan penyiasatan telahdiadakan dalam suasana yang begitu sulit sehinggakan tidak langsung diketahui oleh rakyat. Tapi apabila Rang Undang-undang Malaysia mula di bentangkan di dalam Parlimen untuk bacaan kali kedua pada bulan Ogos 1963 pandangan-pandangan yang menentang usul penubuhan Malaysia

itu mula kedengaran.

Dr. Burhanuddin Helmy dalam ucapannya di Parlimen mengenai usulRang Undang-undang tersebut antara lain berkata:

> *Dato' Yang DiPertua, saya bangun membangkang Rang Undang-undang Malaysia ini, dan berhubung dengan usul Perdana Menteri pada hari kelmarin iaitu yang berkaitan dengan Rang Undang-undang Malaysia pada hari ini telahpun dinyatakan pembangkangnya oleh Persatuan Islam se-Tanah Melayu. Tujuan pendirian Persatuan Islam menentang perjanjian London dan juga menentang Rang Undang-undang Malaysia ini, bukanlah berdasarkan kepada dasar perkauman, bukanlah berdasarkan kepada perasaan yang sempit, bukanlah berdasarkan perasaan keagamaan yang sempit, tetapi berdasarkan kepada perasaan kebangsaan yang luas dan lebar, berdasarkan kepada dasar kebangsaan bumiputera yang semakin lebarnya di atas jiwa semboyan perjuangan bangsa Melayu dan bangsa Melayu yang hendak menegakkan atau meluaskannya yang sekarang ini ditujukan kepada dasar Maphilindo.*
>
> *Dato' yang di Pertua di dalam masa jajahan Malaysia penjajah ini di bawa ke persidangan Dewan yang mulia ini, Persatuan Islam telah juga membangkang dan telah menyatakan di atas kedudukan Malaysia yang membawa racunnya biang keladi yang akan membecanakan sejarah semboyan bumiputera di seluruh nusantara bangsa Melayu ini. Jadi, saya berdiri di sini ialah hendak menerangkan pembangkang kami tentang gagasan Malaysia dan terhadap Rang Undang-undang ini.*

Dr. Burhanuddin juga menyelar Tunku dalam persidangan Parlimen tersebut dengan mengatakan:

> *Jadi nyatalah sesudahlah parti diharamkan oleh penjajah maka mengambil tempatlah UMNO dengan Perikatan memperjuangkan kemerdekaan merdeka palsu dan merdeka kosong yang diakui oleh Perdana Menteri sendiri mereka yang masih 80 peratus dan saya mengatakan merdeka itu kosong...*

Saya mengatakan merdeka ini kosong dan mestilah kita isikan merdeka kosong itu bukan dengan ideologi atau bentuk dagang di tanahair kita ini tetapi dengan ideologi dan bentuk hasilyang sudah sedia ada dari turun temurun, dari datuk nenek kita dahului sambung menyambung hingga kepada anak cucu bumiputera negeri ini.

Encik Lim Kean Siew pula turut menentang pembentukan Malaysia terutamaya pembabitan negara dengan Singapura. Dalam ucapannya pada hari yang sama beliau menyebut:

Nom. Mr Speaker, Sir, let us come to the other people who have represented Singapore - Lee Kuan Yew and Goh Keng Swee. It has been said that he who sups with the devil should sup with a long spoon, and I would like to ask the Government. "Should they have supped with them at all even with a long spoon.

Wakil dari Tanjung, Encik Tan Phock Kin pula dalam ucapan dalam sidang 19 Ogos 1963 pula mengutarakan pendapatnya seperti berikut:

So here Sir, you can see two view points and both are based on very false premises. The PAP for example, in Singapore is trying to play on communal lines; it is trying to tell the people of Singapore that if they sacrifice some political rights, they have got a lot to gain from the economic and social fields freedom in eduacation, in the labour field and above all , the Common Market which will bring Singapore wealth and prosperity.

Wakil dari Bachok pula, Encik Zulkifli Muhammad pula menekankan:

Tuan Yang DiPertua, Singapura anak emas Malaysia yang dipujuk banyak dan diberi kuasa yang banyak. Adalah menunjukkan di dalam layanan-layananini bahawa Singapura itu satu unsur bagi melemahkan kuasa Kerajaan Pusat yang kuat. Bagaimana Tuan Yang Yang DiPertua? Tiga perkara yang

besar. Kita ambil satu dahulu iaitu perkara pelajaran. Singapura di beri kuasa bersendirian dalam soal pelajaran. Saya kesian Menteri Pelajaran apabila dia mengemukakan cerita pelajaran dalam negeri ini. Bersyarahlah Yang Berhormat Menteri-menteri Pelajaran, sejak dari Menteri Pelajaran yang pertama hinggalah kepada Menteri yang ada sekarang ini, bahawa kita membentuk sebuah dasar pelajaran yang menuju kepada perpaduan bangsa dalam negeri ini dengan mendaulatkan bahasa kebangsaan iaitu bahasa Melayu. Lebih kurang begitulah bunyinya, balik-balik itulah dia : Pelajaran yang disukai oleh semua orang, itulah jalan yang kita ikut. Saya nampak, Tuan Yang di Pertua, Kerajaan ini betul, tentu dia fikir bahawa perpaduan rakyat Persekutuan ini tak boleh disatukan dengan meriam, tak boleh disatukan dengan senapang, tak boleh disatukan dengan penjara dan tak boleh disatukan dengan dasar luar negeri-semuanya tak boleh. Yang mustahaknya ialah dasar pelajaran itu satu-sama sahaja-sama dengan rakyatnya berfikir, sama akan membawa kepada reaction, sama akan membawa kepada hidup yang sama, tetapi apakah sebabnya maka diizinkan Singapura itu mempunyai dasar pelajarannya sendiri: The peculiar conditions of Singapore - kedudukan-kedudukan daripada yang lain daripada Singapura.

Walaupun adanya pandangan-pandangan yang bertentangan yang dikemukakan oleh segolongan tokoh-tokoh politik ini serta beberapa orang lain yang turut juga membentangkan hujah masing-masing namun Tunku dengan sokongan dari ahli-ahli Perikatan tetap meminda Perlembagaan Tanah Melayu untuk meluluskan 'Akta Malaysia (1963)'. Selaras dengan pindaan tersebut kerajaan pimpinan Tunku telah juga meluluskan 'Akta Imigrasi Malaysia ' berhubung dengan kemasukan ke Borneo Utara (Sabah) dan Sarawak. Ini kerana bentuk persekutuan yang diwujudkan itu agak sedikit luar biasa. Walaupun keempat-empat negara iaitu Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Sabah dan Sarawak itu digabungkan menjadi sebuah negara, namun sekatan imigrasi masih diteruskan ke atas Sabah dan Sarawak. Di samping itu ketetapan juga dibuat bahawa Malaysia perlu dibentuk dengan mengadakan atau menggubal sebuah Perlembagaan yang baru dan bukannya setakat meminda-meminda Perkara-perkara yang terkandung di dalam Perlemba-

gaan Tanah Melayu yang telah sedia ada.

Sebenarnya, sekiranya kita meneliti kembali bibit-bibit peristiwa sebelum penubuhan Malaysia, maka kita akan dapati bahawa penubuhan tersebut dilakukan secara tergesa-gesa kerana sehingga Malaysia ditubuhkan dengan rasminya pada 16 September 1963, masih banyak lagi perkara-perkara mengenai ekonomi dan sebagainya yang masih belum dipersetujui secara menyeluruh di antara negara-negara yang terlibat.

Misalnya bagi Sabah, perlindungan yang diingini oleh berbagai-bagai kelompok penduduk bumiputera masih lagi belum dibincangkan secara memuaskan. Setengah-setengahnya dikatakan berpunca dari rasa tidak percaya mereka terhadap pemerintahan Melayu, yang bermula semenjak tentangan kezaliman dan pemerintahan yang tidak adil dan saksama yang dijalankan oleh Sultan-Sultan Brunei dahulu. Bagi kaum-kaum bumiputera Sabah, mereka merasakan bahawa penjajahan total bukan sahaja boleh diamalkan oleh orang Barat sahaja, bahkan juga dilakukan oleh orang Melayu dalam kerajaan Tanah Melayu.

Rasa tidak puashati yang dipamerkan oleh kaum bumiputera Sabah ini agak menghairankan Tunku juga. Tunku yang memimpin kerajaan yang majoritinya dianggotai oleh orang Melayu sentiasa merasakan bahawa kaum bumiputera Sabah, tidak kira sama ada yang Melayu ataupun yang Cina sebagai bersaudara. Justeru itu Tunku mendapati perlu untuk meyakinkan mereka mengenai masalah tersebut. Dalam satu perbahasan di Dewan Rakyat pada 28 April 1962, Tunku pernah mennyentuh hal ini dengan berkata:

> *"Apabila wilayah-wilayah Borneo menjadi sebahagian dari Malaysia, ia bukan lagi menjadi tanah jajahan Britian dan bukan pula menjadi tanah jajahan Tanah Melayu. Saya fikir saya telah menjelaskannya. Ia akan menjadi rakan berkongsi dengan taraf yang sama, tidak lebih dan tidak kurang dari negeri-negeri lain yang sekarang ini membentuk Persekutuan Tanah Melayu. Di manakah dia mendapat fikiran bahawa dengan mengambil masuk wilayah Borneo, kami akan menjajah mereka? Zaman penjajah ini telah berlalu dan bukanlah niat Tanah Melayu untuk meneruskan atau menghidupkannya kembali."*

Antara isu lain yang turut tidak dapat dipersetujui oleh Sabah dan Sarawak ialah isu penggunaan bahasa kebangsaan. Isu bahasa pada asasny merupakan satu isu yang menentukan kedudukan relatif Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu. Peruntukan undang-undang yang telah menentukan bahawa Bahasa Melayu akan menjadi bahasa rasmi tunggal di Tanah Melayu pada tahun 1967 tidak dapat diterima oleh Sabah dan Sarawak. Ini kerana penduduk-penduduk kedua-dua buah negeri itu merasakan bahawa tempoh peralihan dari penggunaan Bahasa Inggeris kepada Bahasa Melayu mungkin terlalu singkat.

Sebagaimana dalam banyak isu-isu lain, Tunku turut berkompromi dalam hal ini. Sekiranya tempoh perlaksaan penggunaan Bahasa Melayu di perpanjangkan sehingga 10 tahun iaitu dari tahun 1957 hingga 1967, maka dengan ura-ura pembentukan Malaysia itu, Tunku bersetuju pula untuk melanjutkan tempoh tersebut sehingga 10 tahun lagi iaitu dari tahun 1963 hingga tahun 1973.

Namun begitu, isu-isu yang melibatkan Sabah dan Sarawak tidaklah begitu rumit jika dibandingkan dengan isu-isu yang melibatkan kemasukan Singapura ke Malaysia. Ini kerana bukan sahaja kedudukan pulau itu yang agak lebih *estabIlished* dari segi politik tempatan dan ekonomi bahkan juga dari segi politik antara kaum, khususnya antara orang Cina dan Melayu.

Misalnya kontroversi Natrah, gadis Belanda yang berkahwin dengan pemuda Islam tetapi kemudian terpaksa diceraikan atas perintah Mahkamah Singapura (sebagaimana yang diceritakan dengan terperinci oleh Fatini Yaacob dalam empat keluaran majalah *Dewan Masyarakat* bermula dari edisi Mei 1989) telah mencetuskan perbalahan hebat di antara dua kaum yang menduduki pulau tersebut dalam tahun 50-an.

Dengan mengambilkira masalah-masalah seperti ini yang mungkin berbangkit hasil dari percantuman Tanah Melayu dan Singapura, maka masalah kewarganegaraan dan hak mengundi rakyat Singapura turut menjadi persoalan.

R.S. Milne dan Diane K. Mauzy dalam bukunya *'Politics and Government in Malaysia'* yang diterjemahkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka di bawah tajuk 'Politik dan Kerajaan di Malaysia' mengupas permasalahan kewarganegaraan itu seperti berikut:

Persoalan kewarganegaraan Singapura sangat rumit serta mengelirukan dan selepas cadangan Malaysia dibuat oleh Tunku, persoalan tersebut menimbulkan perdebatan yang hangat antara kerajaan Singapura dan penentang politiknya terutama sekali Barisan Sosialis. Punca masalah ini ialah sebelum Malaysia tertubuh, syarat-syarat untuk mendapatkan kewarganegaraan Singapura agak longgar sedikit daripada syarat-syarat untuk mendapatkan kewarganegaraan Persekutuan Tanah Melayu. Akibatnya, jika Persekutuan yang baru mengenakan syarat kewarganegaraan Persekutuan Tanah Melayu kepada Singapura, maka hanya dua pertiga daripada penduduk dewasa Singapura sahaja layak mendapat kewarganegaraan. Peraturan ini mungkin menimbulkan kemarahan dan mungkin dianggap sebagai satu contoh diskriminasi anti China. Sebaliknya, sekiranya syarat untuk mendapat kewarganegaraan Singapura hendak dilonggarkan daripada di Semenanjung Malaysia, Kerajaan Persekutuan merasa bimbang bahawa ahli politik dan pengundi dari Singapura akan berpindah ke Semenanjung Malaysia dan akan menggugat "imbangan" politiknya. Penyelesaian yang diambil ialah untuk meneruskan sistem di mana Singapura mengena syarat-syaratnya sendiri dan "warganegara Singapura" akan mempunyai taraf yang sama dengan "warganegara Persekutuan". Walau bagaimanapun terdapat satu kesan penting dari penggunaan istilah ini; hanya warganegara Singapura sahaja yang boleh bertanding untuk dewan negeri atau mengundi di Singapura, dan hanya warganegara persekutuan sahaja yang boleh bertanding untuk dewan negeri atau mengundi di Persekutuan Malaysia. Walau bagaimanapun warganegara suatu wilayah boleh menjalankan kempen di suatu wilayah lain. Peruntukan ini penting kerana ia menghadkan strategi sesebuah parti yang ditubuhkan dalam salah satu wilayah tersebut dan ingin mengembangkan ke wilayah yang lain. Aspek-aspek yang menyekat peruntukan perlembagaan haruslah ditimbangkan bersama dengan bilangan kerusi yang sedikit (15) yang diuntukkan kepada Singapura dalam parlimen Persekutuan Malaysia. Penjelasan mengenai perkara ini ialah bilangan kerusi untuk Singapura haruslah kecil kerana Singapura masihmengekalkan kuasa ke atas pelajaran, buruh dan lain-lain.

Tetapi jika ditinjau bersama dengan peraturan kewarganegaraan kesannya ialah untuk "melindungi" kedudukan politik di Persekutuan Malaysia daripada pengaruh undi orang China Singapura."

Selain daripada soal kewarganegaraan dan hak mengundi dan menawarkan diri dalam pilihanraya, soal-soal kewangan juga turut menjadi satu permasalahan yang tidak ada penyelesaiannya.

Sungguhpun pada ketika penubuhan Malaysia itu, Singapura masih lagi merupakan sebuah negara yang belum muncul sebagai sebuah negara perindustrian teknologi tinggi dan *capital intensive* serta masih belum menjadi salah sebuah pusat kewangan terpenting di dunia, namun perdagangan *entreport*nya memberikan pulau tersebut hasil yang lumayan. Dengan pendapatan yang tinggi ini, soal berapa banyakkah kadar pendapatan tersebut akan disumbangkan kepada kerajaan Persekutuan turut menjadi isu penting.

Isu ini bagaimanapun, secara luarannya, tampak seperti sudah diselesaikan sebelum tarikh penubuhan Malaysia itu. Ini berikutan dengan perjanjian di antara Tunku dan Lee Kuan Yew yang dibuat di Hotel Ritz, London sebagaimana yang dinyatakan di dalam *Malaysian Agreement Exchange of Letters* serta yang terkandung di dalam *Agreement between the Government of Malaya and Singapore on Common Market and Financial Agreement.*

Rundingan di antara Malaya dan Singapura mengenai soal-soal kewangan sebenarnya sudahpun bermula sejak dari awal tahun 1963 lagi. Namun sebagaimana yang telah disebutkan, rundingan tersebut tidak ada habisnya hinggalah Perjanjian Malaysia ditandatangani di London pada bulan Julai tahun tersebut.

Dalam siri rundingan-rundingan yang diadakan itu, Lee Kuan Yew, Perdana Menteri Singapura ketika itu dan juga Goh Keng Swee sering bertikam-tikam lidah dengan Tan Siew Sin (Tun) yang ketika itu memegang portfolio bagi Kewangan dan dijangka akan mengekalkan jawatannya di dalam Persekutuan yang baru ditubuhkan kelak. Justeru itu dengan adanya perbezaan-perbezaan pendapat dan pendekatan mengenai isu ekonomi dan kewangan ini, maka beberapa bulan selepas rundingan pertama diadakan

jelaslah bahawa Tanah Melayu dan Singapura mahu penggabungan di bawah syarat-syarat yang amat sukar dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak.

Antara perka-peperkara yang menemui jalan buntu termasuklah isu pasaran bersama, sumbangan kewangan kerajaan Singapura kepada kerajaan Persekutuan dan pinjamanwang bagi keperluan pembangunan Borneo. Pertikaian di antara kedua belah pihak yang mengadakan perbincangan adalah begitu sengit sehinggakan T.H. Tan terpaksa memberi amaran bahawa dia akan membawa usul ke dalam Parlimen agar penerimaan Singapura ke dalam Malaysia dibatalkan sahaja sehingga kerajaan PAP tidak lagi berkuasa di Singapura. Begitupun, kira-kira dalam bulan Jun tahun 1963 itu, Tunku sekali lagi menunjukkan sikapnya yang sanggup berkompromi. Tunku telah menawarkan syarat-syarat baru kepada Lee Yew dan meminta Perdana Menteri Singapura itu memberi jawapan dalam masa 48 jam.

Lee Kuan Yew yang terkenal sebagai seorang penyusun strategi politik menerima tawaran Tunku itu. Beliau sedar sekiranya, beliau tidak mengambil keputusan tersebut, Singapura mungkin terlepas peluang untuk bergabung dengan Persekutuan Tanah Melayu dan mungkin terpaksa menghadapi ancaman komunis secara sendirian. Di samping itu, tidak mustahil juga bagi pihak kerajaan British melambat-lambatkan kemerdekaan pulau tersebut. Dalam keadaan yang agak tertekan itu Lee menerima sahaja tawaran Tunku itu dengan harapan akan meneruskan rundingan tawar-menawar selepas berada di dalam Malaysia.

Secara peribadi, dan sebagai sesuatu yang bermatlamat politik Lee merasakan bahawa usaha tawar menawar yang selanjutnya itu adalah amat penting bukan sahaja untuk memperbaiki kedudukan negerinya ketika berada di dalam Malaysia malah juga sebagai memperkukuhkan kedudukan politik beliau dan juga kedudukan parti PAP yang ketika itu seakan-akan sedang menuju zaman ketandusan sokongan popular.

Tunku enggan ke London untuk upacara menandatangani perjanjian percantuman negara-negara yang terlibat dalam pembentukan Malaysia itu sekiranya segala semua butiran perjanjian tersebut masih belum selesai dan dipersetujui oleh semua pihak. Tatkala kesemua perwakilan dari semua pihak yang

terlibat sudahpun berada di London bagi upacara tersebut Tunku, yang agak mula 'fed-up' dengan perkembangan-perkembangan terakhir itu telah mengutus sepucuk kawat kepada Tun Abdul Razak. Isi kawat yang ringkas itu mengarahkan supaya Tun Razak menamatkan segala rundingan dan tawar-menawar dan kembali ke Kuala Lumpur dengan serta-merta.

Begitupun penyelesaian berjaya juga dicapai. Justeru itu Tun Razak membalas kawat Tunku itu dengan sepucuk kawat yang meminta Tunku ke London dengan seberapa segera. Dengan berita dari Tun Razak itu, Tunku pun berangkat ke London. Dan pada 9 Julai 1963, Perjanjian Malaysia pun di tandatangani.

Dengan termaktubnya perjanjian tersebut, dan setelah menjalani proses perbincangan, rundingan dan persediaan yang memakan tempoh dua tahun, negari-negeri dalam Persekutuan, Tanah Melayu, Singapura, Sabah dan Sarawak pun bergabunglah untuk mewujudkan sebuah negara lain yang dikenali sebagai Persekutuan Malaysia atau lebih dikenali kini sebagai Malaysia sahaja.

Kita tidak tahu apakah sebenarnya yang menjadi matlamat dan harapan Tunku dalam menubuhkan Malaysia yang mana sekaligus menenggelamkan perkataan 'Melayu' di dalam nama negara ini. Apa yang pasti, apa jua matlamat dan tujuannya yang sebenar, ia adalah begitu luas, mungkin seluas Laut Cina Selatan yang memisahkan antara Semenanjung (ketika itu dikenali sebagai Malaysia Barat) dengan Malaysia Timur atau seluas tanah yang memisahkan di antara Perlis dengan Singapura.

Begitupun, sebaik sahaja, Malaysia lahir sebagai sebuah negara baru, Tunku selaku Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu dan Lee Kuan Yew selaku Perdana Menteri Singapura tampak amat komited dengan konsep Malaysia dan negara baru yang mereka sama-sama wujudkan. Tapi, malangnya, disinilah juga bermulanya segala masalah.

Malaysia yang dijangka akan belayar dalam tiupan bayu lembut rupa-rupanya terpaksa menempuh taufan dan ribut politik yang bergelora. Dan pelayaran ini menjadi bertambah sulit lagi dengan seakan-akan adanya gejala 'satu kapal dua nakhoda'.

Lapan Belas

SINGAPURA BERPISAH DARI MALAYSIA

It was clear some action must be taken. It is odius for us to take repressive measures against the Singapore Government, for such action is repulsive to our concept of Parliamentary Democracy.

Straits Times
10 Ogos 1965

SEBAGAIMANA YANG DIKATAKAN, sehingga Perjanjian Malaysia ditandatangani dan malah sehingga Persekutuan Malaysia wujud pada 16 September 1963, masih banyak lagi isu yang melibatkan di antara Tanah Melayu dengan Singapura yang masih belum diselesaikan secara hakiki.

Perbincangan yang berkisar kepada soal-soal ekonomi, kewangan, perbezaan politik masih di teruskan. Dan faktor-fator inilah yang kemudiannya menjadi faktor-faktor yang membezakan politik dan cita-cita kedua-dua buah negera yang bergabung dalam Malaysia.

Singapura melihat Malaysia sebagai sebuah pasaran bersama yang akan memberikan kepadanya pasaran yang lebih luas bagi barangan industri dan bebas-cukainya. Idea ini sebenarnya sudahpun dibawa oleh Lee Kuan Yew sejak dari tahun 1959 lagi dan perbincangan dua hala juga telah diadakan sejak dari tahun 1960 lagi.

Sungguhpun Tanah Melayu pada dasarnya mempersetujui rancangan penubuhan pasaran bersama itu namun perbincangan-perbincangan tersebut tetap menemui jalan buntu kerana Tanah Melayu bukan sahaja tidak begitu berminat dengan pasaran bersama itu malah para perwakilan Malaysia juga enggan untuk mewujudkan sebarang penglibatan yang konkrit. Justeru itu setelah dua tahun Malaysia diwujudkan, gagasan pasaran bersama yang menjadi harapan besar kepada Singapura itu masih tidak dapat dilaksanakan.

Kerajaan Pusat dari masa ke semasa telah cuba menjelaskan mengapa perlaksanaan penubuhan pasaran bersama itu tidak dapat disegerakan. Tan Siew Sin yang masak dengan matlamat para pemimpin Singapura yang mahukan pasaran bersama itu pernah menyatakan bahawa sekiranya Singapura benar-benar mahukan pasaran bersama itu diwujudkan maka pulau tersebut mestilah menerima keseluruhan duti import yang berkuatkuasa di Tanah Melayu.

Titah DiRaja dalam sidang Parlimen pada bulan Mei 1965 juga turut menyentuh tentang perlaksanaan penubuhan pasaran tersebut. Titah yang tercatat di dalam *Straits Budget* bertarikh 2 Jun 1965 itu menyebut:

> *It should be appreciated, however, that the present arrangement for dividing Federal revenue in Singapore between the Central and State Governments make the development of a common market more difficult and consideration will have to be given to their alteration if rapid development of the common market is to be achieved.*

Bagaimanapun, Lee Kuan Yew dan juga Goh Keng Swee tidak langsung mahu mengambilkira tentang pembahagian hasil yang dinyatakan itu. Sebaliknya mereka merasakan bahawa Malaysia tidak akan memberi apa-apa faedah kepada Singapura sekiranya pasaran bersama itu tidak dapat dilaksanakan dengan segera.

Kadar sumbangan hasil yang patut diberikan oleh Singapura kepada kerajaan Pusat juga turut menjadi pertikaian hebat. Menurut Perjanjian Malaysia, Singapura bersetuju menyumbang-kan 40 peratus dari hasil negerinya kepada kerajaan pusat. Dan

sebagai tukaran kepada sumbangan ini kerajaan pusat hendaklah menubuhkan pasaran bersama yang disebutkan itu. Kadar sumbangan ini, mengikut perjanjian tersebut hendaklah dikaji semula selepas 31 Disember 1964 dan kemudiannya dalam jang-kamasa setiap dua tahun.

Dengan perjanjian yang dibuat sebegitu rupa, ada pihak yang mendakwa bahawa Tunku tidak mahu lagi melengah-lengahkan penubuhan rasmi Malaysia. Ini kerana di dalam konteks perjanjian tersebut, kerajaan Pusat akan lebih beruntung sekiranya Malaysia ditubuhkan dengan segera.

Dalam ucapan belanjawan pada bulan Disember 1964, Tan Siew Sin telah membayangkan bahawa beliau akan mengkaji semula kadar sumbangan Singapura itu, mungkin sekitar 60 peratus. Ini sesungguhnya telah menyebabkan Lee begitu marah. Sebagai reaksi awal kepada ucapan tersebut, Lee membidas:

> *No argument, no nothing. Give him? What for? In order that the poor in Singapore pay taxes so that the rich in Malaya need not pay any?*
>
> *When they cannot answer you, they get their backbenchers to shout at you and threaten you... we will never be intimidated.*

Tan Siew Sin yang tidak mengendahkan kata-kata Lee Kuan Yew itu terus mengeluarkan arahan supaya Singapura menyumbangkan lebih dari 40 peratus dari hasil tahunannya. Goh Keng Swee bagaimanapun, enggan mematuhi arahan tersebut dengan alasan bahawa kadar 30 peratus yang disumbangkan oleh Singapura kepada kerajaan Pusat sudah lebih dari mencukupi bagi membiayai keseluruhan perbelanjaan Persekutuan di Singapura.

Begitupun, Tan Siew Sin tidak mahu menerima alasan tersebut. Oleh yang demikian pertikaian hangat sekali lagi berlaku dan akhirnya kerajaan Pusat dan Singapura telah mengambil keputusan untuk membawa perkara tersebut ke Bank Dunia untuk mendapatkan satu *arbitration* ataupun keputusan timbangtara yang saksama dan muktamad.

Selain dari soal sumbangan hasil tahunan kerajaan Singapura kepada kerajaan Pusat, soal pinjaman untuk kemajuan negeri-

negeri Sabah dan Sarawak (Borneo Loans) turut menjadi faktor keretakan hubungan diantara kerajaan Singapura dengan kerajaan Pusat.

Ketika perbincangan awal pembentukan Malaysia di adakan, Tunku telah meminta Singapura agar menyumbangkan $50 juta kepada kerajaan Pusat untuk digunakan bagi pembangunan negeri-negeri Borneo. Bagaimanapun, para perwakilan Singapura mahukan jumlah tersebut diberikan sebagai pinjaman dan bukannya sumbangan. Mereka (para perwakilan Singapura) memberikan alasan bahawa Singapura adalah terlalu miskin untuk memainkan peranan 'Santa Claus' dengan memberikan kerajaan Pusat wang sebanyak itu sebagai yuran kemasukannya ke dalam Malaysia.

Bagaimanapun dalam perjanjian terakhir, Singapura bersetuju memberikan pinjaman sejumlah $150 juta kepada kerajaan Persekutuan dengan syarat-syarat bahawa pinjaman tersebut dibayar balik dalam masa 15 tahun dengan jumlah $100 juta dibebaskan dari sebarang pengiraan faedah bagi tempoh lima tahun pertama dan baki $50 juta lagi dikenakan faedah berdasarkan kadar semasa. Pinjaman tersebut juga hendaklah dikeluarkan dalam lima ansuran tahunan yang sama jumlahnya bermula dari permulaan tahun 1964.

Bagaimanapun, Singapura enggan melaksanakan perjanjian yang menyentuh Pinjaman Borneo itu kerana mereka menganggap bahawa sebarang pengeluaran pinjaman tersebut hanya akan dibuat tertakluk kepada perlaksanaan pasaran bersama.

Keretakan dan ketegangan yang berlaku di antara para pemimpin Tanah Melayu dengan pemimpin-pemimpin Singapura bukan sahaja terbatas kepada soal-soal kewangan dan ekonomi. Malah soal-soal yang berkaitan dengan sosial dan politik turut memburukkan keadaan.

Perbezaan yang ketara dari segi matlamat, cita-cita, ideologi dan keutamaan-keutamaan pertubuhan-pertubuhan politik yang penting adalah merupakan permasalahan-permasalahan yang kompleks. Mungkin tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa gejala-gejala tersebutlah yang telah mengeruhkan suasana dan akhirnya mengakibatkan perpecahan yang tidak dapat dibendung lagi.

Sungguhpun isu-isu yang dipertikaikan itu, dari sudut pan-

dangan yang lebih objektif bukanlah merupakan isu-isu yang tidak boleh diselesaikan, namun wadah yang mana ia diperjuangkan, pendekatan dan cara digunakan oleh mereka yang diamanahkan untuk menyelesaikan masalah, rasa syak wasangka dan prajudis dari kedua-dua belah pihak mencetuskan kegelisahan yang bersifat emosional sehinggakan tidak nampak lagi akan jalan penyelesaian dan sekiranya ia diteruskan juga maka akan menyebabkan timbulnya gejala-gejala yang lebih buruk lagi.

Dari segi politik, pertikaian di antara para pemimpin politik dari kedua belah pihak bermula sejak beberapa minggu sebelum penubuhan Malaysia lagi. Dalam masa beberapa minggu menjelang penubuhan Malaysia itu, Presiden Sukarno dengan secara terbuka menentang akan penubuhan tersebut dan mendesak agar satu referendum diadakan bagi menentukan sama ada penduduk negeri-negeri Borneo benar-benar mahu mengasosiasikan diri mereka di dalam Persekutuan yang baru itu. Dalam lain perkataan Sukarno menganggap bahawa Laporan Suruhanjaya Cobbold yang telah membuat penentuan awal mengenai kajian tersebut adalah tidak bebas dan berkecuali.

Tentangan dari Sukarno ini telah menyebabkan Tunku dan para pemimpin Kuala Lumpur merasa marah. Bagaimanapun, reaksi yang ditunjukkan oleh Lee Kuan Yew, sekurang-kurangnya sehingga pertengahan tahun 1963 itu adalah amat berbeza dan tidak mencerminkan integrasi para pemimpin yang bakal memimpin Malaysia. Lee, yang mementingkan ekonomi Singapura dan perdagangan dua hala diantara Indonesia dengan negaranya, sebaliknya telah menunjukkan sikap bertolak ansur dengan Indonesia.

Dalam menangani masalah ini, Tunku nampaknya lebih menunjukkan kematangan politik jika dibandingkan dengan Lee Kuan Yew. Pada bulan Ogos itu Tunku telah berlepas ke Manila untuk berunding dengan para perwakilan dari Indonesia dan juga Filipina. Dan di dalam rundingan tersebut Tunku telah bersetuju menangguhkan tarikh rasmi penubuhan rasmi Malaysia dari 31 Ogos kepada satu tarikh yang akan diisytiharkan kemudian dengan syarat Sukarno tidak lagi mendesak tentang referendum ke atas Borneo. Sebaliknya itu rundingan tersebut juga bersetuju supaya perkara menentukan hasrat sebenar para penduduk Borneo

di bawa ke pengetahun U Thant, Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu agar beliau menghantar satu pasukan yang bebas dan berkecuali ke Borneo. Di samping itu juga ketiga-tiga negara yang terlibat di dalam rundingan tersebut bersetuju menimbangkan kemungkinan mewujudkan satu gagasan yang lebih besar menggabungkan Malaya, Indonesia dan Filipina dan bakal dinamakan sebagai 'Maphilindo'.

Sebagaimana yang dijangkakan reaksi Lee Kuan Yew terhadap Perjanjian Manila ini adalah negatif. Lee, yang begitu bimbang dengan prospek berlakunya kemelut politik di Singapura andai kata Malaysia tidak ditubuhkan menentang sekeras-kerasnya penangguhan Hari Malaysia dan penyiasatan Borneo. Beliau juga menentang sekeras-kerasnya pembentukan Maphilindo kerana maklumlah sekiranya ini berlaku, pulau Singapura yang sebahagian besarnya didiami oleh penduduk keturunan Cina akan tenggelam di dalam gagasan negara-negara Melayu. Untuk mententeramkan perasaannya, Lee membuat tanggapan bahawa Maphilindo dan apa jua kata sepakat yang tercapai di Manila oleh Filipina, Malaya dan Indonesia adalah berbangkit dari tekanan oleh Sukarno.

Menurut Lee:

> *We represented Singapore in London on July 8. We signed the agreement which said Malaysia would come into being on August 31. We are not parties to the Manila agreement; therefore, as far as we are concerned, August 31 is still Malaysia Day.*

Dalam usahanya untuk menggagalkan Maphilindo, Lee telah berusaha untuk mendapatkan sokongan dari Stephen Kalong Ningkan, pemimpin Sarawak yang bakal menjadi Ketua Menteri dan juga Donald Stephens, pemimpin Sabah yang juga bakal menjadi Ketua Menteri bagi memberikan tekanan kepada Tunku supaya Hari Malaysia diteruskan pada tarikh yang telah ditetapkan.

Sementara itu Tunku sudahpun merujuk kepada kerajaan British tentang penangguhan tarikh penubuhan Malaysia itu dan British juga telah memberikan persetujuannya. Justeru itu tarikh penubuhan rasmi Malaysia ialah pada 16 September 1963 dan bukannya 31 Ogos sebagaimana yang telah dijadualkan. Bagaima-

napun pada 31 Ogos 1963 itu Lee Kuan Yew telah membuat pengumuman khas yang antara lainnya berbunyi:

> *All Federal powers over defence and external affairs will from today till September 16 be reposed in our Yang Di Pertuan Negara. We look upon ourselves as trustees for the Central Government of Malaysia in these 15 days.*

Sungguhpun nampaknya semacam ada keikhlasan di pihak Lee Kuan Yew dalam membuat pengumuman tersebut namun sehari selepas beliau berbuat demikian, beliau telah membuat kenyataan yang bersifat *'contradictory.*

Akhbar *Straits Times* bertarikh 4 September 1963 melaporkan kenyataan yang dibuat oleh Lee Kuan Yew itu seperti berikut:

> *Mr. Lee said that one of the sad things about Malaysia was the 'naive approach' of some people to whom power was handed 'on a silver platter with the red ribbons by British Royalty in uniform.' ...Power was not a little jewel. It had to be fought for, and Singapore had earned the right to independence and a place in Malaysia.*

Sindiran tajam ini sesungguhnya telah menyebabkan pihak Kuala Lumpur merasa begitu marah. Kenyataan yang dikeluarkan oleh Lee Kuan Yew itu menampakkan keperibadiannya yang sombong dan bongkak dan ini amat berlawan dengan Tunku yang pernah berkata terdahulu dari itu:

> *I have gone a long way to make peace because I have the interests of the people and the country in mind... Having humbled myself to get Malaysia and gone so far, it is wrong for any member of our side to want to bring a showdown... One should understand what I have gone through. I have humbled myself for the nation.*

Akhirnya setelah urusan tawar menawar yang tidak nampak akan jalan penyelesaiannya maka Malaysiapun dibentuk juga dengan rasminya pada 16 September 1963. Lee yang bimbang dengan sokongan rakyat terhadapnya, serta-merta mengadakan pilihanraya

umum. Dalam pilihanraya yang diadakan hanya lima hari setelah penubuhan Malaysia itu, parti PAP yang dipimpin oleh Lee telah memenangi 37 daripada sejumlah 51 kerusi yang dipertandingkan dengan mendapat 47 peratus dari jumlah undi. Sementara itu parti Barisan Sosialis pula hanya berjaya mendapatkan 13 kerusi dengan mendapat sebanyak 33 peratus.

Kegagalan Sosialis untuk mendapatkan lebih banyak kerusi sebenarnya bukanlah sesuatu yang memeranjatkan. Michael Leifer dalam tulisannya bertajuk 'Politics in Singapore'yang tersiar dalam *Journal of Commonwealth Political Studies* pernah mendedahkan taktik yang digunakan oleh Lee dan PAP. Menurut Michael kegagalan Barisan Sosialis untuk mendapatkan lebih banyak kerusi adalah disebabkan pilihanraya umum dibuat dengan begitu tergesa-gesa di samping kerajaann PAP yang menguasai media eletronik - radio dan telivisyen. Menurut Michael lagi, PAP juga menahan ramai para pemimpin parti Sosialis yang dijangka dapat memberi tentangan hebat kepada calun-calun PAP dalam pilihanraya tersebut.

Barangkali apa yang lebih memeranjatkan pemerhati-pemerhati politik, sama ada di Singapura ataupun di Malaya ialah kegagalan calun-calun UMNO dan juga MCA yang bertanding atas tikit Perikatan Singapura (Singapore Alliance). Dan apa yang lebih memeranjatkan lagi calun-calun UMNO itu dikalahkan oleh calun-calun Melayu PAP.

Kira-kira setahun kemudian, iaitu dalam tahun 1964 pilihanraya umum diadakan buat pertama kalinya di Malaysia. Keputusan PAP untuk bertanding sama di dalam pilihanraya ini dan menubuhkan cawangan-cawangannya di Malaya adalah merupakan satu-satunya kesilapan Lee Kuan Yew yang paling besar. Keputusan tersebut bukan sahaja memburukkan lagi hubungan di antara PAP dengan Perikatan dan antara kerajaan Singapura dengan kerajaa Persekutuan malah dilihat sebagai sesuatu keputusan yang sengaja diambil bagi mencabar keutuhan kerajaan Perikatan di Malaya.

Bagi orang Melayu Malaya, keputusan PAP itu juga dilihat sebagai cabaran terhadap kuasa dan ketuanan Melayu di Malaya. Keputusan tersebut juga bolehlah dikatakan sebagai titik permulaan kepada rasa tidak percaya Tunku terhadap Lee Kuan Yew.

Tunku dan hampir kesemua para pemimpin Perikatan begitu marah dengan keputusan Lee Kuan Yew yang mahukan PAP turut serta di dalam pilihanraya tersebut. Syed Jaffar Albar yang ketika itu memegang jawatan Ketua Pemuda UMNO dan juga dikenali sebagai 'Singa UMNO' menyelar Lee Kuan Yew sebagai menyimpan cita-cita bukan sahaja untuk memusnahkan MCA malah juga UMNO dan MIC.

Bagaimanapun setelah pilihanraya umum selesai diadakan, PAP hanya berjaya mendapatkan kira-kira 16.3 peratus dari jumlah keseluruhan pembuangan undi serta gagal memenangi mana-mana kerusi Parlimen ataupun Dewan Undangan Negeri.

Walaupun tewas dengan teruknya di dalam pilihanraya umum 1964 itu, PAP telah membuat pengumuman bahawa ia akan menubuhkan cawangan-cawangannya di setiap negeri yang mana ia telah turut serta di dalam pilihanraya umum tersebut.

Sementara itu di Singapura kempen menyatupadukan orang Melayu telah dilancarkan secara besar-besaran oleh Syed Jaffar Albar. Dalam ucapannya di hadapan anggota-anggota UMNO Singapura, Syed Jaafar Albar telah menggesa orang Melayu bahawa sekiranya mereka bersatu maka tidak ada kuasa yang dapat memecahbelahkan mereka, *'hatta seribu Lee Kuan Yew sekalipun'*.

Dua hari selepas majlis ucapan tersebut, satu pertempuran kaum - antara Melayu dan Cina berlaku di antara kaum. Pertempuran kaum yang bermula ekoran dari perarakan Maulidir Rasul itu terus berlarutan sehingga seminggu lamanya. 22 orang dilaporkan terkorban sementara 500 yang lain cedera.

Bercakap dari Washington D.C., Tunku menyatakan rasa kesalnya terhadap kejadian tersebut dan menjelaskan bahawa beliau mempunyai bukti-bukti bahawa Indonesia terlibat dalam mendalangi tragedi tersebut. Lee juga nampaknya tidak begitu senang dengan tragedi yang tercetus itu.

Kira-kira dua bulan kemudian pertempuran kaum sekali lagi berlaku di Singapura. Kali ini Lee Kuan Yew pula tidak berada di dalam negara. Justeru itu Tunku telah memainkan peranan utama dalam memulihkan keadaan seperti sediakala. Bagaimanapun, bagi kekacauan yang kedua ini, adalah agak sukar untuk menentukan siapakah yang telah memulakannya ataupun menjadi

punca kepada keadaan tersebut. Namun walau apapun jua sebabnya, sesuatu yang pasti, kekacauan yang kedua ini bertepatan dengan pendaratan rakyat Indonesia. Justeru itu Tunku sedikit sebanyak telah meletakkan punca angkara tersebut kepada rakyat Indonesia yang baru mendarat dengan payung terjun itu.

Dengan kekacauan yang berlaku dalam bulan Julai dan September itu, maka jelaslah adanya gejala-gejala perkauman yang wujud di tengah-tengah suasana kegelisahan dan rundingan tawar-menawar yang tidak ada habisnya itu. Kekacauan itu juga menunjukkan bahawa tidak mustahil akan berlaku kekacauan yang lebih besar dan lebih buruk lagi serta melibatkan ramai lagi jiwa yang akan terkorban.

Di akhir bulan September itu, Lee telah bertemu Tunku di Kuala Lumpur. Di samping itu Lee juga mengemukakan cadangannya supaya di adakan satu suruhanjaya bagi menyiasat dan mengkaji punca-punca keganasan kaum itu.

Dalam bulan Oktober tahun tersebut, Lee telah membawa usul tersebut di Dewan Rakyat. Sementara itu, Tunku yang baru sahaja kembali dari percutian singkat di Cameron Highlands mengumumkan bahawa beliau dan Lee Kuan Yew telah membuat persetiaan bahawa untuk mengelakkan timbulnya sebarang pergeseran kaum yang selanjutnya, maka segala perbincangan politik yang sensitif dan boleh menimbulkan perasaan dan sentimen perkauman akan dielakkan oleh kedua-dua pihak untuk tempoh sekurang-kurangnya dua tahun yang akan datang. Menurut Tunku perjanjian separa formal itu terpaksa dibuat untuk membendung pertelingkahan yang lebih besar dan seterusnya mengelakkan perpecahan Malaysia.

Walau bagaimanapun, oleh kerana perjanjian tersebut sendiri bersifat subjektif, maka ia tidak dapat dipertahankan sebagaimana yang dikehendaki. Tidak ada garispanduan tentang apakah yang sensitif dan apakah yang boleh ditakrifkan sebagai perbincangan biasa politik.

Dalam satu upacara pembukaan rasmi lima cawangan Umno di Singapura, Khir Johari telah membuat komen bahawa Perikatan Singapura sedang dalam proses rombakan besar-besaran bagi membolehkannya memenangi pilihanraya umum Singapura yang akan datang. Komen yang dibuat oleh Khir Johari ini dianggap

oleh Dr. Toh Chin Chye sebagai sesuatu yang melanggar persetiaan yang dibuat oleh Tunku dan Lee Kuan Yew awal bulan tersebut. Toh Chin Chye menyelar Khir kerana tidak menghormati persetiaan tersebut yang menurutnya dibuat bagi mewujudkan perpaduan nasional. Khir Johari pula menyatakan bahawa beliau tidak tahu menahu tentang persetiaan tersebut. Apa yang beliau cuba lakukan, menurutnya adalah sekadar membantu untuk membersihkan Perikatan Singapura. Dan menurut Khir lagi, reaksi yang ditunjukkan oleh PAP itu adalah berpunca daripada kebimbangan mereka terhadap Perikatan.

Tunku, dalam satu kenyataannya kepada sekumpulan perwakilan Perikatan Singapura cuba memberikan kepastian:

> *that the truce was only in respect that communal issues should not be raised by any political party, but this does not mean that the Singapore Alliance should not be reorganised into an effective political body*

Sebagai komen kepada kenyataan Tunku itu, Dr. Toh berkata:

> *We have always been accustomed to the open debate of competing political programmes and policies. We, therefore welcome this invitation to democratic presentation of alternative programmes and policies for the people to judge and choose from freely.*

Tidak lama kemudian Toh yang juga Setiausaha Agung PAP mengumumkan bahawa PAP akan di orientasikan serta disusun semula supaya ia dapat menjadi sebuah parti yang berpengaruh di Malaya.

Selain dari pertelingkahan-pertelingkahan politik sebagaimana yang telah dihuraikan, PAP juga turut mempertikaikan hak-hak orang Melayu yang telah diperuntukkan di dalam Perlembagaan. PAP mendakwa bahawa parti tersebut membawa konsep 'Malaysian Malaysia' (satu konsep yang hari ini diteruskan oleh DAP).

Dalam menjelaskan konsep ini, Lee Kuan Yew membuat kenyataan:

We both want to get a Malaysian Malaysia, but we propose route "A", direct from many states together into one federation, from many groups together into a multi-racial party, towards a multi-racial, united Malaysia. They say `No', let us go slowly... separate States..

Singapore different from Malaya. You keep to Singapore, please don't interfere in Malaya. WE will run thing for you, but we will still get to the point of a multi-racial Malaysia.

Tun Dr. Ismail, Menteri Hal Ehwal dan Keselamatan Dalam Negeri Malaysia pula yang sudah nampak akan permainan politik perkauman yang dimainkan oleh Lee dan kuncu-kuncunya di dalam PAP turut membuat statement. Tun Dr. Ismail berkata:

> *There are two ways of establishing a Malaysian Malaysia. First is the platform of the PAP... noncommunalisme straight-away. The other... the method adopted by the Alliance... requires two steps. First, inter racial harmony; second, an ultimate state of non communalisme.*

Tunku yang mula bosan dengan telatah Lee dan beberapa pemimpin lain dalam PAP turut mengeluarkan kenyataan yang berbunyi:

> *Young men... want to rush things. Instead of doing what they want in a quiet and practical way, they treat on everybody's toes, knock everybody's head and bring about chaos, suspicion, misunderstanding, hatred and troubles. The suggestion from this young leaders is that you can do this (demolish the dividing wall among the races) overnight without making any attempt to put timbers in shape. Why rush? After all, the nation will live many long years. Why not take time to make a strong nation?*

Di samping itu Lee Kuan Yew juga turut mempertikaikan status orang Melayu dengan merujuk kepada kedatangan Syed Jaffar Albar dari Indonesia selepas tamatnya Perang Dunia Kedua. Tun Razak juga yang selama ini enggan membuat komen-komen keras juga turut membidas Lee Kuan Yew. Tun memberi amaran bahawa

kenyataan Lee itu bukan sahaja menyebabkan orang Melayu marah bahkan turut menyebabkan kemurkaan Raja-raja Melayu sekelian.

Akhirnya pada pertengahan tahun 1965, setelah dua tahun penubuhan Malaysia dan setelah dua tahun kemelut di antara pemimpin Singapura dan pemimpin Kerajaan Pusat berlarutan, maka Tunku tidak ada jalan lain melainkan mengumumkan bahawa mengeluarkan sahaja Singapura dari Malaysia.

Hari ini sungguhpun keputusan Tunku yang dibuatnya dalam tahun 1965 itu bersesuaian dengan keadaan di waktu itu , namun masih ada pihak yang mempertikaikan cara Tunku menangani masalah tersebut.

Sembilan Belas

TEKS UCAPAN TUNKU BERHUBUNG DENGAN PERPISAHAN SINGAPURA DARI MALAYSIA

WHAT I AM ABOUT to announce to this House will no doubt cause a big surprise and shock to Hon'ble Members. In fact to me and to many of the members, it is most painful and heart-breaking news I have had to break and for them to hear it. I consider it a misfortune for me to have to make this announcement. In all the ten years of my leadership of this House, I have never had a duty so unpleasant as this to perform. The announcement which I am making concerns the separation of Singapore from the rest of the Federation.

The reasons for this have been many. Since the formation of Malaysia, and this year in particular, there have been so many differences with the Singapore Government and these differences take many forms; so much so that it has now come to a breaking point. I can't find any way out except the course of action which I am forced to take.

I have given myself plenty of thoughts while I was lying in bed in London and also when I was convalescing before my return to this country. I had conveyed my thoughts to my friend and colleague, Tun Abdul Razak, who had sought to find an understanding with the leaders of Singapore, but I am afraid to no avail. It appeared that as soon as one issue was resolved, another cropped up. Where a patch

was made here, a tear appeared elsewhere, and where one hole was plugged, other leaks appeared. So, it does seem completely impossible to arrive at a solution whereby we can hope to pull along together and to work together in the interest and for the common good of Malaysia. We have tried everything possible to avoid separation of Singapore from the rest of Malaysia. In the end we find that there are only two courses of action open to us.

Number one is to take repressive measures against the Singapore Government for the behaviour of some of their leaders and number two to sever all connections with the State Government that has ceased to give even a measure of loyalty to the Central Government. The position of the Central Government not only at home but worse still abroad has been mocked on many instances.

It was clear some action must be taken. It is odious for us to take repressive measures against the Singapore Government, for such action is repulsive to our concept of Parliamentary Democracy. Even then it would not solve the problem before us, because as I said just now, there is not one problem but many, and one that give us most concern is communal issue. This is the matter which concerns me most, because the peace and happiness of the people in this country depend on goodwill and understanding of the various races for one another. Without it this nation will break out, with consequential disaster which we have seen and read about, happening elsewhere. We feel that this repressive action against a few would not therefore solve the problem because the seed of this contempt, fear and hatred has been sown in Singapore, and even if we try to prevent its growth, I feel that after a time it will sprout up with more virulent force. The thousands of students abroad have been fed with all kinds of propaganda against the Central Government.

Malaysian Malaysia , in particular, suggests that the Malaysia we have now is bad, for it gives all the advantages to one race while depriving others of their rightful place in our society.

Foreign correspondents who approached me on this subject while I was in England and France were under the wrong impression that the Malay dominated Central Governmant has not been fair to others, that there has been discrimination against the Chinese in all fields and in all matters. One even when so far

as to suggest that the closing of Bank of China is a move against the Chinese. Poor stall holders have to close down because they are unable to get the food they need from China.

It was suggested that our quarrel with the PAP was due to the fact that we are afraid of the far more advanced and enlightened socialist Government of Singapore. They appeared incredulous when I informed them that there are Socialist Parties in the mainland and other parties who are opposed to our party and the PAP contested our election without success and that the only party that we ban is the Communist Party. I also informed them that most of these parties are made up mainly of Chinese whose number well exceeds that of Mr. Lee Kuan Yew's and to suggest, therefore that Mr. Lee Kuan Yew represents the Chinese and at the same time represents the only left wing party in the country is wrong.

There appeared also in the foreign press from time to time, articles and report which gave an entirely wrong picture of this country to the people abroad. They implied any action that we take to stop to the subversive activities of the enemies and the traitors as attempts to victimise the Chinese. Apart from the closure of the Bank of China, the resettlement of the Chinese and Sarawak is one of the examples I can gives of criticccm directed against us. In short while there are trying to build up the image of Lee Kuan Yew they at the same time are belittling us.

While in London I have had to interview some of the pressmen, representing some of the leading papers and magazines and explain to them what the position is, but we can't do that all the time. We want to be allowed to be left alone and to be given the moral support which we deserve to bloster our courage against the communist threat and Indonesian confrontation. We consider ourselves as one of the nations in South-East Asia that has managed not only to fight our enemies but also to provide for our people's need. We are in fact one of the countries that have made a real success of our independence.

While we have to spend so much money in strenthening our defences, we have at the same time managed to provide livelihood, education and other services which have made this country happy and prosperous and the people, on the whole contented.

There has also been certain inclination on the part of the some countries to look upon the Prime Minister of Singapore as an equal partner in the Government of Malaysia and to encourage indirectly to assert his authority and this has made the situation rather awkward to us. In a nation there can only be one national executive head. The illustration which I saw in one of British papers depicting a cartoon of Lee Kuan Yew and myself over the map of Malaysia, and with the caption "too many cooks" is to the point. This is a situation which must be avoid. There can only be one Prime Minister for the Nation, and so the best course we can take is to allow Lee Kuan Yew to be the Prime Minister of independent Singapore in the full sense of the word which otherwise he would not.

I was hoping to make Singapore the New York of Malaysia and had begged the politicians of Singapore to give their thoughts for the fulfillment of this objective. In order to do that it is necessary to place the interest of Singapore above that of their own personal glorification. Unfortunately political rivalry and political activities and enthusiasm of the various politicians in Singapore had made this impossible.They lost sight of the importance of Singapore as one of the most important ports in South East ASia. My dream is shattered and so we come now to the parting of ways.

In the matter of finance, too, it has been extremely difficult to obtain Singapore's support. Criticisms levelled at the Central Government by the Singapore representatives at the last Budget Meeting of this Parliament are still fresh in the Hon'ble Members' memory. Now we find we have reached a stage where it is difficult to agree on anything at all, however trivial the matter may be. There is disagreement as to the quantum of Singapore's financial contribution to the Central Government.

The Hon'ble Members are aware that there has been a sharp rise in the defence and security expenditure and the Central Government felt compelled to ask for Singapore's support. Itis only right that it should bear a legitimate share of the country's burden, but Singapore refused to make this contribution except in so far as the Singapore defence is concerned.

Under Annex J to the Malaysian Agreement, Singapore was

bound to contribute for a five-year period by way of loan, a sum of $150 million to the Central Government for economic development in Sabah and Sarawak. Part of this loan was to be free of interest. But this loan has not been given. There have been bickerings over the amount of interest to be paid, and Singapore refused to trust the Bank Negara to determine the current market rate for long term loans in the Federation, but instead proposed a World Bank arbitrator. This would have taken a considerable time to reach a decision. In the meantime the development of these two states is absolutely urgent.

These are among other troubles we had with Singapore, which as time goes on the political trouble which is simmering today might blow up into something extremely serious.

On the other hand our relationship with Sabah and Sarawak has been excellent. We are desirous of carrying out extensive development programme in these two States, because we realise that under the colonial rule, the development in the two States had been neglected. We know that they have joined us on their own accord and on their own free will in order to enjoy not only the independence and prestige which freedoms bring them, but also to enjoy the other fruits of independence.

They fit into the pattern of administration with the rest of the States in Malaysia so admirably well, and unless we can carry out some development, however small it may be, their hope and trust in us will inevitably lessened. But with the money we have to pour out to defend ourselves against Indonesian agression, it would expected that Singapore would co-operate. Unfortunately they refused.

The people of Sabah and Sarawak live in an area where Indonesian agression is most strong and violent. Since Indonesia started its confrontation against Malaysia, the people of Sabah and Sarawak have suffered more casualties than the people in other parts of this country. In spite of that they feel no fear or sense of frustration but continue to play their part as true, patriotic and loyal citizens of Malaysia. The people in the mainland admire them for their courage and no word is sufficient to describe our thanks and admiration for them.

I hope the breakway with Singapore will not cause them undue

worry or concern, and that in the circumstances they will agree the course of action we are taking is the only one open to us in order to maintain peace and harmony in Malaysia, and at the same time to obtain the closest cooperation with Singapore.

Those citizens of Singapore who have been strong in their support for Malaysia, I hope will not feel that they have been let down. I can assure them that in my discussion with the Prime Minister of Singapore we have agreed that they would be given the fullest protection and amenities as given to the other citizens. On the other hand if they feel strongly that they wish to evacuate and come to the Federation, I have arranged with the Menteri Besar of Johore to reserve quite an extensive area of land in the State to enable them to live in the Federation. We will do all we can to make them feel comfortable and welcome. I pray that they will not lose their sense of balance and do some thing which can only bring about unhappiness to themselves, their families and ourselves. This is the last thing which we would like to happen, and considering the peace of Malaysia as a whole we are convinced that there is no other way out but to what we think is best. Things are getting worse every day. Irresponsible utterances are made by both sides, which reading between the lines, is tantamount to challenges, and if trouble were to break out the innocent people will be sacrified at the altar of belligerent, heartless and irresponsible trouble makers of this country.

So, I believe the second course of action which we are taking, that is the breakaway, is the best and the right one, sad as it may be. We had pledged to form Malaysia with Singapore but having given it a trail we found that if we persist in going with it, in the long run there will be more trouble to Malaysia that what Singapore is worth to us. The separation will be made on the understanding that we shall co-operate closely on matters of defence, trade and commerce.

This matter was discussed with the Government of Singapore, as a result of which we had drawn up an Agreement which sets out the terms agreed upon and contains those matters which I mentioned just now. This Agreement has been signed be selected members of the Central Government and those of the State of Singapore.

The Agreement is to grant Singapore independence and establish it as a sovereign State...

I pray that Singapore and the people of Singapore will enjoy peace in that island. Whatever we can do to help them, I can assure them that we will be too glad to do. In diversity I am convinced we can find unity or in ordinary everyday parlance 'absence will make the hearts grow fonder.'

[*Ucapan di atas telah dibuat oleh Tunku di Parlimen pada 9 Ogos 1965 ketika membentangkan Rang Undang-undang meminda Perlembagaan Malaysia dan Akta Malaysia.*]

Dua Puluh

1969: PILIHANRAYA TERAKHIR BUAT TUNKU

Tiada manusia ibarat Pulau terpencil sendirian. Setiap orang secebis dari Benua, sebahagian dari keseluruhan. Kematian siapa pun memperkecilkan harga diriku, kerana aku sebahagian dari kemanusiaan; Dan kerana itu janganlah bertanya untuk siapa loceng kematian berbunyi; loceng kematian itu berbunyi untuk mu.

John Donne

PETIKAN DI ATAS SAYA ambil daripada buku karya Almarhum Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj bertajuk 'Mei 13 Sebelum Dan Selepas' yang ditulis oleh beliau selepas tragedi rusuhan kaum berlaku di Kuala Lumpur pada 13 Mei, 1969.

Kita tidak tahu apakah tujuan sebenarnya Tunku menggunakan petikan kata-kata John Donne itu. Walau bagaimanapun apa yang dicatatkan oleh Leon Comber dalam buku beliau '13 May 1969 - A Historical Survey of Sino-Malay Relations' dapat menjelaskan kepada kita akan perasaan Tunku ketika itu. Catatan Tunku yang petik oleh Leon Comber dalam buku tersebut adalah seperti berikut:

Kuala Lumpur was a city on fire. I could clearly see the

conflagration from my residence at the top of the hill and it was a sight that I never thought I would see in my lifetime. In fact all my work to make Malaysia a happy and peaceful country through these years, and also my dream of being the happiest Prime Minister in the world, were also going up in flames.

Pada 20hb Mac, 1969, tibalah masanya untuk rakyat Malaysia memberikan mandat baru kepada kerajaan. Sebagaimana biasa Yang Dipertuan Agung telah membubarkan Parlimen dan begitu juga dengan dewan-dewan undangan negeri yang turut sama dibubarkan. Untuk pilihanraya umum kali itu Suruhjaya Pilihanraya telah memilih tarikh 10 hb Mei sebagai tarikh pembuangan undi di Malaysia Barat (kini dikenali sebagai Semenanjung) dan 17 Mei untuk Sabah Sarawak.

Pilihanraya 1969 adalah merupakan pilihanraya umum kali ke-3 diadakan di negara ini selepas pilihanraya umum tahun 1959 dan 1964.

Tunku yang ketika itu menjadi Presiden UMNO dan juga Perdana Menteri meramalkan bahawa parti Perikatan akan memenangi pilihanraya umum itu dengan mudah sebagaimana dalam kempen tahun 1964. Dari segi pakatan dalam Perikatan, memang tidak timbul sebarang masalah. Awal-awal lagi persetujuan pembahagian kerusi sudah dicapai - UMNO bertanding di 68 kawasan; MCA, 33 kawasan dan MIC, 3 kawasan.

D isamping itu Perikatan yang dipimpin oleh Tunku begitu yakin dengan keupayaan mereka mengulangi keputusan pilihanraya umum 1964 berdasarkan prestasi mereka dalam mentadbirkan negara selama ini. Lagipun Perikatan telah memenangi empat dari jumlah lima pilihanraya kecil yang diadakan dalam tahun 1968. Kecuali kawasan Parlimen Bachok, Kelantan di mana Perikatan telah tewas, keputusan-keputusan dikawasan-kawasan lain amat memberangsangkan. Musa Hitam telah memenangi kawasan Parlimen Segamat Utara dengan jumlah undi majoriti yang agak selesa walaupun jumlah pengundi dikawasan tersebut terdiri dari 40 peratus para pengudi Melayu. Di samping itu Perikatan juga telah memenangi kawasan DUN Tampoi, Johor dan Serdang Baru, Selangor. Dan apa yang menyebabkan parti tersebut begitu yakin ialah kemenangan mereka di Serdang Baru.

Calun Perikatan Thuan Piak Phok bukan sahaja berjaya memecahkan kubu kuat Parti Buruh yang dibumbui oleh semangat kecinaan yang menebal malah beliau berjaya pula menambahkan bilangan para pengundi yang menyokong 'Kapal Layar' dari 41.5 peratus kepada 46.6 peratus.

Dengan kejayaan-kejayaan tersebut, Tunku dan juga para pemimpin MCA yakin bahawa mereka berupaya menggerak sokongan di kawasan-kawasan masing-masing tanpa mengira sama ada calun yang bertanding itu dari keturunan Melayu ataupun Cina. Malah mereka begitu yakin bahawa jumlah sokongan mungkin juga telah bertambah. Hakikat ini ditokok pula dengan kemenangan tanpa bertanding bagi Perikatan di 19 kawasan Parlimen dan 11 kawasan DUN pada hari 5 April 1969, iaitu hari penamaan calun ditutup.

Sementara semangat setiakawan antara-kaum begitu erat di peringkat pemimpin tertinggi dalam Perikatan. Tunku dalam konteks ini banyak sekali menunjukkan sikap tolak ansur dalam memupuk semangat perpaduan di antara para pemimpin UMNO dengan pemimpin MCA. Dalam usaha mengekalkan keadaan ini Tunku telah mengambil beberapa tindakan drastik dengan memecat orang-orang yang dianggap beliau tidak setia kepada pucuk pimpinan. Kita tentu masih ingat bagaimana Aziz Ishak telah disingkirkan oleh Tunku dari UMNO sementara Rahman Talib dan Lim Yew Hock pula mendapat pertolongan dan sokongan dari Tunku walaupun tatkala itu mereka telah terbukti melakukan perkara yang agak sumbang.

Tunkujuga cukup bermurah hati dalam mencadangkan sesiapa sahaja untuk menerima pingat walaupun pingat tertinggi seperti pingat Panglima Setia Mahkota. Contohnya, Lim Yew Hock yang juga pengasas dan pengerusi parti Singapore People's Alliance pernah diberikan gelaran Tun.

Dalam tahun 1963 Lim Yew Hock telah dilantik untuk memegang jawatan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Australia dan New Zealand. Tiga tahun kemudian, Lim Yew Hock tiba-tiba sahaja telah hilang dari Canberra. Justeru itu satu operasi besar-besaran telah diadakan oleh kerajaan Australia bagi mengesan di manakah Lim Yew Hock berada. Pihak keselamatan Australia dan juga organisasi inteligensia mereka telah diletakkan dalam keadaan

berjaga-jaga. Dalam satu pengumuman telivisyen ke seluruh negara, isteri beliau Toh Puan Lim dan dua orang anak perempuan beliau telah meratap serta merayu agar Lim Yew Hock kembali kepangkuan keluarganya. Malah Australian Broadcasting Commission telah meminta maaf secara terbuka kerana menyiarkan rancangan yang berbentuk peribadi ini. Tidak ketinggalan dalam usaha mencari itu, pihak Interpol juga telah diminta membantu. Dalam, akhbar 'Sydney Mirror' Tunku juga telah merayu kepada Lim Yew Hock agar pulang 'from wherever you are'.

Akhirnya setelah seminggu menghilangkan diri, Lim Yew Hock muncul semula di Canberra mendakwa bahawa beliau telah mengalami kesakitan fisikal dan juga urat-saraf.

Begitupun, di Kuala Lumpur versi kehilangan Tun Lim, Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Australia dan bakal Duta Malaysia ke Itali memaparkan cerita yang sama sekali berbeza. Menurut desas-desus di Kuala Lumpur, Tun Lim telah terjebak dalam satu skandal dengan seorang penghibur kelab malam bernama Saundra Nelson. Toh Puan Lim yang cemburu dengan perhubungan sulit suaminya itu telah mengancam akan melakukan sesuatu untuk memalukan Lim Yew Hock dimata awam dan sekiranya dia tidak pulang ke rumah pada malam tersebut Toh Puan Lim mahu memanggil pihak polis dan sekaligus mendedahkan skandal beliau. Justeru itu oleh kerana beliau takut malu sekiranya perkara tersebut didedahkan kepada pihak awam, maka Lim Yew Hock telah menyembunyikan dirinya

Sungguhpun perbuatan Lim Yew Hock itu cukup memalukan negara kerana beliau bukan seorang pegawai biasa tetapii merupakan seorang Pesuruhjaya tinggi namun sekembalinya beliau ke Kuala Lumpur Tunku telah membela beliau malah memberikan Lim Yew Hock satu jawatan kanan di Kementerian Luar Negeri tanpa mengambil kira protes yang disuarakan oleh orang ramai. Tapi akhirnya disebabkan Lim Yew Hock masih lagi terjebak dalam beberapa skandal di Kuala Lumpur dan Melaka, Tunku terpaksa juga menyingkirkan beliau dari jawatannya serta melucutkan pingat anugerah yang bergelar Tun itu dari Lim Yew Hock.

Begitulah antara cara Tunku mengikat tali setiakawan diantara para pemimpin berlainan kaum di peringkat tertinggi. Dalam lain

perkataan, perhubungan seperti itu bolehlah dianggap sebagai perhubungan yang berbentuk peribadi.

Dalam pada Perikatan begitu yakin mengulangi kemenangan 'landslide' sebagaimana pilihanraya umum 1964, parti-parti pembangkang bekerja keras untuk memperbaiki kedudukan mereka di dalam Parlimen. Sesuatu yang agak baru di dalam kempen pilihanraya kali itu ialah adanya polarisasi kaum dan semangat perkauman yang agak kuat dilaungkan oleh parti-parti pembangkang.

Dalam waktu yang sama, kejayaan politik yang dicapai oleh kerajaan adalah agak sukar untuk dilihat. Antara kejayaan-kejayaan sebagaimana yang dirasakan oleh Tunku ketika itu ialah keupayaan parti yang memerintah mengekalkan keselamatan awam dan juga menghindarkan sebarang geseran di antara kaum. Walaupun demikian bagi kebanyakan rakyat kejayaan-kejayaan yang didakwa oleh kerajaan itu bukanlah kejayaan yang boleh dititikberatkan sangat. Dalam pada itu terdapat juga kejayaan lain seperti kejayaan dari segi melakukan kompromi. Begitupun dalam hal ini tidak ada pihak yang rugi dan tidak ada juga pihak yang boleh dikatakan sebagai beruntung.

Sebagai memulakan kempen pilihanraya umum, Parti Perikatan telah menerbitkan manifestonya yang bertajuk 'An Even Better Deal for All'. Manifesto setebal 24-halaman ini telah dicetak oleh Kum Printers, Kuala Lumpur yang kini terlibat dalam pencetakan akhbar-akhbar tabloid termasuk akhbar Mingguan Kota ketika saya memegang jawatan sebagai pengarangnya. Antara lain manifesto parti Perikatan itu menyebut:

> *We had a full share of tensions - racial prejudice, religious bigotry and an armed insurrection... These tension are still present, though in much mitigated form. The policies of the Alliance are designed to bring about their eventual elimination.*

Apakah benar Tunku dan para pemimpin-pemimpin MCA damn MIC sedang malakukan sesuatu dalam membenteras sentimen perkauman ini di kalangan rakyat.

Dalam pada itu parti-parti pembangkang juga sudah mula berkempen walaupun di peringkat awalnya agak perlahan sedikit.

Membuka tirai kempen dari pihak pembangkang ialah Dr. Tan Chee Khoon dari parti Gerakan. Di dalam rapat-rapat umum yang diadakan oleh parti tersebut, Dr. Tan Chee Khoon telah menyoal sama ada apakah benar bahawa calun-calun parti Perikatan telah dipilih kerana mereka memberikan maklumat terkelas kepada badan perisik Amerika Syarikat, Central Inteligence Agency atau yang lebih dikenali dengan panggilan singkatnya, CIA. Sementara itu Dato' Kampo Radjo dari Parti Rakyat yang juga calun bagi kawasan Melaka Tengah telah menuduh bahawa dua orang ahli kabinet Tunku telah menerima pemberian wang dari badan perisik tersebut.

Apa yang agak menarik tentang tuduhan di dalam kempen pilihanraya umum itu ialah Pejabat Kedutaan Amerika Syarikat yang telah mengambil langkah yang agak luar biasa dalam menafikan tuduhan Dr. Tan Chee Khoon. Dalam satu kenyataan resmi yang dikeluarkan oleh pejabat Kedutaan Amerika Syarikat itu seperti yang dilaporkan dalam akhbar The Strait Times edisi 19 April 1969, jurucakap kedutaan tersebut dipetik sebagai berkata: *"We say that the charge is completely without foundation."*

Walaupun terdapat kempen yang agak hebat dilakukan oleh kedua-dua pihak - kerajaan dan pembangkang, namun ketika itu bolehlah dikatakan berada di dalam mood yang agak 'jovial'. Sebagai memulakan kempen pilihanrayanya di Ipoh, Tunku mengingatkan kepada para hadirin bagaimana 10 tahun yang silam ketika mengadakan kempen serupa itu, wayar mikrofon telah terputus dan dengan segala pekikan, sorakan dan ejekan adalah mustahil bagi sesiapapun mendengar apakah yang diperkatakan oleh beliau. Tapi dalam kempen tahun 1969 itu, setiap orang dapat mendengar apa yang dikatakan oleh beliau dengan secara sabar dan senyap. Inilah yang dikatakan demokrasi,' jelas Tunku dalam kempen di Ipoh itu.

Di hari yang lain di Petaling Jaya, bercakap dalam satu rapat umum Tunku dengan bangganya menjelaskan munculnya masyarakat yang dianggotai oleh kelas pertengahan. Di Kajang pula Tunku mendakwa bahawa kestabilan, keamanan dan kekayaan yang ketika itu dinikmati oleh rakyat tidak dapat ditandingi oleh negara-negara lain kecuali Jepun.

Ketika berucap di Seremban , Tunku menjelaskan keyakinannya

bahawa taatsetia rakyat terhadap Malaysia akan meningkat dalam sedikit masa lagi dan generasi yang akan datang akan menjadi 'true Malaysian'. Tapi ketika mengadakan rapat umum di Kuala Pilah, Tunku telah berucap dengan wajah yang agak sedih dan sayu sambil mengingatkan kepada para hadirin bahawa DAP bukan sahaja mencabar hak-hak orang Melayu malah turut sama mencabar Perlembagaan. Namun begitu, dalam ucapannya di Port Dickson itu Tunku yakin bahawa kaum Cina yang berfikiran waras akan terus memberikan sokongan mereka kepada Perikatan dan menolak pembangkang kerana selama ini mereka telah menikmati kehidupan yang baik dibawah pemerintahan parti bersimbolkan kapal layar itu.

Apakah semua yang dikatakan oleh Tunku ketika berkempen itu hakikat yang mempunyai asas ataupun propaganda kerajaan semata-mata?

Hari Sabtu 10hb Mei 1969 adalah merupakan hari yang sama seperti hari-hari lain di Kuala Lumpur,ibu negara Malaysia dan juga ibu negeri bagi Selangor (ketika itu Kuala Lumpur masih belum lagi dijadikan sebagai Wilayah Persekutuan. Langit kelihatan cerah dengan keadaan cuaca yang menjanjikan tidak akan turunnya hujan untuk sekurang-kurangnya sehingga tengahari. Dan seperti biasa kedai-kedai dibuka untuk perniagaan.

Di bandar-bandar lain dan juga di kampung-kampung aktiviti berjalan seperti biasa. Sungguhpun tidak ada apa-apa yang ganjil tentang hari tersebut, tapi tarikh 10 Mei 1969 itu adalah tarikh pembuangan undi dimana rakyat akan membuat pilihan dan di mana kerajaan yang memerintah akan diuji.

Pada hari tersebut, pagi-pagi lagi para pegawai pilihanraya telah bersiap-sedia dan tepat pada masa yang telah ditetapkan, pusat-pusat pembuangan undi pun dibuka. Dan di sepanjang hari orang ramai sama ada dalam kumpulan yang besar mahupun yang kecil beratur untuk menunggu giliran mereka membuang undi.

Sementara itu di Padang Di Klub Selangor (kini Dataran Merdeka) sebuah papan tanda besar telah pun siap dipasang untuk mencatatkan keputusan pilihanraya umum itu. Persiapan juga berjalan lancar di Radio dan Telivisyen Malaysia yang dijangka akan memanjangkan siarannya hingga ke awal pagi

untuk mengumumkan keputusan-keputusan.

Keadaan pada hari itu cukup terkawal. Rata-rata boleh dikatakan tidak ada sebarang demonstrasi ataupun kejadian yang tidak diingini berlaku kecuali penangkapan tiga orang pemuda yang cuba menghalang seorang pegawai pilihanraya dari pusat pengundian di Sungai Buloh.

Sungguhpun demikian suasana di Kuala Lumpur beberapa hari menjelang tarikh pembuangan undi itu agak tegang.

Pada pagi 4hb Mei, sekumpulan tiga orang anggota polis telah membuat rondaan di kawasan Kepong telah terserempak dengan sekumpulan pemuda Cina yang sedang menulis satu mesej di tengah-tengah jalan raya. Apabila disoal dan kemudiannya cuba dihalang oleh anggota-anggota polis tersebut, pemuda-pemuda tadi telah mencabar mereka dengan membaling batu, kayu besi-besi tajam dan juga kepingan-kepingan besi. Mereka kemudian lari meninggalkan kawasan tersebut dan terus bersembunyi di sebuah pasar yang berdekatan.

Setelah memperkenalkan diri mereka, anggota-anggota polis itu telah mengejar pemuda-pemuda Cina tadi dan mengesan mereka di kawasan tersebut. Bagaimanapun pemuda-pemuda itu memang sengaja mencari sebab untuk mencabar dan seterusnya bergaduh dengan pihak polis.

Dan dalam pergelutan itu, salah seorang dari anggota polis tersebut telah melepaskan satu das tembakan sebagai mempertahankan diri. Tembakan tersebut telah mengakibatkan kecederaan kepada salah seorang dari pemuda-pemuda Cina itu dan kemudiannya mati ketika dibawa ke Hospital Besar Kuala Lumpur.

Begitupun, diatas sebab-sebab yang tertentu mayat Lim Soon Seng itu telah dibawa ke rumah mayat yang terletak di Jalan Sultan dimana terletaknya komuniti masyarakat Cina yang besar di Kuala Lumpur. Pada hal mayat tersebut sepatutnya dibawa sahaja balik ke rumah keluarganya di Kepong.

Pihak polis kemudian menerima permohonan dari pihak simati untuk mengadakan perarakan pengkebumian pada 10 Mei 1969 iaitu bertepatan dengan hari pembuangan undi. Namun demikan, permohonan tersebut telah ditolak oleh pihak polis. Bagaimanapun setelah keluarga simati membuat rayuan dan para pemimpin Parti Buruh pula membuat desakan yang berulang kali, maka pihak

polis terpaksa juga akur kepada kehendak mereka dan mengeluarkan permit perarakan tersebut untuk tarikh 9 hb Mei dengan syarat perarakan itu dilakukan secara tertib dan teratur dan melalui jalan-jalan yang telah ditetapkan.

Sebenarnya perarakan yang hendak diadakan itu bukanlah perarakan pengkebumian dalam erti kata yang sebenarnya. Ia telah dipergunakan oleh pihak parti pembangkang sebagai satu propaganda bahawa kerajaan yang memerintah ketika itu telah berlaku zalim terhadap orang-orang Cina. Dalam lain perkataan, perarakan tersebut bertujuan mengadakan kempen secara besar-besaran untuk memancing simpati dan undi masyarakat Cina di sekitar Kuala Lumpur.

Catatan bertulis Encik Mansor Mohd Noor, Pegawai Penjaga Lalulintas Polis Daerah Kuala Lumpur menjelaskan motif perarakan tersebut. Catatan beliau itu saya petik seperti berikut:

> *'Pada jam 8.45 pagi, 9hb Mei, 1969, saya telah pergi ke Rumah Mayat (Cik Sin Tong) di Jalan Sultan untuk menyaksikan sama ada persiapan-persiapan dan peraturan-peraturan bagi perarakan mayat itu dijalankan sebagaimana yang telah dipersetujukan oleh Polis. Sekumpulan besar orang ramai telah berhimpun di situ. Menurut lesen yang telah dikeluarkan, patutlah dimulakan pada jam 9.30 pagi, tetap tidak dimulakan sehingga 9.55 pagi.*
>
> *'Perarakan itu sepatutnya membelok ke kiri dari Jalan Sultan menghala ke Bulatan Merdeka, tetapi sebaliknya telah membelok ke kanan dan berjalan melalui Jalan Petaling. Mereka telah menyorak-nyorak dan mengejek-ngejek polis lalulintas yang sedang bertugas dengan tujuan hendak menaikkan kemarahan mereka itu (polis). Dengan berbelok ke kanan, maka mereka telah melanggar syarat yang pertama.*
>
> *'Kemudian perarakan itu telah berhenti di penjuru Jalan Petaling dengan Jalan Cecil. Semasa di situ mereka telah mula berucap kepada orang ramai, menyanyi lagu-lagu dan menyebarkan risalah-risalah ajaran Mao, dan menampalkan risalah-risalah di tembok-tembok dan tiang-tiang rumai kedai. Salah satu daripada risalah-risalah itu berbunyi "Rejim Tunku Abdul Rahman*

Kejam"; dan yang satu lagi berbunyi Ajaran Mao sahaja yang boleh diamalkan di sini." Mereka telah membawa sepandok gambar-gambar Mao dalam perarakan itu saya tidak dapat menyatakan berapa banyakkah sepandok-sepandok gambar itu.

'Saya telah mendahului perarakan itu untuk pergi ke Foch Avenue dan telah menyoal ketua mereka yang berada di kepala perarakan (kerana mereka telah mengikuti jalan yang salah), "Kamu hendak ikut jalan mana?" Jawabnya aku tak tahu dan aku tak peduli".

'Perarakan itu telah berhenti tiap-tiap lima atau enam ela untuk berucap kepada beribu-ribu orang yang membanjiri kedua-dua belah jalanraya. Ketika itu saya sedang berdiri di hadapan Bangunan Malayan Banking dari mana saya dapat menyaksikan orang ramai telah bertambah-tambah ramai. Bilangannya sudahpun meningkat beribu-ribu orang iaitu berkali-kali ganda melebihi dari seribu orang yang telah dipersetujukan. Mereka bertempek, "Polis anjing buruan Kerajaan!"

'Apakala perarakan itu tiba di penghujung Jalan Petaling berhadapan dengan Malayan Banking, mereka telah membelok ke kanan masuk ke Jalan Yap Ah Loy, iaitu jalan yang tidak dibenarkan, menghala ke Jalan Klyne dan kemudiannya berpusing masuk ke Jalan Mountbatten - semua jalan-jalan ini adalah jalan yang ditegah masuk.

'Kemudian mereka bergerak melalui Jalan Mountbatten hingga mereka sampai di penjuru Jalan Mountbatten dengan Jalan Tunku Abdul Rahman. Pada jam 11.25 pagi perarakan itu telah tiba di penjuru jalan ini.Kemudian mereka bergerak perlahan-lahan menuju ke Jalan Ipoh.

'Di hadapan Bangunan MARA kira-kira 500 orang yang menaiki motosikal yang sedang menunggu di situ telah menyertai perarakan itu. Pada ketika itu saya telah menulis seberapa banyak nombor-nombor motosikal itu.Mereka telah berhenti di hadapan Bangunan MARA untuk sekali lagi membuat ucapan

kepada orang ramai.

'Pada jam 12.35 tengahari mereka telah sampai di hadapan Ibu Pejabat UMNO dan sekali lagi membuat ucapan kepada orang ramai dan mengeluarkan kata-kata yang menghina.
'Pada jam 2.25 petang mereka telah sampai di penjuru Jalan Jinjang dan Jalan Ipoh. Ketika itu hujan mulai turun.

'Pada jam 3.00 petang mereka telah tiba di Ibu Pejabat Parti Buruh Malaysia, Kepong. Di Kepong beribu-ribu orang telah beratur di kiri kanan jalan untuk memberi minuman kepada mereka. Mereka telah berhenti selama 45 minit di tempat itu untuk menyusun semula perarakan tersebut.

'Pada jam 5.00 petang mereka telah sampai di Balai Polis Kepong dan bergerak se ela demi seela sambil memberi ucapan kepada orang ramai dengan menyebarkan ajaran-ajaran Mao dan memaki Polis. Perasaan orang ramai telah mula menjadi hangat dan kami menjangka kekacauan akan meletus di saat itu.

'Pada jam 5.30 petang mereka telah tiba di penjuru jalan kecil yang menuju masuk ke tanah perkuburan dan terus berjalan hala ke perkuburan.

'Setelah itu saya telah balik dan tiba untuk membuat laporan di Pusat Kawalan pada jam 6.00 petang.

'Kelakuan orang-orang yang mengikuti perarakan itu amatlah liar dan merupakan perbuatan provokasi dan sekiranya pihak polis tidak dapat menahan kesabaran maka tentulah kekacauan telah tercetus pada hari itu juga. Bilangan mereka tidak kurang dari 10,000 orang. Beribu-ribu orang mungkin terbunuh kiranya kami tidak menahan sabar. Saya tidak syak lagi yang inilah yang mungkin berlaku. Mereka memang telah mengaturkan segala-galanya dengan rapi.

'Menurut Inspektor Sakunathan, dia telah melihat senjata-senjata disembunyikan di dalam keranda dan mayat simati

telah diusung di luar keranda itu dibalut dengan kain. Ini telah disahkan oleh Inspektor itu.'

Begitulah kemuncak kempen pilihanraya oleh parti pembangkang sehari sebelum hari pembuangan undi. Dan kempen yang begini besar sudah tentulah sedikit sebanyak membuahkan hasil.

Pada malam awal pagi 11hb Mei 1969, keputusan terakhir pilihanraya Malaysia Barat pun diumumkan. Sebagaimana yang dijangkakan oleh pihak pembangkang mereka telah menambahkan bilangan kerusi di Dewan Rakyat dan juga di beberapa buah negeri. Di Selangor Perikatan hampir-hampir tewas kepada DAP yang memenangi 12 kerusi berbanding dengan hanya 1 kerusi sahaja yang dimenangi oleh PAP dalam pilihanraya umum 1964. Sementara Perikatan yang dulunya memenangi 21 kerusi hanya mampu mengekalkan 12 kerusi sahaja. Sementara itu satu kerusi dimenangi oleh calun bebas.

Di Pulau Pinang Perikatan hanya berjaya memperolehi 4 kerusi berbanding dengan 18 kerusi yang dimenanginya dalam pilihanraya umum yang lalu. Dengan keputusan itu parti Gerakan yang memengangi 16 kerusi berjaya membentuk kerajaan negeri. Dalam lain perkataan Pulau Pinang buat pertama kalinya jatuh ke tangan parti pembangkang.

Dengan keputusan-keputusan tersebut, nyatalah apa yang diyakini oleh Tunku sebelum pilihanraya umum itu diadakan lebih merupakan propaganda kerajaan dari hakikat yang sebenarnya.

Pada 11 Mei 1969, kebanyakan pemimpin-pemimpin terpaksa menelan realiti keputusan tersebut. Pada hari itu kebanyakan dari mereka masih lagi letih kerana berkempen di sepanjang-panjang minggu menjelang pilihanraya umum itu. Apa yang mereka perlukan ketika itu ialah masa untuk berihat dan tidur yang mencukupi kerana sudah terlalu banyak malam mereka terpaksa berjaga. Tapi disebabkan oleh keputusan yang diluar dugaan itu, mereka tidak dapat berbuat demikian dengan hati yang lapang.

Dr. Mahathir mendapat tahu tentang kekalahannya pada pukul 11.00 malam hari pembuangan undi itu. Beliau membuat rumusan bahawa para pengundi Cina telah berpaling tadah. Setelah berihat ala-kadar dan tidur-tidur ayam, beliau menghabiskan hari

minggunya dengan dikelilingi oleh para penyokong. Mereka membuat postmortem pilihanraya umum sambil membincangkan langkah-langkah yang harus diambil oleh Perikatan, terutamanya UMNO. Apa yang berlaku kepada UMNO adalah lebih penting dari apa yang berlaku kepada MCA ketika itu.

Beberapa orang calun UMNO yang berjaya dari Johor juga ketika itu merasakan perkara yang serupa. Mereka seolah-olah dapat merasakan adanya 'vaccum' ataupun ruang yang tertinggal kosong di peringkat kepimpinan tertinggi dalam UMNO.Mereka juga merasakan bahawa masyarakat Cina sudah mula hilang kepercayaan mereka kepada parti tersebut. Bagi mereka, masanya sudah tiba bagi UMNO diterajui oleh tenaga yang lebih muda dan kepimpinan yang lebih baru demi memperjuangkan kepentingan dan aspirasi orang- orang Melayu.

Allahyarham Tan Sri Syed Nasir Ismail yang telah menang tanpa bertanding sudahpun kembali ke Kuala Lumpur. Begitu juga dengan 'Singa UMNO' Allahyarham Tan Sri Syed Jaafar Albar dan juga Musa Hitam yang masing-masing telah bergegas untuk berada di ibu negara. Allahyarham Tun Dr. Ismail, bekas Menteri Dalam Negeri ketika itu dan seorang tokoh yang disegani juga sudah ada di Kuala Lumpur pada 11hb Mei itu.

Sementara itu Tunku masih lagi berada di Kedah. Beliau cuba untuk berihat. Namun mendapati sukar untuk berbuat demikian. Keputusan pilihanraya umum itu bukan sahaja menyebabkan Tunku berasa begitu sedih malah hilangnya Pulau Pinang dari tangan Perikatan dan bertambahnya kerusi PAS di negeri beliau sendiri adalah merupakan tamparan yang paling hebat buat Tunku. Bagi dirinya sendiri, Tunku juga nyaris-nyaris tewas di dalam pilihanraya umum tersebut sekiranya para nelayan di Pulau Langkawi tidak memberikan sokongan kepada beliau. Dan apa yang paling membimbangkan Tunku ialah nasib sahabat-sahabatnya yang berada di dalam kabinet.

Encik Senu Abdul Rahman (Tan Sri) telahpun menelefon beliau dan menyatakan kekecewaannya. Bagaimanapun Tunku telah memujuk Encik Senu. Walaupun beliau (Encik Senu) tidak boleh mengekalkan jawatannya sebagai Menteri Penerangan, namun Tunku telah berjanji di saat itu juga untuk melantik Encik Senu sebagai Setiausaha Agung UMNO.

Pada 5 Jun itu, Dr. Mahathir, bersama-sama Syed Nasir (Tan Sri) dan Syed Jaafar Albar (Tan Sri) telah membuat satu kenyattan di akhbar 'Utusan Malaysia' berhubung dengan soal MCA yang terus berada di luar Kabinet.

Begitupun, kenyataan yang dikeluarkan oleh ketiga-tiga orang pemimpin kanan UMNO ini tidak disenangi oleh Tunku. Sehari selepas itu Tunku telah menghantar sepucuk nota kepada setiap seorang daripada pemimpin yang telah membuat kenyataan akhbar itu dan menggesa agar mereka tidak membuat apa-apa kenyataan lagi.

Walaupun Syed Nasir dan Syed Jaafar Albar tidak mengambil tindakan selanjutnya terhadap surat Tunku itu, namun bagi Dr. Mahathir, beliau merasakan mempunyai tanggungjawab yang selanjutnya. Justeru itu beliau telah menbalas nota yang diterimanya dari Tunku itu dengan sepucuk surat menggesa agar Tunku meletakkan jawatannya sebagai Perdana Menteri dan juga Presiden UMNO. Dr. Mahathir juga menyalahkan Tunku sehingga tercetusnya peristiwa 13 Mei itu.

Tunku menerima surat Dr. Mahathir dengan penuh kejutan dan mengambil masa beberapa hari untuk membalasnya. Dalam suratnya itu Tunku telah menjelaskan beberapa perkara yang telah ditimbulkan oleh Dr. Mahathir. Mengenai 11 orang yang diampunkan dari menjalani hukuman gantung sampai mati, Tunku menjelaskan bahawa dia bertindak demikian atas desakan dan rayuan orang ramai serta badan-badan antara bangsa termasuk Pope. Mengenai permainan poker, Tunku menjelaskan bahawa itu adalah perangai yang sememangnya ada pada diri beliau sejak dari muda lagi. Beliau bermain poker sebagai satu bentuk riadah selepas penat bekerja seharian. Bagaimanapun beliau menafikan bahawa beliau telah bermain poker sehingga tercetusnya tragedi tersebut. Tunku juga menafikan bahawa kepimpinannya kini merosakkan UMNO. Di dalam surat itu, Tunku juga mengingatkan Dr. Mahathir bahawa ketika beliau mengambilalih UMNO, parti itu dalam keadaan yang lemah. Beliau telah mengorbankan banyak wang ringgit, masa dan tenaga untuk menjadikan parti tersebut sebagai parti yang terkuat di dalam negara ini. Tunku juga menafikan bahawa rakyat tidak menyukainya dan menekankan bahawa mereka yang tidak menyukainya adalah Dr.

Mahathir dan segelintir rakan-rakannya sahaja. Tunku juga mendakwa bahawa Dr. Mahathir cuba merosakkan apa yang telah dibinanya selama 17 tahun itu. Di akhir surat tersebut Tunku memberi pilihan kepada Dr. Mahathir sama ada mahu meletakkan jawatannya di dalam Majlis Kerja Tertinggi Umno atau menerima padah disingkirkan terus dari parti.

Namun demikian, Dr. Mahathir enggan meletakkan jawatannya. Beliau membalas surat Tunku itu dan meminta maaf kerana melukakan hati Tunku. Tapi pandangan beliau yang dijelaskan di dalam suratnya kepada Tunku tetap tidak berubah. Dr. Mahathir mengakui bahawa sumbangan Tunku sebelum bulan April 1969 memanglah merupakan sumbangan yang besar. Begitupun, Dr. Mahathir menjelaskan bahawa prestasi yang telah lalu tidak mencukupi bagi mempastikan kepimpinan yang berterusan. Sebagai contoh, Dato' Onn terpaksa meninggalkan UMNO apabila ia tidak mampu lagi memimpin parti tersebut selaras dengan kepentingan-kepentingan parti. Akhir sekali Dr. Mahathir menekankan bahawa beliau enggan meletakkan jawatannya walau apa pun jua akibat yang terpaksa diterimanya. Menurut Dr. Mahathir apa pun akibat yang mungkin berlaku terhadap dirinya adalah terlalu kecil jika dibandingkan dengan akibat yang mungkin berlaku terhadap negara ini.

Dengan keengganan Dr. Mahathir itu, Tunku kemudiannya mengambil tindakan menyingkirkan Dr. Mahathir dari UMNO.

Setelah Dr. Mahathir tersingkir dari UMNO, Tunku sesekali keluar bagi membersihkan imejnya. Bagaimanapun usaha itu terhalang dengan demonstrasi-demonstrasi yang diadakan oleh mahasiswa-mahasiswa.Walaupun usaha-usaha Tunku untuk mendapat sokongan boleh dikatakan agak gagal, namun keadaan keamanan negara kembali tenteram. Dan setelah lebih dari setahun berlalu, orang ramai mula melupakan apa yang telah berlaku di dalam UMNO.

Akhirnya pada bulan September 1970, Tunku telah dengan rasminya meletakkan jawatannya sebagai Perdana Menteri dan Presiden UMNO. Tempatnya telah digantikan oleh Tun Abdul Razak.

Walaupun Tunku telah bersara dari jawatan rasminya, namun ini tidak bermakna beliau terus meninggalkan lapangan politik.

Tidak berapa lama selepas persaraan itu Tunku telah dilantik pula menjadi Setiausaha Agung Sekretariat Islam yang kini di kenali sebagai Organisation of Islamic Countries. Buat beberapa ketika Tunku telah berkhidmat di Jeddah di mana terletaknya pejabat Sekretariat tersebut.

Apabila Tunku kembali ke tanahair setelah menamatkan perkhidmatannya dengan sekretariat tersebut, Tunku telah menulis kolum di akhbar 'The Star' dan turut memberikan pandangannya tentang isu-isu politik yang berbangkit di samping merakamkan pengalamannya. Selain dari menulis kolum Tunku juga turut menghasilkan buku-buku mengenai pengalamannya dan juga politik Malaysia. Di samping itu Tunku sempat mengarahkan sebuah filem legenda yang berjudul Mahsuri.

Tunku terus mengisi masa lapangnya itu dengan kegiatan-kegiatan ini sehinggalah UMNO menghadapi pemilihan dalam Perhimpunan Agung April 1987 di mana Tunku telah menyokong Tengku Razaleigh Hamzah. Tunku semakin aktif di dalam politik apabila UMNO diisytiharkan sebagai sebuah parti haram oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada bulan Februari dalam tahun 1988. Bersama-sama dengan Allahyarham Tun Hussein beliau telah turut terlibat dalam percubaan menghidupkan semula UMNO menerusi UMNO Malaysia. Namun walau bagaimanapun permohonan untuk mendaftarkan parti tersebut telah ditolak oleh pihak Pendaftar Pertubuhan kerana ketika itu pengharaman UMNO masih lagi belum diwartakan di dalam Warta Kerajaan.

Walaupun usaha Tunku untuk menubuhkan UMNO lama itu gagal namun Tunku terus berusaha untuk menghidupkan UMNO lama dengan berbagai-bagai cara.

Dan sejak dari tarikh tersebut Tunku kembali aktif di dalam politik dan menyokong perjuangan Tengku Razaleigh Hamzah dan kemudiannya Parti Semangat 46 termasuk Angkatan Perpaduan Ummah dan Gagasan Rakyat.

Dengan penglibatan ini Tunku tidak putus-putus memberikan sumbangannya kepada parti Semangat 46 sama ada di dalam bentuk tulisan-tulisan yang disiarkan melalui akhbar-akhbar tabloid termasuk akhbar 'Mingguan Kota' sendiri serta juga ceramah-ceramah politik.

Sungguhpun di saat-saat menjelang pilihanraya umum 1990

Tunku sering dilanda keuzuran namun beliau terus aktif di dalam politik parti tersebut.

Namun apabila Semangat 46 tewas dengan teruk dalam pilihanraya umum 1990 Tunku akhirnya mengambil keputusan untuk bersara dari politik. Dengan keputusan tersebut Tunku juga mengumumkan bahawa beliau tidak akan lagi memperdulikan tentang apa jua keadaan politik yang akan berlaku di dalam negara ini.

Dua Puluh Empat

ANTARA TUNKU DAN DR. MAHAHTHIR

I say here that Datuk Seri Dr. Mahathir did not at the time share my policy, for in his book 'The Malay Dilemma' he derided me.

Tunku

KRISIS ANTARA DR. MAHATHIR dengan Tunku walaupun dalam masa beberapa tahun sebelum Tunku meninggalkan dunia menjadi semacam fokas utama dalam senario politik tanah air, terutamanya di antara UMNO dengan Semangat 46, namun krisis tersebut bukanlah sesuatu yang baru.

Krisis di antara dua tokoh - satu bekas Presiden UMNO dan Perdana Menteri dan yang satu lagi sedang menyandang jawatan yang serupa bolehlah dianggap sebagai satu dilema sebagaimana buku Dr. Mahathir itu sendiri, Dilema Melayu yang mendedahkan kelemahan-kelemahan pentadbiran Tunku. Bezanya cuma Tunku tidak pernah menulis sebuah buku yang mempertikaikan kelemahan-kelemahan Dr. Mahathir sebagaimana yang sering disebut-sebut oleh beliau di dalam ceramah-ceramah politik Semangat 46.

Meskipun demikian, sesuatu yang agak ketara di dalam krisis antara kedua orang tokoh ini ialah bahawa Dr. Mahathir hanya mengkritik Tunku ketika Allahyarham masih lagi menjadi Perdana Menteri dan Presiden UMNO. Dan kritikan yang tajam ini pula terbatas dalam lingkungan daya kepimpinan Tunku serta cara

Tunku menangani masalah-masalah yang berkaitan dengan pentadbirannya. Dr. Mahathir merasakan beliau perlu melakukan demikian kerana mungkin pada hematnya peristiwa 13 Mei jelas membuktikan keadaan kepimpinan Tunku yang kian kronik dan membahayakan sentimen antara kaum.

Setelah disingkirkan dari UMNO, Dr. Mahathir tidak pula meneruskan kritikan ini secara terbuka. Ini mungkin kerana saluran-saluran yang dibenarkan seperti media-massa dan sebagainya tidak berani menyiarkan pendapatnya. Begitupun Dr. Mahathir tetap menjadi seorang tokoh popular di kalangan orang Melayu yang berkongsi pendapat dengan beliau.

Bagi Tunku pula, setelah mengambil keputusan untuk menyingkirkan Dr. Mahathir, dalam usahanya untuk cuba memulihkan imejnya, beliau terus mempertikaikan apa yang diperkatakan oleh Dr. Mahathir di dalam ucapan-ucapan beliau sebelum bersara pada bulan September 1970.

Begitupun setelah Tunku bersara dan Dr. Mahathir meneruskan amalan perubatannya tanpa terlibat dalam mana-mana politik, kontroversi Tunku-Dr. Mahathir menjadi reda. Tidak ada lagi pihak yang menyebut-nyebut hal ini buat beberapa ketika.

Ribut kontroversi antara mereka berdua sekali lagi bertiup kencang dengan beredarnya buku 'The Malay Dilemma' karangan Dr. Mahathir di pasaran. Dengan tersebarnya buku tersebut di dalam dua versi-Melayu dan Inggeris, nama Dr. Mahathir kembali meniti disetiap bibir orang Melayu. Dr. Mahathir menjadi semakin popular apabila kerajaan mengambil tindakan untuk mengharamkan buku tersebut. Namun, masih ramai yang dapat memiliki dan membacanya kerana buku itu tidak pula diharamkan di Singapura.

Apabila Tun Razak mengambil alih jawatan Perdana Menteri, nama Dr, Mahathir sekali lagi menjadi perbualan para pemerhati politik. Ini disebabkan Tun Razak telah mengundang semula Dr. Mahathir bukan sahaja bagi menganggotai UMNO bahkan memegang jawatan di dalam Kabinet. Keputusan Tun Razak ini dilihat sebagai sesuatu yang agak aneh kerana terdahulu dari itu, iaitu dalam tahun 1969, Tun Razak turut menyokong usul pemecatan Dr. Mahathir.

Tunku bagaimanapun tidak mengambil pusing sangat tentang

kemasukan semula Dr. Mahathir ke dalam UMNO sehinggalah beliau memegang jawatan Timbalan Perdana Menteri dan kemudiannya Perdana Menteri. Bahkan apabila Tunku mula menulis secara tetap di sebuah akhbar tempatan, Almarhum menyatakan keyakinannya terhadap kepimpinan Dr. Mahathir.

Menurut rencana Tunku itu:

> *I say here Datuk Seri Dr.Mahathir did not at the time share my policy, for ini his book 'The Malay Dilemma' he derided me.*
>
> *But now that he has assumed the office of the highest executive of this country, he must agree that he cannot depart from the basic policy which was enshrined in our declared faith in Malaysia's democratic principle.*
>
> *He knows, as he is fair minded and well-eduacted man, what is good for us all. He will no doubt, do his best to serve the interest of this multi-racial society with special consideration for the Malays who have no other home for which they can call their own.*

Dalam tahun 1984, apabila UMNO mengadakan pemilihannya, barulah Tunku kembali mengkritik Dr. Mahathir. Bagaimanapun, kritikan tersebut lebih merupakan kritikan terhadap cara Dr. Mahathir menangani krisis perebutan jawatan Timbalan Presiden UMNO di antara Dato' Musa Hitam dengan Tengku Razaleigh Hamzah.

Walaupun dalam krisis tersebut Tunku tidak menyatakan sokonganya secara terbuka, tapi dari kenyataan-kenyataan yang dibuat olehnya, sokongan tersebut lebih mirip kepada Tengku Razaleigh Hamzah. Dalam satu rencana yang lain yang tersiar dalam sebuah akhbar tempatan mengenai krisis tersebut Tunku menyatakan:

> *The present battle for the UMNO no. 2 post is not the first serious crisis UMNO has met. But it is sad as it threathens to split the party because both contenders for the party's deputy Presidency have a strong following. The inevitable defeat of one may sour relations between the supporters of the two leaders. Most of the followers of Education Minister, Dato' Musa Hitam are school*

teachers, while Finance Minister Tengku Razaleigh Hamzah's are conservative members. But they are the neutrals.

Dalam satu rencan a yang lain, Tunku seolah-olah menyalahkan Dr. Mahathir di atas krisis perebutan jawatan yang begitu hebat itu. Tunku mendakwa:

...I received many calls telling me that the situation in UMNO was getting out of hand. Charges and counter charges were being made by the supporters of both contenders. So many things had been said, as stated by Datuk Seri Dr. Mahathir, which should not have been said. This had never happened before.

Akhirnya apabila Tengku Razaleigh tewas dalam pemilihan tersebut dan para penyokongnya menyeret UMNO ke Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur sehingga parti tersebut diisytiharkan haram dan kemudian pula Tengku Razaleigh pula bergerak dalam sebuah parti lain yang mendakwa ingin menghidupkan kembali UMNO yang ditubuhkan dalam tahun 1946 itu, maka hasrat Tunku mahukan anak raja Kelantan itu mewarisi kerusi Perdana Menteri semakin ketara.

Menurut Tunku satu kepercayaan di negara ini bahawa bakal Perdana Menteri atau orang yang layak memegang jawatan itu mesti mempunyai satu huruf pada namanya untuk memenuhkan nama 'RAHMAN'.

Tunku menjelaskan bahawa sebagai contohnya, kita lihat huruf-huruf awal pada nama-nama mereka yang menduduki jawatan tersebut 'R' pada Rahman, 'A' pada Abdul Razak, 'H' pada Hussein, 'M' pada Mahathir dan 'A' pada Abdul Ghafar.

Menurut tiori Tunku itu orang yang bakal menjadi Perdana Menteri mesti mempunyai huruf awal 'N' pada namanya bagi mencukupkan nama 'Rahman' itu.

Dalam kenyataan kepada Mingguan Kota Tunku berkata, "Saya harap huruf yang akan muncul selepas ini ialah `T' bagi menjadikan `RAHMAT", membolehkan Tengku Razaleigh Hamzah sebagai Perdana Menteri kita selepas ini. "Semoga mereka yang sama perasaan dengan saya juga mengharapkan perkataan `RAHMAT' dan bukannya `RAHMAN", kata Tunku lagi.

Tunku melihat bahawa dalam era kepimpinan Dr. Mahathir rakyat di dalam negara ini mengalami kesusahan dan keperitan setakat ini. Menurut Tunku bumi harapan dan makmur yang kita idam-idamkan kini semakin lama semakin gugur dari pandangan kita.

Selanjutnya dalam kenyataannya yang disiarkan di dala akhbar Mingguan Kota itu Tunku menyebut:

> *Mula-mula kita bagus, setiap orang di Malaysia berani mendakwa bahawa negara kita ditadbirkan dan berjalan dengan baik dan merupakan salah sebuah negara yang cemerlang di Asia Tenggara, yang kita dengan bangga mengaku sebagai tanah tumpah darah kita.*
>
> *Kewangan kita kukuh, ekonomi, perniagaan dan perdagangan kita stabil, dan pentadbiran kita bagus setanding dengan negara-negara Eropah. Kita boleh mendakwa bahawa kita sajalah negara yang berjaya membendung musuh utama kita, pengganas komunis dan berani pula melawan ancaman Sukarno untuk mengganyang Malaysia dan tuntutan Macapagal untuk penyatuan negeri Sabah. Kita melaksanakan janji-janji kita dengan penuh tanggungjawab dengan memberikan kebebasan dan hak istimewa pada rakyat tanpa mengira kaum dan kepercayaan agama. Pemindahan kuasa daripada British kepada tangan orang-orang Melayu membolehkan orang-orang Melayu memperolehi hak istimewa dan perasaan bangga di tanahair mereka sendiri yang tidak dapat dikecap oleh mereka selama ini.*
>
> *Lain-lain rakyat negara ini yang turut sama-sama membantu kita mencapai kemerdekaan dijamin hak-hak mereka.untuk berniaga dan menikmati hidup bebas yang mereka kecapi sebelumnya. Perangai dan kecenderungan mereka mencurahkan kasih sayang kepada negara-negara lain selain Malaysia adalah dihormati, dengan harapan lambat laun mereka akan memberikan taat setia yang tidak berbelah bagi kepada negara ini.*
>
> *Memang ramai orang-orang Cina masa itu masih setia pada negeri China, sama ada kepada Kuomintang ataupun komunis.*

Begitu juga orang-orang keturunan India yang condong ke India. Sentimen mencintai negara asal ini adalah digalakkan oleh penjajah dan sudah tentu tidak dapat dibataskan atau dilenyapkan begitu saja dalam sekelip mata.

Sesungguhnya dari keturunan mana mereka sekalipun, mereka wajib patuh dan taat kepada kerajaan negara ini. Mereka layak mendapat hak dan peluang-peluang sebagai rakyat Malaya ketika itu. Setiap orang boleh hidup bebas sesuka hatinya.

Maka dengan semangat baru untuk hidup dengan saling persefahaman inilah British tergerak hati untuk mengubah polisinya. Mereka percaya dengan membebaskan tanah-tanah jajahannya mereka dapat menjalin semula tali persahabatan dengan bekas-bekas tanah jajahan itu seperti apa yang terjadi antaranya dengan India, Pakistan, Ceylon, Ghana dan Malaya.

Sungguhpun nada Tunku di dalam membuat kenyataan ini tidak begitu keras namun ia membawa implikasi bahawa kepimpinan Dr. Mahathir dan cara beliau mengatasi masalah-masalah yang berkaitan dengan negara adalah tidak betul dan tidak sewajarnya dilakukan oleh Dr. Mahathir. Begitupun kenyataan-kenyataan ini masih lagi belum berbau peribadi. Sasaran Tunku cuma politik dan cara beliau memainkannya di dalam medan UMNO dan negara. Dalam kenyataan yang sama Tunku cuba memperlihat bagaimanakah sepatutnya negara ini diterajui. Tunku mempamerkan perasaan nostalgia yang berikut:

Mula-mula terdapat sembilan negara yang menganggotai Komanwel. Lama kelamaan banyak lagi negara kecil dan besar diberikan kemerdekaan, dan angka itu meningkat melebihi 40. Sepatutnya negara-negara itu saling persefahaman dan berbaik-baik, sebaliknya ada sesetengahnya menjadi zalim dan huru-hara.

Baru kemudian British menyedari bahawa keanggotaannya terlalu besar dan keadaan tidak dapat dikawal lagi, malah mereka tetap memberikan kemerdekaan.

Merenung diri kita sendiri, kita telahpun melalui banyak perubahan. Ini memang dijangkakan, tetapi tidaklah sampai kepada perubahan-perubahan yang drastik dan zalim. Negara tercinta kita Malaysia merubah menjadi sebuah negara polis di bawah pemerintahan diktator.

Rakyat dipenjarakan tanpa bicara, kebebasan bersuara dan akhbar dilenyapkan, kuasa mahkamah disalahguna dan undang-undang mahkamah diambilalih oleh eksekutif, hakim-hakim Mahkamah Agung dan Ketua Hakim Negara dipecat kerana kesalahan kecil. Sesungguhnya singgahsana yang menjadi kebanggaan kita telah runtuh.

Dari sini Tunku mula membuat serangan-serangan yang lebih peribadi. Tunku mula menghentam kepimpinan Dr. Mahathir secara lebih terbuka. Dalam satu suratnya kepada Mingguan Kota Tunku menulis:

> *When I said that this country has now become a Police State, every word I have said was true. As a proof it was on the last Saturday night, the 14th April 1990, that Mr. Pandithan had arranged for a big birthday party for me, and in addition he also wanted to use the occasion to announce the birth of a new party the All-Malaysian Indian Progressive Front - the breakaway from MIC, and their main object was to join up with the Semangat 46 and their friends, that is Hamim, Berjasa, PAS and DAP under the Angkatan Perpaduan UMMAH.*
>
> *...According to Mr. Pandithan, they had applied for a Police permit on 16.3.1990 to hold this function at Stadium Negara, and while waiting for the approval they proceed to make arrangements and had spent a lot of money for the meeting at Stadium Negara.*
>
> *On the day of the meeting about 11 o'clock in the morning, Pandithan rang me to tell me that the Police refused the permission to hold the celebration. They refused to give any reason for their action.*

Adalah agak sukar bagi sesiapa pun untuk menentukan sama ada dengan keputusan pihak Polis yang enggan memberikan permit tersebut maka Pentadbiran Dr. Mahathir telah menyebabkan negara ini bertukar menjadi 'police state'. Namun apa yang jelas Tunku semacam telah digunakan oleh pihak-pihak yang ingin menjatuhkan kerajaan. Upacara majlis sambutan hari jadi yang dijadualkan akan diadakan di Stadium Negara itu nampaknya lebih merupakan sesuatu majlis bermotivasikan politik. Dan oleh kerana upacara tersebut hendak diadakan di saat-saat negara akan menghadapi pilihanraya umum dan ceramah secara besar-besaran (public rally) pula diharamkan, maka tindakan pihak polis itu memang ada justifikasinya.

Dalam satu interbiu lain, Tunku berkata bahawa kita tidak ada peluang untuk membalas kerana seluruh negara adalah di bawah kawalan seorang eksekutif-Perdana Menteri. "Yang memalukan saya, ramai orang-orang ini ataupun datuk nenek mereka sama-sama berganding bahu dengan saya berjuang untuk menuntut kemerdekaan negara. Dan selepas bertungkus lumus dan bermati-matian selama tujuh tahun, kita telah mencapai kemerdekaan," katanya lagi.

Menurut Tunku lagi UMNO yang telah banyak berjasa kepada kita telah diisytiharkan haram dan tidak sah. Segala harta dan kepunyaannya diambilalih oleh pemegang amanahraya. Belum ada usaha dilakukan untuk menjelaskan semula hutang-hutang itu. Sedangkan orang-orang inilah juga satu ketika dulu menyanjung dan memuliakan UMNO.

Justeru itu tidak hairanlah sekiranya dalam kebanyakan ceramah-ceramah politik APU, Tunku mendakwa bahawa Dr. Mahathir hari ini meletakkan dirinya sebagai seorang pemimpin diktator di dalam UMNO yang baru. Kata Tunku, "Kita tidak tahu selama mana Mahathir akan terus berkuasa, tetapi kerosakan yang beliau timbulkan dikalangan ahli-ahli UMNO telah memecahbelahkan perpaduan orang-orang Melayu.

Tunku begitu yakin sekiranya kebetulan dan takdir menentukan, nama 'RAHMAT' akan menggantikan nama 'RAHMAN' dan Tengku Razaleigh akan jadi Perdana Menteri selepas ini, kita akan melalui satu perubahan besar yang pasti membawa kebaikan untuk semua.

Dalam membandingkan Tengku Razaleigh Hamzah dengan Dr. Mahathir, Tunku yakin bahawa Presiden Semangat 46 bukan tamak dan gila kuasa. "Marilah kita berdoa dan berdoa moga-moga huruf 'T' akan menggantikan huruf 'N' sebagai 'RAHMAT,'" ujar Tunku lagi.

Tunku selanjutnya membuat kenyataan:

Sebagai diktator dan pemimpin parti Melayu Mahathir menggunakan kuasa dengan sesuka hatinya saja. Pada sesetengah orang, beliau adalah berjaya dan menguatkan kedudukan orang-orang Melayu. Dengan kuasa yang ada padanya beliau boleh merupakan satu-satunya manusia yang mampu mentadbir negara ini dengan sebaik-baiknya. Tetapi hasilnya mungkin buruk. Kita tidak harus menafikan hak-hak dan kedudukan penduduk lain negara ini yang menganggap Malaysia ini sebagai tanahairnya.

Kita boleh mentadbir kerajaan dan memastikan keselamatannya dengan kuasa yang ada pada kita, melemahkan orang yang lain, tetapi kita akan menimbulkan perasaan benci dan tidak puashati dikalangan rakyat di sini. Bahayanya, mungkin akan tiba masa-nya apabila musuh yang besar itu tiba-tiba mahu campurtangan di dalam urusan negara kita kerana ramai orang-orangnya, seperti saya sebutkan awal tadi, telah dianiayai.

Ini memang berlaku di negara-negara jiran dan seboleh-boleh janganlah hal ini dibiarkan terjadi juga di sini.

Apa saja yang kita buat, kita harus memikirkan kebaikan dan keselamatan negara dan rakyat kita. Allah akan menolong orang-orang yang berlaku adil dan baik, tetapi Allah tidak akan membantu orang-orang yang tamak, zalim dan jahat. Oleh itu, berhati-hatilah.

Saya telahpun meluahkan perasaan saya secukupnya, dan kini saya mengajak saudara-saudara berjuang untuk menghidupkan UMNO 46. Kejayaan kita akan memastikan keselamatan dan masa depan negara dan rakyat kita.

Pencapaian cemerlang UMNO asal telahpun dilupakan. UMNO yang baru, melalui muslihat kehakiman, lahir sebagai UMNO tetapi dengan undang-undang tubuh yang berbeza hingga meletakkan presidennya sebagai diktator yang maha agung. Ahli-ahli politik setengah masak memang menyokong kerana kononnya merekapun penting.

Dahulu orang-orang ini memuja UMNO. Sekarang mereka tiba-tiba berubah hati menentang dan memburuk-burukkan namanya pula."

Untuk membuktikan bahawa di bawah kepimpinan Dr. Mahathir, demokrasi telah mati, Tunku turut menyentuh tentang perjalanan pilihanraya umum di negara ini. Menurut Tunku:

Pilihanraya yang lalu menunjukkan kepada kita kematangan kerajaan. Puak pembangkang tidak dibenarkan bertanding secara saksama. Mereka tidak diberikan tempat di dalam media massa malah tidak berpeluang mengadakan rapat-rapat umum mempertahankan diri dari hujah-hujah pihak lawan. Jika begitu lebih baik negara ini diisytiharkan negara pemerintahan diktator dan melupakan terus demokrasi.

Ketika Yang diPertuan Agong membuat lawatan ke Kelantan yang mana lawatan tersebut menimbulkan kontroversi, Tunku turut memberikan komennya. Dan komen tersebut sebagaimana yang terkandung dalam surat Tunku bertarikh 16 May, 1990 antara lain berbunyi:

According to my understanding the Federation Government wanted to keep his visit a private one but the Sultan of Kelantan and the Yang diPertuan Agong ignored them and made the visit an official one. This had annoyed Dr. Mahathir, and so all his stooges, agents and the mass media kept out from the scenes of the celebration.

Sungguhpun kritikan-kritikan Tunku dan Dr. Mahathir terlalu banyak sehinggakan sebuah buku yang khas mengenainya boleh

ditulis, namun Dr. Mahathir tidak pula mengambil sikap yang defensif. Sebaliknya Dr. Mahathir tidak membuat apa-apa komen tentang kritikan-kritikan tersebut. Dr. Mahathir percaya bahawa Tunku telah diberikan penjelasan yang amat berbeza dari hakikat yang sebenarnyanya. Bahkan ada tanda-tanda bahawa mereka dari parti pembangkang telah sengaja menggunakan Tunku untuk menagih simpati rakyat demi untuk mencapai kepentingan mereka sendiri. Bagaimanapun, sebagaimana yang kita ketahui, strategi tersebut tidak membuahkan hasil.

Dalam menanggapi krisis antara Tunku dan Dr. Mahathir, sesiapapun tidak boleh menyalahkan sesiapa. Dr. Mahathir melahirkan pandangannya terhadap Tunku dalam tahun 1969 dan 1971 kerana keadaan masa itu mengkehendaki beliau berbuat demikian. Dan bagi Tunku pula serangannya terhadap Dr. Mahathir adalah kerana stail dan cara Dr. Mahathir mentadbir UMNO dan kerajaan.

Sekiranya ada kritikan-kritikan yang berbau peribadi, itu sebenarnya bukanlah datang dari kedua-dua tokoh ini, tapi lebih merupakan perbuatan-perbuatan pengikut masing-masing.

Namun walau apapun kita terpaksa akur bahawa baik bagi Dr. Mahathir mahupun Tunku perdebatan dan kritikan-kritikan tersebut adalah asam garam politik. Biar bagaimana pahit sekalipun, biarpun ia bercanggah dengan pendapat umum, ia dilakukan semata-mata untuk kepentingan bangsa dan negara.

Oleh itu, tidak hairanlan sekiranya, dalam kekalutan-kekalutan ini, masih lagi ada pihak yang cuba mengambil sesuatu inisiatif bagi mendamaikan kedua-dua tokoh ini. Dan sedikit sebanyak, usaha tersebut telah mendatangkan hasil.

Dua Puluh Lima

MERINTIS JALAN PERDAMAIAN

Almarhum Tunku telah memberi sumbangan yang tidak ternilai kepada negara. Tunku bukan sahaja memainkan fungsi utama dalam membawa kemerdekaan, negara, tetapi juga berjaya menubuhkan Malaysia

Datuk Seri Dr . Mahathir Mohamad

TUNKU ABDUL RAHMAN Putera Al-Haj sebenarnya tidak payah mencari kedudukan dan populariti dengan menggunakan platform politik. Ini kerana sebagai seorang anak raja beliau memang mempunyai kedudukan dan beliau boleh sahaja menjadi popular tanpa melibatkan diri di dalam politik kepartian. Tapi Tunku tetap memilih politik sebagai kerjaya hidupnya. Begitupun keputusan yang diambil oleh beliau itu bukanlah kerana ingin mencari kedudukan ataupun populariti tetapi semata-mata kerana merasakan dirinya memiliki kemampuan untuk berjuang demi kepentingan bangsa dan tanahair. Keikhlasan Tunku ini tidak pernah dipertikaikan oleh mana-mana pihak walaupun dalam masa kira-kira tiga tahun sebelum Tunku meninggal dunia, beliau telah menerima berbagai-bagai kritikan akibat menentang UMNO yang dipimpin oleh Dr. Mahathir.

Sebagaimana yang telah disebutkan, sehingga akhir tahun 1987 tidak ada tanda-tanda Tunku akan mencampuri politik secara langsung. Tapi empat hari setelah UMNO lama diharam-

kan oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 4 Februari 1988, Tunku tidak semena-mena muncul kembali ke dalam dunia politik. Tidak tahu apakah sebab-sebab sebenarnya yang mendorong Tunku kembali aktif di dalam politik.Antara perkara pertama yang dilakukan oleh beliau ialah membuat percubaan untuk menghidupkan UMNO lama walaupun beliau tahu bahawa bekas-bekas ahli Majlis Kerja Tertinggi parti tersebut, termasuk Perdana Menteri sendiri dan menteri-menteri lain masih lagi mampu melakukan sesuatu untuk memperbetulkan keadaan. Ada kemungkinan mereka yang telah hilang jawatan masing-masing akibat pertandingan di Perhimpunan Agung UMNO 24 April 1987 telah mempengaruhi pemikiran Tunku dengan tujuan menggunakan beliau untuk mendapatkan semula kuasa ataupun kedudukan politik dan sebagainya. Dalam konteks ini jelas nampaknya Tunku telah diberi maklumat yang tidak betul, di samping nasihat yang menyeleweng dan yang telah mengakibatkan Tunku terkeliru dalam menyusun tindakan beliau.

Ekoran dari keadaan ini, Tunku telah membuat kenyataan demi kenyataan membidas Dr. Mahathir kerana menurut dakwaan Tunku sebagaimana yang dijelaskan oleh sekumpulan ahli-ahli UMNO lama yang enggan menyertai UMNO baru bahawa Dr. Mahathir telah enggan melakukan sesuatu untuk menghidupkan semula UMNO lama menerusi proses undang-undang.

Oleh kerana UMNO baru mempunyai penyokong yang ramai termasuk dari kalangan media massa dan juga penulis-penulis politik, Tunku telah menjadi sasaran 'counter-attack' mereka. Mereka menganggap tindakan Tunku melibatkan diri beliau dalam kumpulan serpihan ini sebagai bukan sahaja ancaman kepada keutuhan UMNO baru malah juga sebagai satu gejala yang akan merosakkan perpaduan bangsa Melayu. Justeru itu serangan yang dilakukan oleh mereka termasuklah mendedahkan segala keperibadian buruk Tunku serta juga menafikan sumbangan beliau kepada tanahair.

Namun begitu beberapa pemimpin UMNO baru yang lebih masak dengan masalah ini jarang-jarang membuat serangan balas yang merupakan kritikan terhadap Tunku. Dr. Mahathir sendiripun yang telah ditohmah oleh Tunku sebagai diktator dan sebagainya tidak pernah membuat apa-apa serangan balas. Dr.

Mahahthir sedar bahawa beliau memang pernah mengkritik Tunku di satu masa dulu, atau lebih tepat lagi dalam tahun 1969 setelah berlakunya tragedi 13 Mei. Tapi ketika itu Tunku yang dikritik oleh Dr. Mahathir tidak sama dengan Tunku yang telah diperalatkan oleh mereka yang kecewa dalam politik.

Tanpa menghiraukan serangan-serangan Tunku itu sama ada terhadap UMNO baru ataupun Presidennya, usaha-usaha terus dilakukan untuk memulihkan hubungan dan pemahaman Tunku terhadap UMNO baru. Mereka melakukan demikian bukan kerana takut terhadap pengaruh yang mungkin dapat diserapkan oleh Tunku ke dalam jiwa para pengikut kumpulan serpihan, tetapi sebaliknya mereka menghormati Tunku sebagai bekas Presiden UMNO dan juga bekas Perdana Menteri serta tidak mahu rakyat dan kumpulan-kumpulan tertentu terus mengecam Tunku hingga akan mengakibatkan berlakunya apa yang dikatakan oleh orang Melayu sebagai 'hilang panas setahun dek hujan sehari.'

Antara usaha awal yang dilakukan oleh UMNO baru ialah menghantar Datuk Seri Najib dan serombongan ahli-ahli Exco Pemuda UMNO menemui Tunku. Lawatan tersebut telah ditetapkan pada pagi 20 Oktober 1989.

Pada hari tersebut, Datuk Seri Najib Tun Razak yang ketika itu masih lagi memegang portfolio Menteri Belia dan Sukan bersiap-siap untuk membawa rombongannya menemui Tunku. Datuk Seri Najib sebenarnya berasa cukup berbesar hati kerana pertama sekali penemuan beliau itu akan merintis jalan bagi meleraikan kekusutan di antara Tunku dan UMNO dan kedua beliau berpeluang merapatkan dirinya dengan Tunku kerana Datuk Seri Najib mengakui bahawa dia tidak begitu rapat dengan Tunku walaupun Allahyarham bapanya Tun Abdul Razak adalah merupakan sahabat Tunku yang paling erat sekali sehinggakan Tunku memberikan beliau kepercayaan untuk menjadi Timbalan Perdana Menteri dan seterusnya mengosongkan kerusi Perdana Menteri untuk Tun Abdul Razak.

Tapi entah kenapa ketika mereka tiba di kediaman Tunku di Bukit Tunku Kuala Lumpur, Datuk Seri Najib telah ternampak Mazlan Harun dan juga Dato' Suhaimi Kamaruddin, dua tokoh penentang UMNO baru yang tidak payah lagi diperkenalkan.

Melihat kedua-dua tokoh ini, Datuk Seri Najib dan rombongan beliau tidak jadi masuk ke rumah Tunku. Ini bukanlah kerana mereka takut hendak berhadapan dengan ahli-ahli kumpulan ini, tapi sekadar mereka tak mahu berlaku sesuatu pertikaman lidah secara tak tentu pasal. Lagipun tujuan mereka menziarahi Tunku adalah kunjungan muhibbah ibarat anak-anak mengunjungi bapanya.

Justeru itu Datuk Seri Najib telah meminta seorang wakil Tunku agar meminta mereka yang tidak berkenaan meninggalkan sahaja majlis tersebut. Mesej tersebut disampaikan kepada Tunku dan beliau segera mengarahkan Datuk Suhaimi dan Mazlan Harun meninggalkan majlis tersebut.

Pertemuan Datuk Seri Najib dan rombongan Exco Pemuda berjalan selama dua jam dengan suasana yang penuh muhibbah dan kemesraan. Semua yang mengambil bahagian dalam rombongan tersebut menunjukkan kasih sayang mereka kepada Tunku. Ketika diperkenalkan kepada Tunku di awal pertemuan, ada yang mencium tangan beliau dan ada juga yang terus memeluk Tunku dan tak kurang juga yang seolah-olah ingin bermanja-manja dengan orang tua yang begitu banyak menabur jasa kepada UMNO dan perjuangan orang Melayu.

Tunku berasa sangat bangga denga kunjungan Datuk Seri Najib itu. Maklumlah Datuk Seri Najib adalah anak sahabat karibnya. Ketika beliau (Tunku) dan Tun Razak sama-sama berjuang dalam UMNO dulu, Datuk Seri Najib masih berhingus lagi. Kepada Datuk Seri Najib dan rombongan tersebut, sempat juga Tunku bercerita tentang perihal Tun Razak yang hendak bernikah dengan Toh Puan Rahahdi rumah Tan Sri Noah di Johor Bahru. Menurut Tunku semasa menerima panggilan tersebut pada malam itu beliau sedang berada di dalam hospital Bangsar. Tunku menceritakan bagaimana beliau telah mencuri keluar dari hospital tersebut dan terus menuju ke Johor Bahru dengan kereta pada malam itu juga.

Menyentuh tentang UMNO baru, Tunku secara nasihat mengatakan bahawa beliau tidak berapa bersetuju dengan perlantikan Ketua Wanita UMNO dan juga Ketua Pemuda. Pada hematnya adalah lebih baik bagi kedua-dua jawatan itu dipilih sebagaimana yang telah dilakukan dalam UMNO lama sebelum

parti tersebut diharamkan.

Kunjungan Datuk Seri Najib dan Exco Pemuda disusuli pula oleh kunjungan Wanita UMNO selang tidak beberapa lama selepas itu.

Rombongan Wanita UMNO telah diketuai oleh Dato' Napsiah Omar. Seramai kira-kira 12 orang anggota Wanita telah turut serta termasuk tokoh veteran wanita Tan Sri Aishah Ghani. Di hari pertemuan tersebut Tunku telah merasa begitu gembira maklumlah pertemuan itu bagaikan kembalinya semula anak-anak yang telah lama menghilang. Sebagaimana rombongan Pemuda telah menunjukkan hormat mereka kepada Tunku, begitu juga dengan rombongan Wanita. Tunku telah meraikan tetamunya dengan hidangan kuih muih sambil acapkali pula berbuat jenaka. Ini semua menjadikan suasana pertemuan tersebut sungguh bermakna. Dalam satu sidang akhbar yang diadakan selepas pertemuan tersebut Dato' Napsiah telah menyatakan bahawa pertemuan tersebut telah membuka jalan bagi pertemuan-pertemuan yang selanjutnya demi ke arah menamatkan kemelut perpaduan Melayu. Di samping itu Tunku juga telah diundang sebagai tetamu kehurmat bagi menyambut Hari Wanita ke-40 yang mana Tunku kemudian telah hadir bersama untuk meraikannya.

Memang benar seperti yang dikatakan oleh Dato' Napsiah Omar bahawa pertemuan-pertemuan yang dilakukan oleh perwakilan-perwakilan dari Pemuda dan juga Wanita UMNO itu membuka jalan baru untuk pertemuan-pertemuan yang selanjutnya.

Pada 6 November 1989 Datuk Seri Najib telah sekali lagi bertemu dengan Tunku Abdul Rahman di kediaman beliau di Bukit Tunku, Kuala Lumpur. Kali ini, di samping kunjungan muhibbah, tujuan Datuk Seri Najib juga ialah untuk memutuskan tarikh pertemuan di antara Datuk Seri Dr. Mahahthir Mohamad dengan Tunku Abdul Rahman.

Hasil dari pertemuan tersebut, tarikh untuk Dr. Mahahthir bertemu Tunku ditetapkan pada 11 November 1989 jam 11.00 pagi.

Pada mulanya Tunku berhasrat agar pertemuan tersebut dilakukan sama ada di pejabat Dr. Mahahthir ataupun di Sri Perdana, tempat kediaman rasmi Perdana Menteri. Walaupun

Dr. Mahahthir yang sebenarnya ingin bertemu Tunku, namun Tunku tetap menghormati beliau. Bagi Tunku adalah tidak elok membiarkan Dr. Mahahthir datang menemuinya kerana macam mana pun Dr. Mahahtir adalah seorang Perdana Menteri. Maka itulah sebabnya Tunku mahu ke Sri Perdana ataupun Jabatan Perdana Menteri.

Tapi Dr. Mahahthir juga amat menghormati Tunku. Beliau tahu keadaan Tunku yang sudah tua dan uzur. Tambahan pula sebagai seorang anak, adalah tidak patut membiarkan Tunku pergi menemuinya. Bagi Dr. Mahahthir biarlah beliau pergi menemui Tunku.

Akhirnya, Tunku bersetuju kepada aturcara tersebut. Dr. Mahathir akan menemui beliau walaupun aturcara seperti itu melanggar protokol. Tunku begitu bangga dengan hasrat Dr. Mahathir itu.

Di samping itu Tunku juga telah bertanya apakah baju yang bakal Dr. Mahathir pakai pada hari tersebutnya. Menurut Tunku, sekiranya Dr. Mahathir memakai baju Melayu maka Tunku juga akan berbuat demikian. Tapi kalau Dr. Mahathir memakai suit, maka Tunku juga akan turut memakai seperti itu. Selain itu Tunku juga menanyakan apakah makanan kegemaran Dr. Mahahthir di waktu pagi kerana menurut Tunku 'saya tak mahulah spoil dia punya lunch.'

Bagi menghormati kedatangan tetamunya itu, Tunku juga telah mengarahkah supaya pejabat beliau yang terletak di bahagian belakang tempat kediamannya di kemas dengan rapi.

Maka pada hari yang dinanti-nantikan itu, ramailah para wartawan dari akhbar-akhbar harian dan juga stesyen televisyen yang berkunjung ke rumah Tunku untuk membuat liputan pertemuan bersejarah di antara Perdana Menteri Malaysia pertama dengan Perdana Menteri Malaysia ke empat. Namun pada jam 11.10 minit pagi Dr. Mahathir tidak juga kelihatan. Begitupun Tunku tidak merasa gelisah kerana beliau telah dimaklumkan bahawa pada pagi tersebut Dr. Mahathir terpaksa menghadiri upacara pelancaran Amanah Saham Bumiputra di Pusat Dagangan Dunia Putra.

Kira-kira jam 11.20 pagi, tetamu yang dinanti-nantikan itu pun tiba. Dr. Mahahthir keluar dari kereta rasminya dengan

airmuka yang tenang sambil wajahnya mengukir senyuman.

Pertemuan dua-mata diantara Tunku - Dr. Mahathir mangambil masa kira-kira tiga suku jam. Tidak ada sesiapapun yang dibenarkan masuk ke dalam bilik pejabat Tunku. Dato' Najib dan Dato' Napsiah Omar juga terpaksa menunggu di luar sahaja. Mereka kelihatan gelisah kerana takut-takut terjadi perbalahan di antara Dr. Mahathir dan Tunku.

Tapi apabila pintu bilik pejabat Tunku di buka selepas tempoh masa empat-puluh minit itu, mereka berdua kelihatan sedang ketawa dengan begitu mesra. Begitulah berakhirnya segala krisis di antara Tunku dan Dr. Mahathir yang telah digembar-gemburkan oleh akhbar-akhbar tempatan sejak tertubuhnya UMNO baru.

Selepas pertemuan tersebut, Dato' Mohamad Rahmat selaku Setiausaha Agung UMNO pula menyusuli. Di samping mengadakan kunjungan muhibbah, tujuan Dato Mohamad Rahmat mengadap Tunku ialah untuk menyampaikan undangan rasmi UMNO agar Tunku dapat bersama-sama di dalam Perhimpunan Agong UMNO baru yang pertama yang dijadualkan akan diadakan pada 17 November tahun tersebut.

Dan pada tarikh tersebut Perhimpunan Agung UMNO baru pun diadakan untuk pertama kalinya atau dalam lain perkataan Perhimpunan Agung yang pertama diadakan selepas UMNO lama di haramkan. Di antara tetamu-tetamu yang diundang ke Ditahap Agung tersebut, tetamu yang terpenting sekali tentulah tidak lain dan tidak bukan dari Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Presiden Kedua UMNO, Bapa Kemerdekaan dan Perdana Menteri Malaysia pertama yang ketika itu sudahpun dengan rasminya dilantik menjadi penasihat kumpulan serpihan yang kemudiannya didaftarkan sebagai parti Semangat 46.

Sebagaimana pada perhimpunan tersebut, Presiden parti membuat ucapan dasar. Dan ucapan dasar Dr. Mahathir pada perhimpunan tersebut telah turut menyebut nama Tunku Abdul Rahman. Antara lain Dr. Mahathir berkata ada pihak-pihak yang telah sengaja menggunakan nama Tunku untuk tujuan politik mereka. Kata Dr. Mahahthir:

Baru-baru ini kita terperanjat dengan kenyataan yang dikatakan

dibuat oleh Bapa Kemerdekaan dan Bapa Malaysia, Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman. Walaupun pada mulanya ramai pemimpin dan ahli UMNO berasa amat marah tetapi kita berjaya membendung rasa kecil hati kita. Sebaliknya kita bertenang dan mengambil jalan yang lebih matang iaitu dengan cara berbincang dari hati ke hati dengan Yang Teramat mulia Tunku sendiri.

Pemuda yang biasanya lekas marah telah mengambil langkah pertama dibawah pimpinan Ketua Pemuda, Yang Berhormat Dato' Najib Tun Razak. Mereka berjaya bertemu dengan Yang Teramat Mulia Tunku dan berbincang dengan beliau dalam suasana muhibah. Walaupun perjumpaan itu tidak dapat menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh UMNO dan orang Melayu, ia berjaya meneroka satu pendekatan yang lebih waras. Pemuda juga berjaya menjelaskan pendirian Pemuda dan UMNO dan Tunku pula dapat menyampaikan niat dan cita-cita beliau kepada Pemuda berhubung dengan perpaduan orang Melayu dan peranan yang harus dimainkan oleh UMNO.

Pihak Majlis Tertinggi telah mendengar laporan Ketua Pemuda dan bersetuju supaya Wanita UMNO juga turut berjumpa dengan Yang Teramat Mulia Tunku. Sepertimana kita semua maklum, perjumpaan Wanita dengan Tunku juga diadakan dengan suasana muhibah.

Pada 11 November pula, saya telah di terima bertemu Yang Teramat Mulia Tunku, yang saya hormati sebagai bekas Presiden UMNO, sebagai bekas Perdana Menteri Malaysia yang pertama, sebagai Bapa Kemerdekaan dan Bapa Malaysia. Sudah tentu saya menghormati Tunku sebagai orang yang lebih tua daripada saya, kerana ini adalah adat bangsa Melayu, lebih-lebih lagi Tunku adalah daripada keluarga di Raja negeri saya.

Saya berpeluang mendengar pandangan Tunku berkenaan dengan perpadauan orang Melayu dan berkenaan kedudukan hak kaum-kaum di Malaysia. Saya juga berpeluang menjelaskan sedikit sebanyak berkenaan dengan kedudukan UMNO seka-

rang dan bagaimana Parlimen tidak berkuasa membatalkan hukuman yang telah dibuat oleh Mahkamah.

Pertemuan yang diadakan itu membuka peluang untuk perbincangan-perbincangan di masa hadapan dalam usaha mententeramkan lagi keadaan politik di Malaysia, khususnya di kalangan orang Melayu. Saya yakin bahawa Yang Teramat Mulia Tunku dapat memainkan peranan sebagai orang tengah yang tidak memihak kepada mana-mana pihak, tetapi hanya kepada keseluruhan orang Melayu dan negara Malaysia. InsyaAllah perjuangan UMNO untuk menyatupadukan orang Melayu akan berhasil dengan pertolongan Bapa Kemerdekaan dan Bapa Malaysia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj.

Ketika ucapan tersebut memenuhi setiap inci ruang Dewan Merdeka Tunku kelihatan tunduk. Di wajahnya jelas kelihatan satu perasaan yang boleh dikatakan terharu. Mungkin Tunku bangga nama dan jasa-jasa beliau disebut dengan panjang lebar dalam ucapan dasar Presiden.

Semasa dalam Perhimpunan Agung itu, semua pemimpin-pemimpin UMNO serta para perwakilan telah bangkit beramai-ramai untuk menyanyikan lagu 'Setia' dan juga lagu 'UMNO'. Ketika itu Tunku dalam keadaan kakinya yang agak lemah dan uzur serta susah hendak berdiri dengan betul telah tidak ketinggalan bangun sebagai tanda hormat.

Ketika majlis berhenti rihat untuk minum airpagi di sebuah dewan khas, Tunku telah dikerumuni oleh para pemimpin UMNO. Ada yang berebut-rebut untuk merakamkan fotograf bersama-sama beliau. Ketika itu juga Tunku sempat bertemu dengan sahabat-sahabat lamanya seperti Tan Sri Kadir Yusof dan Dato' Bahaman Shamsuddin. Mereka berdua ini pernah menganggotai kabinet Tunku dalam zaman 60-an.

Sebenarnya Tunku hampir-hampir sahaja tidak dapat menghadiri Perhimpunan tersebut. Ini kerana pada hari Perhimpunan Agung itu diadakan Tunku dijadualkan berlepas ke Jeddah untuk bertemu dengan Raja Fahd. Tujuan Tunku adalah untuk mendapatkan sumbangan dari kerajaan Arab Saudi untuk membiayai kerja-kerja yang dijalankan oleh PERKIM.

Walau bagaimanapun, mengetahui betapa perlunya Tunku menghadiri Perhimpunan Agung ini untuk kepentingan orang-orang Melayu sendiri, maka kerajaan Malaysia atas arahan Dr. Mahahthir sendiri telah menawarkan Tunku supaya berlepas pada hari berikutnya dengan menaiki 'jet eksekutif' kerajaan. Bukan itu sahaja malah jet tersebut akan menunggu di lapanganterbang Jeddah sehingga Tunku selesai melakukan tugas beliau di sana.

Sewaktu tawaran ini dimaklumkan kepada Tunku, beliau mendapati amat sukar untuk mempercayai bahawa sesungguhnya tawaran seperti itu benar-benar telah dipanjangkan oleh kerajaan. Sambil bergurau Tunku berkata, 'Kenapa UMNO cuba berbaik-baik sangat dengan saya. *Is it safe to take the offer?"*

Begitupun Tunku bersetuju untuk menerima tawaran tersebut. Dengan persetujuan tersebut, Tunku juga sekaligus menerima undangan untuk hadir sebagai tetamu khas di Perhimpunan Agung UMNO 17 November itu. Dan pada pagi 18 November Tunku telah berlepas ke Jeddah dengan eksekutif jet kerajaan. Di samping itu, kerajaan Malaysia juga telah memberi sumbangan sebanyak satu juta ringgit kepada PERKIM.

Tatkala Tunku sedang berada di dalam jet eksekutif kerajaan dalam penerbangan beliau menuju ke Jeddah, para perwakilan UMNO di Dewan Merdeka, PWTC sedang membentangkan usul masing-masing. Sebagaimana biasa ada para perwakilan yang membawa ataupun menyokong usul-usul yang berkaitan secara langsung dengan sama ada perjalanan parti mahupun perkara-perkara lain yang ada kena mengena dengan kepentingan masyarakat bumiputra. Di samping itu terdapat juga beberapa perwakilan membuat yang ucapan dengan secara mengada-ngada atas sebab mahu mengampu pucuk pimpinan.Ada kalanya ucapan ini dilakukan secara membabi buta. Dan antara perkara yang dikemukakan itu termasuklah menghentam Tunku secara peribadi. Ada pula diantara para perwakilan yang menyentuh tentang saham Utusan Melayu yang pernah diberikan kepada Tunku yang kononnya kini sudahpun bernilai berjuta-juta ringgit.

Nampaknya kedangkalan beberapa orang perwakilan ini telah merosakkan segala usaha untuk berbaik dengan Tunku yang telah dilakukan oleh Pemuda, Wanita dan Presiden UMNO

sendiri. Mereka mengkritik dan menghentam Tunku walaupun mereka tahu bahawa pucuk pimpinan sedang melakukan sesuatu untuk meredakan keadaan dan Perhimpunan Agung tersebut bukanlah masa yang paling sesuai untuk berbuat demikian. Tapi itulah kedangkalan sesetengah ahli UMNO yang menjadi perwakilan di Perhimpunan-perhimpunan Agung.

Berita tentang kecaman yang ditujukan terhadap beliau telah sampai ke telinga Tunku sekembalinya beliau dari Jeddah. Tunku berasa marah dan kecil hati. Maklumlah kecaman tersebut dibuat secara 'tidak gentleman' iaitu ketika beliau tidak ada di dalam Perhimpunan tersebut. Tunku juga merasakan apalah gunanya menghadiri Perhimpunan tersebut di hari pertama dan cuba berdamai dengan UMNO sekiranya ahli-ahli UMNO masih lagi memilih untuk mencari punca perbalahan dengan beliau.

Usaha-usaha untuk menghentam Tunku ini semacam sengaja diadakan oleh pihak-pihak tertentu dalam kalangan UMNO dengan tujuan salah-anggapan Tunku terhadap Dr. Mahahthir dan UMNO akan berterusan. Nampaknya ada pihak-pihak ketika itu yang menjadi talibarut kepada orang-orang yang suka melihat perpaduan Melayu terus berada di tahap yang paling menyedihkan. Mereka telah tidak mengindahkan arahan nasihat yang awal-awal lagi telah mengarahkan supaya jangan ada sesiapapun membawa apa-apa usul yang menyentuh tentang diri Tunku Abdul Rahman. Begitupun, segala-galanya telah terlanjur. Sekumpulan tikus-tikus sudahpun cuba memperbaiki labu.

Namun begitu, para pemimpin UMNO yang lebih waras sudah tentu tidak mahu melihat sengketa diantara Tunku dan UMNO berpanjangan. Dr. Mahahthir sendiri tidak pernah membuat sebarang serangan balas terhadap Tunku walaupun semasa kempen pilihanraya umum 1990 Tunku telah digunakan oleh APU dan Gagasan Rakyat untuk menghentam UMNO. Selain dari itu para penulis politik yang pro Dr. Mahathir dan UMNO turut memberikan kecaman yang begitu hebat terhadap Tunku. Ini semua telah memberikan gambaran bahawa permusuhan diantara Tunku dengan Dr. Mahahthir dan UMNO begitu tegang sekali.

Begitupun, jika ditinjau dari satu segi, Tunku benar-benar menyokong pihak pembangkang dalam pilihanraya umum 1990

itu. Tunku membenarkan nama dan diri beliau dipergunakan untuk alat berkempen. Malah gambar beliau semasa mengisytiharkan kemerdekaan di Padang Selangor Club (kini Dataran Merdeka) turut digunakan oleh DAP sebagai memancing undi orang-orang Melayu.

Tidak tahu apakah sebab yang sebenarnya Tunku melakukan demikian. Mungkin Tunku telah terpengaruh dengan nasihat pemimpin-pemimpin Semangat 46 yang mendakwa akan menghidupkan semula UMNO lama sekiranya mereka berkuasa. Mungkin juga Tunku masih lagi terkenang peristiwa yang berlaku di hari kedua Perhimpunan Agung UMNO 17 November 1989 di mana beliau telah dikecam hebat oleh para perwakilan UMNO.

Namun walau apapun sebabnya, kita terpaksa akur dan menghormati semangat dan komitmen yang telah ditunjukkan oleh Tunku walaupun dalam usia yang sudah begitu lanjut dan sering pula keluar masuk hospital. Inilah yang saya katakan diawal bab ini bahawa sekali Tunku mengambil keputusan untuk melibatkan dirinya di dalam politik maka politik menjadi darah dagingnya hingga ke akhir hayat.

Apabila keputusan pilihanraya umum 1990 diumumkan, Tunku akhirnya tahu dan terpaksa akur kepada hakikat bahawa rakyat dan orang Melayu tidak lagi membuat perbezaan diantara UMNO yang ditubuhkan dalam tahun 1946 dengan UMNO yang ditubuhkan dalam tahun 1988.

Justeru itu Tunku telah mengambil keputusan untuk bersara dari dunia politik dan tidak mahu mengambil tahu langsung apapun yang akan berlaku. Kenyataan Tunku ini telah disiarkan di dalam akhbar 'Berita Harian' keluaran Rabu, 24 Oktober 1990 dan saya petik seperti berikut:

> *'Penasihat Semangat 46, Tunku Abdul Rahman Putra, mengumumkan beliau tidak akan memberi perhatian lagi terhadap perkembangan politik negara.*
>
> *Menurutnya, pilihanraya umum kelmarin, adalah yang terakhir diikutinya dan selepas ini beliau tidak akan ambil peduli dengan apa yang akan berlaku dalam arena politik negara.'*

Dalam kenyataannya itu Tunku juga mendakwa bahawa rakyat telah terpengaruh dengan politik wang dan bahawa Dr. Mahahthir dan Barisan Nasional telah menggunakan wang yang banyak untuk memenangi pilihanraya umum tersebut.

Sayugia diingatkan bahawa kenyataan akhbar tersebut adalah merupakan kali terakhir Tunku menyelar UMNO dan Dr. Mahathir. Namun demikian di pihak UMNO para pemimpin tertinggi tetap meneruskan usaha untuk berbaik-baik dengan Tunku

Antara usaha terakhir mereka ialah menyampaikan maaf bagi pihak UMNO mengenai peristiwa yang berlaku dalam Perhimpunan Agung yang lalu serta menyampaikan undangan rasmi UMNO kepada Tunku agar beliau dapat hadir bersama dalam perhimpunan Agung 29 November 1990.

Malangnya Tunku telah tidak dapat hadir kerana sebab-sebab kesihatan. Walaupun begitu ada juga pihak yang menganggap keengganan Tunku hadir ke Perhimpunan Agung yang ke-41 itu sebagai alasan bahawa Tunku sudah 'fed-up' dengan UMNO dan juga Dr. Mahahthir.

Bagaimanapun apabila Tunku dimasukkan ke dalam wad rawatan intensif Hospital Besar Kuala Lumpur pada malam 15 Disember 1990 iaitu kira-kira dua minggu selepas Perhimpunan tersebut, anggapan buruk itu nyata meleset. Dan akhirnya pada malam 17 Disember 1990 berakhirlah hayat seorang pejuang yang telah melibatkan dirinya di dalam politik tanpa henti-hentinya selama hampir setengah abad.

Dua Puluh Enam

PERJALANAN TERAKHIR

Adalah menjadi hasrat saya apabila saya meninggal dunia jasad saya disemadikan bersama-sama kerabat saya di Makam DiRaja Kedah. Di situlah tempat saya dan di situlah saya ingin di kebumikan.

Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj

PADA 7 DISEMBER 1990 suasana di seluruh negara begitu muram. Rakyat Malaysia dari berbagai keturunan diselubungi dengan rasa sedih yang amat sangat.

Pada hari itu, pagi-pagi lagi, sekitar jam 8.00, jenazah Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj telah tiba di Bangunan Parlimen dari kediamannya di No. 1 Jalan Tunku dengan diiringi oleh orang kenamaan dan kaum keluarga terdekat.

Sungguhpun waktu yang dikhaskan untuk rakyat jelata memberi penghormatan terakhir tamat jam 9.00 pagi, namun masih ramai yang berbuat demikian sehingga jam 10.00 pagi iaitu masa yang telah ditetapkan bagi orang kenamaan.

Sebaik sahaja waktu yang diperuntukkan bagi upacara penghormatan terakhir tamat pada jam 10.15 pagi, jenazah Almarhum yang diselubungi kain kuning, ditutup dengan bendera Malaysia dan diusung keluar melalui pintu utama oleh para pengusung khas daripada angkatan tentera, polis dan Pusat Islam.Jenazah Almarhum yang diletakkan di dalam sebuah keranda dan ditutup dengan bendera Malaysia itu dibawa oleh kereta

jenazah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dengan diiringi oleh barisan kawalan kehormatan Polis Diraja Malaysia dan ketiga-tiga cawangan Angkatan Tentera Malaysia, iaitu darat, laut dan udara. Sebagaimana yang lazimnya, perbarisan mengiringi jenazah itu dibuat dengan langkah perlahan.

Dalam pada itu, rakyat dari segenap lapisan masyarakat telah membanjiri di kiri kanan jalan dari Bangunan Parlimen hinggalah ke Jalan Sultan Abdul Samad sejak awal-awal pagi lagi untuk memberikan penghormatan mereka yang terakhir kepada seorang pemimpin yang terulung sekali dalam sejarah tanahair ini.

Jenazah Almarhum dibawa perlahan-perlahan melalui Jalan Raja, di hadapan Bangunan Sultan Abdul Samad, kemudian ke Jalan Sultan Hishamuddin dan ke stesyen TUDM di Sungei Besi.

Setibanya jenazah Almarhum di pengkalan udara TUDM pada jam 11.40 pagi, ia diusung pula oleh para pegawai kanan pasukan keselamatan dan diberikan penghormatan terakhir oleh pasukan kawalan kehormatan yang terdiri dari 105 orang anggota Polis Diraja Malaysia.

Setelah upcara penghormatan terakhir oleh anggota Polis Diraja Malaysia itu selesai, jenazah Almarhum telah diusung ke dalam sebuah pesawat pengangkut TUDM C-130 Hercules untuk diterbangkan ke Alor Star.

Setibanya di Alor Star, Jenazah Almarhum disemadikan mengikut Istiadat Permakaman Diraja Kedah dengan disaksikan oleh ribuan rakyat Kedah.

Istiadat Pengkebumian Negara itu turut juga disaksikan oleh jutaan rakyat diseluruh negara melalui RTM dan TV3 yang menyiarkan upacara tersebut secara langsung.

Dengan bersemadinya Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj maka berakhirlah sebuah legenda yang telah hidup di kalangan kita buat selama ini.

Bolehkah anda melupakan Tunku - wajahnya, syenyumannya, tulisan-tulisannya, kenyataan-kenyataannya, cerminmatanya, potretnya dengan tangan kanan terangkat ke atas sambil mulutnya sedang melaungkan tiga kali 'Merdeka!' (sungguhpun anda tak mungkin mendengar laungan itu dari potret yang saya maksudkan)?

Sebut sahaja 'Tunku', seorang lelaki yang sedang berdiri

membelakangkan sebarisan Raja-raja Melayu sambil mengangkat tangan kanannya sudah terbayang diruangan mata kanak-kanak sekolah. Bagi mereka yang hidup sezaman dengan beliau, ataupun hampir-hampir sezaman dengan beliau sebutan nama Tunku memberikan semacam nostalgia. Siapa yang diantara mereka boleh lupa akan anak raja Kedah yang memiliki keperibadian yang cukup lembut dengan ungkapan 'Tak Pa' yang sudah menjadi semacam sinonim dengan Tunku. Bagi rakyat Malaysia secara amnya mereka mengingati Tunku sebagai Perdana Menteri Pertama, Bapa Kemerdekaan dan Bapa Malaysia. Bagi bolasepak Asia, Tunku adalah salah seorang pengasas AFC ataupun Asian Football Confederate. Bagi bekas-bekas anggota komunis yang bergerak di sempadan Malaysia- Thailand Tunku ialah orang yang telah bercakap dengan boss mereka dalam satu persidangan di Baling di satu waktu dulu. Dan ramai lagi orang perseorangan ataupun kumpulan, agensi dan sebagainya yang mengingati Tunku atas berbagai sebab.

Bukan mudah bagi sesiapun untuk melupakan seseorang tokoh seperti Tunku. Walaupun sudah bertahun-tahun, malah puluhan tahun bersara sebagai pemimpin rasmi negara, negarawan-negarawan dunia termasuk raja-raja, ratu-ratu masih tetap menghubungi beliau. Misalnya dalam lawatan rasmi Ratu Elizabeth Dua bersama suaminya Duke Edinburgh sempena Sidang Ketua-ketua Negara Commonwealth di Kuala Lumpur dalam tahun 1989, Ratu Elizabeth telah melahirkan hasrat baginda untuk menziarahi Tunku. Dan hasrat di raja tersebut telah dipenuhi.

Setelah Tunku meningal dunia, ada kalangan yang menganggap bahawa beliau merupakan seorang 'natural leader'. Sama ada pendapat ini benar atau tidak terpulang kepada seseorang untuk mengukur sejauh mana keupayaan Tunku dalam menangani segala ujian politik ketika berada di dalam kerajaan ataupun setelah bersara. Begitupun kepimpinan beliau sudah terserlah lama sebelum beliau memegang tampuk kepimpinan UMNO dalam tahun 1951 menggantikan Dato Onn bin Jaafar yang mengundurkan diri sebagai Presiden kerana gagasannya untuk membuka UMNO kepada kaum-kaum lain telah tidak diterima oleh ahli-ahli parti. Walaupun Tunku akhirnya mengubah slogan UMNO dari 'Hidup Melayu' kepada 'Merdeka', namun atas dasar

perpaduan Melayu inilah UMNO mengembalikan ketuanan Melayu dari genggaman penjajah, melahirkan dominasi Melayu di dalam politik dan menjadikan parti tersebut sebagai sebuah parti politik yang terbesar di negara ini.

Hari ini semua itu adalah merupakan warisan-warisan Tunku. Sesungguhnyalah bahawa:

Gajah itu mati meninggalkan tulang,
Harimau mati meninggalkan belang, dan
Manusia mati meninggalkan nama.

Dan nama **Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj** akan tinggal di dalam kenang-kenangan kita semua untuk selama-lamanya.

Dua Puluh Tujuh

TAKZIAH UNTUK TUNKU

Almarhum (Tunku) akan dikenang sebagai seorang yang inginkan perdamaian dan berpandangan jauh.
Ratu Elizabeth II

PADA 10 DISEMBER 1990 jam 3.40 petang suasana di dalam Dewan Rakyat nampak begitu muram. Ahli-ahli Parlimen sama ada dari parti kerajaan ataupun parti pembangkang yang biasanya menunggu masa untuk bertikam lidah atas isu-isu yang akan dikemukakan nampaknya tidak begitu ghairah untuk berbuat demikian. Kesugulan terpancar di wajah masing-masing.

Hari itu merupakan hari pertama Dewan bersidang selepas kembalinya Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj ke Rahmatullah.

Selepas upacara yang biasa dilakukan sebelum bermulanya sesuatu sidang, tepat jam 3.41, wakil dari Kubang Pasu, Datuk Seri Dr. Mahathir dengan wajah yang sugul dan sedih bangkit untuk memulakan ucapan usulnya. "Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan," Dr. Mahathir memulakan pembentangan usulnya pada petang itu.

"Bahawa Dewan in merakamkan perasaan sedih yang amat sangat di atas kembalinya ke Rahmatullah, Almarhum Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Perdana Menteri yang pertama negara ini pada 6 hb Disember, 1990 dan menyampaikan

ucapan takziah kepada Yang Amat Berbahagia Tun Sharifah Rodziah binti Syed Alwi dan keluarga Almarhum.

"Tuan Yang di-Pertua, seluruh rakyat Malaysia berasa amat dukacita dan sedih di atas kembalinya ke Rahmatullah, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj. Sesungguhnya kembalinya ke Rahmatullah Almarhum Tunku, negara telah kehilangan seorang pemimpin dan negarawan yang terhormat lagi tercinta. Pengorbanan dan perjuangan Almarhum Tunku dalam bidang politik dan pentadbiran merupakan sumber inspirasi dan teladan kepada rakyat Malaysia. Kembalinya ke Rahmatullah Almarhum Tunku merupakan peristiwa yang amat sedih dalam sejarah negara kita.

"Tuan Yang di-Pertua, keagungan seorang insan dapat diukur dengan dua cara. Pertamanya dengan melihat amalannya. Apa yang dilakukannya dan apa yang telah dilaksanakannya sepanjang hayatnya. Kedua, keperibadiannya.

"Almarhum Tunku dilahirkan sebagai seorang putera Raja, namun watak dan keperibadiannya berkembang sebagai pemimpin rakyat. Almarhum membebaskan kita dari belenggu penjajahan dan memberikan kita maruah sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat. Pernah suatu ketika Allahyarham Tun Dr. Ismail menyifatkan perwatakan Almarhum Tunku sebagai, dengan izin, "warm and unassuming". Dan Almarhum dapat menyesuaikan diri di semua keadaan sama ada di istana, di kampung, di kalangan masyarakat atasan ataupun masyarakat bawahan, golongan kaya ataupun miskin. Sumbangan Almarhum Tunku sebagai perintis dan pelopor kemerdekaan negara ini merupakan sumbangan yang tidak ternilai harganya dalam sejarah negara kita.

"Almarhum Tunku juga telah membina asas bagi pelbagai institusi negara kita yang kita nikmati dan kita pertahankan hingga kini. Atas daya usaha Almarhum kita mewarisi perlembagaan negara, institusi-institusi politiknya dan struktur pentadbirannya. Almarhum Tunku sentiasa berada pada tem-

pat dan ketika beliau diperlukan. Almarhum Tunku bukan sahaja menjadi pemimpin orang Melayu dalam mempelopori kemerdekaan negara tetapi terus menjadi seorang negarawan ulung yang disegani dan dicintai oleh semua kaum. Formula politik Perikatan yang dipelopori oleh Almarhum Tunku bagi menyatukan rakyat Malaysia merupakan formula yang terbukti kemantapannya untuk negara kita.

Setelah mencapai kemerdekaan dan membentuk Malaysia, Almarhum Tunku telah berperanan pula sebagai pemimpin dan pemandu pembangunan negara kita ke arah kemajuan dan kemakmuran. Bersama-sama dengan Allahyarham Tun Abdul Razak bin Hussein, Almarhum telah mencipta rancangan pembangunan yang memberi penekanan kepada pembangunan luar bandar. Almarhum Tunku telah mengasaskan nilai-nilai kesederhanaan di kalangan rakyat berbilang kaum di negara ini. Antara nilai ini adalah toleransi, bertolak ansur, persefahaman dan muhibbah. Nilai-nilai ini telah mendorong masyarakat majmuk Malaysia hidup aman dan tenteram.

"Tuan Yang di-Pertua, Almarhum Tunku jugalah yang telah mengasaskan budaya politik yang berlandaskan kompromi dan muafakat di antara golongan-golongan yang berlainan latar belakang dan kepentingan. Almarhum Tunku juga merupakan seorang penentang fahaman dan gerakan komunis. Apabila Almarhum menandatangani pengisytiharan berakhirnya darurat, Almarhum telah menyatakan betapa bangganya Almarhum dengan perpaduan dan taat-setia rakyat Malaysia. Almarhu m menyatakan rakyat Malaysia telah memperlihatkan kepada dunia bahawa mereka mempunyai cara hidup yang jauh lebih baik dan lebih makmur daripada yang dijanjikan oleh pihak komunis.

"Meskipun Almarhum merupakan penentang fahaman komunis yang tegas, namun Almarhum sebenarnya merupakan seorang pencinta damai. Almarhum pernah menyatakan, dengan izin, `I believe in giving the people clothes instead of uniforms; houses instead of barracks, food instead of bullets.' Almarhum

juga telah memainkan peranan penting dalam mengembangkan syiar Islam di dalam negara kita dan di peringkat antarabangsa. Almarhum Tunku mengasaskan Majlis Tilawah Al-Quran Kebangsaan dan Antarabangsa yang menjadi satu acara yang menarik dalam dunia Islam hingga sekarang. Sebagai pemimpin PERKIM, Almarhum Tunku telah membantu mengembangkan syiar Islam di rantau ini dan berusaha memelihara kebajikan mereka yang memeluk agama Islam.

"Pada tahun 1961 Almarhum telah mengutarakan Gagasan Komanwel Islam untuk mencari titik perpaduan di kalangan negara-negara Islam. Pada bulan April 1969 sebagai hasil usaha Almarhum Tunku, Malaysia telah menjadi tuan rumah kepada Persidangan Islam Antarabangsa yang disertai oleh 20 buah negara Islam. Sebagai Setiausaha Agung pertama Sekretariat Islam yang kemudiannya dikenali sebagai Pertubuhan Persidangan Negara-negara Islam (OIC), Almarhum telah berjaya memperjuangkan kepentingan umat Islam di seluruh dunia dalam bidang ekonomi, sosial dan kebudayaan.

"Almarhum juga merupakan seorang tokoh antrabangsa. Almarhum mempelopori usaha-usaha ke arah memupuk perpaduan dan kerjasama serantau. Sewaktu hubungan di kalangan negara-negara di rantau ini tidak begitu mesra, Almarhum Tunku telah mencadangkan suatu Pertubuhan Serantau Bagi Kawasan Asia Tenggara untuk memajukan persefahaman di kalangan negara-negara tersebut. Cita-cita tersebut menjadi kenyataan dengan terbentuknya Persatuan Asia Tenggara ataupun ASA antara Malaysia, Thailand dan Filipina. Pada tahun 1967 lahirlah ASEAN dengan penyertaan Indonesia dan Singapura.

"Antara anugerah yang diterima oleh Almarhum Tunku ialah anugerah Ramon Magsasay dalam tahun 1960. Sikap Almarhum Tunku yang mengutamakan keadilan dan perikemanusiaan menjadikan Almarhum penentang ulung apartheid Afrika Selatan. Almarhum telah mengutuk dasar tersebut di Persidangan Komanwel di London pada tahun

1960 dan melancarkan pemulauan terhadap barang-barang Afrika Selatan yang kemudiannya turut disertai oleh beberapa negara lain. Akibat tekanan ini Afrika Selatan terpaksa meninggalkan Komanwel pada tahun 1961.

"Almarhum Tunku juga terkenal sebagai seorang pencinta sukan. Kerana minat dan sumbangannya Almarhum telah dilantik menjadi Presiden Persatuan Bola Sepak Asia dari tahun 1959 hingga 1971.Almarhum Tunku juga telah mengilhamkan Pertandingan Bolasepak Merdeka iaitu salah satu pertandingan bertaraf antarabangsa yang utama di rantau ini.

"Sebagai penaung kegiatan seni, Almarhum Tunku telah memberikan perhatian kepada warisan kebudayaan Melayu. Almarhum merupakan seorang penulis yang prolifik, menghasilkan karya-karya yang menarik dalam bentuk rencana dan buku.

"Tuan Yang di-Pertua, Almarhum Tunku tidak lagi bersama kita, namun sumbangan Almarhum tidak dapat dihilangkan daripada kenangan kita. Tiada siapa dapat menafikan sumbangan Almarhum kepada negara yang amat dicintai oleh Almarhum. Nama dan sumbangan Almarhum akan tertulis dengan tinta emas dalam sejarah negara.

"Enam bulan duhulu, Tuan Yang di-Pertua, kita telah kehilangan Allahyarham Tun Hussein Onn, Perdana Menteri ketiga negara kita.Sebagai Perdana Menteri, saya telah membawa Usul Takziah di Dewan yang mulia ini. Mengingati perbahasan yang berlaku semasa Usul itu dibincangkan, saya ingin merayu kepada semua Ahli Dewan daripada kedua-dua belah pihak, iaitu daripada parti Kerajaan dan parti Pembangkang supaya tidak mengambil kesempatan daripada perbahasan Usul ini untuk mengutarakan kepentingan-kepentingan politik mana-mana parti.

"Sebagai penghormatan terakhir daripada Dewan ini di mana

Almarhum Tunku telah mengetuai Ahli-ahli Kerajaan selama 13 tahun dan bagi mengenang budi Almarhum sebagai negarawan, marilah kita buat seketika bersama-sama Kerajaan dan Pembangkang menghormati Almarhum dengan mengucap takziah daripada hati yang ikhlas kepada keluarga Almarhum tanpa akrimoni. Di waktu yang solemn ini, kosongkanlah hati kita semua daripada perkara-perkara lain yang akan memesongkan kita daripada kesedihan yang kita rasai bersama.

"Sesungguhnya kembalinya ke Rahmatullah Almarhum Tunku amat dirasai oleh rakyat Malaysia. Saya bagi pihak Kerajaan berharap balu Almarhum, Tun Sharifah Rodziah dan anggota keluarga Almarhum akan tabah hati serta bersabar. Kita berdoa semoga Allah SWT mencucuri rahmatNya ke atas roh Almarhum.

"Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan."

Begitulah usul yang telah dibawa oleh wakil dari Kubang Pasu yang juga Perdana Menteri Malaysia.

Pada jam 3.53 petang, Datuk Seri Dr. Ling Liong Sik pula bangkit untuk menyokong usul tersebut.

"Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong Usul yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bagi merakamkan ucapan takziah kepada keluarga Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj serta menyampaikan penghargaan yang tidak terhingga terhadap jasa-jasa dan sumbangan ikhlas Almarhum Tunku terhadap negara sepanjang hayatnya.

"Bagi pihak parti MCA saya juga ingin menyampaikan ucapan takziah kepada Yang Amat Berbahagia Tun Sharifah Rodziah dan keluarganya atas kemangkatan Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj.

"MCA merasai kehilangan seorang sahabat karib yang disan-

jung tinggi oleh kesemua Ahli-ahlinya, seorang negarawan ulung yang paling banyak menabur jasa terutama sekali dalam merintis jalan untuk mencapai kemerdekaan negara kita pada tahun 1957.

"Sebagai `Bapa Kemerdekaan' dan pengasas penubuhan parti Perikatan, Almarhum Tunku, Perdana Menteri yang pertama, telah menjadi lambang perpaduan negara bagi rakyat yang terdiri dari berbilang keturunan. Almarhum Tunku sentiasa berpegang teguh kepada kepercayaan bahawa negara kita yang mempunyai ciri-ciri kepelbagaian kaum perlu mengamalkan dasar-dasar yang sesuai dan adil untuk rakyat yang berbilang keturunan.

"Bagi masyarakat Cina khasnya dan rakyat Malaysia amnya, Almarhum Tunku adalah dikenali sebagai seorang negarawan yang amat memahami tentang betapa perlunya pemimpin dan rakyat mempunyai sikap toleransi, saling hormat-menghormati dan bertolak ansur di dalam sesebuah negara berbilang keturunan dan agama seperti Malaysia. Almarhum Tunku percaya bahawa dalam sebuah masyarakat majmuk seperti di Malaysia, segala pendapat atau sikap yang extreme yang mungkin membawa kepada konfrantasi hendaklah dielak dan diketepikan. Sifat-sifat Almarhum yang sederhana, liberal, adil dan sentiasa menjaga kepentingan semua rakyat tanpa mengira latar belakang dan asal keturunan patutlah dijadikan teladan.

"Dengan ringkasnya, Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj bukan sahaja telah mendapat sanjungan, keyakinan, kasih sayang dan dikagumi oleh semua rakyat Malaysia, bahkan Almarhum juga telah mendapat penghormatan sebagai seorang pemimpin yang terkemuka di kalangan pemimpin-pemimpin di peringkat antarabangsa. Almarhum Tunku merupakan salah seorang pengasas bagi Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara atau ASEAN di mana Almarhum Tunku yang mempunyai pandangan jauh sejak awal lagi telah sedar tentang pentingnnya untuk mewujudkan ASEAN bagi

tujuan memperkukuh dan melindungi kedudukan serta kepentingan negara-negara yang sedang membangun di rantau ini.

"Tuan Yang di Pertua, apa yang penting bagi kita semua rakyat Malaysia semasa memberikan penghormatan kepada seorang negarawan yang kita kasihi, Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, ialah untuk terus mengingati jasa-jasa Almarhum supaya kita semua khususnya generasi yang akan datang dapat memahami dan mengambil pengajaran dari jasa bakti Almarhum dalam usahanya membina sebuah negara yang maju, aman dan bersatu-padu.

"Semoga Tuhan akan melimpahkan rahmatNya ke atas roh Almarhum, mudah-mudahan keluarga Almarhum akan bersabar atas pemergiannya dan sentiasa berada dalam keadaan sihat sejahtera.

"Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menyokong Usul ini."

Dengan Usul menyokong yang dibawa oleh Presiden MCA yang juga Menteri Pengangkutan, maka Usul takziah terhadap Tunku Abdul Rahman pun dibuka untuk perbahasan.

Sebaik sahaja mengumumkan perkara tersebut terbuka untuk perbahasan, wakil dari Bayan Baru YB Ahmad Nor dari DAP bangkit untuk turut menyokong Usul yang telah dikemukakan oleh Perdana Menteri itu. Menurut beliau:

"Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak DAP saya juga ingin merakamkan perasaan yang amat sedih dan mengucapkan takziah kepada Tun Sharifah Rodziah, balu Almarhum Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj dan keluarganya.

"Tuan Yang di-Pertua, negara telah kehilangan seorang negarawan yang ulung, yang masyhur dalam dan luar negeri. Rakyat dari semua kaum lapisan merasai amat sedih dan berdukacita dengan kematian Almarhum Yang Teramat Mulia

Tunku pada 6 hb Disember yang baru lalu. Kematian Almarhum Yang Teramat Mulia Tunku adalah merupakan satu kehilangan yang besar kepada negara kerana Almarhum sentiasa dianggap bapa kepada masyarakat majmuk negara ini.

"Almarhum Tunku semasa hayatnya telah menjadi pembela serta pelindung kepada rakyat yang cintakan keadilan, kebebasan dan keamanan.

"Rakyat amat terharu dengan pemergian Almarhum Tunku pada 6 hb Disember yang lalu. Almarhum adalah simbol kebebasan, demokrasi dan keadilan. Kejayaan Almarhum mendapatkan kemerdekaan bagi negara ini dari penjajah, mewujudkan sistem demokrasi berparlimen dan Raja berperlembagaan dan mentadbir negara ini dengan begitu adil semasa menjadi Perdana Menteri yang pertama tidak akan dilupai oleh sejarah. Kepimpinan dan sifat-sifat peribadi mulia Almarhum Tunku telah menawan hati semua golongan masyarakat di negara ini tanpa kira kaum dan keturunan. Almarhum Yang Teramat Mulia Tunku sentiasa dihormati dan disegani sama ada oleh kawan mahupun lawan.

"Semasa Almarhum Tunku menjadi Perdana Menteri yang pertama dari tahun 1957 hingga 1970, beliau telah meneroka dan membangunkan negara ini yang baru sahaja mencapai kemerdekaan itu dengan amat cemerlang dan kemudiannya diserahkan kepada pemimpin-pemimpin lain. Perjuangan Almarhum Yang Teramat Mulia Tunku telah dilalui dengan penuh cabaran, pengorbanan serta kesabaran. Zaman Almarhum Tunku bukan seperti yang kita lihat sekarang. Almarhum Tunku dan rakan-rakan seperjuangannya ketika itu telah berkorban habis-habisan tanpa mengharapkan ganjaran bagi kepentingan diri masing-masing. Ketika itu pembangunan negara lebih menekankan kepada pembangunan asas bagi membina masyarakat untuk maju, di samping mengukuhkan keselamatan dalam negeri daripada ancaman komunis.

"Almarhum Yang Teramat Mulia Tunku walaupun pernah mendakwa dirinya sebagai seorang Perdana Menteri yang paling gembira di dunia, dengan izin, `the happiest Prime Minister in the world,' pada satu ketika dahulu, kegembiraan ini mencerminkan beliau amat gembira dan berpuashati dengan apa yang diperjuangkan oleh Almarhum Tunku untuk rakyat dan negara. Kegembiraan Tunku itu dirasai dan dinikmati oleh rakyat jelata. Rakyat ketika itu berpuashati kerana Almarhum Tunku seorang yang liberal, yang sederhana, bertimbang rasa dan cuba memberi keadilan kepada semua golongan masyarakat. Sesungguhnya sifat-sifat mulia seorang pemimpin yang ditunjukkan oleh Almarhum sukar dibuat perbandingan.

"Tuan Yang di-Pertua, sewaktu Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj menjadi Perdana Menteri, beliau telah membawa sikap berbaik-baik serta mengadakan hubungan yang mesra dan erat dengan semua pihak, seperti pertubuhan-pertubuhan masyarakat, sosial, parti-parti politik pergerakan buruh, badan-badan agama, pendidikan, kebudayaan dan lain-lain telah berpeluang mengadakan hubungan dan dialog dengan Almarhum dari masa ke semasa secara terbuka melalui semangat persefahaman. Tidak ada pihak pada ketika itu menganggap diri mereka ditekan atau dicengkam dengan sebarang undang-undang yang mencabuli hak-hak asasi manusia, kebebasan bersuara dan juga demokrasi. Almarhum Tunku berjaya menyelesaikan berbagai masalah berbangkit melalui cara bermesyuarah dan tolak ansur.

"Tuan Yang di-Pertua, Almarhum Tunku tidak pernah menyalahgunakan kuasa dan undang-undang dengan sewenang-wenangnya. Akta Keselamatan Dalam Negeri telah digunakan hanya untuk mengawal keselamatan negara yang berhubungkait dengan ancaman komunis. Pejuang-pejuang hak asasi manusia dan ahli-ahli politik tidak pernah ditahan kerana mengkritik dasar-dasar Kerajaan. Kita juga telah berbangga dengan Almarhum Tunku kerana beliau berjaya mentadbir negara ini secara yang bersih, jujur lebih adil.

Zaman Almarhum, amalan rasuah, penyelewengan, skandal-skandal kewangan jarang kedengaran. Politik yang dibawa oleh Almarhum juga bersih kerana ketika itu politik perkauman, politik wang tidak diamalkan secara berleluasa.

"Tuan Yang di-Pertua, rakyat amat berbangga kerana Almarhum Tunku telah berjaya memenuhi aspirasi rakyat untuk menuntut kemerdekaan bagi kepentingan semua lapisan warganegara.Kemerdekaan telah dapat dirasai dengan sebenarnya kerana kita telah dibebaskan dari berbagai tekanan, penindasan dan kekejaman yang dilakukan oleh penjajah sebelum itu.

"Tuan Yang di-Pertua, kini Almarhum Tunku yang kita sanjungi dan amat sayangi sudah tiada lagi. Almarhum Tunku seperti yang kita ketahui sehingga ke akhir hayatnya masih terus berjuang tanpa menghiraukan umur yang tua dan kesihatan semata-mata untuk membela rakyat. Hasrat Almarhum Tunku ialah untuk melihat keadilan dan demokrasi yang bermakna wujud di negara ini.

"Bagi mengenangkan pengorbanan dan jasa-jasa yang dicurahkan oleh Almarhum Tunku yang tidak terputus-putus itu, saya dengan ikhlas ingin mengambil kesempatan di Dewan yang mulia ini meminta Kerajaan menimbang dengan serius supaya mengkaji semula segala undang-undang yang ada yang dianggap telah mencabuli hak-hak asasi manusia dan sistem demokrasi di negara ini. Inilah satu-satunya harapan Almarhum sebelum beliau meninggalkan kita.

"Bagi memperingati Almarhum sebagai `Bapa Kemerdekaan' dan `Bapa Malaysia', saya ingin mengesyurkan supaya sebuah buku khas berhubung dengan riwayat hidup Almarhum dicipta dan dijadikan sebagai buku bacaan wajib di sekolah-sekolah semoga sejarah dan riwayat hidup Almarhum itu dipelajari serta dihayati oleh generasi muda yang akan datang, Tuan Yang di-Pertua."

Dalam merakamkan takziahnya di Parlimen, wakil Sungai Siput yang juga Presiden MIC dan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato' Seri S. Samy Vellu berkata:

> *"Tuan Yang di-Pertua, pemergian Almarhum Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj adalah satu kehilangan kepada negara. Ianya adalah satu kehilangan yang tidak dapat ditukar ganti. Selama ini Almarhum Tunku adalah ibarat sebuah institusi di Malaysia. Dengan gelaran Bapa Malaysia, Almarhum Tunku adalah menjadi bapa kepada semua rakyat Malaysia yang berbilang kaum dan agama. Dengan pemergian Almarhum Tunku dapat kita melihat betapa besarnya sanjungan dan kasih sayang serta hormat yang beliau terima dari negara dan rakyat dari segenap lapisan masyarakat yang berbilang kaum. Saya tidak fikir terdapat walaupun seorang yang membenci Almarhum Tunku.*
>
> *"Bagi pihak MIC, ingin saya menyatakan di sini bahawa Almarhum Tunku adalah seorang yang kasih dan sayangkan masyarakat India sama seperti kasih dan sayangnya terhadap masyarakat-masyarakat yang lain. Walaupun Almarhum Tunku adalah seorang yang kuat berpegang kepada ajaran Islam, tetapi beliau tidak pula ketinggalan memberi naungan terhadap upacara-upacara agama lain. Apabila Almarhum berada di Pulau Pinang dan setiap kali Thaipusam Silver Jubilee Chariot, dengan izin, melintasi rumahnya di Jalan Ayer Raja, Almarhum akan keluar dari rumah dan Thaipusam Silver Chariot itu akan berhenti untuk memberi penghormatan tradisional kepadanya. Almarhum Tunku adalah Perdana Menteri yang pertama merasmikan, dengan izin, The First International Tamil Conference in Malaysia.*
>
> *"Sebagai Perdana Menteri Pertama kepada negara berbilang kaum, Almarhum telah memulakan satu amalan untuk diikuti oleh Perdana Menteri dan juga Kerajaan yang akan datang kelak.*
>
> *"Dalam pilihanraya umum tahun 1969, saya telah berpe-*

luang berucap dalam dua perhimpunan Parti Perikatan di bawah pimpinan Almarhum Tunku di Port Dickson dan juga di Kuantan. Apabila selesai perhimpunan di Kuantan, hari telah larut malam, Almarhum Tunku dengan lemah lembut datang dan bertanya sama ada kami akan balik ke Kuala Lumpur pada malam yang sama. Apabila kami menyatakan `ya', Almarhum telah menasihatkan beberapa kali supaya kami memandu dengan berhati-hati. Dengan izin, inilah Tuan Yang di-Pertua, human relationship yang telah dipunyai oleh Almarhum Tunku.

"Almarhum Tunku adalah seorang yang percaya dan berpegang teguh dengan konsep Perikatan dengan perkataan dan perbuatan. Almarhum telah membuktikan bahawa beliau bukanlah bertujuan mencari keuntungan melalui politik dan kita boleh mempercayainya sama ada di waktu senang ataupun di waktu susah.

"Tuan Yang di-Pertua, Almarhum adalah seorang yang agung dan saya berbangga seorang seperti Almarhum telah hidup di negara kita ini. Kehilangan Almarhum sangat-sangat dirasai oleh negara dan kepada keluarga serta Tun Sharifah Rodziah, kami mengucapkan takziah. Terima kasih."

Pada jam 4.12 petang, ahli dari Gua Musang yang juga Presiden parti Semangat 46 pula bangkit untuk melahirkan rasa sedihnya atas kematian Tunku. Perhubungan Tengku Razaleigh Hamzah dengan Tunku Abdul Rahman sejak UMNO lama diharamkan dalam tahun 1988 adalah agak istimewa. Ucapan takziah Tengku Razaleigh berbunyi:

"Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak parti Semangat 46, saya bangun kerana ingin menyokong Usul Ucapan Takziah yang ada dihadapan kita ini. Negara berkabung kerana berakhirnya suatu legenda dalam sejarah negara kita, tokoh politik Melayu teragong pada abad ini, seorang pejuang kemerdekaan terulung di Asia dan begitu dikasihi dan dikagumi oleh berjuta-juta rakyat Asia dan Afrika yang mengingati Almarhum sebagai

juara anti-apartheid berdekad-dekad sebelum tajuk ini diperkatakan.

"Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj berusia hampir 9 dekad menyaksikan perubahan-perubahan dalam negara ini yang hanya beberapa orang berkesempatan menjadi sebahagian daripadanya dan sentiasa mengabdi kepada semangat demokrasi, perpaduan, keadilan dan hak-hak manusia. Bagaimanakah sejarah akan memperingati Tunku. Saya yakin sanjungan-sanjungan yang berterusan akan dicurah ke atas seorang yang mempunyai kejayaan-kejayaan cemerlang akan menyebabkan berjilid-jilid buku akan ditulis. Mungkin terlalu banyak hendak dikira. Bagi saya dan bagi sesiapa yang mempunyai hubungan rapat dengan Tunku, dalam satu patah perkataan ~Dia adalah seorang patriot teragung di negara ini'. Tidak ada seorang pun dari kalangan kita di Parlimen ini akan di sini jika tidak kerana kesungguhan Almarhum mempastikan Malaysia bebas dari kongkongan penjajah. Tidak ada seorangpun daripada kita akan berada berada di sini jika Tunku tidak, pada masa itu, mencipta institusi demokratik yang menyaksikan Malaysia maju semenjak 3 hingga 4 dekad lampau.

"Almarhum tidak pernah lari dari kebenaran, juga Tunku tidak akan berkompromi di atas prinsip-prinsip asas. Mereka yang bergembira melihat Almarhum meninggalkan Kerajaan pada tahun 1972, tidak mengambil kira kesungguhan dan pegangan Almarhum kepada kebenaran. Selepas menghabiskan satu tempoh perkhidmatan Tunku berkhidmat untuk Islam dan untuk negara-negara Islam di atas permintaan Raja Arab Saudi, usaha-usaha untuk menyebarkan ajaran Islam jauh dan meluas dengan memenangi berjuta-juta saudara baru, Almarhum pulang ke tanahair, tempat tumpah darahnya untuk memperbetulkan perbuatan-perbuatan mungkar yang pada pandangan Almarhum telah dilakukan.

"Mereka yang telah berusaha melenyapkan suara Almarhum percaya bahawa pejuang agung demokrasi dan keadilan sudah

tidak ada lagi. Mereka silap perhitungan. Perjuangan Almarhum Tunku masih menyala merah dan mereka yang berkongsi prinsip-prinsipnya akan meningkat usaha untuk mempastikan perjuangan Almarhum bukanlah sia-sia.

"Almarhum sungguhpun dilahirkan sebagai seorang putera raja, beliau sentiasa bersikap `gentleman' dan disenangi oleh rakyat biasa. Tunku menjadi seorang ahli politik atas kehendaknya sendiri, kemudian Perdana Menteri. Dia bertukar menjadi negarawan, tetapi kekal menjadi hamba abdi kepada Allah s.w.t. dan rakyat di tanahairnya.

"Kita sama-sama berdoa semoga roh negarawan ulung ini akan di cucuri rahmat oleh Allah s.w.t. dan dimasukkan ke dalam himpunan roh orang-orang yang beriman dan soleh. Terima kasih."

Dato' Seri Lim Keng Yaik, Menteri Perusahaan utama yang mewakili Gerakan juga turut menyampaikan ucapan takziahnya. Menurut beliau:

"Tuan Yang di-Pertua, saya bangkit untuk menyokong usul bahawa Dewan ini merakamkan perasaan sedih yang amat sangat ke atas kembalinya ke Rahmatullah, Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Perdana Menteri yang pertama negara ini pada 6hb Disember, 1990 dan menyampaikan ucapan takziah kepada Ynag Berbahagia Tun Sharifah Rodziah binti Syed Alwi dan keluarga Almarhum seperti yang dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

"Tuan Yang di-Pertua, izinkanlah saya bagi pihak parti Gerakan serta diri saya sendiri merakamkan juga ucapan takziah kita bersama kepada Yang Amat Berbahagia Tun Sharifah Rodziah dan keluarga atas pemergian Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Perdana Menteri pertama kita.

"Saya juga ingin turut menyampaikan perasaan amat dukacita

kepada Yang Amat Berbahagia Tun Sharifah Rodziah dan keluarga kerana mereka sudah mengalami kehilangan seorang yang disayangi oleh mereka.Sesungguhnya negara telah kehilangan seorang negarawan yang ulung yang telah banyak memberi khidmat bakti kepada negara. Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj telah memberi sumbangan yang tidak ternilai kepada negara dan sebagai Bapa Malaysia, membawa kemerdekaan kepada negara ini. Almarhum telah dapat memupuk perpaduan negara. Kesedihan yang dirasakan oleh semua lapisan rakyat jelata jelas menunjukkan kasih sayang kita terhadap Almarhum. Almarhum Tunku juga merupakan seorang pemimpin kebangsaan yang membawa kemerdekaan kepada negara dan seterusnya membina sebuah negara yang bersatu padu dan progresif dalam sebuah masyarakat yang berbilang kaum dan agama.

"Almarhum merupakan seorang yang mempunyai sifat sungguh bertoleransi dan bersefahaman untuk membawa negara ini ke arah yang aman dan makmur. Almarhum merupakan bapa di negara ini serta seorang tokoh yang terkenal di dunia yang mana komitmen Almarhum kepada rakyat Malaysia yang dilakukan sepanjang hayatnya boleh dikenang sebagai seorang yang inginkan perdamaian dan berpandangan jauh.

"Tuan Yang di-Pertua, pemergian Almarhum itu merupakan kehilangan seorang anak watan Malaysia yang berjiwa besar serta kehilangannya amat besar dirasai oleh rakyat Malaysia.

"Bagi pihak parti Gerakan dan rakyat jelata dan diri saya sendiri, sekali lagi saya memohon Ahli-ahli Dewan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Almarhum Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj atas jasa bakti beliau dan di samping itu menyampaikan ucapan takziah kepada Yang Amat Berbahagia Tun Sharifah Rodziah serta keluarga, semoga Tuhan memberkati mereka semua.

"Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong."

Menteri Kerja Raya, Datuk Leo Moggie anak Irok dalam ucapannya pula berkata:

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil peluang untuk menyokong Usul merakamkan perasaan sedih yang amat sangat di atas kembalinya ke Rahmatullah Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Perdana Menteri yang pertama, yang dicadangkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri.

"Saya bersama-sama rakan-rakan dalam Dewan ini melafazkan perasaan sedih dan terharu atas kehilangan seorang anak watan yang telah berjuang dan berkorban bagi menubuhkan negara yang kita cintai.

"Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya sendiri tiada hubungan rapat dengan Almarhum secara peribadi, saya mengenali ramai rakan-rakan yang ada hubungan rapat dengan beliau di mana mereka memandang tinggi akan kewibawaan peribadi Almarhum Tunku, kesetiakawan Almarhum, perasaan keadilan serta toleransi dan cara Almarhum yang merendah diri.

"Kemangkatan Almarhum Tunku adalah satu kehilangan yang besar bukan sahja kepada keluarga dan rakan-rakannya, bahkan juga kepada semua rakyat Malaysia. Almarhum ialah seorang negarawan dan tokoh yang ulung yang telah mencurahkan bakti terhadap Malaysia hingga hayatnya. Jasa Almarhum pada orang ramai amat sukar hendak di nafikan, malahan sekiranya segalanya itu hendak dicatatkan satu persatu banyak sekali butir-butirnya. Wujudnya negara Malaysia seperti yang ada sekarang adalah daripada usaha penyemaian benih negara yang berdemokrasi oleh Almarhum. Almarhum berjaya membina pergerakan satu formula yang praktikal untuk rakyat berbilang kaum di negara ini dan bekerjasama dalam bidang politik.

"Pembangunan pesat negara tidak dapat disangkal lagi telah disinambungkan kepada asas yang telah diletakkan oleh Almarhum. Pandangan Almarhum yang amat luas dan jauh

itu telah membawa kewibawaan negara bukan sahaja dari segi pandangan orang-orang tempatan malahan juga dikhalayak antarabangsa. Y.T.M. Almarhum telah bermula sebagai seorang nasionalis Melayu tetapi kemudiannya menjadi seorang nasionalis Malaysia dan seterusnya seorang negarawan dunia. Beliau telah mengambil pendirian yang tegas di arena antarabangsa atas perkara-perkara hak asasi manusia seperti pendirian tegas Almarhum menentang apartheid.

"Tuan Yang di-Pertua, meskipun bukan semua rakyat Malaysia bersetuju sepenuhnya dengan pandangan Almarhum, akan tetapi perasaan kehilangan Bapa Malaysia kini wujud pada semua pemimpin dan rakyat di negara ini. Tidak dapat dinafikan bahawa segala sumbangan dan perjuangan Almarhum sebagai pemimpin dan Bapa Kemerdekaan itu amat besar dan penghargaan terhadapnya tidak terjumlah. Apa jua perbezaan pendapat yang mungkin disuarakan di antara Almarhum dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ianya tidak mengenepikan pengiktirafan dan penghargaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri di atas sumbangan Almarhum pada negara dan rakyat Malaysia.

"Tuan Yang di-Pertua, Almarhum Tunku telahpun meninggalkan kita buat selama-lamanya. Namun demikian kejayaan yang telah dicapai dan prinsip yang dipegang di dalam hidupnya dan kerjanya akan terus bersemarak dalam jiwa dan pemikiran rakyat Malaysia untuk tahun-tahun yang akan datang.

"Berucap sebagai seorang dari negeri Sarawak saya suka mengambil peluang untuk menyuarakan terima kasih atas sumbangan Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj kerana dengan usaha-usahanya Sarawak telah mendapat kemerdekaan menerusi Malaysia dan kini menikmati segala hasil usaha gigih yang disemaikan olehnya sebagai pencipta kemerdekaan sebelum daripada itu.

"Akhir sekali saya bagi diri saya sendiri dan juga bagi pihak

Parti Bansa Dayak Sarawak melafazkan ucapan takziah kepada balu Almarhum Yang Amat Berbahagia Tun Sharifah Rodziah serta keluarga sekelian dan berdoa semoga Allah mencucuri rahmat ke atas roh Almarhum.
Terima kasih."

Selepas Datuk Leo Moggie berucap, Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat memberikan pula peluang kepada Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Tuan Law Hieng Ding merakamkan Usul takziah beliau. Ahli yang mewakili Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP)berkata:

"Tuan Yang di-Pertua, bagi semua pihak semua pemimpin dan ahli Parti Rakyat Bersatu Sarawak, saya dengan penuh takzim turut menyampaikan ucapan takziah kepada Yang Amat Berbahagia Tun Sharifah Rodziah binti Syed Alwi dan keluarganya di atas kembalinya ke Rahmatullah Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj. Bagi kami penduduk Sarawak, Y.T.M. Tunku telah banyak berjasa dengan membantu negeri Sarawak mencapai kemerdekaan dalam Malaysia. Seterusnya anak Bumi Kenyalang telah menikmati keamanan dan kemakmuran dari usaha, jasa dan pengorbanan beliau.

"Tuan Yang di-Pertua, di dalam hayat insan yang bermula denga kelahirannya dan berakhir dengan kematiannya banyak perkara berlaku di sepanjang kehidupannya. Di antaranya terdapat satu kehidupan yang penuh dengan kejayaan sehingga meninggalkan satu warisan untuk kenangan dengan manis oleh keluarga dan kawan.

"Riwayat-riwayat hidup Almarhum Y.T.M. Tunku telah hampir merangkumi satu abad dan kehidupan beliau penuh dengan kejayaan,kesejahteraan dan kemuliaan, walaupyn ada juga saat-saat yang mengecewakan dan menderita. Almarhum Y.T.M. Tunku telah meninggalkan satu warisan yang kaya untuk dipelajari oleh generasi-generasi akan datang.

"Negara kita mencapai kemerdekaan melalui usaha yang dipimpin oleh Almarhum Y.T.M. Tunku yang mengamalkan pendekatan perundingan dan bukan secara kekerasan melalui perang dan pertumpahan darah.Dengan cara itu negara dapat menumpukan tenaga dan sumber-sumbernya ke arah pembangunannya.

"Semasa Sarawak mencapai kemerdekaan, parti S.U.P.P. masih dalam Pembangkang dan ramai ahli S.U.P.P. ditahan dibawah Akta Keselamatan Dalam Negeri disebabkan keadaan politik pada ketika itu. Kini mereka yang ditahan saya yakin tidak mempunyai apa-apa dendam terhadap penahanan itu. Mereka memahami bahawa tindakan sedemikian haruslah diambil demi menjaga keselamatan negara dan mereka masih menghormati Almarhum Y.T.M. Tunku.

"Kami di S.U.P.P. menyanjung tinggi semangat perjuangan Almarhum Y.T.M. Tunku yang terus bersemarak sehingga keakhir hayatnya iaitu untuk menjadikan negara Malaysia sebuah negeri yang bahagia dan rakyat yang bersatupadu dan dalam pada itu beliau dikasihi dan dihormati oleh kawan dan lawan.

"Tuan Yang di-Pertua, kami di S.U.P.P. berharap Yang Amat Berbahagia Tun Sharifah Rodziah dan keluarganya akan bersabar dalam menghadapi saat yang sedih ini. Semoga Tuhan mencucuri rahmatnya ke atas roh Almarhum Y.T.M. Tunku."

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha pula berkata:

"Tuan Yang di-Pertua, saya bangun ingin mengambil bahagian dalam Usul yang dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebentar tadi bagi pihak Parti Pesaka Bumiputera Bersatu Sarawak.

"Tuan Yang di-Pertua, kepada kami rakyat Malaysia dari

Sarawak memang terhutang budi kepada Y.T.M. Almarhum Tunku Abdul Rahman Putera Al-Haj kerana kemerdekaan negeri Sarawak tercapai ialah menerusi, dengan izin, Malaysia plan beliau yang dicadangkannya di Press Club di Singapura pada 27.5.1961.

"Pengerusi Parti Negara Sarawak menjadi ahli politik yang pertama dari British Borneo ketika itu menyokong Malaysia plan Almarhum supaya Sarawak, Brunei dan North Borneo bersama-sama dengan Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu menjadi Federation of Malaysia, dengan izin. Walaupun Brunei tidak menyertai Malaysia, Federation of Malaysia, dengan izin telah menjadi kenyataan pada 16hb September 1963. Dengan ini negeri Sarawak menjadi merdeka menerusi Malaysia tanpa peperangan dan tumpah darah pengorbanan rakyat jelata.

Kepada rakyat Malaysia dari Sarawak, Yang Teramat Mulia Almarhum boleh diibaratkan sebagai berlian yang tidak dapat dinilai atau priceless, dengan izin, bukan sahaja untuk generasi kami ini bahkan kepada generasi-generasi yang akan datang.

"Banyak yang telah dilafazkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat di dalam Dewan ini berkenaan dengan perjuangan Yang Teramat Mulia Almarhum yanng cemerlang untuk bangsa, agama dan negara. Pada saya, Yang Teramat Mulia Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj boleh disifatkan sebagai `a Prince, freedom fighter and a gentleman,' dengan izin, yang disayangi dan dicintai oleh setiap rakyat Malaysia tidak kira kaum, agama atau aliran politik. Kita kehilangan seorang negarawan dan pemimpin Islam yang terkenal bukan sahaja dirantau ini bahkan di peringkat antarabangsa.

"Tuan Yang di-Pertua, di saat-saat yang sedih ini, parti Pesaka Bumiputera Bersatu Sarawak mengucapkan takziah kepada Yang Amat Berbahagia Tun Sharifah Rodziah binti

Syed Alwi serta keluarga dan juga supaya mereka berbanyak-banyak sabar. Kami berdoa semoga Allah SWT mencucuri rahmat ke atas roh Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj.

"Saya menyokong Usul ini."

Datuk James Wong yang berucap kemudiannya pula berkata:

"Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya memberi penuh sokongan atas Usul yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hari ini dan saya juga menyokong kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi puji-pujian kepada Almarhum.

"Tuan Yang di-Pertua sebagai seorang yang campurtangan dalam tahun 1961, 1962 untuk membina Malaysia, saya pada musim itu, bagi pihak Setiausaha Sarawak ada berunding pada masa itu. Saya boleh beritahu sekarang ini jikalau bukan kerana ada Tunku Abdul Rahman musim itu menjadi Perdana Menteri, Malaysia mungkin hari ini tidaklah terjadi kerana kita di Sarawak pada masa itu memang percaya penuh kepada Almarhum, itulah Malaysia terjadi. Perundingan-perundingan mengenai Perlembagaan Malaysia dahulu kadang-kadang terkandas kerana kami si Sarawak ada meminta entrenchment of safeguards untuk Sarawak masuk ke dalam Malaysia. Jadi, bila terkandas itu ada berbincang dengan Almarhum, Almarhum selalu bilang, `Oh! That is not important, whatever they want, alright, give them the assurance they need.

"Tuan Yang di-Pertua, kerana itulah Malaysia terjadi hari ini. Jadi, kita dalam Sarawak dan seluruh Malaysia pun memang terhutang budi besar kepada Almarhum kerana kita telah mengamal 27 tahun keselamatan ini, kemakmuran ini dan kedamaian ini memanglah dalam Malaysia, kerana jikalau tidak kerana Almarhum,tidaklah jadi Malaysia. Kita tidaklah mungkin dapat bersidang dalam Dewan ini dan selamat pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, di sini juga saya akan membincangkan lawatan saya dan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak pada tiga minggu dahulu kepada Almarhum di Pulau Pinang. Masa itu dia berada di Gleneagles Hospital di Pulau Pinang. Saya bincangkan lawatan ini supaya Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini bolehlah mengerti, what was in the mind of Almarhum in the last few weeks.

"Jadi semasa lawatan kami ke hospital - saya sudah lama tidak berjumpa Almarhum - Ketua Menteri Datuk Patinggi Tan Sri Abdul Taib Mahmud beritahu dia, `Tunku, this is James Wong.' Dia kata, Oh. James, I cannot see you now, but I remember you, how are you? Inilah menunjukkan bahawa sungguhpun dia sedang terbaring di katil, tidak dapat bergerak lagi, empat hari sudah tidak makan, masih lagi dia ingat, he so caring that he asked me `How are you?' Sesudah itu kita telah bercakap-cakap, berbual-bual sedikit dan dalam perbualan itu Tunku became very reminiscent. Jadi dia telah membincangkan sejarah bagaimana Malaysia terjadi, sejarah dia sendiri, ertinya campuran politik Sarawak. Dan balik-balik dia bercakap, `I hope the leaders of today will carry on the good work and make sure that Malaysia and all the Malay people of Malaysia are happy.'

"Tuan Yang di-Pertua, dia ada juga berbincang, dia bilang, `Oh! Yes, when I die, Taib, make sure I am buried in Kedah I want to be with my people and buried with my grandfather and myparents.' Dan selepas itu he never lost his sense of humour dan dia bilang, `You know, people believe that after death different religionists believe in different things. Some Malays like us,of course, we believe that when a person is dead, he is down there, buried inside there, and occasionally they bring him offerings of fruits and so on and so forth. Then he burst out laughing.

"Tuan Yang di-Pertua, saya bincang perkara ini supaya memberi penjelasan yang lebih terang, sebab inilah cakapan Tunku sama saya tempoh hari. I want to make it quite clear

so that there is no mistake.

"Tuan Yang di-Pertua, inilah menunjukkan sungguhpun dia sakit, Almarhum tidaklah lupa, dia punya sense *of humour. Dan juga dia tidak lupa kepada kita orang Malaysia ini.*

"Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Tunku dalam beberapa minggu sebelum meninggal, hatinya banyak concerned that he will never forgotten, that the people will forget him.

"Jadi inilah saya harap Tuan Yang di-Pertua, untuk peringatan kita kepada jasa baik Almarhum itu, kita bolehlah membuat macam tadi Ahli Yang Berhormat mencadangkan buat satu buku cerita dikeluarkan untuk dibaca oleh budak-budak dalam sekolah mungkin juga Perdana Menteri kita dan juga kerajaan boleh tubuhkan satu comittee yang khas untuk mengkaji apa yang patut dibuat sebagai monumen dan lain-lainnya untuk mengekalkan peringatan Almarhum.

"Tunku Yang di-Pertua, Almarhum ialah seorang bukan macam orang lain, dia adalah seorang manusia yang raksasa. He is the giant among men.Sekarang ini jikalau mengikut cakapan mereka dahulu Abraham Lincoln, we know belongs to the ages and we should always remember him, ingat dan beri kehormatan kepada Almarhum. Jadi, kerana semangat Almarhum itu boleh selalu berada dalam hati kita semua orang Malaysia, semangat kasih, give and take, semangat compromise, semangat tolerance, semangat the love of all Malaysians, semangat the love of multiracial society of Malaysia supaya kita semua dalam Malaysia boleh selalu mengamalkan kedamaian, kemakmuran dan keselamatan.

"Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya duduk, saya haraplah kepada Tuhan memberi kasihan kepada Almarhum, may he rest in peace."

Wakil PAS dari Nilam Puri juga turut merakamkan ucapannya di dalam sidang tersebut. Menurut Tuan Haji Mohamad bin Sabu:

"Tuan Yang di-Pertua, Bismillahir-rahmanir-rahim. `Barangsiapa di akhir kalimahnya menyebut la ilaha ilallah, maka seseorang itu bakal dimasukkan ke dalam syurga.' Kami daripada PAS merakamkan melalui Dewan Mulia Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj dan juga isteri beliau Tun Sharifah Rodziah dan seluruh keluarganya.

"Tuan Yang di-Pertua,Usul yang begini mulia, begini hebat sepatutnya semua Menteri Kabinet hendaklah berada dalam dewan ini untuk mendengar ucapan-ucapan daripada semua mewakili rakyat jelata untuk kita membuat satu komen, satu Usul Takziah kepada Yang Teramat Mulia Bapa Merdeka kita Almarhum Tunku Abdul Rahman Al-Haj.

"Tanpa hipokrit kami daripada Pas akui bahawa kami berbeza pendapat sepanjang pemerintahan Tunku Abdul Rahman Al-Haj kerana di waktu itu beliau sebagai Perdana Menteri, kami daripada PAS adalah menjadi Pembangkang. Kami berbeza pandangan dan pendapat dengan beliau, terutama tafsiran-tafsiran mengenai Islam dan hukum-hakam berkenaan dengan Islam. Tetapi sebagai seorang pemimpin negara, sebagai seorang wira bangsa, kami tetap menghormati beliau kerana beliau adalah seorang juara demokrasi yang sebenarnya. Kami amat gembira bila diakhir hayat beliau, beliau dapat bersama dengan kami dan bagi parti PAS tidak lebih gembira melainkan apabila di akhir hayat beliau menerima Islam sebagai ad-din, Islam sebagai cara hidup dan beliau memperjuangkan secara sungguh-sungguh. Itulah kegembiraan kami yang amat sangat pemergian seorang wira yang hidup penuh perjuangan bermula daripada ADO, kemudian menjadi DO, kemudian Menteri, kemudian menjadi Perdana Menteri, kemudian menjadi perjuangannya tidak berakhir dengan menjadi Perdana Menteri. Apabila beliau tidak lagi menjadi Perdana Menteri, beliau meneruskan perjuangannya untuk menjadi juara membela hak asasi manusia.

"Kita tidak dapat nafikan ISA diluluskan dan dibuat di zaman Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj,

tetapi di akhir hayat beliau, beliaulah menjadi juara menentang segala bentuk penindasan, juga Isa itu sendiri. Sekarang ini bapa pejuang demokrasi, pejuang hak asasi manusia sudah tidak ada. Kami terutama mereka yang telah merengkuk di bawah ISA amat bimbang. Saya sendiri yang dua kali masuk ISA, dengan ketiadaan Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj berasa bimbang untuk hidup di Malaysia, jikalau pemimpin yang ada sekarang tidak mengikuti jejak langkah ataupun mengenali sanubari apa yang diperjuangkan oleh Yang Teramat Mulia Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj. Sebagai seorang pejuang yang gigih, kita perlu mengucapkan tahniah kerana beliau terus berjuang walaupun beliau berada di atas katil.

"Satu hari beliau berada di atas katil kerana uzur dimasukkan ke General Hospital Kuala Lumpur. Tetapi bila beliau dipanggil untuk memberi ceramah di Ampang, beliau meminta izin kepada doktor untuk keluar hanya untuk pergi memberi ceramah, memberi pandangan beliau terhadap kerajaan, juga terhadap isu-isu antarabangsa. Selepas ceramah beliau dibawa semula ke hospital dan beliau berihat semula di Hospital. Inilah seorang pemimpin, bagi kita anak muda yang besar selepas merdeka patut mengambil contoh kerana beliau sehingga di atas katil masih lagi mengingat nasib rakyat dan mengingat segala apa yang beliau perjuangkan. Walaupun matanya telahpun rabun, telinganya pekak dan matanya tidak nampak, di saat itu beliau berkawan dengan PAS. Walaupun beliau diperli oleh salah seorang Naib Presiden UMNO kerana kami mengambil pandangan beliau semasa beliau pekak, buta dan tuli, tetapi kami berbangga sebagai seorang Islam diakhir hayat beliau, beliau banyak menyatakan hal Islam, terutama sekali dalam satu ceramah, Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj dengan saya di beberapa tempat di Kedah dan di Perlis, beliau dengan lantang menyuarakan supaya semua judi perlu dihapuskan dan beliau juga menentang arak yang diminum oleh orang-orang Islam, terutama sekali di peringkat pemimpin-pemimpin. Bagi kami daripada PAS, tidak lain yang kami berbangga apabila sesaorang itu berjuang di dalam

perjalanan Islam, terutama sekali di akhir hayat hidupnya.

"Tuan Yang di-Pertua, itulah yang menjadi contoh kepada kita sebab kita ingat apa yang berlaku kepada Nabi Muhammad SAW yang dikisahkan melalui sejarah di kalangan mazhab kita iaitu Rasulullah SAW meminta Abu Talib mengucap di saat akhir hayatnya supaya dengan mengucap itu beliau dapat dimasukkan ke dalam syurga. Kita mendengar khabar melalui akhbar-akhbar dan juga berita-berita yang siarkan oleh pihak kerajaan, Tunku Abdul Rahman dapat mengucap kalimah la ilaha ilallah di akhir hayat hidupnya. Kita berdoa kepada Allah semoga beliau ditempatkan ke dalam syurga jannatun-naim di atas jasa beliau dan di atas jasa beliau untuk memperjuangkan Islam. Dan segala dosa-dosa, kesilapan-kesilapan kita berdoa kepada Allah semoga Allah ampunkan segala dosanya itu kerana jasa beliau amatlah besar. Semoga Allah Yang Maha Mengetahui akan mengampunkan dosa yang dilakukan oleh Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj.

"Tuan Yang di-Pertua, dari itu kami dari pihak Pas sekali lagi mengucapkan takziah dan menyokong Usul Takziah ini supaya dapat disampaikan kepada kaum keluarganya dan dengan ucapan ini juga kita bertekad untuk mengikut jejak langkah hidup beliau, terutama sekali sanggup berjuang sehingga disaat akhir hayat beliau.

"Kita menyokong Usul Takziah ini."

Tidak ketinggalan meyokong Usul Takziah ini ialah wakil parti PBS yang juga ahli Parlimen Kota Belud. Beliau berkata:

"Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bagi pihak parti PBS ingin turut merakamkan perasaan sedih yang amat sangat kepada balu Almarhum Tun Sharifah Rodziah binti Syed Alwi dan keluarganya ke atas kemangkatan Almarhum Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj pada 6hb Disember 1990.

"Kematian Almarhum adalah sesungguhnya satu kehilangan besar kepada negara. Almarhum adalah seorang negarawan yang unggul serta pemimpin yang berkualiti semula jadi. Tunku telah menjadi sumber kasih sayang dan persahabatan kepada rakyat Malaysia dari semua bangsa dan segenap lapisan masyarakat. Almarhum menjadi faktor pengimbang terpenting dalam arena politik negara. Ciri-ciri atau sifat-sifat yang ada bagi diri Almarhum sering menjadi contoh tentang rakyat Malaysia sebenar dan maksud untuk menerima antara satu sama lain sebagai rakyat Malaysia. Keadaan seperti pada masa sekarang ini di mana persefahaman di antara satu sama lain sangat penting. Kehadiran seorang negarawan yang penuh berpengalaman seperti Almarhum amatlah diperlukan untuk memberi nasihat kepada kita dan tanggungjawab kita sebagai pemimpin dan juga sebagai seorang negarawan yang ulung telah mengambil berat tentang setiap warganegara di negara ini tanpa mengira bangsa, kedudukan dan agama. Penghormatan kami terhadap Almarhum tidak pernah pudar. Hasrat tulin serta ikhlas Almarhum untuk menyatupadukan semua bangsa sebagai rakyat Malaysia sangat dihormati dan disanjung tinggi.

"Kami dalam PBS di Sabah telah banyak mempelajari daripada pemimpin yang rendah diri dan unggul. Adalah menjadi harapan ikhlas kami agar para pemimpin yang ada sekarang dan pada masa hadapan akan dapat mencontohi cara hidup dan kepimpinan Almarhum agar semua lapisan rakyat Malaysia dapat mencontohi cara hidup dan kepimpinan Almarhum agar semua lapisan rakyat Malaysia dapat turut merasai dan menikmati kemakmuran serta keamanan negara yang menjadi hasrat mulia kita semua bersama. Semoga Yang Berbahagia Tun Sharifah Rodziah binti Syed Alwi dan keluarganya akan dapat banyak bersabar dalam menghadapi saat-saat genting baginya seperti ini.

"Sekian, dan saya menyokong Usul Takziah yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke atas kemangkatan Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj."

Timbalan Menteri Penerangan, Tuan Railey bin Haji Jeffrey yang mewakili USNO pula berkata:

"Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak parti USNO dan rakyat Sabah, saya ingin mengambil kesempataan untuk merakamkan setinggi-tinggi takziah dan perasaan sedih yang amat sangat kepada balu Allahyarham Tunku, Yang Berbahagia Tun Sharifah Rodziah serta semua anggota keluarga Almarhum. Semoga balu Almarhum akan terus tabah dan bersabar di atas peristiwa yang telah menimpa beliau atas pemergian pemimpin yang disayangi. Pemergian Yang Mulia Tunku merupakan satu kehilangan besar kepada negara dan rakyat Malaysia amnya. Bagi rakyat Sabah dan ahli-ahli USNO di negeri Sabah, Allahyarham merupakan seorang pioneer kepada kemerdekaan negeri Sabah melalui Malaysia kerana saya masih ingat pada saat Sabah merdeka, Almarhumlah yang telah memainkan peranan yang begitu besar sehingga membolehkan Sabah merdeka melalui Malaysia pada waktu itu. Walaupun pada waktu itu saya masih di bangku sekolah, tetapi nama Tunku sudah banyak disebut-sebut sama ada di buku-buku, di suratkhabar-suratkhabar, mahupun di mulut rakyat negeri Sabah menjelang kemerdekaan negeri Sabah melalui Malaysia.


"Almarhum bukan sahaja merupakan seorang tokoh yang ulung dan lemah-lembut tetapi seorang tokoh yang bijaksana yang telah membawa Sabah dan negeri Sarawak merdeka melalui Malaysia tanpa pertumpahan setitik darahpun.

"Zaman kemerdekaan yang dilalui walaupun satu keadaan yang pada waktu itu kemerdekaan Malaysia telah diancam oleh Presiden Sukarno yang mengatakan bahawa beliau akan mengganyang Malaysia pada saat ianya diisytiharkan sebagai sebuah negara tepat pada ayam berkokok pukul empat pagi, tetapi ternyata pada waktu itu perkara itu tidak berlaku. Ini semua adalah di atas kebijaksanaan Almarhum yang telah memimpin negara kita dan juga negeri Sabah pada satu alam kemerdekaan yang gilang-gemilang.

"Pada hari ini Sabah telah merdeka 26 tahun dalam Malaysia dan segala kemakmuran dan kebahagiaan yang dicapai oleh rakyat Sabah memang tidak dapat dinafikan bahawa ini semuanya adalah akibat daripada jasa baik dan usaha Tunku. Jadi untuk itu tanpa panjang lebar dalam ucapan takziah ini, sekali ;agi saya bagi pihak seluruh rakyat negeri Sabah, Khasnya ahli-ahli USNO, mengucapkan setinggi-tinggi takziah kepada balu Almarhum semoga dapat terus bersabar di atas dugaan ini dan bagi pihak semua rakyat negeri Sabah dan ahli-ahli USNO kami berdoa mudah-mudahan roh Almarhum ditempatkan di tempat orang-orang yang salih. Sekian. Saya turut menyokong."

Setelah Tuan Railey Haji Jeffrey selesai berucap, maka satu Usul Takziah bagi Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj pun diputus dan Usul tersebut berbunyi:

'Bahawa Dewan ini merakamkan perasaan sedih yang amat sangat di atas kembalinya ke Rahmatullah Yang Teeramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Perdana Menteri yang pertama negara iini pada 6hb Disember 1990 dan menyampaikan ucapan takziah kepada Yang Amat Berbahagia Tun Sharifah Rodziah binti Syed Alwi dan keluarga Almarhum.'



Tunku dipapah oleh Dr. Mahathir.

ınku,
Tunku




Dua tokoh dari Johor sedang mengiringi Tunku dalam satu majlis.



Datuk Seri Najib, anak lelaki Tun Razak sedang mencium tangan Tunku, kawan seperjuangan bapanya sewaktu menemui Tunku di kediaman Tunku di KL.



Kenangan manis yang sukar dilupakan oleh ketiga-tuga tokoh penting ini.



"Apa khabar Tunku?"
Macam ni la, Che Dat," balas Tunku sewaktu Dr. Mahathir menemuinya. Walau apapun tanggapan masyarakat, gambar ini cukup menggambarkan kemesraan antara mereka.

X




Dr. Siti Hasmah sedang bersalaman dengan Tunku.



Dr. Lim Chong Eu menziarahi Tunku.



Satu keadaan yang jarang-jarang kita lihat. Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir dicelah-celah orang kebanyakan turut sama mengiringi jenazah Tunku dari Hospital Besar untuk di bawa ke rumah beliau di Bukit Tunku.



Datuk Seri Dr. Mahathir turut membacakan Yassin di rumah Tunku pada malam Bapa Merdeka itu kembali ke Rahmatullah




Pintu masuk ke Makam di Langgar, Alor Star.



DYMM Sultan Azlan Shah, Yang Dipertua Agong turut mengiringi jenazah Tunku ke Pengkalan TUDM, Sungai Besi. Turut sama ialah menteri-menteri kabinet dan orang-orang kenamaan. Sementara rakyat dari segenap lapisan membanjiri di sepanjang jalan laluan kereta pedati yang membawa jenazah Almarhum Tunku.



Mufti Istana Negara mengimamkan sembahyang jenazah untuk Tunku.



Perjalanan terakhir.

Perginya pelopor peniaga Melayu Kedah

ALOR STAR: Almarhum Tunku Yaakob adalah pengasas dunia perniagaan orang Melayu di Kedah. Menyedari bahawa perniagaan adalah salah satu faktor yang boleh meningkatkan ekonomi orang Melayu, Almarhum Tunku gigih berusaha mendidik mereka mengambil bahagian dalam bidang berkenaan.

Walaupun pada peringkat awal usaha murni Almarhum diibaratkan 'mencurah air ke daun keladi' namun hasilnya jelas terserlah apabila semakin ramai golongan muda di negeri ini lebih senang menjalankan perniagaan daripada bekerja makan gaji.

Kembalinya Almarhum Tunku Yaakob ke rahmatullah adalah satu kehilangan yang besar bagi penduduk di negeri ini. Kesungguhan Almarhum mengubah masyarakat Melayu yang pernah digelar 'pemalas' suatu ketika dulu kepada generasi yang lebih suka berdikari adalah satu pengorbanan yang tidak mungkin dapat dilupakan.

Almarhum Tunku Yaakob Ibn Sultan Abdul Hamid Halim Shah, adalah kekanda bekas Perdana Menteri, Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra. Almarhum dilahirkan di Alor Star pada 27 Disember 1899. Bondanya bernama Syarifah Fatimah.

Almarhum Tunku Yaakob mendapat pendidikan awal di Government English School Alor Star (Kolej Sultan Abdul Hamid) dan kemudian memasuki Malay Kolej Kuala Kangsar sebelum melanjutkan pelajaran di England.

Oleh kerana jurusan pertanian yang beliau ikuti di negara itu lebih cenderung kepada pertanian beriklim sejuk dan sederhana, Almarhum Tunku Yaakob mengambil Diploma Lanjutan mengenai pertanian tropika di salah sebuah pusat pengajian tinggi di Trinidad.

Sekembalinya ke Kedah Almarhum dilantik sebagai Ketua Pegawai Pertanian Kedah. Almarhum telah menyusun pelbagai program dalam bidang berkenaan khusus untuk membimbing kaum tani di negeri ini menggunakan pelbagai kaedah yang termoden.

Pada masa yang sama, beliau juga mengadakan pelbagai usaha untuk menggalakkan masyarakat Melayu menceburi bidang perniagaan kerana pada masa itu sebahagian besar pedagangan di monopoli oleh kaum Cina menyebabkan bekalan makanan sering dicatu.

Beliau juga adalah pengasas pekan sehari atau lebih dikenali sebagai 'Pekan Nat'. Pekan sehari yang pertama kali diadakan ialah di Tanjung Chalee, iaitu di hujung Pekan Cina dan Jalan Pangkalan Kapal pada awal 1930an.

Almarhum Tunku Yaakob kemudiannya menamakan pasar itu sebagai pekan Rabu mengambil sempena hari penubuhannya iaitu pada hari Rabu.

Jenazah Tunku Yaakob selamat dikebumikan

ALOR STAR: Jenazah Almarhum Tunku Yaakob ibni Almarhum Sultan Abdul Hamid yang mangkat kelmarin selamat disemadikan di Makam Diraja Langgar dekat sini, pada jam 10.50, semalam.

Almarhum yang juga pernah menjadi pemangku Sultan Kedah pada tahun 1952 ketika Almarhum Sultan Badlishah berangkat ke England mangkat pada jam 11.15 pagi di kediamannya di Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur ketika sedang berbual dengan anaknya, Tunku Mansor.

Almarhum yang juga kekanda kepada bekas Perdana Menteri, Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj, menghembuskan nafas terakhir di atas pangkuan anaknya, Datuk Tunku Mansor.



SEJARAH SUCI DICEMARI

POSTER pilihanraya DAP 'Change' atau 'Tukar' telah menggunakan gambar Tunku Abdul Rahman sedang mengisytiharkan kemerdekaan Malaya pada 31 Ogos 1957.

Gambar ini adalah gambar keramat, gambar penuh bersejarah, mulia dan suci bagi rakyat Malaysia dan sepatutnya dihormati tetapi telah dijadikan sebagai slogan kempen pilihanraya oleh DAP.

Ketua Menteri Pulau Pinang, Dr. Lim Chong Eu sendiri begitu sensitif terhadap perbuatan DAP itu. Beliau menyifatkannya sebagai taktik kotor parti itu dan suatu pembohongan dari Tengku Li.

Sesungguhnya DAP telah tidak mengambil kira perasaan rakyat Malaysia di dalam menggunakan gambar itu untuk tujuan politiknya.

Sebahagian besar rakyat telah menganggap gambar itu sebagai simbol kebebasan, perpaduan dan kemajuan tetapi dengan menggunakan gambar itu bagi kempen pilihanraya, ia telah menjadi simbol kepada perpecahan masyarakat, kegilaan kuasa, ketamakan manusia dan kekotoran politik.

Perbuatan itu tidak sahaja menidakkan Tunku sebagai Bapa Merdeka malah menggambarkan beliau sebagai seorang yang menodai sejarah suci dan gemilang yang diukirnya sendiri.

Gambar itu tidak akan digunakan kalau tidak dengan izin Tunku sendiri. Bagi Tunku perasaan dendam dan marah kepada Mahathir telah mengaburi matanya terhadap nilai dirinya sendiri.

Beliau telah gagal melihat bahawa penggunaan gambar itu untuk slogan 'Tukar,' tidak sahaja untuk menjatuhkan Dr. Mahathir tetapi juga untuk menurunkan sejarah Malaysia sendiri, untuk menidakkan bahawa orang-orang Melayulah yang memimpin semua kaum untuk mencapai kemerdekaan negara.

Menerusi gambar juga kerajaan PAP Singapura telah menghapuskan Melayu sebagai bumiputera asal Singapura dan sekarang menerusi gambar juga DAP mahu melenyapkan seorang anak Melayu keturunan diraja sebagai Bapa Kemerdekaan negara ini.



GAMBAR Tunku mengisytiharkan Merdeka yang telah dicemarkan oleh DAP.

Sementara kerajaan Singapura menghapuskannya secara halus, DAP telah cuba melenyapkan taraf Tunku di dalam gambar itu dengan cara yang paling hina. Gambar itu sekarang tidak lebih dari sekadar kan hanya poster pilihanraya.

Apapun alasan yang akan diberikan oleh Tunku tetapi sejarah tidak lagi dapat dibersihkan. Gambar Tunku mengisytiharkan kemerdekaan telah dijadikan sebagai slogan kempen pilihanraya DAP, suatu percubaan paling berani untuk memutarbelitkan sejarah.

Seluruh rakyat yang cintakan negara ini ingin melihat Tunku mengakhiri riwayatnya sebagai seorang negarawan ulung sekalipun beliau telah ditolak oleh orang-orang Melayu selepas peristiwa 13 Mei tetapi suatu hal yang malang sekali sebelum kematiannya Tunku sendiri telah mengizinkan sejarahnya yang mulia dinodai dan dikotori dengan kehitaman dendam kesumat dan kebencian sesama manusia.

Awang — Amat sedih.



GAMBAR asal Tunku Abdul Rahman mengisytiharkan kemerdekaan negara di Stadium Merdeka pada 31 Ogos 1957.

MENGEKSPLOITASI ORANG YANG UZUR

DALAM minggu lalu ramai orang yang kecewa tidak dapat menyaksikan dengan jelas menerusi TV3 dan juga RTM bagaimana DAP dan 46 membawa Tunku Abdul Rahman ke suatu perhimpunan di Bangsar, Kuala Lumpur.

Sebaik-baik sahaja Tunku tiba di perhimpunan parti itu, beberapa orang telah menghalang TV3 dari mengambil gambarnya. Mereka melindungi Tunku dengan kain-kain pemidang 46.

Jurugambar TV3 kemudian dihalau keluar dari perhimpunan itu.

Yang kelihatan sepintas lalu hanyalah keadaan kelam kabut ketika ketibaan Tunku. Beliau yang tidak bermaya lagi untuk berjalan dan berdiri, duduk di atas kerusi roda dan kelihatan ditolak dengan kasar dan pantas.

Kenapakah mereka menghalang jurugambar TV3 dari mengambil gambar ketibaan Tunku itu? Sebelumnya Presiden 46 Tengku Li telah pun membenarkan gambar diambil dan suara sahaja tidak benar dirakamkan.

Kebanyakan penonton mengambil kesimpulan bahawa mereka melindungi Tunku dari jurugambar TV adalah untuk melindungi dari pandangan orang ramai perbuatan mengeksploitasikan seorang tua yang sudah uzur untuk kepentingan politik mereka.

Tunku Abdul Rahman khabarnya telah berucap di dalam perhimpunan itu tetapi suaranya tidaklah lagi begitu jelas.

Kiranya ini jelas kepada orang ramai menerusi kaca TV, maka tentulah akan menimbulkan kemarahan mereka dan kepada orang-orang Islam pula, mereka akan membuat kesimpulan sepatutnya Tunku menumpukan masanya untuk beribadat sebanyak-banyaknya kepada Allah dari melakukan kegiatan-kegiatan yang boleh memudaratkan lagi dirinya.

Awang — Bersimpati.

Awang Selamat

Tunku's politics saddens Chief Minister

PENANG, Sat. — Chief Minister Dr Lim Chong Eu has expressed regret that former Prime Minister Tunku Abdul Rahman is helping the DAP in its so-called "now or never" bid for the State Government.

Dr Lim said he felt "very sad" for the Tunku who turned up in his wheelchair to address a packed DAP *ceramah* at the Batu Lanchang community hall last night.

On what he thought of the Tunku's action, Dr Lim quoted from Shakespeare's King Lear: "Never, never, never, never, never!"

"That is all I think he should have done and I say it (never) five times," Dr Lim told reporters at a Press conference. He was obviously trying to counter the DAP's earlier use of Shakespeare to justify its campaign strategy in the State.

The Tunku, seated between DAP secretary-general Lim Kit Siang and a member of the Commonwealth observer team, spoke for 20 minutes during which he attacked the Barisan Nasional Government under Prime Minister Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad's leadership.

He said he wished to see "democracy restored to the country in the last few days of my life".

The Tunku also blamed Dr Mahathir, who is also Home Minister, for the revocation of the police permit for the DAP to hold the *ceramah* at the City Stadium.

In a lighter vein, Dr Lim joked about the DAP's use of rock and roll, Chinese pop songs and Shakespeare in their campaigning.

Reading aloud the lyrics from the Elvis Presley song *It's now or never*, he noted that the phrase was a poor choice on the DAP's part.

"Elvis' songs became popular during a period of free love and liberal attitudes in the West. It is an ironic choice of words for the DAP is now cohabitating with Pas which it used to condemn," he added.

Later, Dr Lim told reporters at the Barisan headquarters that Penang had never been treated like a "step-child" by the Federal Government as alleged by the DAP.

He said the DAP's claims that Penang received one of the smallest federal allocations because of its Chinese-majority population was false and without basis.

The State Government, he added, was given less federal grants than other States because Penang was financially well administered.

"The DAP is all the time saying that we are like an adopted child because Perlis, a smaller State, gets a much larger per capita grant than Penang. They are always saying, why doesn't Lim Chong Eu demand for more.

"We discuss this all the time ... and generally speaking, the States that are financially well-administered get less than those which are financially less well-administrated," he said.

He said there were other States far worse off than Penang which had developed rapidly.

Confused

Dr Lim said priority in federal allocations was based on the BN's commitment to restructuring society and eradicating poverty. The DAP, he added, had twisted the situation here in an attempt to identify with the Sabah political scenario.

"In Sabah's case, they want more. I also want more for Penang, but I do not do it at the wrong time and place".

He said Penang people must now show Sabahans the way by denying the DAP and Semangat 46 any State or parliamentary seat.

"Sabahans had earlier inspired other Malaysians by rejecting the DAP during their State election. I urge Penangites to show the way ... now that the people of Sabah are confused ... and reject the DAP and Semangat 46 in all parliamentary seats."

He said although he regretted the way PBS president Datuk Joseph Pairin Kitingan had "broken faith with the people", his personal relationship with the Sabah leader was not affected.

Dr Lim summarised the people's response to the BN's intensive campaigning the past nine days as "very good". He expressed hope that the BN would obtain an even bigger endorsement from the people.

He also dismissed the massive crowds at DAP *ceramah* sessions as any indication of the votes the party would get.

Razaleigh menang kerana Pas — Tunku

PULAU PINANG 23 Okt. — Penasihat Semangat 46, Tunku Abdul Rahman berkata, Tengku Razaleigh menang di Kelantan kerana sokongan Pas.

Dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di sini hari ini sebagai mengulas keputusan pilihanraya, Tunku juga berkata, DAP pula berjaya kerana mendapat undi Cina.

Tunku yang telah berkempen untuk parti - parti pembang-kang pada pilihanraya umum yang baru lalu mengumumkan, beliau tidak akan memainkan sebarang peranan lagi selepas ini.

Kata Tunku: "Saya rasa letih setelah berkempen dan memberi ucapan sejak April tahun ini sehinggalah sebelum pengundian."

Tunku menegaskan, beliau mungkin terkejut seandainya Barisan Nasional (BN) tidak menang kerana "ia mempunyai akhbar, TV dan radio di pihaknya."

11 DEC. 1991